LAPORAN TAHUNAN

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

2023

SUHAKAM
HAK ASASI UNTUK SEMUA

CETAKAN PERTAMA 2025

Hak cipta terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Kesemua atau mana-mana bahagian dalam buku ini boleh disalin dengan syarat perakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada SUHAKAM. SUHAKAM menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak terhadap sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran SUHAKAM.

Diterbitkan oleh
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
Tingkat 11, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
E-mel : humanrights@suhakam.org.my
URL : http:www.suhakam.org.my

Dicetak oleh
Johan Interlink Sdn. Bhd.
32, Jalan TIB 1/19
Taman Industri Bolton
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

ISSN:2672 – 748X

ANGGOTA SURUHANJAYA 2023

Baris belakang (dari kiri) : Dr. Chew Chee Ming, Tuan Ragunath Kesavan, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad (sehingga Ogos 2023), Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim, Dato' Hasnal Rezua Merican Habib Merican

Baris hadapan (dari kiri) : Datuk Mary @ Mariati Robert, Puan Nazira Abdul Rahim, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Dr. Farah Nini Dusuki (bermula Mac 2023)

KANDUNGAN

PERUTUSAN SURUHANJAYA
vi-xiii

RINGKASAN EKSEKUTIF
xiv-xxv

01
PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA
1

- Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (2-16)
- Bahagian Media dan Promosi (17-52)
- Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat (53-62)
- Sambutan Hari Hak Asasi Manusia (63-68)

02
PEMERKASAAN DASAR, PERUNDANGAN DAN KOORDINASI ANTARABANGSA BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA
69

- Bahagian Dasar (70-144)
- Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (145-164)
- Bahagian Koordinasi Antarabangsa (165-193)

03
ADUAN DAN PEMANTAUAN TERHADAP PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA
195

- Bahagian Aduan dan Pemantauan (196-232)

04
PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
233

05
PEJABAT SUHAKAM SABAH
273

06
PEJABAT SUHAKAM SARAWAK
285

07
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN
307

LAMPIRAN

LAMPIRAN	**I**	**Kenyataan Media**
LAMPIRAN	**II**	**Senarai Program SUHAKAM**
LAMPIRAN	**III**	**Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Kebangsaan**
LAMPIRAN	**IV**	**Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan – Antarabangsa**
LAMPIRAN	**V**	**Kehadiran Mesyuarat Bulanan Suruhanjaya**
LAMPIRAN	**VI**	**Sijil Ketua Audit Negara tentang Akaun Suruhanjaya Bagi Tahun 2023**

Senarai Singkatan

PERUTUSAN **SURUHANJAYA**

Pada tahun 2023, SUHAKAM terus komited melaksanakan Pelan Strategik Lima Tahun 2021-2025, yang bertujuan untuk memperkukuh perlindungan hak asasi manusia di Malaysia melalui usaha advokasi, pendidikan, dan kerjasama strategik. Fokus SUHAKAM adalah untuk mengatasi cabaran hak asasi manusia yang mendesak, selaras dengan visi kami untuk mencapai pembentukan masyarakat yang inklusif, adil dan saksama.



Dalam konteks pelaksanaan pelan strategik ini, beberapa isu hak asasi manusia telah diberi perhatian khusus sepanjang tahun terutamanya dalam aspek hak sosio-ekonomi, sosial dan budaya, pembaharuan undang-undang dan dasar, hak sivil dan politik, hubungan antarabangsa, hak kanak-kanak, pengurusan aduan hak asasi manusia serta pandangan umum mengenai pendirian SUHAKAM dalam isu hak asasi manusia di Malaysia.

Menangani ketidaksamaan sosio-ekonomi, sosial dan budaya terus menjadi agenda utama SUHAKAM. Dalam tahun ini, SUHAKAM memberi tumpuan untuk meningkatkan kesedaran tentang hak-hak sosio-ekonomi dengan mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai dasar berkaitan isu buruh paksa dan gig ekonomi. Selain itu, pelbagai sesi perbincangan mengenai

SUHAKAM memberi tumpuan untuk meningkatkan kesedaran tentang hak-hak sosio-ekonomi dengan mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai dasar berkaitan isu buruh paksa dan gig ekonomi.

dasar berkaitan pelarian, kanak-kanak, Orang Asal/Asli, pekerja migran, warga emas dan OKU juga turut diadakan bagi membincangkan mengenai isu-isu yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Tahun ini juga SUHAKAM telah menerbit dan melancarkan Laporan Kajian Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Kajian memberi fokus kepada isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh orang tanpa kewarganegaraan di negara ini serta memahami kerumitan dan dinamik yang menyelubungi isu tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada matlamat jangka panjang kami untuk membantu Kerajaan menangani isu berkaitan hak ekonomi, sosial dan budaya dan memastikan bahawa setiap individu mendapat akses yang saksama kepada keperluan asas kehidupan.

Memperkasakan hak sosio-ekonomi dalam konteks hak asasi manusia adalah penting kerana ia memainkan peranan besar dalam mewujudkan masyarakat yang adil dan seimbang. Hak sosio-ekonomi merangkumi hak terhadap pendidikan, pekerjaan, kesihatan, perumahan, dan taraf hidup yang mencukupi. Pemerkasaan hak-hak ini adalah penting untuk memastikan akses yang lebih adil kepada sumber ekonomi dan peluang pekerjaan seterusnya membantu mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidaksamaan dalam masyarakat. Ini membolehkan golongan yang terpinggir atau kurang bernasib baik menikmati taraf hidup yang lebih baik. Akses kepada pendidikan, kesihatan yang berkualiti, dan perumahan yang sesuai meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

SUHAKAM berperanan sebagai pemangkin perubahan dalam bidang perundangan dan dasar.

Hak sosio-ekonomi diperakui dalam pelbagai instrumen hak asasi antarabangsa, termasuk Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR). Pemerkasaan hak-hak ini membolehkan sesebuah negara memenuhi tanggungjawab antarabangsa dan memperkukuh kemakmuran negara secara keseluruhan. Kestabilan sosio-ekonomi dapat mengurangkan kerentanan sosial seperti pengangguran, kemiskinan, dan kekurangan akses kepada perkhidmatan asas. Ini menyumbang kepada kestabilan sosial dan ekonomi, di mana masyarakat lebih harmoni dan kerajaan dapat lebih fokus kepada pembangunan yang mampan.

Melalui pelaksanaan dasar yang kukuh terhadap hak sosio-ekonomi, Kerajaan dapat membantu membina jaringan keselamatan sosial yang kukuh, terutama untuk golongan rentan seperti orang kurang upaya, wanita, warga emas, pekerja migran dan golongan berpendapatan rendah. Ini memberi jaminan bahawa mereka tidak dibiarkan terpinggir daripada menerima bantuan dalam masa sukar dan mempunyai akses kepada sokongan asas yang diperlukan. Secara keseluruhannya, hak sosio-ekonomi adalah asas kepada pembangunan manusia yang holistik dan lestari. Memperkasakan hak-hak ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan individu tetapi juga menggalakkan keadilan sosial dan kesaksamaan, yang merupakan teras kepada masyarakat yang berdaya tahan dan berperikemanusiaan.

SUHAKAM berperanan sebagai pemangkin perubahan dalam bidang perundangan dan dasar. SUHAKAM kekal aktif mengemukakan cadangan pembaharuan undang-undang

melalui jawatankuasa khas yang dibentuk oleh Kerajaan untuk mengkaji, menggubal, menyemak, serta memberikan cadangan bagi pembaharuan undang-undang. Ini termasuk isu-isu berkaitan hak orang kurang upaya, kebebasan maklumat, pembelaan awam, gangguan seksual, kesaksamaan gender, dan pemansuhan hukuman mati mandatori.

Kerjasama aktif dengan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan akan diteruskan bagi merangka perundangan yang efektif berasaskan prinsip hak asasi manusia. Tahun ini, SUHAKAM telah menganjurkan satu Kolokium Kehakiman dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di mana Kolokium ini telah menumpukan kepada cabaran-cabaran wanita mutakhir ini di samping pematuhan terhadap Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Pembaharuan undang-undang boleh memastikan undang-undang negara adalah selaras dengan prinsip hak asasi manusia, melindungi hak-hak asasi seperti kebebasan bersuara, hak kepada kehidupan, kebebasan beragama, dan kesaksamaan di sisi undang-undang. Selain daripada meningkatkan perlindungan terhadap penindasan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa, ia juga dapat membantu menghapuskan diskriminasi berdasarkan jantina, kaum, agama, kekurangan upaya, atau status sosial.

Seiring perubahan dunia, isu-isu hak asasi manusia turut semakin bercambah terutamanya dengan kemajuan teknologi, perubahan sosial, dan cabaran global seperti perubahan iklim dan migrasi. Rangka kerja perundangan perlu relevan dan berkemampuan untuk menangani cabaran baharu. Sebagai penandatangan kepada pelbagai perjanjian antarabangsa berkenaan hak asasi manusia, pembaharuan undang-undang membantu memastikan Malaysia memenuhi komitmen antarabangsa ini, selaras dengan Konvensyen-konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mekanisme hak asasi manusia yang lain. Pembaharuan undang-undang yang selaras dengan nilai hak asasi manusia dapat memulihkan dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem kehakiman dan institusi awam.

Kesimpulannya, pembaharuan undang-undang dan dasar adalah asas penting untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil, seimbang, dan menghormati hak asasi manusia. Ia memastikan sistem perundangan adalah responsif terhadap keperluan zaman, melindungi hak semua individu, dan membina asas yang kukuh untuk keadilan sosial dan keamanan.

Kebebasan bersuara dan hak untuk berhimpun terus menjadi isu yang menjadi perhatian di Malaysia. Sepanjang 2023, SUHAKAM telah menekankan keperluan untuk menghormati kebebasan ini, di samping memastikan keselamatan awam terpelihara. SUHAKAM telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan hak ini dilindungi, terutamanya dalam konteks perubahan sosial dan politik yang berlaku di negara ini. Susulan Pilihanraya Umum ke-15, tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan webinar bagi membincangkan tentang isu-isu berbangkit berkaitan undi pos luar negara di mana beberapa syor telah dikemukakan untuk perhatian pihak yang bertanggungjawab. Hak sivil dan politik merupakan komponen penting dalam konteks hak asasi manusia kerana ia melibatkan kebebasan individu dan hak untuk turut serta dalam proses politik serta pemerintahan yang adil dimana ianya selaras dengan peruntukan yang termaktub di bawah Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Kepentingan hak-hak ini untuk rakyat merangkumi beberapa aspek utama iaitu kebebasan bersuara dan berhimpun, hak mengundi dan menyertai politik, perlindungan daripada penindasan dan salah guna kuasa serta perubahan sosial yang menjamin kesamarataan kepada semua. SUHAKAM konsisten dalam pandangannya bahawa sekiranya hak-hak ini dihormati, ia dapat membina satu negara yang adil, demokratik dan inklusif dan seterusnya menjamin kestabilan sosial dan politik serta membina kepercayaan antara rakyat dan Kerajaan.

Sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI), antara tanggungjawab besar SUHAKAM adalah untuk memastikan prestasi hak asasi manusia di Malaysia dapat menjadi contoh terbaik di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, SUHAKAM berterusan memperkukuh jalinan kerjasama bersama Kementerian Luar Negeri (KLN) dan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri terutamanya melalui proses Penilaian Berkala Sejagat (UPR) dan beberapa isu hak asasi manusia yang menjadi fokus utama bersama. SUHAKAM dengan sokongan Delegasi Kesatuan Eropah (EU) di Malaysia turut menganjurkan bengkel mengenai peranan NHRI dan organisasi masyarakat sivil dalam proses UPR dan badan triti hak asasi manusia antarabangsa.

SUHAKAM kekal aktif memperjuangkan isu-isu hak asasi manusia di peringkat antarabangsa menerusi keanggotaannya dalam jaringan NHRI dan mekanisme hak asasi manusia PBB. Jalinan kerjasama turut diperkukuh melalui memorandum persefahaman bersama NHRI antarabangsa yang secara tidak langsung membantu SUHAKAM untuk menangani pelbagai isu hak asasi manusia di peringkat serantau.

Pada tahun ini, SUHAKAM telah menerima pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) yang ke-2 iaitu Dr. Farah Nini Hj. Dusuki dan pelantikan ini dilihat dapat meneruskan legasi mantan CC untuk melindungi dan mempromosi hak kanak-kanak di Malaysia.

Hak kanak-kanak merupakan satu cabang penting dalam hak asasi manusia yang menekankan kepada perlindungan, kelangsungan hidup, perkembangan, dan penyertaan kanak-kanak dalam masyarakat.

Hak kanak-kanak merupakan satu cabang penting dalam hak asasi manusia yang menekankan kepada perlindungan, kelangsungan hidup, perkembangan, dan penyertaan kanak-kanak dalam masyarakat. Hak-hak ini diiktiraf melalui pelbagai instrumen antarabangsa, seperti Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), yang menetapkan bahawa kanak-kanak berhak mendapat perlindungan dan peluang yang diperlukan untuk membesar dengan selamat dan sihat. Intipati perlindungan kanak-kanak meliputi perlindungan daripada eksploitasi dan penganiayaan, akses kepada pendidikan, hak kepada kesihatan, hak kepada perlindungan dalam konflik, pembangunan mental, fizikal dan emosi, penyertaan dalam keputusan dan dasar yang melibatkan kesejahteraan mereka dan hak kepada identiti dan status yang sah.

Pada tahun ini, OCC telah menumpukan kepada kerja-kerja advokasi dengan menyatakan pandangan berhubung cadangan pindaan ke atas beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkenaan hal-hal kewarganegaraan di mana satu Memorandum Sembah Maklum untuk menyatakan pandangan tersebut telah diserahkan kepada beberapa anggota Majlis Raja-Raja. SUHAKAM amat berbesar hati kerana pandangan tersebut telah dipertimbangkan dan isu berbangkit berkaitan cadangan pindaan tersebut telah dibawa ke dalam agenda mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-265.

Hak kanak-kanak adalah penting kerana mereka merupakan golongan paling rentan dan memerlukan perlindungan khusus. Dengan memastikan hak-hak ini dihormati, masyarakat bukan sahaja melindungi generasi

Siasatan aduan dan pemantauan memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan, hak asasi manusia dilindungi, dan ketelusan dikekalkan.

muda, tetapi juga melabur dalam masa depan yang lebih cerah, adil, dan seimbang. Tanpa perlindungan dan pemerkasaan kanak-kanak, adalah sukar bagi negara untuk mencapai matlamat hak asasi manusia secara keseluruhannya.

Siasatan aduan dan pemantauan adalah elemen penting dalam memastikan keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti dalam pelaksanaan hak asasi manusia serta tadbir urus yang baik. Siasatan aduan dan pemantauan memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan, hak asasi manusia dilindungi, dan ketelusan dikekalkan. Kedua-dua proses ini memastikan bahawa sebarang pelanggaran yang berlaku ditangani secara adil dan mencegah berulangnya pelanggaran tersebut pada masa hadapan. Antara isu-isu yang menjadi tumpuan Pejabat SUHAKAM di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak termasuklah isu pelarian, pekerja migran, isu dalam tahanan termasuk kesesakan di penjara serta kebajikan tahanan dan juga pegawai yang menjaga pusat tahanan, isu perkauman dan diskriminasi, salah laku dan kekerasan pihak berkuasa, isu tanah adat Orang Asal/Asli yang melibatkan isu pencerobohan tanah, konflik dengan syarikat perladangan dan pembalakan, serta kekurangan pengiktirafan terhadap hak adat.

Laporan penuh mengenai penyiasatan, penemuan dan syor-syor penambahbaikan boleh diperolehi dalam Laporan Tahunan dan SUHAKAM berharap agar isu-isu mendesak sebegini akan dibentang dan dibahaskan dalam sidang Parlimen yang akan datang.

SUHAKAM turut berperanan bersama-sama BHEUU dan Program Pembangunan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) melalui Kumpulan Kerja Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) yang terlibat dalam membantu usaha Penilaian Asas Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (*National Baseline Assessment On Business and Human Rights* – NBABHR) yang pertama mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Malaysia yang bermula dari Julai 2022 sehingga Mac 2023 sekaligus memberikan penanda aras kepada sektor perniagaan bagi mematuhi piawaian hak asasi manusia dalam semua aktiviti dan sepanjang rantaian bekalan mereka terutamanya yang melibatkan alam sekitar, isu buruh dan tadbir urus yang baik.

Ketika kita menghampiri tahun-tahun akhir pelaksanaan Pelan Strategik 2021-2025, SUHAKAM tetap komited untuk mencapai sasaran-sasaran yang telah digariskan. Usaha kami sepanjang tahun 2023 merupakan sebahagian daripada perjalanan yang lebih panjang untuk membentuk Malaysia yang lebih menghargai dan melindungi hak asasi setiap warganya.

SUHAKAM menghargai segala kerjasama dan berterima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dalam usaha kami dan berharap agar kerjasama ini akan terus berkembang untuk manfaat seluruh rakyat Malaysia.

'Hak Asasi Manusia untuk Semua, Demi Masa Depan Malaysia Yang Lebih Inklusif'.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SUHAKAM 2023 ini menggariskan usaha dan pencapaian penting Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dalam memperjuang, melindungi, dan mempromosikan hak asasi manusia di Malaysia sepanjang tahun 2023. Berlandaskan mandat yang diberikan melalui Akta SUHAKAM 1999, laporan ini merangkumi aktiviti, program, serta inisiatif yang dijalankan oleh SUHAKAM untuk mengukuhkan kesedaran, pendidikan, dan perlindungan hak asasi manusia bagi semua lapisan masyarakat.

Laporan Tahunan ini juga menggambarkan perjalanan yang penuh cabaran ketika SUHAKAM terus berusaha pulih daripada kesan pandemik Covid-19 sambil berhadapan dengan realiti dan cabaran global yang semakin kompleks. Dalam suasana yang masih dibayangi oleh kesan sosio-ekonomi pandemik, SUHAKAM berusaha keras untuk menyesuaikan semula perkhidmatan dan inisiatifnya dalam memenuhi mandat hak asasi manusia di Malaysia. Tahun 2023 turut menyaksikan kemunculan cabaran baharu, termasuk krisis global, perubahan iklim, isu pekerja migran, serta peningkatan kesedaran terhadap hak asasi di peringkat antarabangsa dan nasional.

Laporan ini mendokumentasikan usaha SUHAKAM untuk mengejar semula sasaran yang terbantut akibat pandemik, sambil menerapkan pendekatan baharu yang lebih responsif, inklusif, dan berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai isu hak asasi manusia yang kritikal dan mendesak.

Dalam menghadapi cabaran hak asasi manusia yang semakin kompleks, termasuk isu-isu seperti hak tanpa kewarganegaraan, buruh paksa, diskriminasi, kebajikan kanak-kanak, dan hak tanah Orang Asal, SUHAKAM telah mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), dan rakan strategik di peringkat nasional dan antarabangsa. Laporan ini juga menggariskan peranan penting SUHAKAM dalam memberikan nasihat dan cadangan kepada kerajaan,

memastikan kesesuaian dasar dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa, dan menyokong pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Laporan ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai keadaan hak asasi manusia di Malaysia dan usaha SUHAKAM dalam memperjuangkan hak-hak yang dijamin, serta membentuk hala tuju strategik bagi memperkukuhkan lagi perlindungan hak asasi manusia pada masa akan datang.

Bab 1: Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia

Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD)

Pada tahun 2023, Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) SUHAKAM terus melaksanakan program baharu dan sedia ada yang sejajar dengan Pelan Strategik 2021-2025. Fokus utama adalah memperkukuh peranan SUHAKAM dalam perlindungan hak asasi manusia, memajukan hak ekonomi, sosial, dan kebudayaan bagi golongan rentan, serta menangani isu perkauman, diskriminasi, dan xenofobia. SUHAKAM berjaya melaksanakan lima bengkel latihan, tiga kertas konsep, dan satu pertandingan, serta memenuhi 18 jemputan ceramah dan latihan dari pelbagai organisasi.

Kerjasama dengan Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) untuk membangunkan Modul Kursus Kawalan Pengiringan bagi Orang Yang Disyaki (OYDS)/Orang Kena Tahan (OKT) merupakan antara pencapaian utama yang bakal diteruskan setiap tahun.

Laporan Tahunan SUHAKAM 2023 ini menggariskan usaha dan pencapaian penting Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dalam memperjuang, melindungi, dan mempromosikan hak asasi manusia di Malaysia sepanjang tahun 2023.

Fokus utama adalah memperkukuh peranan SUHAKAM dalam perlindungan hak asasi manusia, memajukan hak ekonomi, sosial, dan kebudayaan golongan rentan, serta menangani isu perkauman, diskriminasi, dan xenofobia.

Program dan Aktiviti :

1. Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah – SUHAKAM telah membangunkan Kertas Cadangan ATHAM 2.0 untuk meluaskan program ini ke semua sekolah di Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku Panduan Aktiviti ATHAM diterbitkan sebagai panduan, manakala Pertandingan Sembang Hak Asasi Manusia 2023 bertemakan 'Peranan Keluarga dalam Memupuk Semangat Perpaduan Kaum' menarik 78 penyertaan.

2. Pembangunan Modul Latihan Hak Asasi Manusia – Dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), SUHAKAM merangka modul hak asasi untuk pendidik. Bengkel rintis telah dijalankan untuk memurnikan modul ini sekaligus meningkatkan kesedaran bakal guru mengenai kepentingan memahami hak asasi manusia.

3. Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Penguatkuasa – SUHAKAM menganjurkan bengkel '*Training of Trainers*' (TOT) untuk melatih tenaga pengajar Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta bengkel khusus untuk Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di Sarawak, bagi memperkukuh pemahaman hak asasi dalam kalangan penguatkuasa.

4. Program Belia Peduli Hak – Dijenamakan semula daripada *Youth for Rights*, program ini bertujuan memperkasakan belia yang bakal menjalankan program hak asasi bersama SUHAKAM, dengan sasaran menambah semangat perpaduan dalam kalangan belia pada tahun 2024.

5. Program SUHAKAM Bersama Masyarakat dengan Orang Asli di Jeli, Kelantan – Program ini menyasarkan masyarakat Orang Asli suku Jahai dengan melibatkan 250 peserta. SUHAKAM juga bercadang mengadakan bengkel hak asasi bagi pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2024.

6. Perniagaan dan Hak Asasi Manusia – Bengkel bersama *Malaysian Palm Oil Council* (MPOC) telah diadakan untuk memperkenalkan pekebun kecil kepada Standard Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dalam industri kelapa sawit, dengan fokus terhadap perlindungan hak asasi manusia.

7. Ceramah dan Latihan Hak Asasi Manusia – SUHAKAM memenuhi pelbagai jemputan ceramah dan latihan hak asasi dari pelbagai organisasi sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran umum.

Bahagian Media dan Promosi (MPD)

Bahagian Media dan Promosi (MPD) SUHAKAM memainkan peranan penting dalam memupuk kesedaran hak asasi manusia melalui kenyataan awam, program bersama masyarakat, artikel, dan kempen kesedaran di media sosial. Sepanjang 2023, aktiviti promosi turut merangkumi pameran hak asasi, kempen pencegahan penyeksaan, penulisan khutbah, serta kolaborasi bersama media tempatan.

Program dan Aktiviti :

1. Hubungan Media – MPD mengeluarkan 53 kenyataan media, empat sidang media, dan 25 temubual. Kunjungan hormat ke Radio Zayan dan TV AlHijrah turut diadakan untuk memperkukuh kerjasama.

2. Libat Urus Media Antarabangsa – SUHAKAM menjalankan perbincangan dengan Al Jazeera untuk mencadangkan kerjasama bagi menerbitkan dokumentari hak asasi manusia, mengadakan latihan media, dan menjalankan promosi mesej hak asasi.

3. Multimedia dan Kandungan Kreatif di Media Sosial – Video-video kesedaran termasuk mesej Hari Air Sedunia dan Hari Menentang Buruh Kanak-Kanak Sedunia dikongsikan di media sosial bagi meningkatkan kesedaran.

4. Promosi Hak Asasi Manusia – SUHAKAM bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi program khutbah Jumaat bertemakan hak asasi manusia..

Bab 2: Pemerkasaan Dasar, Perundangan dan Koordinasi Antarabangsa Berkaitan Hak Asasi Manusia

Bahagian Dasar (PD)

SUHAKAM terus memainkan peranan penting dalam menasihati Kerajaan untuk memastikan dasar-dasar yang digubal selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Fokus utama untuk tahun 2023 meliputi isu-isu seperti kewarganegaraan, buruh paksa, hak warga emas, ekonomi gig, hak tanah Orang Asal/Asli, dan sistem undi pos luar negara.

Program dan Aktiviti :

1. Isu Tanpa Kewarganegaraan – SUHAKAM melancarkan laporan mengenai hak asasi manusia dan isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Kajian mendalam ini menunjukkan pelbagai cabaran undang-undang dan sosial, khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Laporan tersebut dilancarkan dalam majlis yang dihadiri oleh 225 peserta daripada pelbagai latar belakang. Antara syor yang dikemukakan ialah pemansuhan diskriminasi gender dalam undang-undang kewarganegaraan, perlindungan hak pendidikan bagi kanak-kanak tanpa warganegara, dan pengembangan Prosedur Penentuan Tanpa Kewarganegaraan (*Stateless Determination Procedure*).

2. Buruh Paksa – SUHAKAM mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk meneliti isu-isu berkaitan amalan pengambilan pekerja migran, pembayaran gaji, dan penguatkuasaan undang-undang. Antara isu yang dibangkitkan ialah penipuan kontrak pekerjaan dan keterbatasan mekanisme aduan. Syor yang dikemukakan termasuk peningkatan koordinasi antara pihak berkepentingan serta penyediaan manual/buku dalam pelbagai bahasa untuk pekerja migran yang tiba di Malaysia.

3. Ekonomi Gig – Dalam ekonomi gig, terutama sektor e-panggilan dan p-panggilan, SUHAKAM mengadakan dialog untuk menangani cabaran sosial dan perlindungan pekerja. Antara isu utama yang dibincangkan ialah kadar tambang lantai, ketidakpastian status pekerja, dan akses kepada perlindungan sosial. Syor yang dicadangkan meliputi penetapan kadar tambang yang sesuai dan perlindungan insurans kesihatan.

4. Hak Warga Emas – SUHAKAM mengadakan forum dan lawatan ke pusat jagaan warga emas untuk meneliti isu-isu berkaitan penuaan, penjagaan kesihatan, dan keperluan infrastruktur mesra usia. Antara syor yang dikemukakan ialah keperluan dasar khusus bagi warga emas, pembinaan infrastruktur mesra usia, dan peningkatan peruntukan bagi pusat jagaan kerajaan.

5. Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asal/Asli – SUHAKAM prihatin terhadap kelewatan pelaksanaan syor-syor Laporan Inkuiri Nasional mengenai hak tanah Orang Asal/Asli yang diterbitkan pada 2013. Melalui Forum Sedekad, SUHAKAM menekankan keperluan mendesak untuk pewartaan tanah adat serta pengiktirafan hak tanah adat sebagai isu penting bagi masyarakat Orang Asal/Asli.

6. Sistem Undi Pos Luar Negara – Dengan peningkatan pengundi pos luar negara, SUHAKAM meneliti cabaran utama yang dihadapi seperti kos penghantaran, tempoh masa yang singkat, kebolehcapaian kertas undi, dan kesedaran mengenai prosedur undi pos.

Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD)

Melalui Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD), SUHAKAM komited untuk menjalankan mandat di bawah Akta SUHAKAM 1999 [Akta 597] dengan memberikan nasihat dan sokongan kepada Kerajaan dalam perumusan undang-undang, arahan, serta mengesyorkan penyertaan dalam triti hak asasi manusia antarabangsa.

LITD juga memantau pelaksanaan konvensyen seperti CEDAW dan CRPD serta menggesa Kerajaan menyerahkan laporan dan mengkaji semula reservasi pada triti yang ditandatangani. SUHAKAM aktif dalam jawatankuasa undang-undang khas bagi reformasi hak asasi manusia dan menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO).

Pada tahun 2023, SUHAKAM bersama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia menganjurkan Kolokium Kehakiman bertema '*Breaking Barriers: Empowering Women and Girls through Human Rights and SDGs*'. Kolokium ini menyediakan platform untuk badan kehakiman berkongsi pengetahuan dan berdiskusi mengenai advokasi serta perlindungan hak wanita.

Di samping itu, SUHAKAM bekerjasama dengan badan kehakiman, bertindak sebagai pemerhati dalam kes-kes berkaitan hak asasi manusia, mengadakan majlis bersama peguam panel SUHAKAM dan terlibat dalam semakan undang-undang penting seperti pindaan Akta 597 dan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Dalam bidang lain, SUHAKAM menumpukan usaha penambahbaikan hak Orang Kurang Upaya (OKU) dalam akses pilihan raya, pengangkutan awam, dan bandar mesra OKU. SUHAKAM juga menyokong Pelan Induk Pengupayaan ASEAN 2025 dan bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk hak pelarian Islam di Malaysia.

Selain itu, SUHAKAM terlibat dalam dialog strategik bersama PDRM untuk mengimbangi undang-undang dengan hak asasi manusia, menyokong pemansuhan hukuman mati, memperjuangkan hak pelarian, menangani isu pemerdagangan manusia, dan memperbaiki akses kesihatan reproduktif. SUHAKAM juga memberi input kepada Parlimen mengenai perlindungan pekerja dalam industri minyak dan gas serta menghadiri program hak digital anjuran AXIATA.

Melalui LITD, SUHAKAM terus komited kepada dialog dengan Kerajaan dan semua pihak berkepentingan untuk memastikan undang-undang di Malaysia selaras dengan prinsip hak asasi manusia, serta mempromosikan penyertaan dalam triti antarabangsa demi hak asasi manusia.

Bahagian Koordinasi Antarabangsa (ICD)

Pada tahun 2023, melalui Bahagian Koordinasi Antarabangsa (ICD), SUHAKAM aktif bekerjasama dengan institusi hak asasi manusia kebangsaan (NHRI) dan mekanisme Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). SUHAKAM juga memperkukuh hubungan dengan Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui proses Penilaian Berkala Sejagat (UPR).

1. Penilaian Berkala Sejagat (UPR) - Malaysia dijadualkan menghadapi UPR keempat pada Januari 2024. SUHAKAM terlibat dalam sesi libat urus di Sabah dan Sarawak bersama KLN dan agensi kerajaan negeri untuk menyokong pelaksanaan saranan UPR. Bengkel UPR dengan sokongan EU juga diadakan untuk meningkatkan penyertaan organisasi masyarakat sivil (CSO) dalam proses ini.

2. Penglibatan Antarabangsa - Memandangkan kekangan kos, SUHAKAM memberi keutamaan kepada program berimpak tinggi yang ditanggung pihak penganjur. Antaranya ialah persidangan perubahan iklim di Qatar dan seminar pemansuhan hukuman mati di Taiwan. SUHAKAM turut menghadiri Dialog Hak Asasi Manusia ASEAN di Indonesia untuk menggalakkan kerjasama serantau dalam mempromosi hak asasi manusia di Asia Tenggara.

3. Keahlian dalam Jaringan NHRI - Sebagai ahli dalam forum hak asasi manusia serantau seperti SEANF, APF, CFNHRI, dan GANHRI, SUHAKAM aktif menyertai mesyuarat dan perbincangan tahunan bagi bertukar amalan terbaik dan membincangkan isu hak asasi manusia yang mendesak.

4. Kerjasama Serantau dan Antarabangsa - Pada tahun 2023, SUHAKAM memperbaharui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan NHRI dari Indonesia dan Filipina untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan di Sabah. SUHAKAM juga bekerjasama dengan AICHR dan EU dalam libat urus mengenai perniagaan dan hak asasi manusia.

Bab 3: Aduan dan Pemantauan Terhadap Pelanggaran Hak Asasi Manusia

Pada tahun 2023, SUHAKAM menerima sejumlah 649 aduan berkaitan pelanggaran hak asasi manusia, yang terdiri daripada 450 aduan di ibu pejabat Kuala Lumpur, 96 di Pejabat Sabah, dan 102 di Pejabat Sarawak. Aduan yang diterima melibatkan pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara Malaysia, serta sektor swasta. Saluran aduan termasuk memorandum, emel, surat, panggilan telefon, sistem e-aduan, dan sesi Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM).

Program dan Aktiviti :

1. Siasatan Aduan – Daripada 649 aduan, 523 diklasifikasikan sebagai pelanggaran hak asasi dan 53% daripadanya telah diselesaikan.

2. Lawatan Berkala – SUHAKAM menjalankan lawatan ke lokap PDRM, penjara, dan depot imigresen untuk mengatasi isu seperti infrastruktur usang, kekurangan anggota, akses air bersih, dan ketiadaan akses UNHCR di depot imigresen.

3. Kes Skabies – SUHAKAM mencadangkan penggunaan ubat *ivermectin* untuk tahanan yang dijangkiti skabies.

4. Program Reintegrasi Banduan – Melalui Program *YouTurn Day*, SUHAKAM menyokong integrasi bekas banduan bersama NGO.

5. Buruh Paksa dan Pemerdagangan Orang – Menerima 53 aduan buruh paksa, SUHAKAM menggesa majikan patuh kepada undang-undang buruh.

6. Orang Pelarian – SUHAKAM mencadangkan UNHCR diberi akses ke depot imigresen untuk melindungi hak pelarian.

7. Hak Tanah Adat Orang Asal – Lawatan menunjukkan isu hak tanah adat yang memerlukan perhatian segera.

Bab 4: Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC)

Pada tahun 2023, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) memberi tumpuan kepada usaha penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak Malaysia, termasuk penyediaan Rang Undang-Undang dan advokasi untuk pindaan Perlembagaan

berkaitan kewarganegaraan. OCC berjaya melaksanakan 72% daripada program yang dirancang, di samping beberapa program adhoc yang menjadikan kadar pelaksanaan mencapai 148%.

OCC juga menjalankan pelbagai program pendidikan dan promosi, seperti pengedaran Laporan Kajian SUHAKAM dan pemetaan agensi untuk memperbaiki perkhidmatan kepada kanak-kanak. Majlis Konsultasi Kanak-kanak (CCC) ditubuhkan bagi memperkasa suara kanak-kanak dalam isu-isu penting. Selain itu, perbincangan meja bulat dan pelancaran ringkasan dasar telah diadakan untuk menangani pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan. Program kesedaran mengenai isu perkahwinan kanak-kanak dalam komuniti Orang Asli di Kelantan turut dilaksanakan.

Berhubung aspek aduan dan pemantauan, OCC menerima 92 aduan berkaitan hak kanak-kanak, termasuk aduan berkaitan anak tanpa kewarganegaraan dan hak kanak-kanak dalam tahanan atau pusat penjagaan. Lawatan pemantauan ke institusi kebajikan dan pusat tahanan kanak-kanak turut dilakukan untuk menilai keadaan dan mengesyorkan penambahbaikan.

Daripada aspek dasar dan perundangan, OCC menjalankan advokasi untuk penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak serta memantau beberapa kes berkaitan hak kanak-kanak. Dalam konteks kerjasama antarabangsa, OCC memperkukuh hubungan dengan pelbagai agensi untuk memajukan hak kanak-kanak.

Bab 5: Pejabat SUHAKAM Sabah

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah fokus terhadap siasatan aduan hak asasi manusia, pendidikan dan promosi hak asasi manusia serta memperkukuh hubungan dengan NGO, CSO, dan agensi kerajaan di Sabah. Daripada 96 aduan yang diterima, 70 berada dalam bidang kuasa, dengan 23 aduan berjaya diselesaikan.

Pendidikan dan Promosi:

Pejabat Sabah melaksanakan program untuk meningkatkan kesedaran hak asasi manusia di kalangan masyarakat akar umbi, termasuk program SUHAKAM Bersama Masyarakat di SMK Pekan Kuala Penyu. Mereka bekerjasama dengan pelbagai organisasi untuk mempromosikan hak asasi manusia di Sabah.

Aduan dan Pemantauan:

Pejabat Sabah menerima aduan berkenaan kewarganegaraan, hak memiliki harta, hak tanah adat, dan hak taraf hidup. Isu kewarganegaraan kekal menjadi aduan utama, terutama bagi individu tanpa dokumen sah.

Dasar dan Perundangan:

Pelbagai mesyuarat diadakan bersama agensi untuk mengatasi isu hak asasi manusia. SUHAKAM juga menandatangani MoU dengan Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (KOMNAS HAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) pada 7 September 2023 bagi menangani isu penduduk tanpa kewarganegaraan di Sabah.

Bab 6: Pejabat SUHAKAM Sarawak

Pejabat SUHAKAM Sarawak berjaya melaksanakan aktiviti kesedaran hak asasi, menerima dan menyiasat aduan, serta menyelesaikan isu hak asasi manusia di Sarawak. Aktiviti pendidikan, pameran, dan Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) diadakan bagi meningkatkan kesedaran awam. Sebanyak 102 aduan diterima, dengan isu utama melibatkan kewarganegaraan, taraf hidup, dan hak tanah adat.

Pendidikan dan Promosi:

Pejabat Sarawak melaksanakan bengkel untuk pegawai AADK, ceramah hak asasi, serta pameran dan program SBM di Bintulu dan Sri Aman. Fokus utama ialah untuk meningkatkan kesedaran hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat.

Aduan dan Pemantauan:

Sebanyak 102 aduan diterima, majoritinya berkenaan isu kewarganegaraan, taraf hidup, dan hak tanah adat. Lawatan pemantauan turut dijalankan ke tempat tahanan dan institusi perlindungan. Lawatan lapangan turut diadakan ke beberapa daerah di Sarawak untuk siasatan lanjut.

Dasar dan Perundangan:

Forum hak warga emas, sesi libat urus mengenai UPR, serta taklimat berkenaan pindaan perlembagaan berkaitan kewarganegaraan dengan NGO tempatan turut diadakan.

Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023

Pada 10 Disember, Hari Hak Asasi Manusia sedunia diraikan bagi memperingati Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Tahun 2023 menandakan ulang tahun ke-75 UDHR, membuka peluang untuk Malaysia menilai pencapaian dan

cabaran dalam memperkukuh hak asasi. SUHAKAM bersama agensi kerajaan dan PBB menganjurkan Forum Hari Hak Asasi Manusia pada 12 Disember bertemakan 'UDHR75: Perjalanan Malaysia dalam Memajukan Agenda Hak Asasi Manusia Melalui Penilaian Berkala Sejagat (UPR).'

Forum di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur ini dihadiri lebih 450 peserta secara fizikal dan 350 secara dalam talian, terdiri daripada wakil kerajaan, ahli akademik, dan organisasi masyarakat sivil. Objektif forum adalah untuk menguar-uarkan kemajuan Malaysia dalam aspek hak asasi manusia, meningkatkan kesedaran awam terhadap UPR, dan memperkukuh kerjasama pelbagai pihak dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pembukaan forum disampaikan oleh Pesuruhjaya SUHAKAM, Datuk Mariati Robert, dan Penyelaras Residen PBB, Puan Yang Terutama Karima El Korri. Timbalan Menteri Luar Negeri, YB Datuk Mohamad Alamin, menyampaikan ucapan yang menekankan pencapaian dan cabaran Malaysia dalam hak asasi serta pentingnya pendekatan "seluruh masyarakat" bagi kesedaran akar umbi.

Sesi perbincangan panel yang dikendalikan oleh Puan Nurhalida Mohamed Khalil menampilkan panelis seperti Puan Sharon Ho dari KLN dan YBhg. Datin Izzatul Shima Md Thahir dari Jabatan Pembangunan Wanita, membincangkan isu hak kanak-kanak, hak wanita, dan pengukuhan institusi hak asasi di Malaysia.

SUHAKAM turut melancarkan 'Buku Panduan Cadangan Aktiviti Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah' dan video kesedaran bertajuk 'Masyarakat Harmoni Ke Arah Mencapai Perpaduan Negara', yang menekankan larangan diskriminasi kaum dan kepentingan perpaduan nasional.

Penutup forum disampaikan oleh YB Ramkarpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang memaklumkan pencapaian Malaysia, termasuk pemansuhan hukuman mati mandatori dan pindaan Akta SUHAKAM 1999. SUHAKAM berharap komitmen kerajaan terhadap hak asasi manusia, UPR, dan reformasi institusi akan terus diperkukuh, selaras dengan prinsip 'tiada sesiapa ketinggalan' demi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Bab 7: Bahagian Pengurusan, Kewangan dan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan dan Kewangan (MFD) di SUHAKAM bertanggungjawab ke atas pentadbiran, kewangan, dan pengurusan sumber manusia untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan mandat SUHAKAM mengikut Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

1. **Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus**
   SUHAKAM menerima peruntukan RM14.25 juta daripada kerajaan bagi tahun 2023, walaupun permohonan asal adalah RM15.6 juta. Peruntukan ini digunakan untuk operasi, termasuk elaun Pesuruhjaya, emolumen pegawai, dan pelaksanaan program SUHAKAM. Meskipun berkurangan, ini adalah peruntukan tertinggi setakat ini.

2. **Prestasi Kewangan**
   Pendapatan SUHAKAM datang daripada geran kerajaan, hibah, dan keuntungan simpanan tetap. Perbelanjaan merangkumi emolumen, perkhidmatan, bekalan, dan kos program hak asasi manusia, seperti kajian lapangan dan program kesedaran. Prestasi kewangan dipantau bagi memastikan semua peruntukan digunakan secara berkesan.

3. **Pembangunan Kapasiti**
   SUHAKAM menyediakan latihan dalaman dan dalam talian untuk meningkatkan kemahiran pegawai dalam bidang hak asasi manusia. Latihan termasuk penulisan laporan, hak digital, bahasa isyarat, dan kesedaran hak asasi di Palestin.

4. **Penyata Kewangan**
   SUHAKAM menyediakan penyata pendapatan dan kedudukan kewangan yang merangkumi aset dan liabiliti bagi 2019 hingga 2023 untuk menilai prestasi kewangan secara keseluruhan.

BAB 1

PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN KEMASYARAKATAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) meneruskan lagi tahun 2023 dengan pelaksanaan pelbagai program baharu dan program sedia ada selaras dengan Pelan Strategik SUHAKAM 2021 – 2025 yang menumpukan kepada tiga bidang keutamaan iaitu memperkukuh peranan SUHAKAM dalam melindungi hak asasi manusia; memacu hak ekonomi, sosial dan kebudayaan golongan rentan; serta, memerangi rasisme, diskriminasi kaum dan xenofobia.

Sebanyak lima bengkel latihan dan program kemasyarakatan, tiga kertas konsep dan satu pertandingan berjaya dilaksana pada tahun ini. Selain melaksana program yang dirancang, SUHAKAM juga menerima dan memenuhi 18 undangan daripada pelbagai agensi dan organisasi untuk menyampaikan ceramah serta latihan hak asasi manusia menyentuh pelbagai topik. Beberapa program tidak dapat dilaksana atas faktor dalaman yang telah dikenalpasti dan akan diperbaiki pada tahun mendatang.

Satu perkembangan menarik tahun ini ialah inisiatif Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) yang harus dipuji di mana AKMAL telah menjemput SUHAKAM bersama-sama dengan Jabatan Penjara Malaysia serta Jabatan Kesihatan Negeri Melaka untuk membangunkan Modul Kursus Kawalan Pengiringan Orang Yang Disyaki (OYDS)/Orang Kena Tahan (OKT) Kastam. Modul tersebut digunakan untuk menjalankan Kursus Kawalan Pengiringan Orang Yang Disyaki (OYDS)/ Orang Kena Tahan (OKT) yang ditawarkan setiap tahun di AKMAL bermula pada tahun ini.

1. PROGRAM AMALAN TERBAIK HAK ASASI MANUSIA (ATHAM) DI SEKOLAH

1.1 Kertas Cadangan Konsep ATHAM 2.0

Susulan dapatan kajiselidik yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI) untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program

ATHAM sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM 2022, SUHAKAM telah membangunkan Kertas Cadangan Konsep ATHAM 2.0 yang merangkumi antara lain penambahbaikan berikut:

i. Peluasan pelaksanaan program ATHAM melibatkan semua sekolah di seluruh Malaysia;
ii. Pembahagian peranan yang jelas antara SUHAKAM, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan sekolah termasuklah pemantauan pelaksanaan program;
iii. Pengukuhan pelaksanaan aktiviti yang memenuhi pendidikan tentang, melalui dan untuk hak asasi manusia.

KPM telah memberikan beberapa saranan bagi penambahbaikan kertas cadangan tersebut dan satu bengkel akan dilaksana oleh SUHAKAM melibatkan pelbagai bahagian di bawah KPM pada awal tahun 2024 bagi memuktamadkan kertas cadangan tersebut sebelum ia dibentang kepada pengurusan tertinggi KPM untuk kelulusan.

1.2 Buku Panduan Aktiviti untuk Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah

SUHAKAM telah menerbitkan Buku Panduan Cadangan Aktiviti ATHAM sebagai rujukan kepada sekolah-sekolah untuk melaksana program ATHAM di sekolah masing-masing. Buku panduan ini mengandungi cadangan aktiviti spesifik yang boleh dilaksana oleh sekolah serta amalan yang ingin diterapkan berdasarkan kepada hak-hak yang terkandung dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Ia dihasilkan dengan kerjasama KPM di mana dua siri bengkel bersama pelbagai bahagian di KPM telah dilaksana pada 7 Oktober 2020 dan 9 Mac 2022. Buku panduan tersebut telah dilancarkan sempena Sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 12 Disember 2023 dan boleh dimuat turun di laman sesawang SUHAKAM. Walau bagaimanapun, SUHAKAM masih belum memperolehi kebenaran daripada KPM bagi pengedaran buku panduan tersebut ke sekolah-sekolah ATHAM walaupun telah memohon sejak dari bulan Jun. SUHAKAM akan membuat susulan dengan KPM bagi tujuan ini.

Sila imbas Kod QR
untuk memuatturun buku panduan

1.3 Pertandingan Sembang Hak Asasi Manusia Antara Sekolah Peringkat Kebangsaan 2023

SUHAKAM telah menganjurkan Pertandingan Sembang Hak Asasi Manusia Antara Sekolah Peringkat Kebangsaan 2023 bermula 1 Jun sehingga 15 Ogos 2023. Pertandingan sebegini merupakan antara acara tahunan yang bermula dengan sekolah ATHAM sahaja sejak tahun 2021.

Juara bagi Kategori Sekolah Menengah dari SMJKC Kwang Hua bergambar bersama-sama pengetua, guru sekolah dan pegawai SUHAKAM ketika penyampaian hadiah.

Murid-murid dan guru besar serta guru Sekolah Kebangsaan (1) Selayang Baru setelah menerima keputusan sebagai Juara Kategori Sekolah Rendah.

Pertandingan pada tahun ini terbuka kepada semua sekolah di bawah KPM dan dilaksana secara rakaman video. Selain bertujuan memupuk keyakinan diri di kalangan pelajar melalui penyertaan dalam pertandingan ini, ia juga membawa mesej kepentingan saling hormat-menghormati antara satu sama lain dalam perbezaaan budaya dan agama serta anti-diskriminasi. Oleh itu, tema yang dipilih bagi pertandingan ini ialah 'Peranan Keluarga dalam Memupuk Semangat Perpaduan Kaum'. Sebanyak 78 penyertaan diterima oleh SUHAKAM untuk pertandingan tersebut. Setelah penilaian dibuat oleh juri SUHAKAM dan KPM, murid serta sekolah yang berjaya menjadi pemenang adalah seperti berikut:

Sila imbas Kod QR
untuk melihat video pemenang Pertandingan Sembang Hak Asasi Manusia 2023

Jadual 1: Senarai pemenang Pertandingan Sembang Hak Asasi Manusia Antara Sekolah Kebangsaan 2023

Sekolah Rendah		
Juara	**Naib Juara**	**Tempat Ketiga**
Qayyim Syahmi Asmawi Fairus, Nur Azyan Adlina Mohammad Isham, Nur Aisya Humayraa Mohd Herwan , dan Rayyan Aqil Rizzuan.	Muhammad Mursyid Aiman Muhammad Nazri, Rauhah Sofrina Rosli, Nurul Syuhada Asyikin Zalkhazan dan Che Engku Asiah Che Engku Bazli.	Mohamad Samir Mirza Mohamad, Muhammad Aziz Yaakob, Mex M. Unar Anak Jenggie, dan Grace Chong Xuan En.
Sekolah Kebangsaan (1) Selayang Baru, Selangor	**Sekolah Kebangsaan Pulau Serai, Terengganu**	**Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kheng Tean, Pulau Pinang**
Sekolah Menengah		
Juara	**Naib Juara**	**Tempat Ketiga**
Ang Vee Vern, Look Yu Ri, Ng Joe Han, dan Ong Li Lin.	Aina Bahirah Yahyah, Auni Batrisyia Mohd Azmani, Ahmad Zaim Mazlan, dan Ahmad Aqil Syahmi Ahmad Hashim.	Nur Aqilah Raihana Nor Afendi, Siti Nurshakirah Nasri, Nurzulaikha Batrisya Nor Azhar, dan Nurina Humaira Azmi.
Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Kwang Hua, Selangor	**Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan**	**Sekolah Menengah Sains Rembau, Negeri Sembilan**

2. PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN HAK ASASI MANUSIA

2.1 Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik

Selaras dengan persetujuan antara SUHAKAM dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) berkaitan pembangunan 'Modul Hak Asasi Manusia untuk Pendidik' sebagaimana dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2022, maka tiga bengkel rintis telah dijalankan di tiga IPG terpilih pada tahun ini iaitu:

BIL.	LOKASI	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	Institut Perguruan Kampus Perempuan Melayu (IPGKPM), Melaka	2 dan 3 Nov. 2023	103 peserta
2.	Institut Perguruan Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA), Pahang	23 dan 24 Nov. 2023	75 peserta
3.	Institut Perguruan Kampus Pulau Pinang (IPGKPP)	28 dan 29 Nov. 2023	94 peserta

Matlamat penganjuran bengkel ini adalah untuk mengenalpasti kelompangan yang terdapat dalam modul serta pelaksanaannya untuk penambahbaikan sebelum dimuktamadkan nanti. Dalam masa sama, bengkel ini juga menjadi serampang dua mata bagi memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar IPG yang terlibat berkaitan hak asasi manusia dan peranan mereka apabila menjadi guru nanti. Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai SUHAKAM dan IPGM serta 10 orang pensyarah dari pelbagai kampus IPG yang menjadi ahli Pasukan Petugas Khas (TF) bagi pembangunan modul ini. Program ini telah dikendalikan secara keseluruhannya oleh ahli TF IPGM manakala SUHAKAM hadir membuat pemerhatian serta membantu aspek logistik penganjuran bengkel tersebut. Bengkel tersebut telah dibahagikan kepada empat slot berdasarkan kandungan draf modul.

Peserta Bengkel Rintis di IPG Kampus Ampuan Afzan bergambar kenangan bersama Sekretariat SUHAKAM dan ahli TF IPGM

Secara keseluruhan, program tersebut telah berjalan dengan lancar hasil kerjasama erat pihak IPGM dan SUHAKAM. Kesatuan Eropah turut menyokong pelaksanaan bengkel rintis tersebut melalui peruntukan geran di bawah inisiatif 'Meningkatkan Hak Asasi Manusia di Malaysia melalui Pendekatan Strategik dalam Pendidikan dan Peningkatan Kesedaran'.

Beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti dan akan ditangani bagi memastikan program dapat dijalankan dengan lebih efektif dan berkesan di masa hadapan. Bagi tahun 2024, satu lagi bengkel rintis akan dijalankan di IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah sebelum pelaksanaan bengkel pemantapan modul dan seterusnya pelancaran modul tersebut.

3. BENGKEL HAK ASASI MANUSIA UNTUK PENGUATKUASA

3.1 Bengkel '*Training Of Trainers*' Modul Hak Asasi Manusia Untuk PDRM

Susulan daripada Pelancaran Modul Hak Asasi Manusia untuk PDRM pada tahun 2022, SUHAKAM telah menganjurkan Bengkel '*Training of Trainers*' (TOT) Modul Hak Asasi Manusia untuk PDRM kepada tenaga pengajar Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari 7 sehingga 10 Mac 2023 di Cameron Highlands, Pahang.

Bengkel ini merupakan satu langkah awal untuk memastikan tenaga pengajar PDRM mempunyai pengetahuan hak asasi manusia yang mencukupi dan membantu dalam menginstitusikan pendidikan hak asasi manusia melalui pusat latihan dan maktab PDRM sedia ada. Peserta terdiri daripada 30 orang tenaga pengajar yang mengajar di Maktab PDRM, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) seluruh Malaysia, dan pegawai yang bertugas di jabatan-jabatan PDRM.

Peserta Bengkel TOT Modul Hak Asasi Manusia untuk PDRM sedang mengikuti ceramah yang disampaikan oleh pegawai SUHAKAM

Bengkel ini telah dipecahkan kepada enam slot utama iaitu, Modul 1 (Pengenalan Hak Asasi Manusia), Modul 2 (Hak Asasi Pegawai dan Anggota Penguatkuasa), Modul 3 (Hak Asasi Manusia dan Kepolisan), Modul 4 (Aplikasi Prinsip Hak Asasi Manusia dalam Siasatan Polis), Modul 5 (Larangan dan Pencegahan Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Zalim, Tidak Berperikemanusiaan dan Menjatuhkan Maruah) dan slot terakhir adalah Pembangunan Rancangan Sesi Pengajaran (RSP).

Semasa bengkel tersebut, peserta telah mencadangkan agar silibus modul ini diintegrasikan dalam Modul Prosedur Kerja (MPK) bagi Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) Konstabel di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) dengan menambah masa pengajaran daripada tiga jam sedia ada kepada lima jam. Peserta dari maktab PDRM pula telah menyediakan lima cadangan Rancangan Sesi Pengajaran (RSP) slot hak asasi manusia masing-masing kepada pegawai penyiasat jenayah,

pegawai kanan polis, ketua polis balai (kaedah pengurusan lokap), ketua polis balai (topik berkaitan UNCAT) serta pelatih pegawai rendah PDRM.

SUHAKAM juga telah menerima beberapa undangan daripada beberapa PULAPOL untuk menjalankan TOT khusus kepada tenaga pengajar di pusat masing-masing. Bagi tahun hadapan, SUHAKAM berhasrat untuk mendapatkan maklum balas PDRM dari segi cabaran pelaksanaan modul tersebut di semua Maktab dan PULAPOL.

3.2 Bengkel Hak Asasi Manusia Kepada Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (Penguatkuasaan) Zon Sabah dan Sarawak

EOD dengan kerjasama Pejabat Cawangan Sarawak telah mengadakan Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai AADK di Sarawak, pada 13 sehingga 15 Jun 2023 bertempat di Kuching, Sarawak. Seramai 40 peserta telah menghadiri bengkel tersebut yang terdiri daripada pegawai bahagian penguatkuasa AADK serta kakitangan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dari Kuching, Sarawak. Walaupun bengkel ini pada awalnya menyasarkan penyertaan pegawai AADK dari Sabah dan Sarawak, namun disebabkan kos biayaan SUHAKAM amat terhad, maka pihak AADK tidak dapat menghantar peserta dari Sabah dan juga kawasan yang jauh dari Kuching, Sarawak.

Bengkel yang diadakan ini adalah kesinambungan kepada dua Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penguatkuasa AADK yang berjaya dilaksanakan di Zon Pantai Timur pada tahun 2019 serta Zon Tengah pada tahun 2022. Objektif bengkel ini adalah untuk memperkembangkan kepakaran pegawai AADK dalam bidang hak asasi manusia dan bertukar pandangan berkaitan kekangan polisi, fasiliti dan keperluan keselamatan anggota, serta cabaran yang dihadapi AADK yang boleh menyulitkan perlindungan hak asasi manusia dalam menjalankan mandatnya.

Antara isu yang dibangkitkan oleh peserta semasa bengkel adalah berkaitan dengan fasiliti tempat kerja yang usang, peralatan yang tidak mencukupi, peluang kenaikan pangkat yang tidak mengikut asas masa, latihan yang diterima untuk menjalankan tugas penguatkuasaan tidak mencukupi serta beban kerja.

4. PROGRAM BELIA PEDULI HAK

4.1 Pembangunan Konsep Jaringan Sukarelawan Belia Peduli Hak

Pada tahun 2016, SUHAKAM telah memperkenalkan Program '*Youth for Rights'* yang bertujuan menyebarluaskan pendidikan hak asasi manusia kepada golongan belia melalui kem dua hari satu malam dan ceramah separuh hari dengan menumpukan kepada topik hak asasi manusia tertentu. Pada tahun 2023, program ini telah dijenamakan sebagai Program 'Belia Peduli Hak'. Selaras dengan usaha SUHAKAM untuk menangani masalah polarisasi dalam kalangan belia kerana politik identiti yang semakin meningkat maka SUHAKAM telah mengorak langkah dengan menubuhkan Jaringan Belia Peduli Hak sebagai satu platform untuk mengumpulkan belia yang pernah menyertai kem Belia Peduli Hak dan memperkasakan mereka untuk terlibat menjalankan program hak asasi manusia melalui sokongan SUHAKAM serta memberi peluang belia menjadi sukarelawan bagi program promosi dan pendidikan hak asasi manusia anjuran SUHAKAM.

Program di bawah Jaringan Belia Peduli Hak ini akan mula dilaksana pada tahun 2024 dan SUHAKAM menjangkakan pelbagai cabaran akan dihadapi pada tahun permulaan memandangkan strategi program ini yang bersifat inklusif dan berbentuk perkongsian merupakan baru berbanding konsep program Belia Peduli Hak yang sedia ada.

5. PROGRAM SUHAKAM BERSAMA MASYARAKAT DENGAN ORANG ASLI DI DAERAH JELI, KELANTAN

Sejak tahun 2019, SUHAKAM telah mengubah konsep Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) daripada program berskala besar di daerah-daerah kepada program berskala kecil menumpukan kepada segmen masyarakat rentan antaranya nelayan serta pekebun kecil di pedalaman, komuniti Orang Kurang Upaya dan juga penduduk di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin di bandar. Program SBM ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat rentan mengenai hak asasi mereka dan peranan SUHAKAM serta menyediakan platform kepada mereka untuk mengemuka aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia.

Buat pertama kali, SUHAKAM telah menjalankan program SBM bersama masyarakat Orang Asli pada 18 Oktober 2023 di Dewan Kampung Orang Asli Manok, Sungai Rual, Daerah Jeli, Kelantan. Program ini telah melibatkan

empat buah kampung iaitu Kampung Kalok, Kampung Pentadbiran, Kampung Seberang dan Kampung Manok. Majoriti penduduk Orang Asli di kampung ini adalah daripada suku Jahai yang beragama Islam. Seramai lebih kurang 250 orang penduduk dari keempat-empat buah kampung telah menyertai program SBM ini.

SUHAKAM menghadapi beberapa cabaran semasa persediaan menganjurkan program. Antaranya, terdapat Tok Batin enggan bekerjasama mengadakan SBM kerana SUHAKAM dimaklumkan bahawa ada khabar angin disebarkan kepada Orang Asli bahawa SUHAKAM merupakan sebuah organisasi agama. Selain itu, SUHAKAM telah diminta oleh JAKOA untuk mengisi borang permohonan bagi melaksana program di perkampungan Orang Asli di mana terdapat syarat di dalam borang tersebut yang melarang pihak penganjur memperjuangkan isu Orang Asli yang boleh difahami bertentangan dengan fungsi SUHAKAM. Oleh itu, SUHAKAM telah mengambil pendekatan mengadakan satu perjumpaan dengan Ketua Pengarah JAKOA pada 9 Oktober 2023. Hasil perjumpaan tersebut, SUHAKAM bersetuju untuk memenuhi permintaan JAKOA kali ini kerana persediaan yang telah dibuat dan akan meneliti kembali keputusan terbabit di masa hadapan.

Semasa sesi dialog di program SBM tersebut, terdapat beberapa isu hak asasi manusia yang telah diutarakan oleh masyarakat Orang Asli kepada SUHAKAM antaranya ialah isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli, pendaftaran kelahiran anak, perkhidmatan kebajikan dan perubatan Orang Asli oleh JAKOA dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta isu tanah yang semakin sempit disebabkan pertambahan keluarga di perkampungan Orang Asli. Selain mengemukakan beberapa maklumat semasa sesi dialog tersebut, aduan yang dikemukakan oleh Orang Asli akan diambil tindakan lanjut oleh Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD) SUHAKAM.

Bagi tahun 2024, SUHAKAM merancang untuk mengadakan bengkel hak asasi manusia kepada pegawai JAKOA di peringkat daerah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan hak asasi manusia termasuklah hak Orang Asli yang terkandung di dalam Perisytiharan Hak Orang Asli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

6. PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA

6.1 Bengkel Pengenalan Standard MSPO (MS2530:2022) dan Aspek Sosial Dalam Perniagaan

Pada tahun ini, SUHAKAM dengan kerjasama Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) telah menganjurkan dua Bengkel Pengenalan Standard MSPO (MS2530:2022) dan Aspek Sosial Dalam Perniagaan kepada pekebun kecil di Malaysia.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran dalam kalangan pekebun kecil dalam industri kelapa sawit di Malaysia mengenai peranan mereka melindungi hak asasi manusia dan menghapuskan amalan buruh paksa berdasarkan 11 Indikasi Buruh Paksa oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Selain SUHAKAM, penceramah bagi bengkel ini terdiri daripada Kementerian Sumber Manusia dan ILO:

BIL	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	Sungai Siput, Perak	26 Jun 2023	167 peserta
2.	Tawau, Sabah	5 Ogos 2023	150 peserta

Pegawai SUHAKAM bersama pegawai Kementerian Sumber Manusia menjadi panel sesi dialog ketika Bengkel Standard MSPO 2023 dan Aspek Sosial Dalam Perniagaan di Tawau, Sabah.

Seramai 317 orang peserta telah mengikuti bengkel tersebut yang terdiri daripada pekebun kecil masing-masing di bawah naungan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) dan Koperasi Landskap Kelapa Sawit Sabah Berhad (LKSS). Secara keseluruhan, bengkel tersebut telah berjalan lancar. Satu lagi bengkel di Sarawak akan dijalankan pada tahun 2024.

7. CERAMAH DAN LATIHAN HAK ASASI MANUSIA ATAS UNDANGAN

Sepanjang tahun ini, SUHAKAM menerima banyak undangan daripada pelbagai pihak untuk menyampaikan ceramah atau memberikan latihan tentang topik hak asasi manusia yang umum dan khusus secara bersemuka dan dalam talian. SUHAKAM berusaha memenuhi setiap undangan tersebut walaupun dalam masa yang sama keutamaan diberikan kepada program-program yang telah dirancang. Berikut adalah undangan yang telah dipenuhi sepanjangan tahun ini:

Jadual 2: Senarai undangan ceramah dan latihan hak asasi manusia pada tahun 2023

BIL.	TOPIK	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Ceramah Hak Asasi Manusia dalam Latihan Asas Kepolisan (PLAK) anjuran PULAPOL	30 Jan. 2023	PULAPOL, Kuala Lumpur.	493 orang
2.	Ceramah 'Hak Asasi Manusia' kepada Jabatan Pengurusan PDRM IPK Sabah sempena Kursus Pemantapan Tugas Am IPK Sabah	22 Feb. 2023	Dalam talian	38 orang anggota dan pegawai PDRM
3.	Ceramah Dalam Talian 'Peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam Reformasi Penjara' bersempena Sambutan Hari Penjara ke-233 Peringkat Penjara Tawau, Sabah	22 Mac 2023	Dalam talian	122 pegawai dan anggota di Penjara Tawau

BIL.	TOPIK	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
4.	Ceramah *Human Rights Due Diligence for Responsible Business Conduct: An Introduction* sempena *National Training Week* (NTW) anjuran HRD Corp.	26 Mei 2023	Dalam talian	31 orang
5.	Taklimat hak asasi manusia sempena lawatan sambil belajar RMIT University, Melbourne ke SUHAKAM	31 Mei 2023	SUHAKAM	30 orang pelajar
6.	Ceramah Hak kepada Pendidikan Awal kepada Orang Asli anjuran *Malaysian Care*	29 Jul. 2023	Pos Sinderut, Pahang	35 orang ibu dan bapa OA
7.	Ceramah Hak-Hak Tahanan OYDS/OKT Reman bagi Modul Kursus Kawalan Pengiringan OYDS/OKT Kastam	10 Ogos 2023	AKMAL, Melaka	34 orang pegawai/ anggota JKDM
8.	*Human Rights Due Diligence for Responsible Business Conduct: An Introduction*, sempena *HRD Corp Technical Enrichment Session 2023*	17 Ogos 2023	Dewan Campo, *International Youth Centre*, Kuala Lumpur	86 orang pegawai Sumber Manusia, Jurutera dan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan daripada pelbagai industri
9.	*The RSOG In Conversation Series On Human Rights Principles Based Leadership* anjuran *Razak School of Governance* (RSOG)	23 Ogos 2023	RSOG, Cyberjaya	25 orang pegawai kanan kerajaan

BIL.	TOPIK	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
10.	Seminar Perundangan Syariah Peringkat Kebangsaan Tahun 2023: Kebebasan Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam dan Perlembagaan	29 Ogos 2023	Ipoh, Perak	350 orang pegawai penguatkuasa dan perundangan.
11.	Ceramah Menangani Isu Layanan Dan Kesihatan Sempena Kolokium Perkhidmatan Korektif Jabatan Penjara Malaysia	5 Sep. 2023	Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi	30 orang pegawai Jabatan Penjara Malaysia
12.	Ceramah Polis dan Hak Asasi Manusia untuk peserta Kursus Lanjutan Pengurusan Ketenteraman Awam 2023	11 Sep. 2023	Maktab PDRM, Cheras	30 orang pegawai kanan PDRM
13.	Bengkel LDP Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis di PULAPOL KL	19 dan 20 Sep. 2023	PULAPOL, Kuala Lumpur	31 orang tenaga pengajar
14.	Ceramah *Human Rights in the Construction Industry* kepada *Mass Rapid Transit* (MRT) *Corporation*	5 Okt. 2023	Dalam talian	269 orang pegawai dan kakitangan
15.	Ceramah kesedaran hak asasi manusia bagi Cenviro Sdn. Bhd.	7 Nov. 2023	Dalam talian	96 orang pegawai dan kakitangan
16.	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada Anggota Keselamatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Kumpulan 1)	21 Nov. 2023	Dalam talian	288 anggota dan pegawai polis bantuan

BIL.	TOPIK	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
17.	Ceramah Hak Asasi Manusia kepada Anggota Keselamatan Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Kumpulan 2)	27 Nov. 2023	Dalam talian	250 anggota dan pegawai polis bantuan
18.	Ceramah Hak Asasi Manusia dan Penguatkuasaan Undang-undang untuk pelajar Kolej Smart	7 Dis. 2023	Kolej Smart, Kuala Lumpur	63 pelajar dan pensyarah

HARAPAN MASA HADAPAN

Tahun 2023 adalah tahun yang mencabar buat SUHAKAM kerana situasi di Malaysia serta global yang menyaksikan peningkatan politik identiti yang melampau menyebabkan polarisasi di kalangan masyarakat dan sedikit sebanyak mempengaruhi gerakkerja SUHAKAM. Dalam menangani masalah ini, pengetahuan dan kesedaran hak asasi manusia adalah penting untuk diterapkan kepada semua komuniti di Malaysia. Justeru SUHAKAM komited memperkasakan fungsi pendidikan di bawah Akta SUHAKAM dan ini diterjemahkan melalui dokongan SUHAKAM secara prinsipnya kepada penubuhan Akademi Hak Asasi Manusia di bawah SUHAKAM. Walau bagaimanapun, mengambilkira realiti kewangan semasa, penubuhan akademi ini akan dilaksana secara berfasa bermula dengan usaha memperkasa pengetahuan serta kemahiran pegawai-pegawai EOD.

BAHAGIAN MEDIA DAN PROMOSI

GAMBARAN KESELURUHAN

Bahagian Media dan Promosi (MPD) berfungsi sepertimana termaktub di bawah Seksyen 4(2)(a)(e) iaitu untuk menjalankan aktiviti bagi memupuk kesedaran dan juga mengeluarkan kenyataan awam mengenai isu hak asasi manusia. Pelbagai aktiviti dijalankan melalui hebahan kenyataan media, temubual mengenai isu-isu hak asasi manusia, hebahan maklumat melalui media sosial, penulisan artikel, edaran bahan-bahan promosi dalam bentuk infografik, buku, laporan, serta program bersama masyarakat akar umbi yang menyasarkan untuk memupuk kesedaran serta meningkatkan pemahaman orang awam mengenai SUHAKAM dan hak asasi manusia.

Aktiviti-aktiviti telah dirancang pada tahun 2023 merangkumi usaha untuk meningkatkan publisiti media melalui hebahan aktiviti yang dijalankan oleh kesemua bahagian termasuk Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) dan juga pejabat SUHAKAM di Sabah dan Sarawak. MPD juga telah merangka pelbagai kegiatan promosi termasuk mengadakan pameran hak asasi manusia, anjuran program kempen pencegahan penyeksaan dan ratifikasi UNCAT, pertandingan dan aktiviti luar bertemakan hak asasi manusia dan alam sekitar, pembangunan bahan-bahan promosi seperti infografik dan video animasi dan juga promosi hak asasi manusia dan Islam melalui penulisan khutbah.

MPD melalui Unit Media telah mengeluarkan 53 kenyataan media, 4 sidang media, 25 temubual media, 3 libat urus media, 10 infografik hari antarabangsa, 3 video mesej hak asasi manusia dan 2 artikel hak asasi manusia. Manakala Unit Promosi pula telah mengadakan 2 program kempen pencegahan penyeksaan dengan kerjasama Gabungan #ACT4CAT, 4 aktiviti di bawah tema hak asasi manusia dan Islam termasuk 2 penulisan khutbah, 23 pameran, 6 sesi lawatan sambil belajar ke SUHAKAM, 2 aktiviti bertemakan alam sekitar, dan penghasilan pelbagai bahan promosi hak asasi manusia.

HUBUNGAN MEDIA

1. KENYATAAN MEDIA, SIDANG MEDIA DAN TEMUBUAL MEDIA

1.1 Kenyataan Media

Sebanyak 53 kenyataan media telah dikeluarkan oleh SUHAKAM sepanjang tahun 2023 dan antara isu yang diketengahkan ialah hak kanak-kanak, kewarganegaraan, reformasi penjara, pekerja asing, konflik Israel-Palestin serta kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, SUHAKAM turut mengeluarkan kenyataan yang menyentuh mengenai keperluan untuk mengkaji semula, memansuh atau meminda undang-undang dan dasar agar ia selaras dengan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan seterusnya menjamin perlindungan hak asasi manusia.

SUHAKAM akan terus menyuarakan pandangan dan pemerhatiannya terhadap isu-isu hak asasi manusia melalui kenyataan atau sidang media bagi menggalakkan perbincangan awam serta mendapatkan maklumbalas agensi Kerajaan agar penambahbaikan dapat dilaksanakan bagi mencapai kemajuan hak asasi manusia di Malaysia.

Berikut adalah senarai penuh kenyataan media yang telah dikeluarkan bagi tahun 2023:

BIL.	KENYATAAN MEDIA	TARIKH
1.	SUHAKAM Syor Jurulatih atau Guru Sukan Wajib Ikuti Kursus Hak Asasi Manusia dan Kanak-kanak	18 Jan. 2023
2.	SUHAKAM Sambut Baik Komitmen Kerajaan untuk Menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak	19 Jan. 2023
3.	SUHAKAM Bimbang akan Keadaan Tahanan Kanak-Kanak di Depoh Imigresen Lenggeng	3 Feb. 2023
4.	Kerjasama SUHAKAM dan Jabatan Penjara ke arah Reformasi Penjara	9 Feb. 2023
5.	SUHAKAM Sambut Baik Tindakan KDN Mengenai Tahanan Kanak-kanak di Depot Imigresen	17 Feb. 2023
6.	SUHAKAM Sambut Baik Keputusan Kerajaan Beri Kerakyatan kepada Anak Lahir di Luar Negara	19 Feb. 2023
7.	SUHAKAM Komited Bantu Kerajaan Laksana Reformasi Hak Asasi Manusia Dalam Tempoh Terdekat	10 Mac 2023

BIL.	KENYATAAN MEDIA	TARIKH
8.	Pelancaran Laporan Penyelidikan SUHAKAM: Hak Asasi Manusia dan Tiada Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia	14 Mac 2023
9.	Seruan Untuk Tindakan: Kanak-Kanak Tanpa Warganegara Tidak Mendapat Hak Kepada Pendidikan	21 Mac 2023
10.	SUHAKAM Menyambut Baik Keputusan Lembaga Pengampunan Johor Atas Pembebasan Banduan Akhir	24 Mac 2023
11.	SUHAKAM Sambut Baik Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori bagi 11 Kesalahan	4 Apr. 2023
12.	Pesuruhjaya Kanak-kanak Kesal Keputusan Kerajaan Mengecualikan Nikotin daripada Akta Racun 1952	4 Apr. 2023
13.	Pesuruhjaya Kanak-kanak Menggesa Usaha Kolektif bagi Meningkatkan Perkhidmatan Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia	12 Apr. 2023
14.	Seruan untuk Memastikan Keselamatan Kanak-Kanak di Pusat Jagaan Kanak-Kanak	18 Mei 2023
15.	Laporan Tahunan SUHAKAM 2020 Membangkitkan Isu Hak Asasi Manusia yang Meruncing di Malaysia	25 Mei 2023
16.	SUHAKAM Memperakui Komitmen Kerajaan Terhadap Isu Hak Asasi Manusia di Malaysia	15 Jun 2023
17.	Penarikan Balik Saman Fitnah Untuk Membantu Siasatan Bebas Terhadap Dakwaan	16 Jun 2023
18.	Kedudukan Malaysia dalam Laporan Pemerdagangan Orang AS Menunjukkan Kemajuan dalam Memerangi Pemerdagangan Manusia.	19 Jun 2023
19.	Kenyataan Media Bersama: OCC dan ECDN Menyeru Kerajaan Malaysia untuk Membebaskan Kanak-kanak daripada Tahanan Imigresen dan Melaksanakan Alternatif kepada Penahanan	20 Jun 2023
20.	SUHAKAM Zahir Kebimbangan Mengenai Undi Pos Luar Negara- Isu-Isu Sebelum Pilihan Raya Negeri	21 Jun 2023
21.	Dakwaan Tterhadap Pengerusi serta Kebimbangan NGO mengenai Aktiviti Dalaman SUHAKAM	24 Jun 2023
22.	Pesuruhjaya Kanak-Kanak Zahir Kebimbangan Isu Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Kesannya Terhadap Kanak-Kanak	26 Jun 2023

BIL.	KENYATAAN MEDIA	TARIKH
23.	Hapuskan Diskriminasi dan Kekangan Kanak-Kanak untuk Menjadi Warganegara	28 Jun 2023
24.	SUHAKAM Gesa Usaha Bersepadu Semua Pihak Demi Akhiri Buruh Paksa	7 Jul. 2023
25.	Tindakan Tegas Terhadap Ibu Bapa dan Penjaga Cuai Terhadap Keselamatan Kanak-Kanak	11 Jul. 2023
26.	Penegasan Pendirian Berhubung Penyahsenaraian Nikotin Dari Akta Racun 1952	12 Jul. 2023
27.	SUHAKAM Mengecam Perbuatan Jelik Matty Healy	24 Jul. 2023
28.	Menyokong Inisiatif Kerajaan Untuk Melindungi Keselamatan Sosial Pekerja Gig	26 Jul. 2023
29.	SUHAKAM Gesa Kerajaan Mansuh SOSMA	4 Ogos 2023
30.	Peletakan Jawatan Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad sebagai Pengerusi SUHAKAM	29 Ogos 2023
31.	SUHAKAM Sokong Langkah Kerajaan Membangunkan Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak	2 Sep. 2023
32.	Pembaharuan MoU Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah	7 Sep. 2023
33.	Perkembangan Siasatan Rumah Insani	12 Sep. 2023
34.	Hadiah Untuk Kanak-kanak Sempena Hari Malaysia	15 Sep. 2023
35.	Insiden Seorang Pelajar Cedera di Mata Akibat Dirotan	22 Sep. 2023
36.	Kenyataan Media Bersama: Lexis Nexis dan WJP - Mesyuarat Asia Pasifik Bersama Pakar Berkenaan Maklumat Tidak Benar Dan Kebebasan Maklumat	30 Sep. 2023
37.	SUHAKAM Mengutuk Keganasan dan Gesa Bantuan Kemanusiaan Konflik Israel-Palestin	10 Okt. 2023
38.	SUHAKAM Menyokong Belanjawan 2024 Yang Berteraskan Hak Asasi Manusia	14 Okt. 2023
39.	SUHAKAM Seru Tingkat Perlindungan dengan Penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak	20 Okt. 2023
40.	SUHAKAM Kutuk Serangan Israel, Gesa Tindakan Segera Tangani Krisis Kemanusiaan di Gaza	20 Okt. 2023
41.	SUHAKAM Menyokong Pindaan Kewarganegaraan, Menyeru Penyelidikan Menyeluruh Mengenai Impak kepada Golongan Rentan	24 Okt. 2023

BIL.	KENYATAAN MEDIA	TARIKH
42.	SUHAKAM Puji Usaha Kerajaan dalam Laporan Pengurusan Pekerja Asing, Gesa Pelaksanaan Segera Saranan	25 Okt. 2023
43.	Kesan Perang Palestin-Israel, SUHAKAM Seru Bangunkan Rangka Kerja Komprehensif untuk Menangani Isu Pelarian di Malaysia	8 Nov. 2023
44.	Kematian Kanak-kanak dalam Kereta: Pesuruhjaya Kanak-kanak Gesa Tindakan Segera untuk Kesedaran dan Penguatkuasaan	14 Nov. 2023
45.	Hukuman Mati: SUHAKAM Puji Komitmen Kerajaan Terhadap Keadilan Restoratif, Juga Gesa Pembaharuan untuk Keadilan Prosedur	16 Nov. 2023
46.	Sedekad Selepas Inkuiri Nasional: Melangkah ke Arah Menghormati dan Pengiktirafan Hak Orang Asal & Orang Asli	17 Nov. 2023
47.	RUU SUHAKAM 2023, Tanda Aras Pencapaian Dalam Memperkasakan Hak Asasi Manusia di Malaysia	29 Nov. 2023
48.	SUHAKAM Seru Memerangi Diskriminasi Kaum dalam Sesi Mesyuarat IPHRC-OIC Ke-22	30 Nov. 2023
49.	Kenyataan Media Bersama: "SUHAKAM dan ADSP Bersedia Menyokong Inisiatif Kerajaan untuk Pendidikan Inklusif Kanak-kanak di Malaysia	9 Dis. 2023
50.	Kenyataan Media Bersama: KLN, BHEUU dan UNRC-Malaysia Memperingati Hari Hak Asasi Manusia	12 Dis. 2023
51.	SUHAKAM Zahir Kebimbangan Terhadap Usul Pindaan Kewarganegaraan di Malaysia	18 Dis. 2023
52.	SUHAKAM Seru Kerjasama Kukuh Tangani Isu Hak Pendidikan Kanak-kanak di Pulau Omadal	28 Dis. 2023
53.	SUHAKAM Desak Segera Tangani Isu Pekerja Asing di Malaysia	29 Dis. 2023

1.2 Sidang Media

Pada tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan 4 sidang media seperti berikut:

BIL.	KENYATAAN MEDIA	TARIKH
1.	*YouTurn Day*: Banduan Kembali Kepada Masyarakat	5 Feb. 2023
2.	Pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM *Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia*	13 Mac. 2023
3.	Siasatan Kes Rumah Insani	12 Sep. 2023
4.	Pelancaran Ringkasan Dasar, Merealisasikan Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia	7 Dis. 2023

1.3 Temubual Media

SUHAKAM turut menyuarakan pandangan serta mengulas tentang pelbagai isu hak asasi manusia melalui temubual media elektronik dan media cetak seperti radio, televisyen dan juga akhbar. Antara isu-isu yang dikupas adalah meliputi isu hak ekonomi, sosial dan budaya, hak sivil dan politik, pembaharuan dan pindaan dasar dan undang-undang, kesihatan awam, isu kanak-kanak, pekerja asing dan juga pandangan SUHAKAM mengenai situasi hak asasi manusia di Malaysia dan di luar negara.

Berikut adalah antara senarai temubual media yang direkodkan pada tahun 2023:

BIL.	TOPIK	MEDIA	TARIKH
1.	Aniaya Darah Daging	TV AlHijrah	13 Jan. 2023
2.	*Women & The Power of Choice*	*Sinar Daily*	7 Mac 2023
3.	*Working Towards Abolishing Mandatory Death Penalty*	*Sinar Daily*	17 Mac 2023
4.	Nasib Anak Tanpa Kerakyatan	Astro Awani	27 Mac 2023
5.	Hari Raya: Keselamatan & Kesejahteraan Keluarga	IKIM	27 Apr. 2023
6.	Kanak-Kanak Dalam Tahanan	Berita Harian	10 Mei 2023
7.	Isu Kesihatan Orang Tanpa Kewarganegaraan di Lahad Datu	Malaysiakini	11 Mei 2023

BIL.	TOPIK	MEDIA	TARIKH
8.	Kasih Tanpa Sayang	RTM	15 Mei 2023
9.	Penderaan Kanak-Kanak di Taska: Tanggungjawab Siapa	IKIM	25 Mei 2023
10.	Laporan Tahunan SUHAKAM, Apa Seterusnya	Astro Awani	15 Jun 2023
11.	Agenda AWANI Asia: Kolaborasi Antarabangsa dalam Memperkasaan Hak Asasi	Astro Awani	10 Jul. 2023
12.	Kerjasama SUHAKAM dan TV AlHijrah dalam Pemerkasaan Hak Asasi Manusia	Al Hijrah	22 Ogos 2023
13.	24 Tahun SUHAKAM	Nasional FM	22 Ogos 2023
14.	Pahitnya Madu!!!	IKIM	24 Ogos 2023
15.	Selamat Pagi Malaysia	RTM	9 Sep. 2023
16.	*Toxic Feminism vs Feminism*	TV Pertiwi	11 Sep. 2023
17.	Assalamualaikum: Islam & Hak Asasi Manusia	TV Al Hijrah	18 Sep. 2023
18.	Dilema Keputusan Pendakwaraya	Sinar TV	19 Sep. 2023
19.	Hak Asasi Manusia Acuan Barat Merosakkan atau Mensejahterakan Ummah	TV9	29 Sep. 2023
20.	Elak Amalan Jaga Tepi Kain Punca Gangguan Seksual Tak Dilapor	IKIM	25 Okt. 2023
21.	Kesalahan Seksual Terhadap Kanak Kanak	TV9	26 Okt. 2023
22.	Dari Hati: Cerai Taliq – Perlindungan Untuk Wanita	IKIM	30 Okt. 2023
23.	Dari Hati: Duit Abang Duit Saya, Duit Saya Tetap Duit Saya	IKIM FM	13 Nov. 2023
24.	Pindaan Akta SUHAKAM: Langkah ke hadapan Pesuruhjaya Kanak-kanak	Malay Mail	13 Dis. 2023
25.	Lambakan Pekerja Asing: Apa Penyelesaian	Astro Awani	28 Dis. 2023

2. LIBAT URUS BERSAMA MEDIA

2.1 Meneroka Potensi Kerjasama TV Al Hijrah dan Radio Zayan

Libat urus bersama media menyasarkan untuk meningkatkan hubungan kerjasama kedua-dua pihak serta meningkatkan publisiti mengenai kerja dan aktiviti SUHAKAM. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai tanggungjawab bersama pihak media untuk mengetengahkan isu-isu hak asasi manusia.

SUHAKAM telah mengadakan kunjungan kerja ke Radio ZAYAN ASTRO dan TVAlHijrah untuk membincangkan idea serta potensi kerjasama untuk meningkatkan kesedaran hak asasi manusia serta menggalakkan perbincangan mengenai isu-isu yang berkait rapat dengan kehidupan seharian masyarakat.

Antara perkara yang dibincangkan dengan kedua-dua media ialah:

i. Cabaran dan inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh SUHAKAM dan media bagi meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai hak asasi manusia terutamanya dalam menyampaikan mesej mengenai keserasian Islam dan hak asasi manusia;
ii. Peranan media dalam membantu mengetengahkan isu-isu hak asasi manusia golongan rentan antaranya hak kanak-kanak, pelarian dan orang tanpa kewarganegaraan melalui liputan media, temubual dan bual bicara isu hak asasi manusia; dan
iii. Potensi kerjasama untuk mempromosi dan menyebarluas peranan SUHAKAM dalam memberikan pendidikan mengenai hak asasi manusia kepada orang ramai terutamanya golongan belia.

Kunjungan hormat ke Radio ZAYAN pada 19 Jun 2023

Kunjungan hormat ke TV AlHijrah pada 22 Ogos 2023

Temubual Nasional FM pada 22 Ogos 2023

SUHAKAM amat menitikberatkan keperluan untuk memberikan pemahaman yang baik mengenai fungsi dan mandat SUHAKAM terutamanya kepada mereka yang mempunyai persepsi negatif bahawa SUHAKAM tidak memberikan perhatian kepada isu-isu yang lebih Islamik. Kerjasama sebegini penting sebagai salah satu usaha SUHAKAM untuk memperjelaskan kekeliruan dan persepsi masyarakat terhadap pengertian hak asasi manusia yang selama ini disalah tafsir berikutan konsep hak asasi manusia yang tidak difahami dengan tepat.

Pada tahun ini, SUHAKAM telah melanggan pakej pengiklanan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang meliputi pakej penyiaran video Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA), slot temu bual di Nasional FM dan slot temu bual televisyen Selamat Pagi Malaysia yang bersiaran sempena sambutan Hari SUHAKAM pada 9 September 2023.

2.2 Meneroka Potensi Kerjasama Antarabangsa bersama Al Jazeera

Susulan lawatan kerja Pesuruhjaya YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid ke Ibu Pejabat Al Jazeera di Doha, Qatar pada 23 Februari 2023, satu perbincangan mengenai potensi kerjasama telah diadakan antara SUHAKAM bersama *Al Jazeera Center of Public Liberties and Human Rights*.

Antara cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

i. Cadangan bengkel/ latihan untuk untuk memperkasakan pegawai serta kakitangan SUHAKAM dengan tujuan untuk menambah baik penyampaian mesej hak asasi manusia kepada masyarakat melalui saluran media arus perdana, media sosial dan lain-lain;
ii. Penghasilan dokumentari untuk mengetengahkan isu-isu hak asasi manusia yang dapat memberikan impak dengan lebih berkesan kepada masyarakat; dan
iii. Latihan kepada pengamal media terutamanya amalan penulisan beretika dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pelapor isu-isu berkaitan hak asasi manusia.

Matlamat utama cadangan kerjasama ini adalah untuk mengukuhkan hubungan SUHAKAM bersama media antarabangsa serta peluang untuk mempelajari teknik media melalui perspektif antarabangsa. SUHAKAM juga menyasarkan untuk menumpukan kepada penyampaian mesej hak asasi manusia dengan lebih efektif terutamanya isu-isu yang menyentuh sensitiviti masyarakat Islam serta isu-isu yang melibatkan diskriminasi perkauman, ucapan kebencian dan xenofobia.

3. MULTIMEDIA DAN KANDUNGAN KREATIF MEDIA SOSIAL

3.1 Media Sosial SUHAKAM

Media sosial merupakan medium yang berpotensi meningkatkan keupayaan SUHAKAM untuk membina imej yang lebih positif dan berperanan sebagai landasan untuk SUHAKAM menyebarkan maklumat mengenai pelbagai isu hak asasi manusia serta aktiviti yang dijalankan oleh SUHAKAM. SUHAKAM mempunyai 5 media sosial rasmi seperti berikut:

Sila imbas untuk akses ke semua laman media sosial SUHAKAM

3.2 Infografik media sosial SUHAKAM

SUHAKAM telah memuatnaik pelbagai bahan-bahan promosi hak asasi manusia serta infografik hak asasi manusia yang mengandungi data, maklumat ringkas dan pendirian SUHAKAM. Penghasilan kandungan kreatif sebegini merupakan antara usaha alternatif untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan hak asasi manusia kepada semua golongan masyarakat melalui media sosial.

Berikut adalah senarai infografik media sosial yang telah dihasilkan pada tahun 2023:

BIL.	INFOGRAFIK	TARIKH
1.	Hari Pendidikan Antarabangsa	24 Jan. 2023
2.	Hari Wanita Sedunia	8 Mac 2023
3.	Hari Kesihatan Sedunia	7 Apr. 2023

BIL.	INFOGRAFIK	TARIKH
4.	Hari Kebebasan Akhbar Sedunia	3 Mei 2023
5.	Hari Antarabangsa Mangsa Kehilangan Paksa	30 Ogos 2023
6.	Infografik RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak	14 Sep. 2023
7.	Hari Antarabangsa untuk Akses Sejagat kepada Maklumat	28 Sep. 2023
8.	Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia	10 Okt. 2023
9.	Infografik Pindaan Akta SUHAKAM	21 Nov. 2023
10.	Hari Menentang Keganasan Terhadap Wanita	25 Nov. 2023



Infografik media sosial yang dihasilkan sepanjang tahun 2023

3.3 Video Mesej Hak Asasi Manusia

SUHAKAM turut menghasilkan mesej video bersempena Hari Air Sedunia 2023 dan juga Hari Menentang Buruh Kanak-Kanak Sedunia 2023. Selain itu, montaj video yang mengandungi penceritaan 10 tahun Inkuiri Nasional (NI) turut dihasilkan untuk tayangan semasa Forum Sedekad NI yang diadakan pada November 2023. Kesemua video ini boleh ditonton melalui saluran *YouTube* SUHAKAM.

4. PENULISAN ARTIKEL HAK ASASI MANUSIA

4.1 Hari Menentang Pemerdagangan Manusia Sedunia

Sila imbas untuk akses kepada artikel

SUHAKAM telah menulis satu artikel yang bertajuk: *Shedding Light on the Shadows* sempena sambutan Hari Menentang Pemerdagangan Manusia pada 30 Julai 2023. Artikel ini membawa mesej mengenai realiti mangsa pemerdagangan manusia yang diperlakukan sebagai objek, seolah-olah seperti perhambaan zaman moden. Antara isu diketengahkan dalam artikel ini adalah fenomena perubahan iklim yang berpotensi untuk meningkatkan risiko pemerdagangan manusia akibat daripada desakan migrasi yang melibatkan golongan rentan.

Artikel ini juga menceritakan perjalanan Malaysia dalam perjuangan menentang pemerdagangan manusia, menonjolkan usaha negara dalam menangani jenayah ini dan usaha berterusan untuk memenuhi piawaian antarabangsa. Selain daripada memberikan kesedaran mengenai isu pemerdagangan manusia, mesej penting yang ingin disampaikan daripada artikel ini adalah kepentingan untuk SUHAKAM bekerjasama dengan badan kerajaan dan pihak berkepentingaan lain dalam usaha menambah baik undang-undang melalui pindaan, semakan semula dan pemansuhan undang-undang dan polisi ke arah perlindungan hak asasi manusia dan usahasama membanteras jenayah yang berleluasa ini.

4.2 Hari SUHAKAM 2023

Bersempena ulangtahun SUHAKAM yang ke-24 pada 9 September 2023, Setiausaha SUHAKAM, Altaf Deviyati telah menulis artikel yang disiarkan dalam akhbar *The Edge* bertajuk: *24 Years of Human Rights in Malaysia* yang membawa penceritaan mengenai pandangan beliau terhadap SUHAKAM, sejarah penubuhan, kemajuan hak asasi manusia yang dibawa oleh SUHAKAM sejak 24 tahun, cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh SUHAKAM termasuk persepsi bahawa SUHAKAM

adalah institusi yang membawa budaya barat. Penulisan ini turut membawa visi dan misi SUHAKAM untuk terus melaksanakan mandat untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia serta menjadi pemangkin kepada perubahan mampan kemajuan hak asasi manusia di Malaysia.

Sila imbas untuk akses kepada artikel

5. PEMANTAUAN LIPUTAN MEDIA

SUHAKAM menganalisis maklumat berkenaan isu hak asasi manusia melalui pemantauan media dan antara isu-isu hak asasi manusia yang menjadi tumpuan serta perbincangan umum pada tahun ini merangkumi isu kewarganegaraan, kanak-kanak, debat laporan hak asasi manusia dan sebagainya.

Parliament gives Suhakam more bite

Resolve homegrown stateless issue

Pindah kanak-kanak dari depoh imigresen demi jaga kebajikan

立法报儿童事务办公室

Pesuruhjaya Kanak-Kanak boleh siasat secara bebas

We need a true champion of children's rights

Farah Nini dilantik Pesuruhjaya Kanak-Kanak

Belanjawan 2024 tak memadai tangani kesan berterusan Covid-19 - Suhakam

Beri kerakyatan anak wanita Malaysia kahwin warga asing

Tambah baik Suhakam, hapus stigma OKU

Koleksi keratan akhbar mengenai SUHAKAM

PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

1. PERLINDUNGAN TERHADAP PENYEKSAAN DAN HUKUMAN LAIN YANG ZALIM, TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN, ATAU MENJATUHKAN MARUAH

1.1 Kempen bersama Gabungan #ACT4CAT

SUHAKAM dengan kerjasama Gabungan #ACT4CAT yang terdiri daripada organisasi masyarakat sivil iaitu Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Majlis Peguam Malaysia, Amnesty International Malaysia (AIM), *Lawyers for Liberty* (LFL) dan *Anti-Death Penalty Asia Network* (ADPAN) telah menganjurkan program *Safe in Custody* pada 19-22 Ogos 2023 bersempena dengan Hari Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Menyokong Mangsa-Mangsa Penyeksaan. Program ini bertujuan untuk menyampaikan mesej menerusi naratif positif, atau hope-based approach mengenai isu penyeksaan dalam tahanan serta mempromosikan hak asasi manusia dalam kalangan golongan belia.

Antara isu-isu yang dibincangkan adalah:

i. Pelaksanaan *hope-based communication* untuk semua isu sensitif hak asasi manusia

   Cik Divya Suarindiran daripada SUARAM memberikan penerangan mengenai *hope-based communication* yang merupakan kaedah komunikasi melalui mesej harapan. Ia menerapkan unsur-unsur positif, berasaskan prinsip hak asasi manusia serta perkongsian matlamat yang sama agar kaedah penyampaian mesej menjadi lebih efektif, mudah untuk difahami serta mendapat sokongan daripada masyarakat. Kaedah penyampaian mesej ini boleh dilaksanakan untuk isu hak asasi manusia yang sensitif. Walau bagaimanapun, nilai-nilai masyarakat setempat perlu diambil kira agar ia tidak menjadi konflik yang lebih serius.

ii. Usaha SUHAKAM ke arah advokasi Malaysia meratifikasi UNCAT

   Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal berkongsi maklumat mengenai status terkini advokasi SUHAKAM ke arah meratifikasi UNCAT, antaranya dengan mengukuhkan hubungan kerjasama bersama semua pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan serta organisasi masyarakat sivil. Selain itu, beliau turut menyatakan mengenai keperluan untuk

Panel Penceramah. Dari kiri, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal. YM Tengku Mohamed Fauzi Abdul Hamid, Supt. Junainah M. Kasbolah, Dr. Haezreen Begum Abdul Hamid dan Cik Divya Suarindran

melaksanakan kajian yang mendalam kerana perkara tersebut melibatkan semakan semula dan pindaan undang-undang domestik dan keperluan reservasi kepada beberapa artikel sekiranya Malaysia bersetuju untuk meratifikasi konvensyen tersebut.

Dr. Haezreena Begum Abdul Hamid berkongsi mengenai status terkini ratifikasi Malaysia kepada 3 daripada 9 konvensyen antarabangsa iaitu CEDAW, CRC dan CRPD. Beliau berpendapat bahawa ratifikasi konvensyen antarabangsa memerlukan kajian mendalam dan ia sukar untuk dilaksanakan dalam masa yang singkat.

iii. Reformasi penjara

Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal memaklumkan mengenai program yang dijalankan ke arah usaha reformasi penjara yang mana beberapa perkara perlu diberikan perhatian iaitu akses kesihatan kepada tahanan dengan mewujudkan klinik/hospital di dalam penjara dengan kehadiran doktor atau pembantu doktor. SUHAKAM konsisten mengesyorkan agar penjara menambahbaik fasiliti dalam penjara terutamanya yang melibatkan aspek

Sekretariat Program Festival 'Safe in Custody'

kebersihan dan kesihatan. Program integrasi bekas banduan ke dalam masyarakat perlu dilaksana dengan baik dan SUHAKAM menyokong agar mereka diberikan peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan dan sebagainya.

iv. Usaha PDRM dalam penambaikan sistem keadilan jenayah dan pengurusan logistik
Supt. Junainah M. Kasbolah memberikan pandangan melalui perspektif penguatkuasa iaitu PDRM yang sentiasa bersedia untuk menambahbaik sistem keadilan jenayah khususnya dalam aspek penahanan dan siasatan. Ini perlu dilaksanakan dengan menjalankan kajian yang menyeluruh termasuk aspek kapasiti pasukan polis, keselamatan masyarakat dan hak asasi manusia. Kerjasama bersama SUHAKAM khususnya dalam penghasilan Modul Hak Asasi Manusia untuk Polis merupakan satu bentuk kerjasama yang baik dalam aspek pembangunan kapasiti pasukan polis. Antara cabaran utama dalam pasukan polis adalah untuk memastikan perkara yang tidak diingini tidak berlaku khususnya semasa tahanan berada dalam lokap polis.

v. Situasi terkini serta kemajuan hak asasi manusia di Malaysia
YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid memaklumkan mengenai pelbagai kemajuan hak asasi manusia antaranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak khusus untuk memastikan hak asasi kanak-kanak dilindungi di Malaysia, pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan isu kewarganegaraan, cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia

dan pelbagai usaha SUHAKAM serta pihak berkepentingan lain ke arah kemajuan hak asasi manusia di Malaysia.

1.2 Pertemuan Bersama Kedutaan Switzerland di Malaysia

SUHAKAM bersama dengan Gabungan ACT4CAT telah menerima jemputan daripada Wakil Kedutaan Switzerland di Malaysia bagi membincangkan mengenai potensi kerjasama dua hala antara Kedutaan Switzerland dan Gabungan ACT4CAT dalam aktiviti berkaitan pencegahan penyeksaan dan usaha advokasi ke arah ratifikasi UNCAT.

Pertemuan tersebut turut membincangkan mengenai pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh Gabungan ACT4CAT, kekangan dalam menandatangani perjanjian antarabangsa UNCAT, perkembangan terkini Penilaian Berkala Sejagat (UPR) serta amalan yang dilaksanakan oleh Switzerland pada peringkat domestik dalam memerangi isu penyeksaan. Antara syor yang dicadangkan adalah penganjuran sesi dialog mengenai UNCAT bersama Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, syor Switzerland di UPR, sumbangan kepakaran dalam bidang pencegahan penyeksaan serta bantuan dana oleh Kedutaan Switzerland bagi inisiatif pencegahan penyeksaan di Malaysia.

Pertemuan SUHAKAM dan Gabungan #ACT4CAT dengan Wakil Kedutaan Switzerland di Malaysia

1.3 Bengkel Serantau Ketiga *Safe in Custody* di Quezon City, Filipina

SUHAKAM telah menerima jemputan daripada *Association for the Prevention of Torture* (APT) ke bengkel serantau ketiga *#SafeInCustody* yang telah diadakan di Hotel Cocoon, Quezon City, Filipina. Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada dua bengkel *#SafeInCustody* terdahulu yang dijalankan secara dalam talian di Bangkok, Thailand pada tahun 2022 dan bengkel serantau kedua telah diadakan secara fizikal pada 6-9 Februari 2023 di Hotel Pullman, Kuala Lumpur.

Matlamat bengkel serantau adalah untuk memberikan pendedahan mengenai pemantauan serta mekanisme pengawasan di pusat tahanan polis dan berkongsi amalan terbaik kepada peserta yang terdiri daripada wakil NHRI serantau daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand (NCHRT) dan CHRP serta dan organisasi masyarakat sivil yang lain iaitu Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *Cross Cultural Foundation* (CrCF), *Task Force Detainees of the Philippines* (TFDP) dan *Police Inspection Commission* (PIC). Bengkel ini turut mendedahkan cara berkomunikasi secara efektif menggunakan komunikasi berasaskan harapan (*hope-based communication*) serta penerangan ringkas tentang Prinsip Mendez iaitu satu kaedah temubual berkesan untuk penyiasatan dan pengumpulan maklumat.

Wakil SUHAKAM berkongsi mengenai usaha SUHAKAM ke arah penambahbaikan pusat tahanan di Malaysia

2. HAK ASASI MANUSIA DAN ISLAM

2.1 Penulisan Khutbah Hak Asasi Manusia

Hak asasi manusia merupakan satu prinsip yang dituntut dalam Islam. Oleh itu, SUHAKAM kekal konsisten mengadakan libat urus bersama pihak berkuasa agama untuk mencadangkan teks khutbah Jumaat berkaitan isu-isu tematik hak asasi manusia kepada Jabatan Agama Islam di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk dibaca di seluruh masjid di Malaysia sebagai salah satu inisiatif SUHAKAM dalam mempromosikan hak asasi manusia khususnya kepada kaum muslimin.

Peserta Bengkel Serantau Ke-3 Safe in Custody anjuran APT di Quezon City, Filipina pada 26-28 Oktober 2023

Pada tahun ini, SUHAKAM telah memberikan fokus kepada isu perubahan iklim dan warga emas yang telah dinukilkan menerusi cadangan teks khutbah Jumaat.

Berikut adalah senarai teks yang dihasilkan oleh SUHAKAM serta senarai Jabatan Agama Islam Negeri yang telah menggabungkan, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, input yang disediakan dalam teks-teks khutbah rasmi yang disediakan:

BIL.	TEKS KHUTBAH OLEH SUHAKAM	BACAAN OLEH	TARIKH BACAAN
1.	Perubahan Iklim Umpana Kiamat Kecil	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	16 Jun 2023
2.	Menginsafi Fitrah Penuaan	Majlis Islam Sarawak	1 Dis. 2023
		Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah	8 Dis. 2023

2.2 Kompilasi Khutbah Hak Asasi Manusia

SUHAKAM telah membangunkan sebuah buku kompilasi khutbah Jumaat bertajuk Kompilasi Khutbah Hak Asasi Manusia yang mengandungi semua cadangan awal teks khutbah Jumaat oleh SUHAKAM serta teks khutbah Jumaat yang diterima dan dihasilkan oleh Jabatan Agama Islam berdasarkan input yang dikemukakan oleh SUHAKAM.

Buku Kompilasi Khutbah Hak Asasi Manusia

Inisiatif ini telah bermula pada tahun 2017 di mana kajian SUHAKAM berkaitan isu-isu tematik hak asasi manusia kontemporari telah dijadikan penulisan kandungan khutbah Jumaat untuk menggalakkan penerapan nilai-nilai hak asasi manusia melalui ajaran Islam kepada masyarakat umum. Buku tersebut mengumpulkan 19 koleksi khutbah Jumaat dari tahun 2017 hingga 2020 yang merangkumi input dan cadangan teks khutbah Jumaat oleh SUHAKAM termasuk teks khutbah Jumaat yang telah dibaca sebahagian atau sepenuhnya oleh jabatan-jabatan agama berkenaan. Buku kompilasi ini juga telah disemak kandungannya oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

2.3 Rancangan Pembangunan Buku Hadis 40 berkaitan Hak Asasi Manusia

Dalam usaha untuk membudayakan penyampaian ilmu tentang Islam dan hak asasi manusia menerusi ajaran Rasulullah SAW, SUHAKAM telah berbincang dengan JAKIM pada 29 Ogos 2023 berkenaan cadangan pembangunan buku 40 Hadis tentang Hak Asasi Manusia yang akan merangkumi pelbagai bidang tematik hak asasi manusia.

Konsep penghayatan budaya ilmu hadis dilihat sebagai kaedah yang sesuai untuk diterima oleh khalayak pembaca memandangkan

penulisan Hadis 40 adalah tradisi para ulama, antaranya tokoh masyhur dan tersohor, Imam Nawawi dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Selain itu, buku ini juga boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran menerusi penyampaian tazkirah atau kuliah di institusi pengajian atau tempat ibadat orang Islam sebagai usaha untuk menyebarluas pendidikan hak asasi manusia daripada perspektif Islam kepada masyarakat umum.

2.4 Penyertaan SUHAKAM dalam Konvensyen Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

SUHAKAM telah dijemput untuk menyertai Konvensyen Hak Asasi Manusia menurut Perspektif Islam anjuran JAKIM pada 12 Oktober 2023 yang bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Kampus Utama Bangi, Selangor. Pesuruhjaya Datuk Mohamad Nordin Ibrahim telah menyampaikan ucaptama yang mengandungi mesej mengenai asas dan tuntutan agama dalam hak asasi manusia dan bahawasanya, Islam tidak bercanggah dengan hak asasi manusia malah ia menjadi satu tuntutan dalam agama serta kewajipan setiap manusia.

Ucaptama beliau turut membawa perhatian peserta kepada definisi hak asasi manusia yang secara fitrah, wujud secara saksama bagi setiap insan. Antara lain yang ditekankan adalah prinsip-prinsip dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, menjaga akal, menjaga harta,

Konvensyen Hak Asasi Manusia menurut Perspektif Islam anjuran JAKIM pada 12 Oktober 2023

Pengunjung reruai pameran sempena Konvensyen Hak Asasi Manusia menurut perspektif Islam anjuran JAKIM pada 12 Oktober 2023

menjaga nasab dan menjaga maruah adalah lima bidang penting yang menjadi teras utama dalam agenda hak asasi manusia.

SUHAKAM turut mengambil bahagian dengan membuka reruai pameran dan mengedarkan bahan-bahan promosi hak asasi manusia serta buku terbitan SUHAKAM kepada peserta konvensyen.

SUHAKAM akan terus meneroka potensi kerjasama dengan JAKIM dalam melaksanakan usaha-usaha mengharmonikan konsep hak asasi manusia dan Islam agar setiap lapisan masyarakat dapat memahaminya dengan lebih mendalam.

2.5 Kunjungan Hormat SUHAKAM ke Pejabat Pesuruhjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

SUHAKAM telah mengadakan lawatan kunjungan hormat ke Pejabat YBhg. Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Wakil Tetap Malaysia di IPHRC pada 16 November 2023 bagi membincangkan mengenai persiapan SUHAKAM ke persidangan antarabangsa *22nd Regular Session of IPHRC* yang akan diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 26-30 November 2023. Selain itu, perjumpaan tersebut juga bertujuan untuk meneroka potensi kerjasama antara SUHAKAM dan IPHRC-OIC dalam mengetengahkan isu-isu hak asasi manusia berkaitan agama.

Pertemuan dengan Wakil IPHRC membincangkan potensi kerjasama promosi hak asasi manusia pada 16 Oktober 2023

Antara isu yang dibincangkan adalah:

i. Persidangan *22nd Regular Session of IPHRC* di Jeddah, Arab Saudi

Wakil IPHRC menyatakan keperluan sebuah platform untuk menyuarakan kenyataan berhubung konflik khususnya melibatkan negara-negara Islam pada peringkat OIC. Beliau menjelaskan mengenai prosedur persidangan yang membolehkan wakil Malaysia menyampaikan kenyataan pada persidangan tersebut. Antara kenyataan yang dicadangkan adalah pendirian SUHAKAM terhadap isu konflik Palestin-Israel serta perbezaan layanan PBB terhadap konflik di antara Palestin-Israel dan Ukraine-Rusia, tindakan penjajahan dan pembunuhan beramai-ramai serta pelanggaran resolusi hak asasi manusia oleh Israel.

ii. Sesi Dialog mengenai Pelarian dan Kebebasan Beragama

Salah satu fokus SUHAKAM bagi rangka kerja tahun 2024 adalah untuk mengadakan satu sesi dialog bagi membincangkan mengenai isu pelarian dan kebebasan beragama dari perspektif Islam. Wakil IPHRC menyarankan agar SUHAKAM melibatkan pejuang/aktivis keagamaan yang mengutamakan kerja-kerja advokasi dengan mengambil kira hubungan mereka yang lebih dekat bersama komuniti setempat.

iii. Advokasi ke arah ratifikasi UNCAT

SUHAKAM telah melaksanakan pelbagai aktiviti kempen advokasi UNCAT untuk menangani isu penyeksaan di Malaysia, antaranya, kajian serta konsultasi amalan terbaik negara Islam yang telah meratifikasi UNCAT. Walau bagaimanapun, usaha ini kurang mendapat sokongan sesetengah pihak berikutan wujudnya percanggahan antara undang-undang Sivil, Syariah dan hak asasi manusia. Wakil IPHRC memberikan pandangan bahawa persepsi negatif masyarakat telah memberikan impak kepada sokongan terhadap kerja-kerja advokasi yang dijalankan oleh SUHAKAM. Oleh yang demikian, SUHAKAM telah disarankan untuk mengutamakan isu-isu setempat yang lebih harmoni dan dekat dengan masyarakat ke arah memulihkan persepsi awam terhadap SUHAKAM.

iv. Isu Kebebasan Beragama

Wakil IPHRC mencadangkan agar SUHAKAM memulakan gerak kerja yang akan datang dengan memperjuangkan hak asasi dalam konteks kebebasan beragama, antaranya, hak untuk mendirikan solat dan hak wanita untuk menutup aurat. Ini berikutan peraturan sesetengah syarikat swasta berkenaan syarat pemakaian wanita dan larangan bertudung di tempat kerja. SUHAKAM turut membangkitkan isu yang mana wanita digunakan sebagai objek untuk diperagakan bagi menaikkan imej sesebuah syarikat. Isu-isu ini telah dicadangkan untuk dibawa ke dalam sesi dialog yang memberikan fokus kepada hak wanita.

IPHRC telah menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan program bagi mengetengahkan isu-isu melibatkan hak asasi manusia terutamanya yang melibatkan golongan rentan dan terpinggir di Malaysia. SUHAKAM mempunyai harapan yang tinggi agar pertemuan ini dapat membawa kepada hubungan kerjasama yang baik dan berterusan antara SUHAKAM dan IPHRC-OIC, terutamanya ke arah pemajuan serta perlindungan hak asasi manusia dalam konteks Islam dan hak asasi manusia.

3. AKTIVITI PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

3.1 Pameran secara maya

SUHAKAM telah membangunkan galeri pameran secara maya pada tahun 2021 dengan mempamerkan pelbagai kandungan kreatif hak asasi manusia termasuk gambar, video animasi serta hasil karya peserta pertandingan hak asasi manusia yang telah dijalankan hampir setiap tahun. Inisiatif galeri ini selari dengan perkembangan pesat teknologi maklumat pada masa kini di samping meningkatkan peranan SUHAKAM dalam mempromosikan kesedaran hak asasi manusia secara kreatif dan inovatif menerusi platform alam maya.

Hasil karya peserta pertandingan melukis kartun bertemakan Hak kepada Pendidikan

3.2 Pameran Hak Asasi Manusia

Slot pameran merupakan antara platform utama SUHAKAM bagi mempromosikan hak asasi manusia kepada masyarakat. Selain daripada pameran yang dilaksanakan melalui program anjuran SUHAKAM, MPD turut menerima jemputan oleh pihak luar yang terdiri daripada pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, NGO, Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), persatuan komuniti masyarakat setempat dan lain-lain. Pameran sebegini secara tidak langsung membantu SUHAKAM untuk membina jaringan baharu melalui kehadiran pelawat reruai pameran yang berminat untuk menjemput SUHAKAM hadir ke kawasan mereka untuk mempromosikan hak asasi manusia.



Sila imbas Kod QR
untuk akses ke galeri pameran maya

Pada tahun ini, SUHAKAM telah mengadakan 22 pameran hak asasi manusia seperti berikut:

BIL.	PAMERAN	PENGANJUR	TARIKH
1.	*Youturn Day: Welcoming Prisoners Back to Society* di Penjara Kajang, Selangor	SUHAKAM	9 Feb. 2023
2.	*Contemporary Global and Legal Issues Exhibition 2023* di Selangor	Pusat Asasi UiTM	11 Mac 2023
3.	Majlis Pelancaran Laporan Kajian *Human Rights and Statelessness* in *Peninsular Malaysia* di Kuala Lumpur	SUHAKAM	13 Mac 2023
4.	Forum Hak Udara Bersih: Menangani Pencemaran Udara Di Malaysia di Pelabuhan Klang, Selangor	SUHAKAM, CERAH dan *Greenpeace*	18 Mac 2023
5.	Hak Pelarian Kepada Akses Kesihatan, Kebersihan & Reprodukif di Selayang, Selangor	SUHAKAM	19 Mei 2023

BIL.	PAMERAN	PENGANJUR	TARIKH
6.	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan di Bangi, Selangor	UKM	12 Jun 2023
7.	Program Khidmat Masyarakat di Subang Mas, Selangor	Persatuan Penduduk Taman Subang Mas	25 Jun 2023
8.	Bengkel Pengenalan Standard MSPO & Aspek Sosial Dalam Perniagaan' bersama pekebun kecil di Sungai Siput, Perak	MPOC	26 Jun 2023
9.	*Safe in Custody* di Kuala Lumpur	Gabungan ACT4CAT	19-20 Ogos 2023
10.	Kolokium Kehakiman 2023 di Kuala Lumpur	SUHAKAM	21 Ogos 2023
11.	Karnival Kerjaya dan Latihan Industri di Petaling Jaya, Selangor	Universiti Monash Malaysia	23 Ogos 2023
12.	*Refugee Festival* 2023 di Kuala Lumpur	*Beyond Border Malaysia* dan Pertubuhan *Refugee Emergency Fund* (REF)	8-10 Sep. 2023
13.	*Human Trafficking Youth Awareness* di Kuala Lumpur	Fakulti Undang-Undang, UM	10-11 Sep. 2023
14.	Konvensyen Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Islam di Bangi, Selangor	JAKIM	12 Okt. 2023
15.	*International Day of The Girl Festival* 2023; *Education for Empowerment*	Kemban Kolektif dan *Clinical Legal Education Program*, Universiti Malaya	13 Okt. 2023

BIL.	PAMERAN	PENGANJUR	TARIKH
16.	*Contemporary Global and Legal Issues Exhibition* 2023 di Selangor	Pusat Asasi UiTM	15 Okt. 2023
17.	SUHAKAM Bersama Masyarakat di Jeli, Kelantan	SUHAKAM	18 Okt. 2023
18.	Simposium Penyelidikan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah 2023 di Bangi, Selangor	Institut Kemajuan Desa (INFRA)	24 Okt. 2023
19.	Festival Perkampungan Belia Terengganu Sempena Sambutan Hari Belia Negara 2023 di Terengganu	Majlis Belia Negeri Terengganu dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu	27-28 Okt. 2023
20.	*Lecture Series on Stateless Issues in Malaysia from Human Rights Perspectives* di UKM Bangi, Selangor	SUHAKAM	2 Nov. 2023
21.	Forum Sedekad Selepas Inkuiri Nasional Suhakam Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Kuala Lumpur	SUHAKAM	16 Nov. 2023
22.	Sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2023	SUHAKAM	12 Dis. 2023
23.	Pameran *Hall of Act*	Kelab Lex ACT, UM	13 Dis. 2023

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli melawat pameran SUHAKAM dan menyertai Forum Hak kepada Udara Bersih di Pelabuhan Klang pada 18 Mac 2023

Koleksi gambar-gambar pameran tahun 2023

Pameran di Pusat Asasi UiTM Dengkil pada 11 Mac 2023

Pameran Anjuran INFRA pada 24 Oktober 2023

Pameran Karnival Kerjaya di UKM Bangi pada 12 Jun 2023

Pameran di KLSCAH sempena Refugee Festival pada 8-10 September 2023

Pameran Hari Hak Asasi Manusia pada 12 Disember 2023

Pameran anjuran Majlis Belia Terengganu pada 27-28 Oktober 2023

Pameran anjuran Persatuan Penduduk Taman Subang Mas pada 25 Jun 2023

Pameran kesedaran isu Pemerdagangan Manusia di UM pada 10-11 September 2023

3.3 Kaji selidik mengenai pemahaman hak asasi manusia dan SUHAKAM

Selain daripada mempromosi dan meningkatkan kesedaran asasi manusia, aktiviti pameran merupakan salah satu platform bagi SUHAKAM untuk mendapatkan gambaran melalui aktiviti kaji selidik. Aktiviti yang dijalankan secara atas talian ini bertujuan untuk mengukur tahap pemahaman masyarakat mengenai isu hak asasi manusia, pengetahuan mereka mengenai fungsi SUHAKAM serta persepsi mereka terhadap SUHAKAM.

Berdasarkan pemerhatian, didapati bahawa pengetahuan masyarakat luar bandar tentang kewujudan dan fungsi SUHAKAM masih di tahap yang tidak memberangsangkan. Faktor penyumbang kepada perkara ini akan diperhalusi dan SUHAKAM akan meningkatkan usaha untuk mencari ruang dan peluang untuk mendekati masyarakat luar bandar agar objektif program kesedaran hak asasi ini dapat dapat dicapai seterusnya meningkatkan pemahaman mereka mengenai fungsi dan peranan SUHAKAM.



Hasil dapatan kaji selidik mengenai tahap pengetahuan orang ramai mengenai SUHAKAM

3.4 Lawatan Sambil Belajar ke SUHAKAM

SUHAKAM telah menerima permohonan daripada pelbagai pihak untuk mengadakan lawatan bagi mendapatkan maklumat mengenai fungsi dan tanggungjawab SUHAKAM sebagai NHRI serta mempelajari mengenai pelbagai isu hak asasi manusia yang ditangani oleh SUHAKAM. Pada tahun ini SUHAKAM telah menerima lima permohonan lawatan seperti berikut:

BIL.	DELEGASI LAWATAN	TARIKH
1.	Lawatan Veteran Srikandi, Sri Manjung	15 Jun 2023
2.	Pelajar Undang-undang Brickfields Asia College	21 Ogos 2023
3.	*Asian Law Students' Association* (ALSA), USIM	10 Okt. 2023
4.	*School of Law and Governance Taylor's University*	13 Okt. 2023
5.	*The Friedrich-Ebert Stifung*	31 Okt. 2023
6.	Universiti Kebangsaan Gyeongsang, Korea Selatan	14 Nov. 2023

Lawatan wakil The Friedrich-Ebert Stifung 31 Oktober 2023

Lawatan pelajar Taylor's University pada 13 Oktober 2023

Lawatan pelajar Universiti Kebangsaan Gyeongsang, Korea pada 14 November 2023

Lawatan pelajar BAC pada 21 Ogos 2023

3.5 Aktiviti Pembersihan Pantai sempena *World's Cleanup Day*

Bersempena dengan sambutan *World's Cleanup Day* 2023, SUHAKAM telah menjalankan aktiviti pembersihan di Pantai Remis, Jeram, Kuala Selangor pada 19 September 2023. Program ini merupakan anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi menyahut cabaran global yang menyasarkan penyertaan sebanyak 5% daripada populasi dunia menerusi aktiviti pembersihan kawasan secara serentak.

Akses kepada persekitaran yang bersih, selamat dan lestari adalah hak asasi yang perlu terus dilindungi bagi memastikan generasi akan datang dapat terus menikmati kehidupan yang baik. SUHAKAM menyokong pengiktirafan Kerajaan melalui penajaan resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada 8 Oktober 2021 di Geneva mengetengahkan implikasi kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim yang dihadapi oleh individu dan masyarakat di seluruh dunia, terutamanya bagi golongan rentan.

Aktiviti pembersihan yang turut disertai oleh Pesuruhjaya Datuk Mohamad Nordin Ibrahim dan Setiausaha SUHAKAM Cik Altaf Deviyati

4. BAHAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

4.1 Infografik, Gegantung Bermaklumat dan Bahan Promosi

SUHAKAM meneruskan usaha menghasilkan kandungan kreatif hak asasi manusia dalam bentuk infografik digital dan bercetak, video animasi, gegantung bermaklumat dan cenderamata yang menyasarkan untuk mempromosikan hak asasi manusia kepada masyarakat melalui pelbagai medium dan dimensi.

Berikut merupakan sebahagian daripada bahan-bahan promosi yang dihasilkan pada tahun ini:

Beg bertemakan Keharmonian Kaum dan Saling Menghormati

4.2 Pertandingan rekaan grafik Kemeja-T SUHAKAM bertemakan Hak kepada Alam Sekitar

Tiga rekaan pemenang utama pertandingan rekaan grafik kemeja-T bertemakan Hak kepada Alam Sekitar

SUHAKAM telah menganjurkan Pertandingan Mereka Cipta Kemeja-T SUHAKAM bertemakan Hak kepada Alam Sekitar yang Bersih, Sihat dan Mampan bermula pada 15 Februari hingga 15 Mei 2023. Matlamat pertandingan adalah untuk memupuk kesedaran umum mengenai hak asasi manusia serta persekitaran yang bersih, sihat dan mampan selaras dengan Perkara 25, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menyatakan bahawa akses ke persekitaran yang selamat, bersih, sihat, dan lestari merupakan hak asasi manusia yang perlu dilindungi dan dipromosi.

Pertandingan ini terbuka kepada warganegara Malaysia daripada semua peringkat umur. SUHAKAM telah menerima 103 penyertaan di mana pemenang utama menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,500.00 beserta sijil penyertaan. Keputusan pertandingan telah diumumkan pada 12 Julai 2023 melalui laman rasmi Facebook SUHAKAM. Hasil rekaan tiga pemenang utama telah dicetak dan dijadikan sebagai salah satu bahan promosi untuk edaran umum. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PEMENANG	TAJUK REKAAN
1.	Kim Nasyrah Mohd Ghazali	Harmoni bersama Alam Sekitar
2.	Nor Yuliani Yuhana	Sayangi Alam Sekitar Anda
3.	Wan Nur Syahirah Megat Ismail	Pulihkan Bumi Kita

4.3 Video Animasi Keharmonian Kaum ke arah Perpaduan Negara

Sila imbas Kod QR untuk menonton video

SUHAKAM telah menghasilkan video animasi bertemakan anti-diskriminasi bertajuk Keharmonian Kaum Ke Arah Perpaduan Negara yang bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan perpaduan antara kaum di Malaysia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta matlamat Rukun Negara dalam menangani diskriminasi kaum di Malaysia. SUHAKAM menjunjung seruan Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan 2021-2030 telah menggariskan 12 strategi, antaranya, usaha yang berterusan untuk membangunkan warganegara yang patriotik dan demokratik berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan rakyat.

Prinsip-prinsip yang digariskan dalam Rukun Negara harus menjadi kunci untuk memupuk keharmonian dan perpaduan kaum dan rakyat harus bersama-sama berusaha untuk menghayati prinsip tersebut.

HARAPAN MASA HADAPAN

Meskipun pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh SUHAKAM untuk meningkatkan pengetahuan dan mempromosikan kepentingan hak asasi manusia, dapat dilihat bahawa rakyat Malaysia secara umumnya masih belum benar-benar menghayati erti sebenar hak asasi manusia. Cabaran yang semakin meruncing akibat ketidakstabilan politik dan pergolakan keamanan dunia disebabkan oleh peperangan secara tidak langsung memberikan kesan kepada peningkatan xenofobia dan menjadikan sesetengah individu semakin mementingkan diri serta tidak mengambil endah mengenai hak asasi manusia terutamanya apabila penafian hak orang lain tidak memberi kesan kepada diri mereka.

Perjalanan untuk mencapai sasaran agar hak asasi manusia dapat difahami sepenuhnya merupakan satu perjalanan yang panjang, penuh cabaran dan kekangan dari pelbagai aspek termasuk kewangan, sumber manusia serta sokongan agensi dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, SUHAKAM melalui Bahagian Media dan Promosi akan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaannya dalam mempromosi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia, menjalankan fungsinya secara bebas dan berintegriti dengan memastikan akauntabiliti yang berterusan terhadap perjuangan hak asasi manusia di Malaysia.

BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT

GAMBARAN KESELURUHAN

Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat (PIMD) meneruskan agenda memperkasa pengetahuan hak asasi manusia melalui elemen bahan terbitan SUHAKAM dengan kejayaan buat kali kedua membahaskan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM selain penganjuran sesi sulung Pemukiman *Exit Conference* Laporan Tahunan bagi memberi tambah nilai terbaik pada Laporan Tahunan SUHAKAM di mata masyarakat dan pihak bekepentingan.

Di samping itu, pertambahan minat serta penglibatan pihak berkepentingan terhadap Sudut Hak Asasi Manusia di perpustakaan memberi ruang yang cukup ampuh bagi PIMD terus menerokai pelbagai segmen dan golongan dalam mempromosikan maklumat mengenai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh SUHAKAM melalui medium yang sama.

1. PEMBENTANGAN DAN PERBAHASAN LAPORAN TAHUNAN SUHAKAM

Tahun 2023 disifatkan sebagai tahun yang bersejarah buat SUHAKAM dengan kejayaan pembentangan dan perbahasan buat kali kedua Laporan Tahunan (dan Penyata Kewangan) SUHAKAM 2020 pada Sidang Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Rakyat ke 15 yang dijalankan pada Jun 2023.

Tindakan ini selari dengan Artikel 3(a) Prinsip Paris 7, yang menyatakan bahawa peranan penting sebagai sebuah Institusi Hak ASasi Manusia Kebangsaan (NHRI) ialah: "Mengemukakan kepada Kerajaan, Parlimen dan mana-mana badan yang berwibawa, berdasarkan nasihat, sama ada atas permintaan pihak berkuasa yang berkenaan atau melalui kuasa untuk mendengar sesuatu perkara tanpa rujukan, pendapat, syor, cadangan dan laporan yang lebih tinggi terhadap sebarang perkara yang berkaitan dengan promosi dan perlindungan hak asasi manusia; institusi negara boleh membuat keputusan untuk menerbitkan; pendapat, syor, cadangan

dan laporan ini, serta mana-mana prerogatif institusi negara, hendaklah berhubungan dengan ..”

Sesi perbahasan Laporan Tahunan SUHAKAM 2020 sepanjang tiga hari tersebut telah mencatatkan sejarah apabila 21 orang Ahli Parlimen mengambil bahagian untuk membahas dan mengutarakan isu serta syor kepada Kerajaan dan pihak berkepentingan.

Ironinya sesi ini diadakan dengan penyertaan maklum balas dan jawapan secara langsung dan terus dari YB Menteri dan Timbalan Menteri bagi Kementerian dan Agensi berkenaan.

Susulan kejayaan dan komitmen Kerajaan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2020 yang berjaya dibahaskan pada tahun ini dengan jangkaan proses yang sama dapat dijalankan bagi tahun-tahun berikutnya, maka adalah wajar supaya isu-isu berkenaan hak asasi manusia ini terus diangkat dan diberikan perhatian oleh wakil rakyat dan masyarakat secara umumnya.

Hal ini berasaskan kepada perkara berkaitan hak asasi manusia dinyatakan dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan sebagai Kebebasan Asasi (Perkara 5 - 13). Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua ahli parlimen yang diundi mewakili kawasan masing-masing dan sebagai penggubal undang-undang untuk mengiktiraf serta mencari penyelesaian praktikal dan terbaik untuk jangka masa panjang terhadap isu hak asasi manusia.

YB Menteri sedang membentangkan usul perbahasan bagi Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan SUHAKAM 2020.

Antara isu yang telah dibangkitkan adalah berkaitan pendidikan, reformasi penjara, pemerdagangan manusia, pelarian dan pekerja migran, hak warga emas, kewarganegaraan, alternatif kepada penahanan kanak-kanak dan hak tanah Orang Asli/Asal.

Selain itu, Dewan Rakyat turut menerima syor berkaitan penyertaan aktif SUHAKAM dalam dua Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyuarakat serta Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihanraya dan Reformasi Institusi, pindaan kepada Akta SUHAKAM, kepentingan penyertaan kepada triti hak asasi manusia antarabangsa, Islam dan Hak Asasi Manusia dan keperluan perhatian terhadap tempoh penyelesaian aduan.

SUHAKAM turut mengeluarkan Kenyataan Media Khas pada 15 Jun 2023 sebagai satu penghargaan atas usaha Kerajaan membentang dan membahas Laporan Tahunan SUHAKAM tersebut.

KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

EDITOR, MEJA BERITA **UNTUK SIARAN SEGERA**

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (15 JUN 2023) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merakamkan penghargaan kepada Kerajaan kerana membentangkan dan membahaskan Laporan Tahunan SUHAKAM 2020 semasa mesyuarat kedua penggal kedua Parlimen ke-15 pada tahun 2023. Peristiwa penting ini merupakan kali kedua selepas Laporan Tahunan SUHAKAM dibahaskan buat kali pertama sejak penubuhan pada tahun 1999. SUHAKAM berharap agar perbahasan yang bermakna ini diteruskan untuk tahun yang akan datang.

Sepanjang tempoh tiga hari perbahasan, kesemua Ahli Parlimen yang terlibat membangkitkan pelbagai isu hak asasi manusia yang penting. Antaranya mengenai kewarganegaraan, pendidikan, undang-undang pencegahan, reformasi penjara, pemerdagangan manusia, pelarian, pekerja migran dalam sektor pertanian, hak warga emas, Alternatif untuk Penahanan (ATD) kanak-kanak, hak Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan hak Orang Asal di Sabah dan Sarawak.

SUHAKAM memperakui semua saranan pembahas dalam mempromosi hak asasi manusia. Antara syor merangkumi penyertaan aktif SUHAKAM dalam dua Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat serta Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, pindaan kepada Akta SUHAKAM, kepentingan triti hak asasi manusia antarabangsa, keserasian hak asasi manusia dalam kalangan masyarakat Islam, dan keperluan menyelesaikan aduan tepat pada masanya.

Kerjasama antara Parlimen dan SUHAKAM semasa sesi perbahasan ini telah menggambarkan kepentingan hak asasi manusia serta penglibatan sebahagian besar Ahli Parlimen yang meluangkan masa dan tenaga bagi membincangkan isu-isu berbangkit didalam laporan tahunan ini menunjukkan komitmen para penggubal undang-undang dalam memperbaiki jurang serta caburan yang telah dikenalpasti.

SUHAKAM kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan bagi mengukuhkan lagi promosi dan perlindungan hak asasi manusia di negara ini.

-TAMAT-

Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad
Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
15 Jun 2023

2. SUDUT HAK ASASI MANUSIA

PIMD melalui Unit Perpustakaan meneruskan komitmen dalam memperkasakan mandat memberikan pendidikan dan pendedahan mengenai hak asasi manusia melalui sebuah program iaitu Sudut Hak Asasi Manusia yang memberi fokus kepada medium bahan bacaan dan penerbitan di Perpustakaan.

Sebagai sebuah perpustakaan khusus menempatkan sebahagian besar koleksi penerbitan selepas 25 tahun penubuhannya yang berteraskan hak asasi, kemanusiaan dan sains sosial maka penubuhan Sudut Hak Asasi Manusia ini dilihat sebagai strategi serampang dua mata dalam memberi promosi secara tidak langsung kepada Perpustakaan SUHAKAM selain turut menjadi pemangkin kepada agenda menyebarluaskan kesedaran mengenai hak asasi manusia.

Situasi Sudut Hak Asasi Manusia yang dikunjungi pengunjung di Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka Cawangan Masjid Tanah.

Melalui slogan 'Membawa Perpustakaan SUHAKAM kepada Anda', strategi jalinan kerjasama yang diatur bersama dengan memberi fokus khusus kepada kumpulan sasar iaitu lokasi yang mempunyai kemudahan perpustakaan dilihat dapat memberikan impak secara langsung kepada pihak yang berkolaborasi dan secara tidak langsung kepada masyarakat setempat.

Pada tahun ini, sebanyak 10 buah lokasi Sudut Hak Asasi Manusia telah berjaya diwujudkan kepada khalayak dari pelbagai kategori antaranya

melalui penubuhan lokasi bertempat di perpustakaan institusi latihan Kerajaan, perpustakaan awam dan perpustakaan institusi pengajian tinggi dengan pembukaan sudut di lokasi-lokasi berikut:

a) Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Cawangan Baling – Januari
b) Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Cawangan Sg.Petani – Februari
c) Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Cawangan Merbok – Mac
d) Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Cawangan Masjid Tanah – Mei
e) Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Cawangan Jitra – Jun
f) Perpustakaan Kolej Komuniti Kuantan – September
g) Perpustakaan Institut Penilaian Negara (Kementerian Kewangan) – September
h) Perpustakaan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) – November
i) Perpustakaan Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP), Kuantan - November
j) Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Cawangan Alor Gajah – Disember

Kesungguhan dalam memperkasakan kempen kesedaran melalui medium penerbitan dan perpustakaan ini telah merangkumi kerjasama melewati pelbagai Kementerian, agensi dan pihak yang berkepentingan tersebut menjadikan jumlah keseluruhan Sudut Hak Asasi Manusia yang telah berjaya diwujudkan sejak tahun 2018 yang masih/telah beroperasi adalah sebanyak 27 buah lokasi.

Lokasi berkenaan terdiri daripada 12 buah Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Cawangan di negeri Melaka dan Kedah, 6 buah Perpustakaan Agensi / Institusi Latihan Kerajaan, 3 buah Perpustakaan Komuniti dan 6 buah Perpustakaan Institusi Pengajian Tinggi seperti yang berikut:

Berikut merupakan senarai Sudut Hak Asasi Manusia sejak ditubuhkan pada 2019

BIL.	LOKASI
	2019
1	INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI)
2	*INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY*, NILAI, NEGERI SEMBILAN
3	INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (KEM. PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT)

BIL.	LOKASI
	2020
1	IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
	2021
1	MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, KOMPLEKS 3C SUNWAY
2	INSTITUT KEMAJUAN DESA (KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH)
3	MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, KOMPLEKS 3K SERI KEMBANGAN
4	MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, BANDAR PUTERI PUCHONG
	2022
1	UNIVERSITI TEKNOLOGI SARAWAK, SIBU, SARAWAK
2	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI MELAKA (PERPUSTAM) HQ BUKIT BARU
3	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, SINTOK, KEDAH
4	PERPUSTAM CAWANGAN MERLIMAU, MELAKA
5	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI KEDAH (PPAK) HQ ALOR SETAR
6	KOLEJ ANTARABANGSA KOMPAS, IPOH, PERAK
7	PPAK CAWANGAN KULIM, KEDAH
8	PPAK CAWANGAN BANDAR BAHARU, KEDAH
9	PERPUSTAM CAWANGAN JASIN, MELAKA
	2023
1	PPAK CAWANGAN BALING, KEDAH
2	PPAK CAWANGAN SG PETANI, KEDAH
3	PPAK CAWANGAN MERBOK, KEDAH
4	PERPUSTAM CAWANGAN MASJID TANAH, MELAKA
5	PPAK CAWANGAN JITRA, KEDAH
6	KOLEJ KOMUNITI KUANTAN, PAHANG
7	INSTITUT PENILAIAN NEGARA – INSPEN (KEMENTERIAN KEWANGAN)
8	INSTITUT LATIHAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN – I-KPKT (KEM. PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN)
9	UCYP (KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN PAHANG) KAMPUS UTAMA, KUANTAN, PAHANG
10	PERPUSTAM CAWANGAN ALOR GAJAH, MELAKA

Usai sesi taklimat dan pewujudan Sudut Hak Asasi Manusia bersama Pengarah I-KPKT, Tuan Adel Al Hashir

Selain itu, hasil pewujudan Sudut Hak Asasi Manusia di Institut Kemajuan Desa (INFRA) pada 2021 telah memberi impak dalam membuka ruang kepada Perpustakaan SUHAKAM melalui jemputan yang diterima oleh bagi terlibat dalam beberapa siri program yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta Jabatan Belia Negeri Terengganu yang dijayakan bersama Bahagian Media dan Promosi SUHAKAM.

Adalah menjadi harapan agar hebahan maklumat mengenai kejayaan Sudut Hak Asasi Manusia ini bakal membuka ruang kerjasama pelbagai pihak lain dalam meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia di Malaysia.

Antara Pegawai Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB), UUM yang menghadiri sesi taklimat bersempena pewujudan Sudut Hak Asasi Manusia di Universiti Utara Malaysia pada Mac 2023

3. SESI *EXIT CONFERENCE*

Sepertimana yang sedia maklum di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) dan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) telah memperuntukkan bahawa SUHAKAM hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu Laporan Tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun.

Selaras dengan keperluan mendapatkan maklumbalas terhadap isu dan syor yang dikemukakan kepada Kementerian dan Agensi Kerajaan melalui penyediaan Laporan Maklumbalas terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM sebelum ini.

Sehubungan itu, sesi ini dijalankan sebagai langkah meningkatkan lagi kaedah pemurnian fakta, penyampaian dan pengendalian proses mendapatkan maklumbalas dari agensi dan pihak yang berkepentingan selain dapat memudahkan proses pembentangan dan perbahasan Laporan Tahunan SUHAKAM di Parlimen kelak.

Adalah diharapkan agar perhatian, kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak dapat mempertingkatkan kualiti maklumbalas dari Kerajaan sekaligus memberi isyarat kepada masyarakat mengenai pertimbangan Malaysia dalam mengangkat isu Hak Asasi Manusia secara tuntas dan telus.

Sebahagian foto sekitar sesi Exit Conference.

HARAPAN MASA HADAPAN

Adalah diharapkan bahawa dengan penglibatan aktif PIMD bersama pihak yang berkepentingan akan sedikit sebanyak membantu terutama sekali berkaitan promosi dan pendidikan mengenai hak asasi manusia di Malaysia.

Kepelbagaian segmen serta lapisan audien turut menjadikan perjalanan PIMD dalam mengembangkan lagi bahan-bahan penerbitan menjadi semakin menarik dengan pelbagai kemajuan teknologi yang akan menjadi medium tambahan yang akan diselusuri pada masa hadapan.

Hubungan baik serta harapan kerjasama dari pelbagai pihak juga sedia dijalin bagi memastikan hasrat SUHAKAM dalam menjuarai isu-isu hak asasi manusia ini tidak dipandang enteng.

SAMBUTAN HARI HAK ASASI MANUSIA

Hari Hak Asasi Manusia sedunia diraikan setiap tahun pada 10 Disember untuk memperingati pengangkatan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA). Penubuhan rasmi Hari Hak Asasi Manusia bermula pada tahun 1950 apabila UNGA meluluskan Resolusi 423 (V) dan menjemput semua Negara dan organisasi yang berminat untuk mengisytiharkan 10 Disember setiap tahun sebagai Hari Hak Asasi Manusia.

Tahun 2023 menandakan ulang tahun ke-75 UDHR dan memberi peluang besar kepada Malaysia untuk mencerminkan pencapaian, amalan terbaik, dan cabaran yang telah diatasi dalam merealisasikan hak asasi manusia dan kebebasan asas. Penilaian Berkala Sejagat (UPR) telah menyediakan suatu platform penting bagi Malaysia untuk mengkaji semula kemajuan dan mengulangi komitmennya untuk menegakkan prinsip-prinsip yang termaktub dalam UDHR.

SUHAKAM bersama Kementerian Luar Negeri (KLN), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM) dan Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia telah menganjurkan sebuah Forum Hari Hak Asasi Manusia pada 12 Disember 2023. Forum ini adalah bagi memperingati Hari Hak Asasi Manusia dan juga ulang tahun ke-75 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR75) yang bertemakan UDHR75: Perjalanan Malaysia dalam Memajukan Agenda Hak Asasi Manusia Melalui Penilaian Berkala Sejagat.

Forum ini telah diadakan di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, ahli akademik, organisasi masyarakat sivil (CSO), agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), duta asing, badan pemikir, belia, entiti perniagaan dan petugas media. Selain daripada memperingati Hari Hak Asasi Manusia, Forum ini juga bertujuan untuk:

i. menyerlahkan kemajuan Malaysia dalam kemajuan dan penggalakan hak asasi manusia ketika dunia memperingati UDHR75;

ii. menggalakkan kesedaran awam dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam UPR; dan

iii. meningkatkan kerjasama antara kerajaan, organisasi masyarakat sivil, sektor swasta, media, akademik dan pihak berkepentingan lain mengenai keutamaan hak asasi manusia utama dan hubungan mereka dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

1. FORUM HARI HAK ASASI MANUSIA 2023



UDHR75: Perjalanan Malaysia dalam Memajukan Agenda Hak Asasi Manusia Melalui Penilaian Berkala Sejagat

Forum ini telah disertai oleh peserta secara fizikal dan dalam talian. Seramai 450 orang telah hadir secara fizikal manakala sekitar 350 orang hadir dalam talian, yang terdiri daripada agensi Kerajaan, kor diplomatik, belia, ahli akademik, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat madani.

Forum dimulai dengan ucapan alu-aluan oleh Pesuruhjaya SUHAKAM, Datuk Mariati Robert, mesej Hari Hak Asasi Manusia menerusi rakaman video oleh Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres dan ucapan pembukaan oleh Penyelaras Residen PBB bagi Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Karima El Korri.

Pesuruhjaya SUHAKAM, dalam ucapan alu-aluannya telah meminta semua hadirin, untuk berdiam diri sejenak, bagi memperingati mangsa pencabulan hak asasi manusia dan krisis kemanusiaan di seluruh dunia serta berharap supaya pencabulan hak asasi manusia tersebut akan berakhir dalam masa terdekat, dengan sokongan padu semua.

SUHAKAM telah juga menyatakan bahawa menurut Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (HRC), UPR adalah mekanisme HRC di mana rekod hak asasi manusia kesemua 193 Negara Anggota PBB termasuk Malaysia akan menjalani semakan setiap 4 1/2 tahun, satu proses yang memerlukan setiap Negara melaporkan tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan hak asasi manusia di negara mereka dan menerima cadangan daripada Negara Anggota PBB yang lain. Secara ringkasnya, UPR ialah platform untuk kerajaan memberikan maklum balas antara satu sama lain, dan untuk menilai sama ada Negara mematuhi komitmen mereka yang dibuat di peringkat antarabangsa.

Malaysia telah menerima 268 syor UPR daripada Negara Anggota PBB. SUHAKAM menyambut baik usaha Kerajaan untuk menginstitusikan proses UPR dan akan meneruskan peranannya untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan aktif daripada masyarakat madani dan akan turut menggunakan platform UPR dalam usaha advokasinya.

SUHAKAM juga telah menyatakan bahawa salah satu ikrar Kerajaan semasa proses pencalonan untuk menjadi ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN HRC 2022-2024) adalah untuk mengambil pendekatan seluruh masyarakat dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia, terutamanya dalam penilaian, pemantauan, dan pelaksanaan syor-syor UPR.

Penyelaras Residen PBB pula telah mengatakan: "Pelanggaran hak asasi manusia bukan sahaja menyebabkan penderitaan manusia dan situasi kemanusiaan yang dahsyat dan menghalang keamanan dan keselamatan global, tetapi ia juga mengancam untuk mengundurkan pembangunan selama beberapa dekad, dan meletakkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di luar jangkauan. Pematuhan kepada UDHR adalah laluan untuk membawa pembangunan kembali ke landasan yang betul di peringkat global dan di Malaysia."

1.1 Forum Hari Hak Asasi Manusia 2023 pada 12 Disember 2023

Ucapan Perasmian Forum Hari Hak Asasi Manusia 2023 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan memperingati UDHR75, mencerminkan pencapaian Malaysia, cabaran dan penerokaan usaha untuk memajukan agenda hak asasi manusia. Turut digariskan kejayaan peranan mekanisme seperti UPR dalam

menyokong Agenda 2030 dan meningkatkan penyelarasan merentasi semua tonggak PBB.

Turut ditekankan bahawa pendekatan seluruh masyarakat yang diguna pakai oleh Malaysia dalam UPR adalah selari dengan nilai Malaysia Madani yang bertujuan untuk menyediakan rakyatnya dalam merealisasikan hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan budaya dalam suatu persekitaran yang holistik.

Dalam konteks Malaysia, UPR telah membantu menjalin kerjasama yang lebih erat dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat termasuk di peringkat akar umbi mengenai keutamaan hak asasi manusia negara. UPR Keempat Malaysia akan berlangsung semasa Sesi Ke-45 Kumpulan Kerja UPR di Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) pada 25 Januari 2024 di Geneva, Switzerland.

Setelah tamat ucapan perasmian tersebut, seramai 39 pelajar Bulan Sabit Merah Malaysia dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah mempersembahkan persembahan pantomin yang bertemakan Empat Konvensyen Geneva.

Forum diteruskan dengan sesi perbincangan panel. Ahli panel telah membincangkan mengenai pelbagai isu semasa termasuk isu-isu berkaitan hak kanak-kanak, hak wanita dan perlindungan untuk wanita terhadap keganasan, pengukuhan institusi hak asasi manusia



di Malaysia serta komitmen Kerajaan terhadap pelaporan UPR dan SDG.

Sesi Forum tersebut dikendalikan oleh Puan Nurhalida Mohamed Khalil, Pensyarah Kanan dari Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, manakala ahli-ahli panel terdiri daripada Puan Sharon Ho, Setiausaha Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan KLN; Encik Kiu Jia Yaw, Pengerusi Bersama Malaysia CSO-SDG Alliance; YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU JPM; YBhg. Datin Izzatul Shima Md Thahir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita; YBrs. Dr. Farah Nini Dusuki Pesuruhjaya Kanak-Kanak, SUHAKAM; dan Puan Reem Alsalem, Pelapor Khas PBB Mengenai Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan.

SUHAKAM juga telah meluncurkan Buku Panduan Cadangan Aktiviti Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di Sekolah, diikuti dengan peluncuran video bertajuk, 'Masyarakat Harmoni Ke Arah Mencapai Perpaduan Negara'. Kandungan video tersebut adalah untuk memberi kesedaran mengenai larangan diskriminasi terhadap mana-mana individu tidak kira berdasarkan kaum, warna kulit, keturunan, atau asal usul kebangsaan atau etnik. Setiap orang adalah sama rata di hadapan undang-undang dan perlindungan daripada sebarang bentuk diskriminasi.

Majlis penutup bagi Forum Hari Hak Asasi Manusia 2023 telah disempurnakan oleh YB Ramkarpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) di mana para hadirin dimaklumkan berkenaan pencapaian Malaysia dan perkara-perkara yang perlu ditambah baik berkaitan dengan hak asasi manusia di Malaysia. Ucapan penutup beliau telah disampaikan oleh Puan Intan Syahrina Zainal Abidin, Pengarah Seksyen Dasar dan Penyelidikan, BHEUU JPM.

Antara pencapaian tersebut yang di maklumkan adalah pemansuhan hukuman mati mandatori, pindaan kepada Akta SUHAKAM 1999 [Akta 597] dan pembangunan bagi Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR). Semua kejayaan ini adalah sebagai bukti komitmen berterusan Kerajaan dalam memajukan agenda hak asasi manusia.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM berharap agar komitmen yang telah dinyatakan oleh pihak berkepentingan terutamanya Kerajaan dalam memastikan pelaksanaan UPR, reformasi institusi dan pemerkasaan SUHAKAM akan dapat diterus dan direalisasikan. SUHAKAM bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak selaras dengan prinsip 'tiada sesiapapun yang akan ketinggalan' bagi mencapai Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

BAB 2

PEMERKASAAN DASAR, PERUNDANGAN DAN KOORDINASI ANTARABANGSA BERKAITAN HAK ASASI MANUSIA

BAHAGIAN DASAR

GAMBARAN KESELURUHAN

SUHAKAM melalui Bahagian Dasar (PD) terus melaksanakan fungsinya di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] untuk menasihati Kerajaan dalam merumuskan dasar dan mengesyorkan langkah-langkah sewajarnya yang perlu diambil agar selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Dalam sesi rangka kerja 2023, Bahagian Dasar telah mengenal pasti beberapa isu yang perlu diberi tumpuan iaitu isu-isu tanpa kewarganegaraan, buruh paksa, warga emas, gig ekonomi, inkuiri nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli serta undi pos luar negara. Secara keseluruhannya, kebanyakan aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan seperti dinyatakan dalam pelaporan Bahagian ini. Namun, beberapa aktiviti terpaksa ditunda ke tahun hadapan disebabkan kekangan masa.

1. TANPA KEWARGANEGARAAN

1.1 Majlis Pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia

Pada Julai 2021, SUHAKAM telah melantik Prof. Madya Dr. Melati Nungsari untuk memulakan projek kajian selama 9 bulan mengenai hak asasi manusia dan tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Kajian mendalam ini telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji isu-isu dan kebimbangan yang dihadapi oleh orang tanpa kewarganegaraan di negara ini serta memahami kerumitan dan dinamik yang menyelubungi isu tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Kajian ini juga diadakan untuk menjalankan penilaian menyeluruh terhadap rangka kerja undang-undang, dasar, pentadbiran dan institusi serta proses/

Sila imbas Kod QR
untuk memuat turun buku tanpa Kewarganegaraan

amalan yang memberi kesan terhadap akses kepada kewarganegaraan di Malaysia. Kajian tersebut telah selesai dijalankan pada April 2022, dan SUHAKAM juga telah menerbitkan laporan hasil kajian tersebut yang bertajuk Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Laporan penuh kajian boleh diakses menerusi kod QR seperti dilampirkan pada mukasurat 70.

Pelancaran Laporan SUHAKAM 'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia' pada 13 Mac 2023

Laporan Kajian Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia telah dilancarkan secara rasminya oleh YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) pada 13 Mac 2023 di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh YBrs. Tuan Abdul Aziz Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU).

Laporan itu diserahkan kepada Tuan Abdul Aziz oleh empat wakil daripada Majlis Perundingan Kanak-Kanak (CCC). Penubuhan CCC merupakan langkah proaktif dalam merealisasikan hak penyertaan kanak-kanak melalui penglibatan secara langsung, serta membawa suara kanak-kanak berkaitan isu dan hak kanak-kanak di Malaysia. CCC Malaysia akan bertindak sebagai badan perundingan kanak-kanak di bawah pengawasan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC), SUHAKAM.

Peserta Majlis Pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM pada 13 Mac 2023

Seramai 225 orang peserta telah menghadiri majlis tersebut, iaitu 71 orang hadir secara bersemuka manakala 154 orang hadir secara dalam talian. Peserta yang hadir terdiri daripada agensi Kerajaan, organisasi masyarakat sivil (CSO), organisasi antarabangsa, ahli akademik, ahli parti politik, ahli parlimen dan individu.

YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah memberikan ucapan khas menerusi klip video. Dalam perutusan khas beliau, YB Menteri mengakui isu tanpa kewarganegaraan sebagai isu global yang serius yang menghalang pembangunan dan kemajuan negara. Beliau menzahirkan kebimbangan terutamanya terhadap akses kanak-kanak tanpa kewarganegaraan kepada hak asasi, menekankan pentingnya mengambil pendekatan strategik untuk menangani isu tersebut, dan menggesa kerjasama antara semua pihak berkepentingan di Malaysia.

Sementara itu, YB Tuan Ramkarpal Singh dalam ucaptama yang disampaikan secara dalam talian telah mengalu-alukan inisiatif SUHAKAM dalam menangani isu tanpa kewarganegaraan di negara ini dengan menjalankan kajian untuk menghasilkan penemuan dan cadangan berasaskan bukti mengenai isu hak mereka yang tiada warganegara di Semenanjung Malaysia. Beliau turut mengakui bahawa Malaysia tidak mempunyai dasar atau undang-undang khusus yang memberikan definisi undang-undang untuk orang tanpa kewarganegaraan di negara ini sedangkan hak kepada kewarganegaraan merupakan isu asas dan hak asasi manusia yang berhak dimiliki oleh semua orang. Pada asasnya, orang tanpa kewarganegaraan tidak

Empat Wakil Majlis Perundingan Kanak-Kanak (CCC)

akan dapat menikmati keistimewaan sebagai seorang warganegara yang diberikan oleh mana-mana negara. Mereka sering dipinggirkan dan terpaksa berhadapan cabaran dinafikan hak asas yang lain seperti hak kepada pendidikan dan pekerjaan.

Di samping komitmen Kerajaan untuk mengkaji semula undang-undang berkaitan isu kewarganegaraan, YB Timbalan Menteri juga berkongsi usaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menyelesaikan isu pemberian kewarganegaraan kepada anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada wanita Malaysia dengan pasangan warga asing.

Hasil dapatan utama Laporan Kajian telah dibentangkan oleh penyelidik Prof. Madya Dr. Melati Nungsari dan Cik Nicole Fong. Di samping itu, bagi melengkapi majlis tersebut, satu panel diskusi bertajuk *Ending Statelessness in Malaysia: Critical Role of Policy and Law Reform and Way Forward* turut diadakan dengan barisan ahli panel yang terdiri daripada Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj. Shad Saleem Faruqi, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Cik Jasmine Wong dan Cik Maalini Ramalo bagi mengupas isu-isu kewarganegaraan di Malaysia. Sesi panel dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tuan Ragunath Kesavan.

Antara Ahli Panel Sesi Diskusi *Ending Statelessness in Malaysia: Critical Role of Policy and Law Reform and Way Forward*

Berikut adalah antara isu utama berkenaan kewarganegaraan yang dibangkitkan semasa panel diskusi:

- Tanpa kewarganegaraan di Malaysia telah menjadi isu yang telah lama berlarutan dan terdapat pelbagai faktor penyebab tanpa kewarganegaraan ini. Antaranya termasuklah jurang dalam undang-undang kewarganegaraan, isu pentadbiran atau prosedur dalam mendapatkan dokumen pengenalan diri, tidak mendaftar perkahwinan ibu bapa, tiada bukti kelahiran atau pengabaian kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri, dan kurang kesedaran tentang kepentingan pendaftaran kelahiran;
- Peruntukan gender yang tidak sama rata dalam undang-undang berkaitan kewarganegaraan juga menjadi salah satu faktor penyumbang kepada berlakunya tanpa kewarganegaraan di Malaysia, terutamanya kanak-kanak yang dilahirkan di luar Malaysia oleh ibu warganegara Malaysia dan bapa bukan warganegara Malaysia;
- Walaupun lelaki Malaysia mempunyai hak automatik untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara melalui proses pendaftaran mengikut Perkara 14 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan, wanita Malaysia yang berkahwin dengan pasangan asing tidak dapat memberikan

kewarganegaraan Malaysia kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara, dengan cara yang sama, berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan sekarang;

- Keperluan untuk mengenal pasti populasi orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Kesedaran mengenai tanpa kewarganegaraan dan mengenal pasti populasi tanpa kewarganegaraan adalah langkah awal dalam usaha menangani masalah ini. Terdapat cadangan supaya Prosedur Penentuan Tanpa Kewarganegaraan (*Stateless Determination Procedure*) dibangunkan bagi tujuan tersebut;
- Hak kepada pendidikan bagi kanak-kanak tanpa warganegara perlu diberi perhatian. Ini bagi memastikan hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan terjamin tanpa mengira status/ latar belakang kewarganegaraan mereka;
- Keperluan untuk menyemak kembali undang-undang yang membezakan anak sah taraf dengan anak tidak sah taraf. Ini kerana kanak-kanak tidak sepatutnya menjadi mangsa kepada keadaan di luar kawalan mereka dan sebelum kelahiran mereka;
- Terdapat peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang bersifat mendiskriminasi ibu sekiranya anak dilahirkan di luar negara;
- Terdapat peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang bersifat mendiskriminasi anak sekiranya anak dilahirkan di luar negara kepada ibu bukan warganegara Malaysia dan anak tidak sah taraf;
- Berhubung pendaftaran kelahiran, terdapat keperluan untuk memperkukuhkan usaha dan memperluaskan capaian bagi memastikan dokumentasi dan pendaftaran kelahiran dibuat sepenuhnya terutama kepada golongan rentan;
- Cadangan pemerolehan/pemberian kewarganegaraan melalui pendaftaran dan proses naturalisasi. Ini menyediakan alternatif sekiranya permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang gagal. Di samping itu, terdapat juga cadangan supaya pemberian status penduduk tetap atas dasar budi bicara diberi pertimbangan sekiranya permohonan kewarganegaraan tidak boleh dipenuhi;
- Permohonan kewarganegaraan yang ditolak tanpa dimaklumkan alasan penolakan kepada pemohon. Terdapat keperluan supaya KDN/Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memaklumkan alasan/ sebab penolakan kepada pemohon supaya pemohon boleh membuat tindakan seterusnya; dan

- Memperkemaskan kesedaran dan latihan kepada pegawai KDN dan JPN mengenai Perlembagaan Persekutuan dan keputusan penghakiman yang melibatkan hal-hal berkaitan kewarganegaraan.

1.2 Sesi Libat Urus Berkaitan Pindaan Perlembagaan Persekutuan Berhubung Isu-Isu Kewarganegaraan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Februari 2023 telah bersetuju agar pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung isu-isu kewarganegaraan dilaksanakan. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung isu-isu kewarganegaraan telah ditubuhkan bagi meneliti dan mengkaji aspek-aspek berkaitan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan, KDN telah dilantik sebagai Urus Setia dan Sekretariat Jawatankuasa Teknikal di bawah Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan kajian terperinci berhubung Pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Sesi Libat Urus bersama Urus Setia dan Sekretariat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan

Sehubungan itu pada 18 April 2023, satu sesi libat urus telah diadakan oleh Sekretariat Jawatankuasa Teknikal Pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada SUHAKAM berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan khususnya Bahagian III (Kewarganegaraan).

1.2.1 Input SUHAKAM berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan Bahagian III (Kewarganegaraan)

Sebagai susulan kepada sesi libat urus tersebut, SUHAKAM pada 2 Jun 2023 telah menyediakan dan menghantar syor-syor input berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan kepada Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. Berikut adalah syor-syor input yang dikemukakan oleh SUHAKAM:

a. Diskriminasi Gender dalam Undang-Undang Kewarganegaraan Malaysia

i. Kanak-kanak yang dilahirkan di luar Malaysia oleh Ibu warganegara Malaysia dan bapa bukan warganegara Malaysia

- SUHAKAM mengesyorkan agar hak semua kanak-kanak untuk kewarganegaraan Malaysia dihormati. Terdapat keperluan kepada pindaan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan reformasi undang-undang dan dasar semasa bagi memastikan fleksibiliti kepada rangka kerja undang-undang untuk melindungi hak kanak-kanak; dan bahawa status perkahwinan ibu bapa tidak boleh menjejaskan hak kanak-kanak.
- SUHAKAM juga mengesyorkan supaya:
  - Memansuhkan undang-undang dan dasar kewarganegaraan yang mendiskriminasi gender. Khususnya, meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan kanak-kanak yang dilahirkan oleh warganegara Malaysia memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik, tanpa mengira gender ibu bapa warganegara Malaysia dan sama ada kanak-kanak itu dilahirkan di dalam atau di luar Malaysia.
  - Memastikan pemakaian komprehensif perlindungan sedia ada yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan setiap kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia, yang jika tidak mempunyai warganegara, diberikan kewarganegaraan Malaysia, tanpa mengira gender, etnik, dokumentasi atau status imigresen ibu bapa.
  - Pertalian darah (*consanguinity*) dengan salah satu ibu atau bapa sepatutnya mencukupi.

ii. Anak yang dilahirkan di luar nikah atau sebelum perkahwinan didaftarkan
- Undang-undang harus menghapuskan perbezaan antara anak yang sah dan tidak sah taraf. Kanak-kanak tidak sepatutnya menjadi mangsa keadaan yang di luar kawalan mereka dan sebelum kelahiran mereka.

b. Hak yang Sama untuk Penjagaan

i. Terdapat keperluan untuk Kerajaan mengkaji dan meminda sebarang peruntukan diskriminasi dalam undang-undang kewarganegaraannya.

ii. Tafsiran progresif undang-undang Syariah yang menghormati hak kesamarataan diperlukan.

c. Anak Angkat

i. Pinda Akta Pengangkatan 1952 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [Akta 253]
- Untuk mengadakan peruntukan kepada hak anak angkat untuk mendapat kewarganegaraan sekiranya salah satu ibu atau bapa angkat adalah warganegara Malaysia

ii. Pindaan kepada Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan
- Memperuntukkan 'ibu bapa' sebagai termasuk ibu bapa angkat untuk mengehadkan pemakaian Seksyen 17 dalam menentukan kewarganegaraan kanak-kanak itu.
- Menggantikan perkataan 'bapa' kepada 'ibu bapa' dalam Seksyen 1(b) dan 1(c).
- Dalam tafsiran Seksyen 1(e) dan Seksyen 2(3), memperuntukkan bahawa kewarganegaraan (Malaysia atau asing) ibu bapa kandung kanak-kanak itu sebagai tidak relevan.

iii. Menggubal undang-undang khusus untuk memperuntukkan kemasukan hak anak angkat untuk mendapat kewarganegaraan jika salah seorang ibu atau bapa angkat adalah warganegara Malaysia.

iv. Mempunyai peruntukan untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan mewarisi kewarganegaraan Malaysia ibu bapa angkat mereka.

d. Kanak-kanak Terbiar di Malaysia

i. Terdapat keperluan untuk JPN mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi pendaftaran kelahiran kanak-kanak terbiar.

ii. Keperluan undang-undang yang berkesan mengenai kewarganegaraan dan pendaftaran kelahiran sejagat (universal birth registration) ke arah menyelesaikan masalah tersebut.

iii. Mempunyai peruntukan untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan mewarisi kewarganegaraan Malaysia ibu bapa angkat mereka.

iv. Mengeluarkan keperluan untuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan untuk mengesan kembali ibu bapa mereka yang mungkin telah meninggalkan mereka.

v. Memastikan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di bawah rumah dan tempat perlindungan JKM mempunyai dokumen pendaftaran kelahiran dan kewarganegaraan.

vi. Membantu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di bawah rumah dan tempat perlindungan JKM dengan permohonan kewarganegaraan.

e. Seksyen 1(e) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan

i. Seksyen 1 (e) Bahagian II, Jadual Kedua, perlu dipinda untuk tidak terpakai kepada pelarian, pencari suaka yang melarikan diri daripada peperangan, pembunuhan beramai-ramai dan jenayah terhadap kemanusiaan. Ia mengabaikan hakikat bahawa ibu bapa telah melarikan diri dari negara mereka dan tidak mungkin mereka atau anak-anak mereka akan kembali membina kehidupan di negara yang mereka telah melarikan diri.

ii. Kerajaan perlu mentafsir Perlembagaan Persekutuan dalam semangat melindungi individu dan populasi tanpa kewarganegaraan, dan kepentingan terbaik kanak-kanak adalah dilindungi apabila mentafsir Perlembagaan Persekutuan.

iii. Dalam tafsiran Seksyen 1(e) dan Seksyen 2(3), untuk memberikan bukti bahawa kewarganegaraan (Malaysia atau asing) ibu bapa kandung kanak-kanak itu adalah tidak relevan.

f. Kewarganegaraan Melalui Pendaftaran (Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan)

i. Mengguna pakai garis panduan yang lebih telus bagi kelulusan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A.

ii. Mengambil langkah segera untuk memendekkan proses membuat keputusan.

iii. Melaksanakan langkah-langkah dan perubahan perundangan untuk memperbaiki proses pendaftaran.

Walaupun SUHAKAM telah mengemukakan syor-syor dan cadangan penambahbaikan berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung isu kewarganegaraan, SUHAKAM berasa kecewa kerana (semasa laporan ini ditulis), sebahagian besar input dan cadangan penambahbaikan tersebut tidak diberi pertimbangan oleh Kerajaan untuk dimasukkan dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan.

SUHAKAM memandang serius perkara ini dan menggesa agar Kerajaan mengadakan sesi libat urus yang holistik dan komprehensif dengan pelbagai pihak berkepentingan sebelum pindaan tersebut dimuktamadkan dan dibahas di Dewan Rakyat. Setiap pindaan perlu dipertimbangkan dengan teliti selari dengan prinsip hak asasi manusia bagi memastikan hak asasi setiap manusia terutama hak kepada kewarganegaraan terjamin dan dilindungi oleh Kerajaan.

SUHAKAM menyambut baik cadangan pindaan progresif kepada keseluruhan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, bersama-sama Jadual Pertama dan Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan

berkenaan isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang akan memberi kesan kepada hak kesaksamaan seperti yang dijamin di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, cadangan pindaan lain yang akan membawa kepada pemansuhan dan bukannya perlindungan kepada hak kewarganegaraan yang akan mengekalkan kitaran tanpa kewarganegaraan bagi kanak-kanak rentan seperti anak tidak sah taraf, anak tanpa kewarganegaraan yang diambil sebagai anak angkat oleh pasangan warganegara Malaysia, kanak-kanak yang dijumpai/terabai, serta generasi baharu dalam kalangan kanak-kanak/orang tanpa kewarganegaraan di Malaysia.

1.3 Siri Syarahan Hasil Dapatan Laporan Kajian SUHAKAM Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia

Susulan pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia pada 13 Mac 2023, SUHAKAM telah mengadakan siri syarahan bagi berkongsi dan membentangkan hasil dapatan Laporan Kajian tersebut kepada pelajar universiti.

Bersama Peserta Siri Syarahan Pertama Mengenai Statelessness di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2 November 2023

Antara tujuan utama siri syarahan ini diadakan adalah untuk mempromosi dan berkongsi hasil dapatan Laporan Kajian SUHAKAM Mengenai Hak Asasi Manusia dan Tanpa Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia bagi memastikan jangkauan yang lebih luas, terutamanya dalam kalangan pelajar dan orang awam; serta mewujudkan dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar universiti tentang isu tanpa kewarganegaraan dan kesannya kepada golongan yang terjejas.

Pesuruhjaya Dato' Hasnal Rezua Merican memyampaikan cenderamata kepada Dr. Muhamad Sayuti Hassan selaku Pengerusi CILAS, UKM

Ahli Panel Siri Syarahan Mengenai Tanpa Kewarganegaraan di UKM yang terdiri daripada Puan Maalini Ramalo, Dr. Rodziana Mohamed Razali, Tuan Ragunath Kesavan, Dr. Saidatul Nadia Abd Aziz, Puan Bina Ramanand, dan dimudahcara oleh Puan Athirah Mohd Anuar.

Antara isu utama yang disentuh semasa sesi perbincangan panel ialah:

i. Cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan kewarganegaraan. Pada 14 Jun 2023, Menteri Dalam Negeri mengumumkan cadangan untuk meminda beberapa peruntukan yang berkaitan dengan mereka yang tidak mempunyai kewarganegaraan dan kelahiran yang tidak didaftarkan, di samping pindaan bagi kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di luar negara kepada wanita warganegara Malaysia.

   Walau bagaimanapun, lima daripada cadangan pindaan tersebut adalah bersifat regresif dan menyingkirkan/menghilangkan perlindungan sedia ada yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan:

   - Memansuhkan sepenuhnya Seksyen 1(e) dan Seksyen 2(3) Bahagian II, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, yang pada asasnya melindungi orang daripada menjadi tanpa kewarganegaraan
   - Mengeluarkan hak kanak-kanak, termasuk kanak-kanak terbiar, kepada kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang di bawah Seksyen 19B Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan
   - Membuang perkataan bermastautin tetap dalam Seksyen 1(a) Bahagian II Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan
   - Menurunkan had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun untuk mendapatkan kewarganegaraan khususnya Perkara 15(2), 15A, 19(1), 19(2), 23(1), 23(3) dan 26(A) Perlembagaan Persekutuan
   - Menggantikan frasa tarikh perkahwinan dengan tarikh mendapat kewarganegaraan pada Perkara 15(1) yang dibaca dengan Perkara 26(2) Perlembagaan Persekutuan

ii. Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan amat terdedah kepada pelbagai pelanggaran hak yang berpunca daripada ketiadaan kewarganegaraan mereka. Disebabkan status tanpa kewarganegaraan itu, kanak-kanak ini tidak mempunyai identiti kebangsaan (*national identity*) yang menafikan mereka daripada perlindungan undang-undang dan keupayaan untuk mencabar keengganan negara untuk menyediakan hak asasi manusia.

   Mengaitkan tanpa kewarganegaraan dengan ancaman keselamatan seperti keganasan atau ekstremisme akan

menjejaskan hak asasi kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan meningkatkan kerentanan mereka.

iii. Ketaksaksamaan gender dalam undang-undang berkaitan kewarganegaraan:
- Ketidakupayaan ibu warganegara Malaysia untuk memberikan kewarganegaraan Malaysia kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara
- Ketidakupayaan bapa warganegara Malaysia untuk memberikan kewarganegaraan Malaysia kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar perkahwinan yang diiktiraf secara sah
- Ketidakupayaan wanita warganegara Malaysia untuk memberikan kewarganegaraan Malaysia kepada suami warga asing mereka

iv. Kes 'Suriani Kempe & Ors v Malaysian Govt & Ors'. Pada 9 September 2021, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memberikan hak sama rata kepada wanita Malaysia untuk memberikan kewarganegaraan kepada anak mereka yang dilahirkan di luar negara dan memerintahkan pengeluaran dokumen kewarganegaraan kepada semua kanak-kanak yang dilahirkan di luar Malaysia kepada ibu warganegara Malaysia. Keputusan ini bertepatan dengan Perkara 8(2) Perlembagaan yang melarang sebarang diskriminasi gender.

Kerajaan kemudian memfailkan rayuan terhadap penghakiman Mahkamah Tinggi untuk membatalkan keputusan tersebut. Pada 5 Ogos 2022, Mahkamah Rayuan telah membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Kes Suriani Kempe ini menarik perhatian banyak pihak berkenaan isu kewarganegaraan serta hak wanita di Malaysia. Keputusan Mahkamah Tinggi itu dilihat sebagai langkah ke arah kesaksamaan gender di Malaysia.

v. Status pemegang dokumen IMM13. Kerajaan Malaysia mengeluarkan pas khas IMM13 - dokumen pengenalan yang diperluaskan kepada keluarga pelarian yang datang ke Sabah pada tahun 1970-an akibat perang saudara di Filipina. Ia adalah permit kediaman yang sah untuk pemegangnya tinggal secara sah di Sabah, yang membenarkan permohonan status

pemastautin tetap (PR). Anak-anak pemegang IMM13 yang telah memperoleh PR dianggap warganegara mengikut kuat kuasa undang-undang. Namun mereka amat berisiko untuk tidak mempunyai kewarganegaraan jika pas IMM13 ibu bapa telah tamat tempoh/ ibu bapa telah meninggalkan mereka.

Apabila keadaan di Filipina bertambah baik, warga Filipina yang memasuki Sabah pada 1985 tidak lagi dianggap sebagai pelarian tetapi pendatang ekonomi. Dokumen baharu telah dikeluarkan kepada rakyat berketurunan Filipina di Sabah seperti Kad Burung dan Sijil Banci. Dokumen tersebut, tidak seperti IMM13, tidak mempunyai nilai undang-undang yang jelas dan tidak membuka laluan untuk membuat permohonan PR dan permohonan kewarganegaraan seterusnya.

2. BURUH PAKSA

Buruh paksa merupakan satu bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang serius dan kesalahan jenayah yang memberi kesan negatif kepada masyarakat, perniagaan serta ekonomi negara. Golongan rentan seperti wanita, kanak-kanak, dan pekerja migran sering menjadi mangsa amalan ini.

Malaysia berdepan kritikan dan tindakan daripada pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa mengenai amalan buruh paksa. Sejak tahun 2020, beberapa syarikat Malaysia yang terdiri daripada pengeluar sarung tangan getah dan produk kelapa sawit telah dikenakan Perintah Pelepasan Penahanan atau *Withhold Release Order* (WRO) oleh Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat.

Selain menjejaskan reputasi syarikat tempatan, buruk paksa turut memberi imej buruk kepada Malaysia. Selain dalam Perkara 6 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, larangan terhadap segala bentuk perhambaan dan kerja paksa turut dinyatakan dalam banyak instrumen antarabangsa dan akta.

SUHAKAM menyambut baik usaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam menangani isu buruh paksa di Malaysia. Antaranya pelancaran Pelan Tindakan Nasional Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025 yang pertama, membuat pindaan terhadap undang-undang buruh (seperti Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Akta Kerja 1955 [Akta 265]), meratifikasi Protokol No. 29 Pertubuhan

Buruh Antarabangsa (ILO) berhubung buruh paksa, memperkenalkan aplikasi *Working for Workers* (WFW) bagi menyediakan platform kepada pekerja untuk membuat aduan dan mengemukakan surat kepada ILO untuk menyertai *Alliance 8.7* sebagai negara *Pathfinder* di bawah SDG.

Sejajar dengan Pelan Kerja 2023, SUHAKAM telah meneruskan siri sesi libat urus bersama pihak berkepentingan berkenaan isu buruh paksa. Pada tahun ini, dua sesi telah diadakan seperti berikut:

2.1 Sesi Libat Urus bersama Pihak Berkepentingan di Johor

Pada 8 Jun 2023, SUHAKAM menganjurkan siri sesi libat urus bersama pihak berkepentingan di Johor Bahru, Johor berkenaan isu buruh paksa. Sesi libat urus kelima ini telah diadakan secara fizikal di Hotel Holiday Inn, Johor Bahru, Johor dan dihadiri oleh 48 peserta yang mewakili agensi Kerajaan, agensi swasta, universiti, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan kesatuan.

Siri Sesi Libat Urus Buruh Paksa di Johor pada 8 Jun 2023

Sebelum sesi libat urus, SUHAKAM turut menjalankan tinjauan awal berkenaan isu buruh paksa. Antara data utama hasil tinjauan dengan pihak berkepentingan di Johor adalah seperti berikut:

i. 97.4% pihak berkepentingan memahami maksud buruh paksa;
ii. 100% pihak berkepentingan memahami maksud pemerdagangan manusia;
iii. 63.2% pihak berkepentingan boleh mengenal pasti 11 indikator

buruh paksa yang disenaraikan oleh ILO;

iv. 50% pihak berkepentingan mempunyai pengetahuan tentang pindaan Akta 265 yang memasukkan Seksyen 90B berkenaan buruh paksa;

v. 31.6% pihak berkepentingan mempunyai pengetahuan tentang inisiatif Kerajaan Malaysia seperti Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa (NAPFL) manakala 44.7% pihak berkepentingan mempunyai pengetahuan berkenaan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2021-2025) (NAPTIP 3.0);

vi. 23.7% pihak berkepentingan mengetahui bahawa Malaysia telah meratifikasi Konvenyen Buruh Paksa 1930 sejak 1957 dan meratifikasi Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa 1930; dan

vii. 65.8% pihak berkepentingan mempunyai dasar/strategi/kempen/pelan tindakan khusus mengenai buruh paksa dan/atau pemerdagangan manusia di organisasi/syarikat/kesatuan mereka.

Sesi libat urus ini terbahagi kepada 3 sesi perbincangan. Sesi perbincangan pertama memfokuskan tentang proses pengambilan pekerja migran. Sesi perbincangan kedua memfokuskan tentang ketibaan dan keadaan hidup pekerja di Malaysia. Sesi perbincangan ketiga memfokuskan tentang akses kepada sistem keadilan dan mekanisma aduan.

SUHAKAM telah menjemput beberapa ahli panel seperti wakil ILO, KSM, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor, Jawatankuasa Peguam Negeri Johor dan Syarikat Panasonic untuk membuat pembentangan dan berkongsi isu-isu berkenaan buruh paksa di Johor.

Ahli Panel Sesi Libat Urus Buruh Paksa di Johor

Antara isu serta syor yang dibangkitkan semasa sesi libat urus buruh paksa di Johor termasuklah:

i. Amalan Pengambilan Pekerja Migran

- Ketelusan Proses Pengambilan
  Proses pengambilan pekerja migran yang tidak telus terus menjadi kebimbangan utama. Pekerja migran sering kali tidak mengetahui syarat-syarat pengambilan mereka, terutamanya mengenai yuran dan syarat kontrak. Ini menimbulkan kekeliruan, menyebabkan mereka terdedah kepada eksploitasi. Walaupun terdapat usaha untuk meningkatkan ketelusan, syarikat dan ejen pengambilan seringkali tidak menyediakan maklumat yang mencukupi

kepada pekerja sebelum mereka tiba di Malaysia. Adalah dicadangkan agar perkara ini diberi perhatian yang serius dan perlu meningkatkan kerjasama antara Kerajaan dan negara sumber bagi mengatasi isu ini.

- Proses kelulusan yang panjang
  Proses pengambilan pekerja migran ada kalanya mengambil masa yang panjang, terutamanya fasa kelulusan yang boleh mencapai sehingga 9 bulan. Kelewatan ini menyebabkan pihak syarikat mengambil pekerja tempatan sementara menunggu ketibaan pekerja migran untuk menampung operasi syarikat. Ini menimbulkan masalah lebihan pekerja apabila pekerja migran tiba. Adalah dicadangkan agar proses permohonan dan kelulusan dipercepatkan dan proses permohonan dilakukan secara ditigal serta menggunakan teknologi untuk meningkatkan kecekapan.

- Amalan meminjam pekerja
  Amalan di mana majikan memohon kuota pekerja dalam jumlah yang lebih besar daripada yang diperlukan, yang kemudiannya dipinjamkan kepada majikan lain. Sebagai contoh, majikan hanya memerlukan 20 orang pekerja tetapi mereka telah memohon sebanyak 300 orang pekerja. Apabila pekerja dibawa masuk, mereka dipinjamkan kepada majikan lain atau dibiarkan tanpa pekerjaan.

Peserta sesi libat urus mengajukan persoalan berhubung proses pengambilan pekerja migran

ii. Fi Pengambilan Pekerja

- Beban kewangan yang ditanggung oleh pekerja migran
  Walaupun terdapat Dasar yuran pengambilan pekerja sifar, banyak pekerja migran masih terpaksa membayar kos yang tinggi kepada ejen atau pihak ketiga di negara sumber. Pekerja migran sering kali mengambil pinjaman untuk membayar yuran pengambilan, dan ini menyebabkan mereka terperangkap dalam kitaran hutang dan ketidakupayaan untuk meninggalkan majikan yang menindas.

- Dasar yuran pengambilan pekerja sifar
  Buruh paksa dalam rantaian bekalan terus menjadi cabaran serantau yang berterusan. Sebagai contoh, walaupun syarikat mematuhi dan mengamalkan dasar yuran pengambilan pekerja sifar, syarikat menghadapi cabaran dalam memulakan siasatan terhadap tuduhan yuran pengambilan pekerja yang timbul selepas tempoh yang berpanjangan.

  Peserta mengakui kepentingan utama untuk membasmi yuran pengambilan pekerja dan mematuhi garis panduan ILO untuk memastikan pengambilan pekerja yang adil. Adalah dicadangkan agar pekerja migran mengisytiharkan bahawa mereka tidak membuat sebarang bayaran kepada ejen. Sekiranya pekerja mengisytiharkan atau membuat aduan bahawa mereka diminta membayar yuran pengambilan pekerja, ejen perlu bertanggungjawab memulangkan semula wang tersebut kepada pekerja dan syarikat perlu membatalkan kontrak bersama ejen terbabit.

- Impak kepada syarikat kecil dan sederhana
  Yuran pengambilan pekerja yang semakin meningkat memberi kesan yang ketara kepada syarikat-syarikat kecil dan sederhana (PKS) PKS sering menghadapi cabaran dalam membayar yuran yang dikenakan oleh ejen dan agensi pengambilan pekerja, menyebabkan beban kos tambahan yang boleh menjejaskan operasi Syarikat. Ini juga membuka ruang kepada Syarikat untuk mencari jalan pintas, seperti mengambil pekerja secara tidak sah. Syarikat juga memaklumkan bahawa pihak ejen pengambilan pekerja telah memaklumkan bahawa mulai tahun ini, pembayaran dilakukan menerusi *Visa Malaysia Agency* (VIMA) menyebabkan kenaikan kos yang ketara. Para peserta turut membangkitkan sama ada pihak Kerajaan menyedari perubahan ini kerana maklumat ini disampaikan oleh agensi yang menguruskan pengambilan pekerja.

iii. Penipuan Pekerjaan dan Penipuan Kontrak pekerjaan

- Kontrak pekerjaan yang palsu
  Pekerja migran sering kali mendapati bahawa kontrak pekerjaan yang ditandatangani di negara asal mereka tidak sah apabila mereka tiba di Malaysia. Pekerja mendapati kontrak mereka palsu dan ditinggalkan tanpa pekerjaan, tanpa gaji yang dijanjikan, atau tempat tinggal yang teruk. Situasi ini menyebabkan ramai pekerja melarikan diri dan menjadi mangsa buruh paksa. Situasi ini juga diambil kesempatan oleh majikan untuk membatalkan permit serta membuat laporan polis terhadap pekerja tersebut.

- Ketiadaan kontrak bertulis
  Terdapat juga majikan yang tidak menyediakan kontrak pekerjaan bertulis kepada pekerja migran. Tanpa kontrak bertulis, pekerja tidak mempunyai sebarang bukti mengenai syarat pekerjaan mereka dan ini menyukarkan mereka untuk menuntut hak di bawah undang-undang buruh Malaysia. Pekerja yang tidak mempunyai kontrak bertulis juga lebih terdedah kepada penindasan, seperti gaji yang tidak dibayar, waktu kerja berlebihan, dan ketiadaan waktu rehat.

Wakil PDRM menyarankan para peserta membuat aduan polis berhubung isu penipuan kontrak dan ejen

Wakil PDRM turut menyarankan agar isu penipuan kontrak pekerjaan dan penipuan ejen dan/atau agensi pengambilan pekerja dibuat laporan polis. Ketiadaan laporan polis juga menyukarkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan serta membuat siasatan.

iv. Cabaran melibatkan Ejen dan/atau Agensi Pengambilan Pekerja

- Kesukaran untuk melaksanakan *due diligence*
  Walaupun syarikat-syarikat besar cuba menjalankan proses *due diligence* terhadap ejen dan agensi pengambilan pekerja di negara sumber, proses ini sering menghadapi pelbagai halangan. Ejen pengambilan pekerja kadang-kadang menyembunyikan kos tersembunyi, memanipulasi maklumat, atau terlibat dalam penipuan. Walaupun ejen dan agensi pengambilan pekerja menyatakan bahawa mereka mengamalkan yuran pengambilan sifar di laman sesawang mereka, namun, apabila diteliti, ejen dan agensi tersebut masih mengenakan yuran pengambilan pekerja. Ini menimbulkan kekeliruan dan ia menimbulkan isu ketelusan ejen dan agensi pengambilan pekerja tersebut.

  Pihak syarikat turut membangkitkan kekangan yang dihadapi dalam melakukan audit terutamanya berhubung pengetahuan ejen berkenaaan pematuhan hak asasi manusia dan indikator buruh paksa ILO.

- Ketiadaan penguatkuasaan yang tegas
  Terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang yang mengawal operasi ejen pengambilan pekerja. Agensi yang terlibat dalam penipuan atau amalan buruh paksa sering kali masih diberi kelulusan untuk beroperasi, dan mereka terus mengeksploitasi pekerja migran tanpa sebarang tindakan tegas dari pihak berkuasa. Ini membuka ruang kepada rasuah dan amalan tidak beretika dalam industri pengambilan pekerja.

v. Isu Pembayaran Gaji

- Kegagalan majikan memberi penyata gaji yang jelas
  Terdapat majikan yang tidak menyediakan penyata gaji terperinci kepada pekerja migran. Sebaliknya, majikan hanya memberikan sekeping kertas dengan jumlah gaji yang dibayar tanpa butiran pecahan gaji atau penjelasan. Walaupun undang-undang jelas meletakkan piawaian minimum yang

mesti dipatuhi majikan, tetapi tindakan majikan yang gagal mengikuti peruntukan undang-undang menyebabkan para pekerja sering ditipu dan mudah dieksploitasi. Para peserta juga memaklumkan segelintir pekerja takut untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa dan mempersoal akses kepada saluran aduan yang lain yang boleh digunakan oleh para pekerja untuk membuat aduan mereka.

vi. Mekanisme Aduan yang Terhad

- Kekangan bahasa
  Pekerja migran sering kali menghadapi kesukaran untuk mengemukakan aduan disebabkan oleh kekangan bahasa. Sistem aduan yang disediakan oleh majikan atau pihak berkuasa hanya tersedia dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, menyebabkan ramai pekerja yang tidak memahami mana-mana bahasa ini tidak dapat menyuarakan masalah mereka. Pihak syarikat mengakui keperluan untuk menambahbaik mekanisme aduan di syarikat mereka untuk memastikan para pekerja mempunyai ruang dan dapat menyalurkan aduan mereka. Wakil syarikat juga berkongsi usaha yang diambil syarikat untuk menambahbaik sistem aduan seperti penyediaan *hotline call*. Namun, kekurangan sokongan berbilang bahasa dalam mekanisme aduan menyebabkan pekerja migran sukar melaporkan masalah mereka. Selain itu, ada syarikat juga telah melakukan soal selidik penilaian kendiri kepada semua pekerja setiap tahun. Namun, proses ini mengambil masa yang lama. Selain itu, pihak syarikat juga menyatakan bahawa walaupun sistem aduan dalaman disediakan, namun, ada segelintir pekerja migran lebih selesa menghubungi aktivis hak asasi manusia.

- Kesedaran yang rendah mengenai saluran aduan
  Kebanyakan pekerja migran tidak mempunyai pengetahuan serta kesedaran tentang kewujudan saluran aduan seperti aplikasi *Working for Workers* (WFW) yang dibangunkan oleh KSM sebagai medium untuk menyalurkan aduan. Ini menyebabkan pekerja migran tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada saluran aduan yang boleh membantu mereka melaporkan penindasan atau eksploitasi. Adalah dicadangkan bahawa adalah penting untuk memaklumkan kepada para pekerja mengenai saluran aduan sedia ada apabila para pekerja migran tiba di Malaysia.

Pihak syarikat berkongsi cabaran yang dihadapi berhubung isu buruh paksa

vii. Akses Terhad kepada Sistem Keadilan

- Kekurangan maklumat mengenai hak
  Para peserta berpendapat bahawa akses kepada sistem keadilan masih terhad kepada pekerja migran. Terdapat pekerja migran yang tidak mempunyai akses kepada maklumat mengenai hak-hak mereka dan akses kepada sistem keadilan dan mekanisme aduan apabila hak mereka dicabuli.

- Kos guaman yang tinggi
  Kos tinggi untuk membawa kes ke mahkamah menyebabkan pekerja migran tidak mampu mencari keadilan apabila hak mereka dicabuli. Ramai pekerja tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membayar yuran guaman atau mendapatkan bantuan undang-undang yang diperlukan.

viii. Kekurangan Kerjasama antara Pihak Berkepentingan

- Operasi bersendirian / berasingan (*in Silo*)
  Pihak berkepentingan sering beroperasi secara berasingan, menyebabkan usaha untuk menangani buruh paksa tidak bersepadu. Para peserta menyuarakan kebimbangan tentang pihak berkepentingan yang bekerja secara *'in silo'* pada kebanyakan masa dan tidak mempunyai usaha bersepadu untuk bergerak sebagai satu suara. Adalah dicadangkan bahawa satu badan diwujudkan untuk menyelaras usaha usaha bersepadu untuk memerangi amalan buruh paksa.

  Walaupun terdapat struktur formal yang diwujudkan di bawah NAPFL dan NAPTIP 3.0 yang dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan, namun mesyuarat penyelarasan dan

mesyuarat peringkat kerja jarang berlaku untuk memastikan keberkesanan struktur sedia ada. Turut dicadangkan ialah keperluan penglibatan SUHAKAM dalam struktur sedia ada untuk memberi panduan daripada sudut hak asasi manusia.

ix. Ketidakselarasan Undang-Undang/Polisi Kerajaan

- Perbezaan antara piawaian tempatan dan antarabangsa
  Syarikat multinasional sering menghadapi cabaran untuk mematuhi piawaian tempatan dan antarabangsa serentak. Undang-undang tempatan kadang kala tidak selaras dengan piawaian antarabangsa seperti yang digariskan oleh ILO. Ini menyebabkan syarikat terdedah kepada risiko tidak mematuhi piawaian antarabangsa, yang boleh menjejaskan syarikat terdedah kepada risiko tidak mematuhi piawaian antarabangsa, yang boleh menjejaskan hubungan perniagaan dengan syarikat luar negara.

x. Perlindungan Pekerja Domestik Migran

- Eksploitasi Pekerja Domestik
  Pekerja domestik migran merupakan Kumpulan yang paling rentan kepada eksploitasi, termasuk tidak dibayar gaji, gangguan seksual, dan penipuan kontrak. tidak dibenarkan berkomunikasi dengan orang luar, tidak dibenarkan bersembahyang serta pencabulan hak asasi manusia yang lain. Mereka sering kali tidak dilindungi di bawah undang-undang buruh Malaysia, menyebabkan mereka tidak mempunyai saluran undang-undang untuk menuntut hak mereka.

Wakil NGO membangkitkan isu-isu melibatkan pekerja domestik

- Kos pengambilan yang tinggi
  Kos pengambilan pekerja domestik yang semakin tinggi, antara RM15,000 hingga RM30,000, menyebabkan banyak majikan terpaksa mencari alternatif yang tidak sah atau mengeksploitasi pekerja domestik. Kos pengambilan pekerja yang tinggi juga sering kali tidak dinyatakan secara terperinci menyebabkan ketidakpastian dalam pecahan kos yang dikenakan kepada majikan dan pekerja. Malah, ia juga memberi kesan kepada keadaan hidup dan layanan majikan terhadap pekerja domestik. Majikan tidak menyediakan tempat penginapan yang sesuai dan selesa serta tidak membenarkan pekerja domestik migran memiliki telefon bimbit kerana bimbang mereka akan melarikan diri.

- Memorandum Persefahaman (MoU)
  Para peserta turut membangkitkan isu berkenaan Memorandum Persefahaman (MoU) antara negara-negara melibatkan pekerja migran domestik. Memandangkan kandungan MoU tidak diketahui, para peserta bimbang ianya akan memberi kesan kepada para pekerja. Misalnya, MoU melibatkan pekerja domestik Indonesia tidak memasukkan klausa tentang sub-ejen, menyebabkan yuran pengambilan pekerja yang tinggi dan ejen dan agensi pengambilan pekerja mengaut keuntungan yang tinggi.

  Isu perlindungan undang-undang dan sosial terhadap pekerja domestik turut dibangkitkan. Pekerja domestik tidak dilindungi oleh undang-undang buruh. Malah, mereka juga tidak mempunyai hak seperti pekerja lain seperti yang termaktub dalam Jadual 1 Akta 265 seperti waktu bekerja, cuti rehat, cuti bersalin dan hak-hak lain. Terdapat pekerja domestik yang bekerja 24 jam/sehari dan tujuh hari/minggu dan tidak dibenarkan meninggalkan kediaman majikan.

xi. Lain-lain isu

Pihak syarikat membangkitkan isu kehilangan pasport. Walaupun, pihak syarikat tidak mengamalkan polisi penyimpanan pasport pekerja, terdapat keadaan di mana pekerja menghilangkan pasport mereka dan memohon bantuan majikan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Para peserta juga membangkitkan isu hostel dan tempat tinggal pekerja migran yang sangat teruk dan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan.

2.2 Sesi Libat Urus bersama Pihak Berkepentingan di Sabah

Pada 4 September 2023, SUHAKAM menganjurkan siri sesi libat urus yang keenam bersama pihak berkepentingan di Kota Kinabalu, Sabah. Sesi ini diadakan secara fizikal di *International Convention Centre* (SICC) dan dihadiri lebih kurang 60 peserta mewakili agensi Kerajaan, sektor swasta, ahli akademik, penyelidik, NGO, CSO, persatuan dan kesatuan.

Penganjuran sesi libat urus berhubung isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak di Sabah pada 4 September 2023

SUHAKAM menjemput wakil-wakil daripada *International Labour Organization* (IOM), KSM, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), *Malaysian Palm Oil Certification Council* (MPOCC), *Human Child Aid Society Sabah, WWF-Malaysia,* JTK Sabah dan *Sabah Law Society* untuk membuat pembentangan dan berkongsi pengalaman mereka berhubung isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak.

Sebelum sesi libat urus, SUHAKAM turut menjalankan tinjauan awal berkenaan isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Antara data utama hasil tinjauan dengan pihak berkepentingan di Sabah adalah seperti berikut:

i) 92.1% pihak berkepentingan memahami maksud buruh paksa;
ii) 94.7% pihak berkepentingan memahami maksud pemerdagangan manusia;
iii) 52.6% pihak berkepentingan boleh mengenalpasti 11 indikator buruh paksa yang disenaraikan oleh ILO;
iv) 47.4% pihak berkepentingan mempunyai pengetahuan tentang pindaan Akta 265 yang memasukkan Seksyen 90B berkenaan buruh paksa;
v) 42.1 pihak berkepentingan mempunyai pengetahuan tentang Ordinan Buruh Sabah (Sabah Cap. 67) mengenai penggajian pekerja kanak-kanak dan orang muda;
vi) 34.2% pihak berkepentingan mempunyai pengetahuan tentang inisiatif Kerajaan Malaysia seperti NAPFL dan NAPTIP 3.0;
vii) 15.8% pihak berkepentingan mengetahui bahawa Malaysia telah meratifikasi Konvenyen Buruh Paksa 1930 sejak 1957 dan Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa 1930;
viii) 50% pihak berkepentingan mempunyai dasar/strategi/kempen/pelan tindakan khusus mengenai buruh paksa dan/atau pemerdagangan manusia di organisasi/syarikat/Kesatuan mereka;
ix) Kesemua pihak berkepentingan bersetuju Ordinan Buruh Sabah perlu dipinda selaras dengan Akta Buruh 1955 (Pindaan) 2022; dan
x) Kesemua pihak berkepentingan bersetuju dengan Pelan Tindakan yang khusus untuk memerangi buruh kanak-kanak di Malaysia.

Anggota Suruhanjaya bersama para peserta sesi libat urus isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak di Sabah pada 4 September 2023

Pihak berkepentingan telah membangkitkan pelbagai isu berkenaan buruh paksa dan buruh kanak-kanak, antaranya seperti berikut:

i. Amalan pengambilan pekerja

Terdapat kebimbangan berkenaan kemungkinan pelanggaran undang-undang yang berlaku semasa pengambilan pekerja migran, terutamanya apabila melibatkan ejen pengambilan pekerja. Persoalan utama adalah mengenai tanggungjawab iaitu apabila pelanggaran undang-undang berlaku, siapakah yang harus dipertanggungjawabkan, sama ada ia terletak pada syarikat atau ejen.

Menurut KSM, Akta Pekerjaan 1955 (Pindaan) 2022 memerlukan kelulusan terlebih daripada Ketua Pengarah untuk menggaji pekerja asing di Semenanjung Malaysia, dan selepas bekerja (*post-employment*), tanggungjawab tersebut terletak di bawah bidang kuasa JTK Sabah dan Jabatan Imigresen.

Ahli Panel Sesi Pertama berkongsi mengenai indikator buruh paksa dan usaha-usaha Kerajaan menangani isu buruh paksa di sesi libat urus buruh paksa dan buruh kanak-kanak pada 4 September 2023

Sebaliknya, MAPO menekankan kepentingan mengesahkan status pendaftaran ejen pengambilan pekerja, dengan menyatakan bahawa berurusan dengan ejen yang tidak berdaftar dianggap sebagai kesalahan di bawah undang-undang, menjadikan majikan bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran yang berlaku.

Wakil IOM pula menyatakan kekurangan kesedaran dalam kalangan pekerja migran mengenai hak dan kesejahteraan mereka. Mereka menekankan keperluan untuk pekerja memahami hak mereka, berpengetahuan tentang kontrak pekerjaan, gaji dan keadaan kerja untuk memastikan kesejahteraan mereka semasa bekerja di Malaysia.

ii. Pemerdagangan Manusia

Para peserta mengutarakan kebimbangan mengenai program kesedaran (*outreach program*) yang bertujuan untuk menangani perhambaan moden, terutamanya pemerdagangan manusia dan pemerdagangan seks, dengan memberi tumpuan kepada kesannya terhadap wanita. MAPO bekerjasama dengan NGO dan menjalankan program kesedaran dan inisiatif pembangunan kapasiti (*capacity building*) bersama para pegawai, mendekati orang awam, terutamanya di kawasan luar bandar.

MAPO berkongsi usaha yang dilakukan di kawasan terpencil di Sarawak yang kekurangan maklumat mengenai buruh paksa dan pemerdagangan, menekankan kepentingan menyebarkan maklumat ke seluruh negara. Mereka sedang mempertimbangkan untuk menerima pakai amalan terbaik dari negara seperti Amerika Syarikat, yang mana mangsa pemerdagangan manusia akan dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka.

Menurut KSM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk mengadakan sesi kaunseling untuk mangsa. Isu utama berkisar pada usaha memerangi pemerdagangan manusia, terutamanya kesannya terhadap wanita, dan usaha kerjasama MAPO dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran dan memberikan sokongan.

iii. Kesatuan sekerja

Para peserta mengutarakan kebimbangan mengenai hak untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja. Secara khusus, terdapat situasi di mana beberapa syarikat enggan mengakui kewujudan kesatuan sekerja dan dengan itu, menafikan

Antara peserta yang membangkitkan persoalan di sesi libat urus

hak pekerja untuk menyertai kesatuan tersebut. Amalan ini melanggar undang-undang buruh di Malaysia.

Untuk menangani cabaran ini, Dewan Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) menekankan satu perkara penting bahawa majikan tidak boleh menghalang penubuhan kesatuan oleh pekerja. Jika berlaku situasi sedemikian, MPOCC mengingatkan peserta bahawa mereka mempunyai hak untuk membuat aduan kepada MPOCC. Aduan-aduan tersebut memainkan peranan penting dalam memulakan siasatan dan memastikan syarikat-syarikat mematuhi undang-undang buruh yang ditetapkan.

iv. Buruh Kanak-Kanak

Peserta menyuarakan kebimbangan mengenai ancaman atau penangkapan yang mungkin dilakukan oleh agensi penguatkuasa terhadap kanak-kanak di bawah jagaan Humana iaitu sebuah NGO yang menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak bukan dan tanpa warganegara di Sabah. Humana menjelaskan bahawa tidak ada penangkapan yang dilakukan kerana tidak menjadi satu kesalahan bagi kanak-kanak untuk bersekolah. Puan Mary Anne, Pengerusi JCSC *Labour Working Group*, menekankan bahawa industri perladangan berada di bawah pengawasan ketat dan secara umumnya mengekalkan standard yang lebih tinggi berbanding industri lain. Beliau menegaskan bahawa institusi pembelajaran ini tidak seharusnya menghadapi

gangguan, memandangkan sumbangan yang dilakukan adalah secara sukarela kepada negara. Mereka memainkan peranan penting dalam menghapuskan isu buruh kanak-kanak dan untuk kesejahteraan komuniti.

Yayasan Sabah menambah bahawa mereka mengendalikan enam Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) di 10 buah ladang di Tawau, bekerjasama dengan Konsulat Indonesia untuk menempatkan kanak-kanak.

Pihak UNICEF menekankan kesediaannya untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam isu hak kanak-kanak, termasuk membanteras buruh kanak-kanak. UNICEF meminta penjelasan mengenai usaha pihak berkepentingan yang tertumpu kepada kanak-kanak atau ibu bapa kanak-kanak yang terlibat dalam buruh kanak-kanak.

v. Perlindungan kepada pemberi maklumat (*whistleblowers*)

Para peserta menyatakan kebimbangan yang semakin meningkat mengenai perlindungan pemberi maklumat di bawah undang-undang, terutamanya mengenai pekerja tanpa dokumen. KSM menegaskan bahawa Jabatan Buruh melindungi pemberi maklumat, termasuk pekerja tanpa dokumen sah. Selain itu, MAPO mengesahkan semula bahawa pemberi maklumat akan dilindungi di bawah program perlindungan saksi, memastikan keselamatan mereka sekiranya berlaku ancaman.

vi. Aplikasi

Para peserta membangkitkan kerelevanan inisiatif SMARTSABAH bagi syarikat perladangan, khususnya yang mempunyai pekerja tanpa izin. Para peserta meminta penjelasan tentang implikasi inisiatif itu terhadap kebebasan bergerak untuk pekerja dan keluarga mereka di Sabah. Menurut JTK Sabah, SMARTSABAH adalah inisiatif yang diterajui oleh Negeri, dan mereka kekurangan maklumat dan akses kepada aduan yang dilaporkan melalui SMARTSABAH.

Selain itu, kebimbangan telah dibangkitkan tentang kemudahan penggunaan aplikasi *Working for Workers* (WFW), yang meminta pelbagai data peribadi sebelum pekerja boleh mula mengemukakan aduan. Ini telah menimbulkan kecurigaan dan ketidakselesaan dalam kalangan pengguna aplikasi tersebut. KSM menggalakkan peserta memberikan maklum balas mengenai

aplikasi WFW untuk memastikan penambahbaikan pada masa hadapan. KSM mengakui aduan tentang kebolehgunaan pengguna dan menekankan kepentingan maklum balas ini untuk mendorong penambahbaikan dalam aplikasi tersebut.

Syor SUHAKAM Berhubung Isu Buruh Paksa

Secara keseluruhannya SUHAKAM mengesyorkan seperti berikut:

i. Keperluan untuk memastikan penyelarasan antara pihak berkepentingan
   - SUHAKAM mengesyorkan supaya SUHAKAM menjadi *focal point* untuk mengenalpasti isu-isu di lapangan, menerima aduan/isu dan menyelaraskan koordinasi antara pihak berkepentingan seperti kementerian/agensi Kerajaan, wakil majikan, wakil pekerja, kesatuan dan pihak berkepentingan yang lain.

ii. Penambahbaikan manual/buku pengambilan pekerja
   - SUHAKAM mengesyorkan supaya semua pihak berkepentingan berkaitan mengedarkan manual/buku pelbagai bahasa kepada semua pekerja migran yang tiba di Malaysia melalui semua pintu masuk negara; dan
   - SUHAKAM mengesyorkan untuk menjadikan SUHAKAM sebagai salah satu saluran aduan di dalam manual/buku.

2.3 Mesyuarat dan penglibatan bersama pihak berkepentingan

SUHAKAM meneruskan penglibatannya dengan menghadiri beberapa mesyuarat dan program berhubung isu buruh paksa. Malah, SUHAKAM juga menggunakan peluang ini untuk berkongsi pandangan serta pengalaman dalam mewujudkan kesedaran tentang isu buruh paksa dan memberikan syor-syor.

Jadual 3: Penglibatan SUHAKAM dalam mesyuarat bersama pihak berkepentingan

BIL.	TARIKH	PENGANJUR	BUTIRAN
1.	27 Feb. - 28 Feb. 2023	Kementerian Sumber Manusia dan *International Labour Organization*	Bengkel Perancangan Strategik Nasional Alliance 8.7 Berkaitan Buruh Paksa, Buruh Kanak-Kanak, Perhambaan Moden Dan Pemerdagangan Orang

BIL.	TARIKH	PENGANJUR	BUTIRAN
2.	30 Mac 2023	Kementerian Sumber Manusia dan *International Labour Organization*	Mesyuarat *National Project Advisory Committee* (NPAC) bagi Projek *Safe and Fair* di bawah *International Labour Organization*
3.	11 Jul. - 12 Jul. 2023	*International Labour Organization*	Bengkel Pelan Penilaian dan Pemantauan Komprehensif (CMEP) di bawah Projek *Global Accelerator Lab* (GALAB)
4.	25 Sep. 2023	Kementerian Sumber Manusia	Mesyuarat Susulan Bengkel Pelan Penilaian dan Pemantauan Komprehensif (CMEP) di bawah projek *Global Accelerator Lab* (GALAB)
5.	12 Okt. 2023	*International Labour Organization*	16th ASEAN *Forum on Migrant Labour Malaysia Tripartite Preparatory Workshop*

3. GIG EKONOMI

Pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah memberi kesan besar terhadap ekonomi negara. Ramai rakyat kehilangan pekerjaan dan pendapatan, susulan penutupan sempadan negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Berdasarkan rekod kehilangan pekerjaan pada tahun 2021 di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), sebanyak 61,360 pekerja telah kehilangan pekerjaan di seluruh negara. Keadaan ini menyebabkan sektor ekonomi gig berkembang pesat kesan daripada syarikat yang terpaksa menutup operasi perniagaan dan menjalankan urus niaga secara dalam talian. Sudah pasti rakyat melihat peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi gig sebagai satu peluang terbaik untuk mencari pendapatan sementara atau tambahan sambil menunggu pekerjaan tetap dan ekonomi negara kembali pulih semula. Malah sehingga ke hari ini, sektor ekonomi gig menjadi pilihan pekerjaan bagi rakyat kerana konsep pekerjaan fleksibel dan menggunakan aplikasi dalam talian.

3.1 Sesi Dialog Berkaitan Perlindungan Sosial Pekerja Dalam Sektor Ekonomi Gig

Sektor ekonomi gig mula mendapat perhatian SUHAKAM melalui siri perbincangan isu perniagaan dan hak asasi manusia. Justeru, sesi Perbincangan Meja Bulat tentang Perlindungan Pekerja dalam Ekonomi Gig telah diadakan pada 1 September 2021 secara dalam talian. Pada tahun ini, SUHAKAM meneruskan sesi libat urus melibatkan pihak berkepentingan dalam sektor ekonomi gig, memberi fokus kepada sektor e-panggilan dan p-panggilan. Sesi libat urus yang diadakan adalah seperti berikut:

i. Sesi Dialog Bersama Pekerja dan Persatuan Pekerja Ekonomi Gig Melibatkan Sektor E-Panggilan dan P-Panggilan: Isu dan Cabaran Semasa diadakan pada 1 Mac 2023; dan
ii. Sesi Dialog Bersama Syarikat Penyedia Perkhidmatan E-Panggilan dan P-Panggilan: Isu, Cabaran Semasa dan Amalan Terbaik Syarikat diadakan pada 1 Jun 2023.

Sesi Dialog Bersama Pekerja dan Persatuan Pekerja Ekonomi Gig Melibatkan Sektor E-Panggilan dan P-Panggilan yang diadakan pada 1 Mac 2023.

Antara isu yang dibincangkan adalah seperti yang berikut:

i. Definisi ekonomi dan pekerja gig serta keperluan undang-undang berkaitan perlindungan sosial pekerja ekonomi gig

- Masyarakat secara umum mendefinisikan ekonomi gig sebagai satu sistem kerja yang bebas dan fleksibel. Sungguhpun demikian, setakat ini tiada definisi tepat yang boleh menjadi rujukan. Di Malaysia jika menyentuh tentang ekonomi gig, dua sektor yang paling popular adalah sektor

e-panggilan (pengangkutan penumpang) dan p-panggilan (penghantaran barang dan makanan). Walaupun inisiatif dasar yang dibuat merentasi pelbagai jenis kementerian dan agensi mampu meningkatkan perlindungan dan sokongan pekerja gig, isu asas masih tidak ditangani menyebabkan pekerja terus berhadapan kerentanan iaitu definisi pekerja gig yang tidak jelas dalam undang-undang buruh negara.

ii. Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan Caruman Sukarela dengan Insentif Persaraan (i-Saraan) KWSP

- Pekerja e-panggilan dan p-panggilan serta syarikat penyedia perkhidmatan mempunyai kesedaran dan maklumat berkenaan SKSPS, walaupun demikian kesedaran untuk mencarum masih rendah. Isu ini dibangkitkan oleh pihak syarikat penyedia perkhidmatan apabila wakil syarikat turun ke lapangan dan mempromosi skim ini kepada pekerja. Walaupun caruman SKSPS telah diwajibkan, didapati kesedaran mencarum masih rendah disebabkan tiadanya tindakan susulan untuk mewajibkan caruman SKSPS malah masih ada pekerja menganggap caruman ini bersifat pilihan.
- Ketika ini, kerajaan masih memberikan subsidi sebanyak 80 peratus bagi caruman SKSPS manakala pekerja e-panggilan dan p-panggilan hanya membayar 20 peratus daripada nilai caruman. Terdapat kebimbangan dalam kalangan pekerja jika subsidi ini ditarikbalik oleh kerajaan, keadaan ini menyebabkan pekerja perlu menanggung sepenuhnya caruman SKSPS.
- Berkenaan jaminan persaraan melalui caruman i-Saraan KWSP, didapati pekerja dan syarikat penyedia perkhidmatan tidak memberi penekanan terhadap kepentingan untuk mencarum.

iii. Undang-undang dan penguatkuasaan

Pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] dan beberapa akta lain pada tahun 2017 memberi kesan kepada industri e-panggilan. Terbaharu, langkah kerajaan meminda akta bagi mengawal selia industri p-panggilan turut menjadi kebimbangan. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti yang berikut:

- Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dianggap sebagai agensi yang mengawal selia industri ekonomi gig malah sepatutnya telah wujud satu syarat dan peraturan yang komprehensif dan berpusat. Walaupun begitu, pekerja dan syarikat terpaksa merujuk pelbagai agensi dan undang-

undang yang berlainan antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan, KSM, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Sabah, Kementerian Komunikasi dan Digital, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung.

- Penguatkuasaan akta baharu merupakan cabaran terbesar bagi syarikat berdaftar di bawah APAD apabila perlu memastikan setiap pemandu mempunyai permit Kenderaan E-Hailing (eVP) yang bernilai RM110/permit. Syarikat terpaksa mengeluarkan sejumlah kos yang besar untuk membiayai eVP setiap pemandunya bagi memenuhi syarat yang ditetapkan APAD. Malangnya penguatkuasaan yang lemah terhadap syarikat tidak berdaftar dan memiliki eVP telah menyebabkan syarikat tempatan dan berskala kecil terjejas.
- Usaha kerajaan meminda akta berkaitan sektor e-panggilan pada tahun 2017 disambut baik oleh syarikat dan pekerja kerana sekurang-kurangnya telah wujud agensi kerajaan yang mengawal selia industri e-panggilan. Walaupun begitu, pindaan tersebut tidak mengambil kira cadangan serta tanpa sebarang sesi libat urus dengan pihak pemandu dan persatuan e-panggilan serta syarikat terutama berskala kecil. Antara cadangan utama adalah berkaitan kadar tambang lantai tidak diambil kira dalam pindaan akta.
- Perjumpaan pihak syarikat dengan Kementerian Pengangkutan (MOT) bagi membincangkan pindaan akta yang akan mengawal selia sektor p-panggilan tanpa sebarang perbincangan dan mengambil kira masalah yang sedang dihadapi oleh syarikat. Kebimbangan utama adalah langkah kerajaan membuat pembentangan pindaan di Parlimen tanpa sebarang libat urus serta tiada maklumat tentang pindaan yang dibuat. Selain itu, pindaan ini dibimbangi boleh melemahkan dan menjejaskan syarikat tempatan antaranya jika perlu mengeluarkan sejumlah kos yang besar untuk mendapatkan permit seperti eVP.
- Keperluan insurans kenderaan e-panggilan merupakan satu syarat untuk memastikan kenderaan e-panggilan beroperasi. Walaupun begitu terdapat syarikat insurans yang menawarkan perlindungan insurans harian kepada pemandu e-panggilan sambilan sebuah syarikat e-hailing (syarikat lain tidak ditawarkan) misalnya yang bekerja pada hari Sabtu dan Ahad atau bekerja pada waktu malam sahaja. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pekerja yang bekerja sepenuh masa.

iv. Hak untuk bekerja

- Artikel 23 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) menyatakan hak untuk bekerja yang perlu dinikmati oleh setiap orang. Kemampanan sektor pekerjaan ekonomi gig antaranya sejauhmana pekerja e-panggilan dan p-panggilan menikmati hak seperti dinyatakan dalam Artikel 23 UDHR iaitu hak kepada pekerjaan. Jenis perlindungan pekerja dalam sektor e-panggilan dan p-panggilan juga perlu mempunyai dasar yang jelas termasuklah gaji wajar atau minimum, caruman KWSP oleh majikan, cuti tahunan, insurans kesihatan dan cuti sakit.
- Antara akta yang berkait secara langsung dengan isu pekerja gig adalah; Akta Jabatan Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Keselamatan Sosial dan Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]. Pekerja e-panggilan menyatakan banyak pelaburan telah dikeluarkan bagi memenuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan misalnya bayaran lesen memandu, permit kenderaan e-panggilan (eVP) pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM, insurans e-panggilan, pemeriksaan kesihatan dan caruman SKSPS. Pemandu juga perlu menanggung kos selenggara kenderaan yang tinggi. Dalam hal ini, pekerja memenuhinya tanpa gagal kerana mahu terus berada dalam industri ini, justeru kerajaan diharap agar memastikan perlindungan dan hak pekerja gig harus adil untuk semua pihak terutamanya berkenaan bayaran upah atau komisen.

Pesuruhjaya Dato' Hasnal Rezua Merican, bersama Persatuan Pemandu E-Hailing OKU Fizikal Malaysia dan Persatuan OKU Sentral.

v. Hak golongan rentan untuk bekerja

- Hak orang kurang upaya (OKU) - Terdapat beberapa cabaran dan kekangan yang perlu dihadapi antaranya untuk mendapatkan lesen PSV dan kategori OKU yang layak untuk

bekerja sebagai pemandu e-panggilan dan p-panggilan. Terdapat halangan bagi OKU fizikal dan pendengaran untuk mengambil lesen PSV dan antara alasan yang dikemukakan oleh APAD adalah isu keselamatan pemandu OKU yang membawa penumpang.

- Hak wanita - Sektor e-panggilan dan p-panggilan menjadi antara pilihan pekerjaan untuk golongan wanita memasuki tenaga buruh. Antara isu dibangkitkan adalah berkenaan perlindungan pekerja dalam kalangan wanita hamil yang mengalami keguguran termasuklah cuti sakit, cuti sakit akibat keguguran dan cuti bersalin.
- Hak warga emas - Golongan warga emas yang aktif dan mampu menyumbang kepada ekonomi negara memilih sektor e-panggilan dan p-panggilan untuk menampung kehidupan selepas usia persaraan. Antara isu yang dibangkitkan adalah berkaitan tahap kesihatan warga emas dan hak bekerja pada usia selepas 60 tahun. Apabila permohonan lesen PSV dibuat, pemohon perlu membuat ujian pemeriksaan kesihatan dan pemohon yang mempunyai masalah kesihatan tertentu tidak layak mendapatkan lesen PSV. Selain itu, warga emas masih perlu bekerja bagi menampung kos sara hidup yang tinggi serta perlu menampung ahli keluarga.

Antara wakil syarikat penyedia perkhidmatan yang hadir pada sesi dialog yang diadakan pada 1 Jun 2023

vi. Kadar tambang lantai

Sehingga hari ini, kerajaan masih belum mempunyai dasar dan penetapan kadar minimum tambang lantai bagi sektor e-panggilan dan p-panggilan, sungguhpun demikian kerajaan mempunyai penetapan tambang dan komisen bagi perkhidmatan

e-panggilan. Ini menyebabkan syarikat penyedia perkhidmatan membuat ketetapan sendiri nilai tambang berdasarkan penawaran dan permintaan di pasaran. Kepentingan kadar tambang lantai ini sangat berkait rapat dengan pendapatan pekerja yang akan lebih teruk terjejas jika isu ini tidak ditangani. Berdasarkan dua sesi dialog yang diadakan, pekerja dan persatuan e-panggilan dan p-panggilan serta syarikat penyedia perkhidmatan bersetuju agar kerajaan membuat penetapan kadar tambang yang sesuai untuk pelanggan dan pemandu.

vii. Gangguan seksual

Isu gangguan seksual dalam pengangkutan awam bukan suatu isu baharu malah sektor e-panggilan dan p-panggilan juga tidak terkecuali berhadapan masalah ini. Antara bentuk gangguan seksual yang berlaku adalah melalui sentuhan fizikal dan mesej melalui aplikasi digital. Walaupun pihak syarikat mencadangkan kepada pekerja agar laporan polis dibuat, terdapat pekerja dan penumpang tidak mahu membuat laporan polis kerana berasa malu dan berlaku risiko lain kesan daripada laporan polis yang dibuat. Selain itu apabila laporan polis dibuat, kenderaan e-panggilan disita kerana diklasifikasi sebagai barang kes. Kesannya pemandu tidak boleh bekerja sepanjang tempoh kenderaannya disita oleh polis.

viii. Model perniagaan dan pekerjaan baharu

- Dua wakil syarikat iaitu Techzilla Global Solution melalui aplikasi Halo Delivery (penghantaran makanan dan barangan) dan AirAsia Ride Sdn. Bhd (AAR) (perkhidmatan e-panggilan) berkongsi tentang model perniagaan dan pekerjaan baharu. Techzilla Global Solution memberi fokus kepada model perniagaan berkonsepkan keusahawanan yang disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sebagai sebahagian daripada perkongsian ekonomi serta tidak hanya mencari dan membayar pekerja sebagai penghantar. Strategi yang digunakan adalah mewujudkan seorang usahawan di bawah aplikasi Halo Delivery (juga dikenali sebagai pengedar atau *distributor*) bagi satu kawasan parlimen/daerah/industri. Inilah antara aspek yang membezakan antara Halo Delivery dengan syarikat penyedia perkhidmatan yang lain iaitu kawalan dari aspek pekerjaan.
- Setakat bulan Jun 2023, AAR mempunyai 135 pemandu e-panggilan yang diambil sebagai pekerja berstatus tetap pada masa yang sama masih mempunyai hampir 6,000 pemandu yang bekerja mengikut masa dan jadual yang fleksibel. Pemandu e-panggilan berstatus tetap mendapat

kelayakan sama seperti pekerja AAR yang lain tertakluk di bawah Akta Pekerja 1955 seperti caruman PERKESO (Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 - Akta 4) dan KWSP, tiket percuma penerbangan, cuti tahunan dan cuti bersalin, perlindungan perubatan dan lain-lain lagi. AAR juga sedang dalam proses menambah pengambilan pemandu sebagai pekerja tetap. Pemandu e-panggilan berstatus pekerja tetap perlu menepati jumlah masa bekerja iaitu tidak melebihi 45 jam seminggu. Model pekerjaan ini membantu peralihan pekerjaan tidak formal kepada pekerjaan formal pada masa sama masih mengekalkan tempoh masa anjal bekerja.

ix. Hak dan Tanggungjawab Digital

- SUHAKAM berpeluang menjemput *The IO Foundation* (TIOF) untuk menyampaikan isu berkenaan hak dan tanggungjawab digital. TIOF merupakan sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan dan memberi fokus kepada isu berkaitan hak digital yang memberi kesan kepada masyarakat. Antara usaha TIOF adalah melibatkan tiga aspek iaitu penyelesaian dengan teknologi dan syarikat yang menggunakan teknologi; bekerjasama dengan pembuat dasar iaitu pihak kerajaan dan syarikat berkaitan teknologi; dan menyokong rakyat untuk menjadi celik digital agar dapat melindungi diri termasuklah secara dalam dan luar talian.
- Memandangkan kepesatan era digital dan hubungkait rapat dengan ekonomi gig maka terdapat keperluan untuk penyelarasan digital (*digital configuration*) dan hak untuk mendapatkan maklumat. Realiti kehidupan antara digital dan fizikal menuntut untuk menggabungkan idea menjadi kembar digital (*digital twin*). Ruang fizikal ini sepatutnya dinyatakan dalam ruang digital dan inilah penyelesaian teknologi yang dicadangkan supaya pemandu e-panggilan misalnya mempunyai hak yang sama apabila maklumat dan identitinya bertukar menjadi kembar digital. Maklumat dalam kembar digital ini juga memerlukan perlindungan agar tidak mendatangkan mudarat kepada individu tersebut.
- Oleh itu, Kerajaan diseru agar mempunyai dasar jelas berkenaan penyelarasan digital agar syarikat penyedia perkhidmatan dan pekerja terutamanya dalam sektor e-panggilan dan p-panggilan memenuhi hak dan tanggungjawab digital.

Pada tahun 2024, SUHAKAM akan meneruskan libat urus bersama kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan

melibatkan isu ekonomi gig terutamanya sektor e-panggilan dan p-panggilan. Isu dan syor yang dibincangkan pada 2 sesi dialog melibatkan pekerja gig, persatuan, NGO, syarikat penyedia perkhidmatan e-panggilan dan p-panggilan serta badan pemikir akan dimajukan untuk perhatian pihak berwajib.

4. WARGA EMAS DAN HAK EKONOMI SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Fenomena penuaan penduduk berlaku di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Penuaan penduduk berlaku apabila peratusan penduduk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah penduduk.

Impak penuaan terhadap sesuatu negara bergantung kepada sejauh mana negara bersedia untuk menghadapinya.

Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk negara. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus (2021) kepada 7.3 peratus pada 2022.

Sehubungan itu, SUHAKAM telah mengadakan beberapa aktiviti berhubung hak warga emas seperti berikut

Para peserta Forum Hak Warga Emas di Kuching, Sarawak pada 16 Ogos 2023

4.1 Forum Hak Warga Emas Kepada Hak Ekonomi, Sosial Dan Kebudayaan di Sarawak

Pada 16 Ogos 2023, SUHAKAM menganjurkan Forum Hak Warga Emas Kepada Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan di Kuching, Sarawak, yang dihadiri oleh 121 peserta yang terdiri daripada wakil kerajaan, NGO/CSO dan ahli akademik.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, Sarawak telah dikenal pasti sebagai salah satu negeri menua yang mana peratusan warga tua berusia 60 tahun ke atas melebihi 7% daripada populasi setempatnya. Selain itu, trend populasi warga emas di Sarawak menunjukkan peningkatan sebanyak 0.55% setiap tahun sejak 2020. Sarawak dijangka akan menjadi negeri menua pada 2028, mendahului negeri-negeri lain di Malaysia.

Antara isu utama yang dapat dirumuskan hasil daripada sesi pembentangan dan perbincangan adalah:

i. Perlindungan sosial warga emas

- Penuaan penduduk akan membawa kepada beberapa implikasi terhadap negara, dan merentasi pelbagai sektor termasuklah perlindungan sosial, penjagaan dan kebajikan, kesihatan, dan ekonomi warga emas.
- Disebabkan peningkatan penduduk yang semakin menua, Kerajaan perlu meningkatkan peruntukan dalam perlindungan sosial bagi menjamin kelangsungan kewangan warga emas.

Antara ahli panel Forum Hak Warga Emas yang dimudahcara oleh Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal

- Apabila semakin ramai rakyat Malaysia yang menua dan bersara, bermakna sumbangan kepada dana perlindungan sosial semakin berkurangan, dan pada masa yang sama Kerajaan perlu menyalurkan dana kepada populasi menua tersebut. Keadaan ini akan mempengaruhi insurans sosial dan skim pencen, seperti Skim Pencen Perkhidmatan Awam, tabungan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga Skim Persaraan Swasta.
- Oleh itu, persediaan kepada simpanan kewangan yang mencukupi perlu dibuat bagi memastikan individu bersara dapat menempuhi usia emas dengan selesa, dan mengelakkan kesukaran selepas persaraan.

ii. Peluang pekerjaan untuk warga emas

- Kajian oleh MyAgeing menunjukkan 95% warga emas di Malaysia masih mampu bekerja selepas umur persaraan 60 tahun. Dengan adanya dasar/program yang sesuai dalam persekitaran mesra usia, golongan ini masih mampu menyertai pekerjaan dan masih boleh aktif menyumbang kepada ekonomi negara.

- Cadangan juga dikemukakan agar takrifan umur warga emas di Malaysia dinaikkan kepada 65 tahun, selaras dengan amalan antarabangsa.

Ahli panel Forum Hak Warga Emas yang dimudahcara oleh Pesuruhjaya Dr. Chew Chee Ming

iii. Hak kesihatan warga emas

- Seiring dengan peningkatan usia, tahap kesihatan individu secara amnya akan menurun dan lebih banyak rawatan perubatan diperlukan. Kenaikan kos rawatan dan penjagaan kesihatan memerlukan dana dan sumber manusia yang besar dalam memenuhi penjagaan kesihatan kepada warga emas.
- Bagi populasi menua, penjagaan geriatrik antara aspek penting dalam fasiliti penjagaan kesihatan kerana ia menyediakan penjagaan komprehensif dan secara individu, selain membabitkan pelbagai disiplin untuk warga emas demi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka. Menurut KKM, Malaysia masih kekurangan pakar geriatrik bagi menampung bilangan pesakit warga emas yang semakin meningkat dengan hanya terdapat 34 pakar geriatrik di seluruh negara, berbanding jumlah 600 pakar terbabit mengikut nisbah yang disarankan di Malaysia menurut WHO.

iv. Kesedaran mengenai warga emas dan penuaan

- Kesedaran mengenai penuaan perlu diterapkan di peringkat awal kepada semua lapisan masyarakat. Pelbagai aspek perlu diambil kira khususnya aspek emosi, kewangan, kesihatan, persekitaran, dan sebagainya.
- Sistem sokongan yang mantap perlu disediakan sama ada dari sudut penyediaan infrastruktur mahupun sokongan sosial di peringkat keluarga, komuniti atau masyarakat di seluruh negara.
- Stigma dan diskriminasi terhadap warga emas perlu dihapuskan agar ketidakadilan sosial, peminggiran warga emas dan konflik antara generasi dapat dibendung bagi membolehkan warga emas menikmati hari tua mereka dengan bermaruah.

v. Bandar mesra usia

- Terdapat keperluan untuk mewujudkan bandar mesra usia bagi menyokong penuaan positif, untuk kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara.
- Bandar mesra usia ini merupakan satu instrumen untuk menggabungkan peranan setiap individu dalam komuniti dan masyarakat setempat agar persekitaran yang didiami adalah bebas halangan dan selamat, dan yang paling penting adalah untuk mewujudkan sistem sokongan yang berkesan untuk semua pihak.

- Terdapat elemen penting bandar mesra usia yang mesti diambil kira, iaitu perumahan, pengangkutan, penyertaan sosial, penyertaan sivik dan pekerjaan, komunikasi dan maklumat, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, dan juga ruang luar dan reka bentuk bangunan.

vi. Rumah persaraan warga emas

- Jumlah rumah persaraan/pusat jagaan swasta di Malaysia masih kurang walaupun terdapat permintaan dalam kalangan masyarakat. Selain menawarkan khidmat penjagaan harian/sepenuh masa, rumah persaraan/pusat jagaan ini juga turut menawarkan perkhidmatan jagaan kepada pesakit (pelbagai peringkat usia) yang memerlukan penjagaan rapi.
- Peningkatan permintaan kepada perhidmatan penjagaan untuk warga emas ini boleh dilihat sebagai perkembangan yang positif kepada peningkatan ekonomi negara. Walaupun begitu, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian yang serius bagi memastikan kepentingan dan kebajikan warga emas didahulukan dan dilindungi, contohnya pemilikan berdaftar/berlesen, pematuhan terhadap standard yang ditetapkan oleh jabatan/badan berautoriti, pemantauan berkala oleh pihak berkenaan, serta penyediaan infrastruktur yang selamat dan mesra warga emas.

vii. Penjagaan warga emas di rumah (*home care*)

- Penjagaan di rumah atau *home care* sebagai perkhidmatan penjagaan alternatif kepada warga emas yang memerlukan bantuan dalam kehidupan harian mereka, dan dalam masa sama kekal sihat dan selamat di rumah.

4.2 Lawatan ke Perkampungan Warga Emas *Eden on the Park* dan Pusat Jagaan Rumah Seri Kenangan (RSK) di Sarawak

Pada 14 Ogos 2023, SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke perkampungan dan pusat jagaan warga emas yang dikelola oleh pihak swasta atau persendirian iaitu *Eden on the Park* (EDEN) dan juga pihak Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) di Kuching, Sarawak.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami konsep perkampungan warga emas serta mendapatkan gambaran keseluruhan perkhidmatan yang disediakan di pusat jagaan warga emas. Fokus lawatan tertumpu

Wakil SUHAKAM bersama wakil Eden on The Park semasa lawatan ke rumah perkampungan warga emas pada 14 Ogos 2023

kepada beberapa aspek utama iaitu dari segi kemudahan yang disediakan di kedua-dua institusi warga emas ini serta memahami cabaran yang dihadapi.

Hasil pemerhatian SUHAKAM mendapati fakta-fakta berikut perlu diberi perhatian:

- **Kemudahan dan kewangan**
  Sebagai penyedia perkhidmatan swasta, EDEN mempunyai peruntukan kewangan yang lebih stabil dan mempunyai kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan kepada warga emas, berbanding RSK Kuching yang bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan negeri untuk menyediakan dan mengekalkan kemudahan untuk warga emas.

  Adalah disyorkan agar Kerajaan Negeri Sarawak menambahkan peruntukan tahunan kepada RSK serta memastikan ianya dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan kepada warga emas.

- **Kemahiran kakitangan**
  Melalui akademi sendiri, EDEN melatih kakitangan mereka mengikut keperluan penjagaan kesihatan warga emas, berbanding kakitangan RSK yang dilihat kurang pengetahuan/ pendedahan terhadap keperluan kesihatan warga emas. Adalah dicadangkan supaya RSK dan EDEN bekerjasama dalam melatih kakitangan mereka serta berkongsi amalan terbaik yang boleh dipelajari masing-masing.

Wakil SUHAKAM bersama wakil Rumah Seri Kenangan, di Kuching, Sarawak

- **Kekurangan kakitangan**
  Kekurangan kakitangan merupakan satu masalah serius di RSK yang memberi kesan khususnya kepada keselamatan warga emas. Adalah dicadangkan agar pengambilan kakitangan dipertingkatkan supaya pusat ini dapat beroperasi secara lebih berkesan serta memberi tumpuan kepada aspek keselamatan.

- **Kekurangan kemudahan**
  Berbanding EDEN yang mempunyai sistem kawalan keselamatan untuk perlindungan warga emas, RSK tidak dilengkapi dengan kemudahan seumpama itu termasuklah ketiadaan televisyen litar tertutup (CCTV) untuk memantau pergerakan warga emas terutamanya pada waktu malam. Selain itu, ketiadaan doktor yang bertugas di RSK menyebabkan penghuni yang memerlukan rawatan terpaksa dihantar ke hospital dan klinik berdekatan. Adalah dicadangkan agar lawatan berkala oleh pegawai perubatan ke RSK diadakan terutamanya untuk memeriksa warga emas yang tidak sihat.

- **Pemberian subsidi**
  EDEN memenuhi serta mematuhi segala piawaian yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bomba dan sebagainya, yang mengakibatkan kos pengendalian lebih tinggi.

Adalah dicadangkan agar pihak Kerajaan memberi pengecualian cukai untuk membantu serta menggalakkan pusat-pusat ini terus menawarkan perkhidmatan tanpa berkompromi terhadap standard operasinya.

4.3 Perbincangan Meja Bulat Bersama Agensi Kerajaan Negeri Berkenaan Hak Warga Emas Di Sarawak

Pada 16 Ogos 2023, Perbincangan Meja Bulat (PMB) bersama agensi kerajaan negeri berkenaan hak warga emas di Sarawak telah diadakan di Hotel Hilton, Kuching. Seramai 18 wakil daripada pelbagai agensi kerajaan telah hadir ke PMB tersebut.

Perbincangan Meja Bulat bersama agensi Kerajaan Negeri disertai oleh Pesuruhjaya Dr. Chew Chee Ming, Tuan Ragunath Kesavan dan Dato' Noor Aziah Mohd Awal

Antara isu utama yang dibangkitkan semasa sesi perbincangan adalah seperti berikut:

i. Inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak

- Kerajaan Negeri memaklumkan mereka telah melaksanakan beberapa program/aktiviti yang berkaitan bagi menangani isu-isu yang dihadapi dan sedang merangka strategi yang komprehensif sebagai persiapan menuju negeri tua.
- Antara inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti insentif dalam bentuk simpanan amanah bagi setiap kelahiran anak Sarawak, dan bantuan ihsan kematian bagi urusan pengebumian; manfaat kesihatan melalui Kenyalang Gold Card, bagi membantu golongan warga emas mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan; dan program bantuan warga emas kepada mereka yang layak untuk menikmati kualiti hidup lebih baik.

- Kerajaan Negeri turut mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Tua (PPWT) sebagai tempat untuk warga emas melakukan pelbagai aktiviti sosial dan rekreasi agar terus kekal sihat dan aktif. Sehingga kini, terdapat 9 buah PPWT yang beroperasi di sekitar Negeri Sarawak.
- Kerajaan Negeri juga bersedia untuk menjalin kerjasama dengan SUHAKAM dan mendengar pandangan/cadangan SUHAKAM bagi menangani isu-isu berkaitan masyarakat menua dan warga emas; usaha/inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan negeri lain dalam menangani isu-isu berkaitan warga emas dan penuaan; dan belajar mengenai amalan terbaik daripada pihak-pihak berkaitan, dalam dan luar negara, berkenaan penuaan dan penjagaan warga emas untuk mengetahui usaha / inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri lain dalam menangani isu-isu berkaitan warga emas dan penuaan; dan amalan terbaik daripada pihak-pihak berkaitan, dalam dan luar negara berkenaan penuaan dan penjagaan warga emas untuk menambahbaik inisiatif sedia ada.

Antara peserta Perbincangan Meja Bulat berhubung hak warga emas pada 16 Ogos 2023

ii. Lawatan SUHAKAM ke perkampungan/pusat penjagaan warga emas

- Hasil lawatan SUHAKAM ke perkampungan persaraan warga emas yang dijalankan secara persendirian, didapati model perkampungan persaraan tersebut mengintegrasikan kemudahan tempat tinggal dengan fasiliti penjagaan warga emas yang mempunyai elemen penting yang berupaya menyediakan penghuninya kepada kehidupan bermaruah, dan dalam masa sama menikmati rawatan serta penjagaan kesihatan yang berkualiti, iaitu berdaftar dan memenuhi

kriteria yang ditetapkan oleh KKM dan JKM; mempunyai persekitaran mesra warga emas dengan ciri keselamatan; dilengkapi sistem pengurusan penjagaan warga emas; dan mempunyai kakitangan mahir dan terlatih.

- SUHAKAM berpandangan bahawa model berintegrasi tersebut boleh dijadikan penanda aras dan model amalan terbaik kepada pihak swasta dan kerajaan yang terlibat dalam perkhidmatan penjagaan warga emas. Selain itu, adalah dicadangkan supaya Kerajaan menyediakan insentif-insentif tertentu kepada pengusaha rumah persaraan/pusat jagaan warga emas, contohnya pengecualian cukai, bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan sektor swasta dalam menawarkan perhidmatan sebegini kepada masyarakat.

Syor

i. Kerjasama di antara rumah persaraan dengan kerajaan negeri

- Antara kerjasama yang boleh dijalankan oleh pihak kerajaan negeri dan rumah persaraan/pusat jagaan warga emas adalah seperti menyediakan latihan kepada pelajar-pelajar vokasional, melatih dan menawarkan tempat latihan kepada pelajar yang berminat dalam bidang penjagaan warga emas. Kerajaan Negeri juga boleh menyediakan elaun belajar kepada mereka, dan sebaik tamat latihan, mereka ini boleh terus diserap sebagai kakitangan di pusat-pusat yang mereka jalani latihan.
- Pusat jagaan di bawah kelolaan Kerajaan Negeri juga boleh bekerjasama dengan pihak swasta dari segi penyediaan latihan kepada kakitangan mereka, serta berkongsi amalan terbaik sama ada dari segi penyediaan infrastruktur mahupun perkhidmatan penjagaan yang ditawarkan kepada warga emas.

ii. Peruntukan kewangan kepada Kerajaan negeri

- Adalah dicadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan kewangan yang munasabah kepada semua fasiliti/pusat jagaan warga emas, sama ada di bawah kendalian Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengoperasian fasiliti/pusat jagaan, dan dalam masa yang sama menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan yang lebih baik kepada penghuni warga emas.

iii. Peruntukan kewangan bagi tujuan penyelidikan berkaitan warga emas dan penuaan

- Pembentukan sesuatu dasar atau program khusus berkaitan warga emas haruslah berlandaskan kajian saintifik. Walaupun begitu, terdapat kekangan dari segi peruntukan kewangan dalam menjalankan penyelidikan berkaitan penuaan dan warga emas, contohnya pemberian geran penyelidikan yang terhad kepada universiti/pusat penyelidikan.

iv. Perbelanjaan kesihatan warga emas

- Perbelanjaan Kerajaan untuk rawatan dan penjagaan kesihatan warga emas akan meningkat seiring dengan pertambahan populasi warga emas. Ia adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan, dan memerlukan peruntukan kewangan dan komitmen yang besar oleh Kerajaan.

v. Pemantauan berkala ke atas fasiliti/pusat penjagaan warga emas

- Terdapat sebilangan fasiliti/pusat jagaan warga emas beroperasi tanpa lesen yang sah. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya Kerajaan/Kerajaan Negeri melaksanakan pemantauan berkala kepada fasiliti/pusat jagaan ini bagi memastikan ianya berdaftar dengan jabatan/agensi berkuasa. Selain memastikan ia beroperasi secara sah, pemantauan ini juga bagi memastikan infrastruktur yang disediakan di fasiliti/pusat jagaan adalah selamat, mematuhi prosedur standard yang ditetapkan, dan mesra warga emas.

vi. Keperluan mewujudkan piawaian/garis panduan minimum dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas

- Terdapat keperluan penting untuk mewujudkan satu piawaian/garis panduan minimum yang perlu dipenuhi/dipatuhi oleh pengusaha fasiliti/pusat jagaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas bagi memastikan kepentingan dan kebajikan warga emas dilindungi. Kesemua piawaian, garis panduan dan pemantauan berkala ini hendaklah dilaksanakan dan terpakai di kesemua fasiliti/pusat jagaan swasta mahupun Kerajaan/Kerajaan Negeri.

vii. Dasar dan undang-undang khusus berkaitan warga emas dan penjaga

- Malaysia mempunyai beberapa undang-undang yang berkaitan warga emas dan penjaga, tetapi tidak mempunyai perundangan yang khusus berkenaan warga emas.
- Selain cadangan mewujudkan akta khusus untuk perlindungan hak dan kebajikan warga emas, terdapat juga cadangan supaya diwujudkan akta berkaitan penjaga warga emas supaya mereka juga dapat menikmati sokongan dan faedah yang sewajarnya semasa menjaga warga emas.

viii. Penubuhan kementerian khusus untuk warga emas

- Selain bertanggungjawab kepada isu-isu wanita dan kanak-kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga melihat kepada isu-isu yang melibatkan warga emas. Namun, wujud kebimbangan sejauh mana KPWKM boleh dipertanggungjawabkan untuk melihat isu-isu warga emas memandangkan Kementerian tersebut juga mempunyai tanggungjawab besar berkaitan isu wanita dan kanak. Oleh itu, timbul persoalan sama ada wujud keperluan untuk Malaysia menubuhkan kementerian khusus yang menjaga kesejahteraan warga emas, dan sejauh mana keberkesanannya dalam menjalankan fungsinya seperti di beberapa negara lain.

x. Perlindungan sosial warga emas

- Ramai warga emas terutama mereka dalam kalangan B40 tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan hari tua. Oleh itu, perlindungan sosial warga emas perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup.

xi. Peluang pekerjaan untuk warga emas

- Dianggarkan terdapat lebih 7 juta atau 44% daripada 16.7 juta tenaga kerja di Malaysia akan tua tanpa sebarang perlindungan kewangan masa depan.
- Oleh itu, bagi mengelakkan kemiskinan dalam kalangan warga emas, peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan faktor usia dan keadaan kesihatan mereka perlu disediakan. Ini dapat memastikan warga emas mempunyai perlindungan kewangan dan sekaligus dapat

memperkasakan ekonomi mereka bagi menjamin kehidupan sejahtera. Selain menjamin kelangsungan ekonomi warga emas melalui peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan usia dan keupayaan mereka, ianya juga membolehkan warga emas untuk terus kekal aktif dan menyumbang kepada masyarakat.

xii. Prasarana mesra warga emas

- Adalah dicadangkan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab ke atas pembinaan, pemantauan dan penyelenggaraan prasarana mesra warga emas.
- Prasarana awam perlu dibina/direka mengikut keperluan/ tahap kesihatan/keperluan khusus komuniti setempat.
- Warga emas tidak harus dikategorikan sebagai orang kurang upaya kerana kedua-duanya mempunyai keperluan yang berbeza.

xiii. Akses warga emas kepada fasiliti kesihatan

- Didapati kurang/tiada sokongan logistik terutama bagi warga emas untuk mendapatkan akses kepada fasiliti kesihatan. Oleh itu dicadangkan supaya diwujudkan perkhidmatan *uber ambulance* yang dilengkapi paramedik.
- Konsep *healthcare transportation* ini menyediakan perkhidmatan membawa pesakit yang bukan dalam keadaan kecemasan kritikal, contohnya membawa pesakit ke klinik/ hospital untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, ia juga bertujuan menyokong perkhidmatan ambulans tradisional dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan kecemasan kepada semua orang tanpa perlu menunggu masa yang lama.

xiv. Pangkalan data bersepadu warga emas

- Terdapat cadangan untuk mewujudkan pangkalan data bersepadu warga emas yang menghasilkan pemetaan maklumat warga emas bagi menyokong kepada perlindungan dan penyediaan kemudahan infrastruktur sosial berdasarkan keperluan individu warga emas.

xv. Kesedaran mengenai kepentingan penjagaan warga emas

- Kesedaran mengenai menjaga kepentingan dan kesejahteraan warga emas masih kurang dalam kalangan

masyarakat, bahkan masih wujud stigma dan stereotaip terhadap warga emas.

- Penglibatan antara generasi adalah penting dalam penjagaan dan pemerkasaan warga emas. Oleh itu, dicadangkan supaya program-program berbentuk sosial dan kesukarelawan dipergiatkan di sekolah dan universiti bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan dalam kalangan orang muda.

5. INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ ASLI

Sejak penubuhannya pada tahun 1999, SUHAKAM telah menerima aduan-aduan serta memorandum berkaitan isu hak tanah adat masyarakat Orang Asal/Asli. SUHAKAM amat prihatin dengan peningkatan jumlah aduan yang diterima daripada komuniti Orang Asal/Asli serta organisasi masyarakat sivil.

Pada tahun 2010, SUHAKAM memutuskan untuk menjalankan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (Inkuiri Nasional) di Malaysia. Inkuiri Nasional ini berlangsung selama 3 tahun dan laporannya telah diterbitkan pada tahun 2013. Laporan Inkuiri Nasional yang mengandungi 18 syor tersebut telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 19 Julai 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 syor telah diterima pakai oleh Kerajaan.

Susulan Laporan Inkuiri Nasional, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi mengkaji hasil dapatan dan syor-syor dalam Laporan tersebut. Lanjutan daripada itu pada tahun 2015, pihak Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan pelaksanaan syor-syor NI mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Mesyuarat sulung JKKHTOA yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, selaku Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, telah diadakan pada 7 April 2016. Dalam Mesyuarat tersebut, telah disyorkan tindakan susulan yang perlu diambil.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, Mesyuarat JKKHTOA hanya dijalankan sekali sahaja iaitu pada tahun 2016. SUHAKAM kecewa dan amat bimbang dengan kelewatan dalam pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional, yang menyebabkan pelanggaran hak asasi Orang Asal/Asli, terutamanya pencerobohan terhadap tanah adat mereka untuk tujuan pembalakan, pertanian dan pembangunan, masih berterusan sehingga kini. Kelewatan

pelaksanaan syor-syor ini juga adalah disebabkan penstrukturan yang berlaku di agensi-agensi Kerajaan sejak tahun 2018.

Berikutan tindakan susulan yang berterusan oleh SUHAKAM, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dipertanggungjawabkan terhadap penyelarasan, pemantauan dan pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional. BHEUU telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Status Terkini Pelaksanaan Enam Rumusan Tindakan dan Hala Tuju JKKHTOA Hasil Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli. Sehingga kini, 4 Mesyuarat Penyelarasan telah diadakan iaitu pada 14 Oktober 2020, 24 Februari 2021, 4 Ogos 2021 dan 27 April 2022.

Kini sudah 10 tahun berlalu sejak penyerahan Laporan Inkuiri Nasional, namun, isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Inkuiri Nasional masih berterusan. Berdasarkan kepada pemerhatian SUHAKAM, usaha-usaha perlu dipergiat untuk memastikan pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional terutamanya yang melibatkan isu pewartaan tanah adat Orang Asal/Asli.

5.1 Forum Sedekad Selepas Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Orang Asli

Bagi memperingati isu-isu Orang Asal/Asli, SUHAKAM berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk mengimbas kembali perjalanan Inkuiri Nasional dan mendapatkan maklum balas berhubung pelaksanaan syor-syor Laporan Inkuiri Nasional ini.

Pada 16 November 2023, SUHAKAM telah menganjurkan Forum Sedekad (2013-2023) Selepas Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli SUHAKAM. Forum ini dihadiri lebih kurang 150 orang peserta termasuk Masyarakat Orang Asal/Asli dari Sabah dan Sarawak, ahli akademik, agensi Kerajaan, NGO, CSO dan individu.

Forum ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu:

i. Sesi Pembukaan

Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal telah menyampaikan Ucapan Alu-aluan dan diikuti dengan ucapan khas Yang Amat Berbahagia Tun Richard Malanjum, Mantan Ketua Hakim Negara.

Ahli Panel Sesi Perkongsian

ii. Sesi Perkongsian

Tujuan sesi ini adalah untuk mengimbas kembali perjalanan Inkuiri Nasional, dengan ahli panel terdiri daripada mantan Pesuruhjaya SUHAKAM dan pakar-pakar yang terlibat dalam Inkuiri Nasional, termasuk Datuk Khaw Lake Tee, YB Puan Jannie Lasimbang, Datuk Denison Jayasooria, dan Dr. Ramy Bulan.

iii. Sesi Pembentangan 1 : Pelaksanaan Syor-Syor Inkuiri Nasional Oleh Agensi Kerajaan

Sesi ini membincangkan usaha pelbagai agensi Kerajaan seperti JAKOA, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam melaksanakan syor-syor Inkuiri Nasional. Sesi ini mengenal pasti dan memahami cabaran-cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi Kerajaan dalam menangani isu hak tanah Masyarakat Orang Asli/Asal. Ahli panel sesi ini terdiri daripada Tuan Johari Alwi, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Pahang, Datuk Dr. Ahemad Sade, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pembangunan) dan YBhg. Datu Buckland Bangik, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

iv. Sesi Pembentangan 2 : Akses Kepada Keadilan

Ahli panel sesi ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asal/Asli dalam mendapatkan akses kepada keadilan, terutamanya dalam isu hak tanah. Ini termasuk ancaman daripada tindakan undang-undang strategik terhadap penyertaan awam atau SLAPP (*Strategic Lawsuit Against Public Participation*).

v. **Sesi Pembentangan 3 : Kerelevanan Isu-Isu dan Syor-Syor Inkuiri Nasional**

Sesi ini melibatkan wakil-wakil daripada organisasi masyarakat sivil termasuk belia dan kaum wanita. Tujuan sesi ini secara umumnya adalah mendapatkan input-input dan pandangan berkaitan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli/ Asal kini dan mengenai perjuangan mereka. Ini termasuk peranan kaum belia serta kaum wanita dalam memperjuangkan hak tanah mereka. Selain itu, sesi ini juga untuk mendengar pandangan berhubung kerelevanan isu-isu dan syor-syor Inkuiri Nasional serta cadangan kepada SUHAKAM.

Isu-isu dan Syor-Syor

Antara isu dan syor yang dibangkitkan oleh ahli panel serta para peserta adalah seperti berikut:

i. **Kerelevanan isu-isu dan syor-syor Inkuiri Nasional**

Ahli panel dan para peserta menyambut baik Inkuiri Nasional yang dijalankan julung kali oleh SUHAKAM dan berpandangan bahawa Inkuiri Nasional ini telah memberikan satu harapan kepada masyarakat Orang Asal/Asli terutamanya melibatkan isu-isu hak tanah adat (NCR). Beberapa pencapaian Inkuiri Nasional yang dikongsi adalah seperti pemansuhan pengeluaran geran komunal di Sabah dan pelaksanaan Garis Panduan Free, Prior, Informed, Consent (FPIC) oleh *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO).

Walau bagaimanapun, mereka meluahkan rasa dukacita dan kekecewaan terhadap ketidaklaksanaan serta kelewatan pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional ini yang diakibatkan oleh penstrukturan Kerajaan sepanjang 10 tahun ini.

Sementara itu, ada ahli panel dan para peserta berpandangan bahawa walaupun pelaksanaan syor-syor Inkuiri Nasional adalah perlahan, namun, Inkuiri Nasional ini memberi kesan positif kerana ianya merupakan sesuatu yang bersejarah dan laporan Inkuiri Nasional akan sentiasa menjadi rujukan. Mereka melihat Forum ini sebagai nafas baru kepada masyarakat Orang Asal/Asli untuk menghidupkan semula Inkuiri Nasional.

Secara keseluruhannya, ahli-ahli panel dan para peserta berpandangan bahawa isu-isu dan syor-syor yang dibangkitkan di dalam laporan

Para peserta Forum membangkitkan pelbagai persoalan semasa sesi pembentangan

Inkuiri Nasional ini adalah masih relevan kerana isu-isu NCR masih berterusan, malah, hak dan pengiktirafan NCR masyarakat Orang Asal/Asli terus diancam.

Justeru, ahli panel dan para peserta mencadangkan agar Laporan Inkuiri Nasional dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk memastikan Kerajaan memandang serius terhadap Inkuiri Nasional SUHAKAM serta melaksanakan syor-syor dengan segera.

ii. Syor 18 – menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan yang bebas mengenai Orang Asal

Peserta Forum dan ahli panel bersetuju dengan cadangan Tun Richard untuk mewujudkan semula Tribunal Orang Asal. Malah, ada juga yang berpendapat bahawa pihak Kerajaan seharusnya menubuhkan Suruhanjaya untuk melihat isu-isu Orang Asal/Asli seperti yang disyorkan dalam Laporan Inkuiri Nasional. Tribunal dan Suruhanjaya adalah dua medium yang boleh digunakan untuk meneruskan usaha menangani konflik tanah Orang Asal/Asli.

Justeru, adalah dicadangkan agar syor 18 mengenai penubuhan Suruhanjaya Kebangsaan yang bebas Mengenai Orang Asal dibentangkan semula kepada pihak Kerajaan dan menuntut penubuhan Suruhanjaya demi menjamin hak tanah adat masyarakat Orang Asal/ Asli.

Sebilangan peserta Forum Inkuiri Nasional

iii. Ketegangan Perundangan dan Reformasi Undang-undang

Forum ini juga membincangkan mengenai ketegangan perundangan melibatkan isu tanah adat masyarakat Orang Asal/Asli. Tanah merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan setiap orang termasuk Orang Asal/Asli. Bagi Orang Asal/Asli tanah merupakan sesuatu yang lebih daripada hanya pemilikan tanah tetapi ianya merangkumi keseluruhan cara hidup mereka. Memandangkan

tanah ini sesuatu yang mempunyai batasan, ini sering menimbulkan ketegangan di antara mereka yang melihat tanah sebagai kehidupan dan mereka yang melihat tanah sebagai satu bentuk pembangunan.

Walaupun Kanun Tanah Sarawak 1958, Ordinan Tanah Sabah (Bab 68), Akta Orang Asli 1954 memberikan pengiktirafan terhadap pemilikan tanah adat tetapi pengiktirafan tersebut adalah terhad. Memandangkan bidang kuasa tanah terletak di bawah bidang kuasa setiap negeri dan bukannya di bawah bidang kuasa Persekutuan, maka, setiap negeri mempunyai undang-udang atau dasar-dasar yang berlainan dalam mengendalikan isu tanah. Ketidakselarasan ini menimbulkan pelbagai isu yang berlarutan.

Justeru, Forum ini mencadangkan keperluan untuk reformasi undang-undang yang menyeluruh dan langkah-langkah untuk menangani ketegangan yang berpanjangan ini bagi memastikan hak NCR masyarakat Orang Asal/Asli terjamin.

iv. Mengkanunkan Keputusan Kehakiman sebagai undang-undang

Keputusan mahkamah yang mengiktiraf hak Orang Asal/Asli dalam beberapa kes dilihat sebagai sesuatu yang progresif, dengan mengambil kira bukan sahaja undang-undang sedia ada tetapi juga *Common Law* dan amalan adat seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pengiktirafan ini masih berdasarkan kepada pentafsiran hakim-hakim. Justeru, boleh dikatakan bahawa amalan adat tidak mempunyai impak sekiranya ianya tidak dikanunkan dalam undang-udang secara jelas.

Oleh yang demikian, Forum telah mencadangkan untuk mengambil usaha untuk mengkanunkan keputusan-keputusan mahkamah bagi menjamin hak dan kepentingan masyarakat Orang Asal/Asli. Ia juga untuk menjamin hak NCR masyarakat Orang Asal/Asli daripada pentafsiran yang boleh menjejaskan hak mereka.

v. Perisytiharan Pertubuhan, Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP)

Terdapat beberapa prinsip utama UNDRIP iaitu:

- pertama,
  pengiktirafan hak orang asal kepada kawasan dan sumber alam;

- kedua,
  hak kolektif yang mana terdapat kes sebelum ini merujuk kepada pemakai menoa;
- ketiga,
  FPIC, Orang Asal/Asli perlu dimaklumkan dan dilibatkan dalam konsultasi; dan
- keempat,
  hak jati diri (*self-determination*) Orang Asal/Asli.

Jika garis panduan ini dapat digunakan, ianya membantu menyelesaikan masalah berbangkit berkenaan isu tanah.

Justeru, adalah dicadangkan agar UNDRIP digunakan sebagai panduan dalam menentukan isu-isu NCR serta Kerajaan Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menuruti UNDRIP sebagai sebahagian daripada tanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia.

vi. Pewartaan Tanah Orang Asal/Asli

JAKOA sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab terhadap kebajikan masyarakat Orang Asli, telah melaksanakan kerja-kerja pewartaan tanah. Sebanyak 268 kampung telah diwartakan daripada

Ahli Panel Sesi Diskusi Mengenai Pelaksanaan Syor-Syor Inkuiri Nasional oleh Pihak Kerajaan

853 kampung. Namun, Forum ini jelas menunjukkan ketidakpuasan hati dalam kalangan Orang Asli kerana tanah yang diwartakan adalah tanah kediaman atau kawasan penempatan sahaja dan tidak melibatkan kawasan tanah adat yang lain serta kawasan rayau Orang Asli. Kawasan rayau ini penting bagi Orang Asli untuk mencari reseki dan ubat-ubatan. Adalah dicadangkan agar pewartaan tanah juga perlu diambil kira kawasan rayau serta perkuburan Orang Asli.

Di Sabah, proses pewartaan tanah NCR diperuntukkan dalam *Sabah Land Ordinance* (Cap 68) dan permohonan haruslah dibuat menerusi Jabatan Tanah dan Ukur. Malah terdapat Mahkamah Hal Ehwal Anak Negeri, yang mempunyai kuasa perundangan di bawah Enakmen Hal Ehwal Anak Negeri 1992 untuk mendengar pertikaian isu-isu NCR.

Kerajaan Negeri Sarawak telah meminda Ordinan Tafsiran (Pindaan 2022) untuk memastikan semua Anak Negeri didaftarkan dan diberi pengiktirafan. Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengiktiraf tanah NCR di Sarawak. Sejak 2010 hingga Oktober 2023, Kerajaan Negeri telah mengukur sebanyak 1.117 juta hektar tanah NCR secara perimeter. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93,719 hektar telah diberikan surat hak milik.

Adalah dicadangkan agar Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mengadakan perbincangan dengan masyarakat Orang Asal serta mengambil kira tanah adat Orang Asal dalam pewartaan tanah.

vii. Peruntukan Pengukuran Tanah

Proses pewartaan tanah NCR merupakan sesuatu proses yang akan mengambil masa dan menelan kos yang tinggi. Ketiga-tiga agensi Kerajaan iaitu JAKOA, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak telah memaklumkan bahawa walaupun Kerajaan Persekutuan memberikan peruntukan untuk tujuan pengukuran dan pewartaan tanah adat, namun, peruntukan itu tidak mencukupi disebabkan kos pengurukuran yang tinggi dan melibatkan kawasan yang luas.

Adalah dicadangkan agar Kerajaan Persekutuan menambahkan peruntukkan kepada JAKOA dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak agar agensi ini dalam melaksanakan pengukuran tanah dengan efektif dan segera.

Ahli Panel Sesi Diskusi Mengenai Akses Kepada Keadilan

viii. Sensitiviti budaya

Forum ini juga memperlihat sistem perundangan sedia ada yang tidak peka terhadap budaya apabila berhadapan dengan isu tanah NCR. Kebanyakan kes mahkamah sering membelakangkan sensitiviti budaya akan hak tanah NCR disebabkan kekurangan pemahaman. Adalah dibangkitkan keperluan untuk meningkatkan kuantiti hakim dalam mendengar kes-kes NCR. Latihan dalam bidang ini perlu dipertingkatkan agar hakim-hakim memahaminya serta melibatkan diri dalam kes-kes NCR.

ix. Akses kepada Keadilan

Kekurangan sumber kewangan menyukarkan masyarakat Orang Asal/ Asli untuk mendapatkan peguam untuk membawa kes mereka ke mahkamah.

Forum ini juga membincangkan mengenai model peraturan litigasi yang diamalkan di negara-negara lain. Di bawah model ini, pihak Kerajaan dikehendaki bertindak sebagai model litigasi dengan mengutamakan keadilan, ketelusan dan menghormati hak Orang Asal/Asli serta menahan diri daripada menggunakan taktik untuk menghalang prosiding mahkamah atau membuat bantahan awal

dengan menggunakan jentera Kerajaan.
Adalah dicadangkan agar penggunaan model peraturan litigasi untuk memastikan prosiding undang-undang yang adil dan saksama dalam kes yang melibatkan hak tanah Orang Asal/Asli.

x. Tindakan Undang-Undang Strategik Terhadap Penyertaan Awam (SLAPP)

SLAPP digunakan oleh pihak swasta atau Kerajaan sebagai satu alatan untuk mengambil kes ke atas mereka yang memperjuangkan tanah NCR. Kebanyakan aktivis NCR dan pemegang NCR tidak mempunyai akses kepada keadilan. Usaha telah dimulakan di peringkat Negeri Sabah dan dicadangkan untuk turut diusahakan di Sarawak dan Semenanjung.

Adalah dicadangkan bidang kuasa Yayasan Bantuan Guaman Kerajaan (YBGK) diperluaskan untuk turut mengendalikan kes-kes NCR. Adalah diharap Kerajaan Negeri Sabah dapat membantu Masyarakat Orang Asal untuk mempertahankan hak mereka apabila mereka berhadapan dengan kes-kes mahkamah dan inkuiri tanah. Kerajaan Negeri Sarawak turut digalakkan untuk mempertimbangkan perkara ini bagi membantu Masyarakat Orang Asal memandangkan Kerajaan Negeri mempunyai sumber yang banyak.

xi. Penstrukturan JAKOA

Forum mengambil maklum akan usaha-usaha yang telah diambil untuk memperkasakan JAKOA sepertimana syor 14 Inkuiri Nasional. Pihak JAKOA telah mengangkat cadangan penstukturan untuk menaik taraf penjawatan serta meramaikan pegawai-pegawai kanan dari kalangan Orang Asli. Kekurangan kakitangan JAKOA di peringkat negeri turut memberi cabaran kepada JAKOA untuk memberi khidmat mereka kepada Masyarakat Orang Asli. Pihak JAKOA bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk membuat penambahbaikan dan mengukuhkan penjawatan secara berperingkat.

xii. Isu *Carbon Trading*

Dalam membincangkan isu perubahan iklim, hutan-hutan akan menghasilkan jumlah oksigen yang banyak dan ianya boleh diusahakan, yang dipanggil sebagai *carbon trading*. Kerajaan Negeri Sarawak sedang menuju ke arah pembangunan ekonomi baru ini dan sedang mengimplementasikannya di bawah program *Post-Covid Development Strategy 2030*. Kebimbangan terhadap isu *Carbon Trading* dibangkitkan kerana tiada polisi yang jelas dan Orang Asal khuatir aktiviti ini akan

memberi impak terhadap NCR mereka.

Adalah dicadangkan agar isu-isu melibatkan perubahan iklim, *carbon offset* dan *carbon trading* dibincangkan dengan mendalam untuk melihat kepada impaknya kepada tanah NCR.

xiii. Penglibatan Belia

Forum membincangkan mengenai cabaran yang dihadapi oleh para belia Asal/Asli dalam memperjuangkan hak tanah adat. Persoalan yang ditimbulkan adalah mengenai pemahaman para belia berhubung tradisi dan Sejarah serta asal usul masyarakat Orang Asal/Asli.

Adalah dicadangkan agar pihak berkepentingan dapat membincangkan mengenai pengimplementasian sesuatu polisi sebelum sesuatu program atau polisi dilaksanakan. Perbincangan ini harus melibatkan masyarakat Orang Asal/Asli termasuk para belia. Selain itu, program-program berhubung pengurusan tanah perlu diteruskan dengan menggalakkan penglibatan generasi muda dan tua agar ilmu-ilmu tradisi dan sejarah dapat diturunkan.

Ahli Panel Sesi Diskusi 3

xiv. Peranan Kaum Wanita

Kaum Wanita turut menghadapi pelbagai cabaran dalam meneruskan perjuangan tanah akibat kekurangan sokongan. Malah, ada juga yang masih tidak memahami hak mereka dalam memperjuangkan hak tanah adat.

Adalah dimaklumkan bahawa Wanita Orang Asal/Asli turut mengalami pelbagai bentuk diskriminasi dari segi ekonomi, tanah adat, sosial dan sebagainya. Kekecewaan diutarakan di mana isu diskriminasi dalam kalangan Wanita Orang Asal/Asli tidak dibangkitkan dalam pelaporan seperti di laporan CEDAW dan UPR.

Adalah dicadangkan agar pelaporan negara turut merangkumi isu diskriminasi yang dihadapi kaum Wanita Orang Asal/Asli.

6. SISTEM UNDI POS LUAR NEGARA

Bilangan rakyat Malaysia yang menetap di luar negara sebagai pengundi pos semakin meningkat, seiring dengan pindaan undang-undang yang memperluas hak mengundi, termasuk penurunan had umur layak mengundi kepada 18 tahun dan pendaftaran secara automatik bagi semua rakyat Malaysia yang mencapai umur 18 tahun. Perubahan ini telah memberikan impak yang besar terhadap peningkatan pengundi pos luar negara.

Isu-isu serta cabaran yang dihadapi oleh pengundi pos luar negara telah dibawa ke perhatian SUHAKAM. Malah, SUHAKAM juga telah menerima memorandum berhubung pilihan raya umum pada 2018, di mana isu undi pos luar negara merupakan salah satu isu yang dibangkitkan dalam memorandum tersebut. Justeru, SUHAKAM merasakan adalah penting untuk memberi perhatian terhadap isu undi pos luar negara. SUHAKAM mengambil langkah-langkah tertentu untuk mendalami dan memahami cabaran yang dihadapi oleh pengundi pos luar negara melalui beberapa aktiviti seperti berikut:

6.1 Nota Konsep Sistem Undi Pos Luar Negara

SUHAKAM telah membuat penelitian serta pemerhatian berdasarkan kepada pelaporan di media. Berdasarkan pemerhatian SUHAKAM, beberapa isu kritikal yang dihadapi oleh pengundi pos luar negara semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 dan PRU Ke-15 telah dikenal pasti, termasuk:

- **Kos penghantaran semula kertas undi pos yang tinggi**
  Pengundi pos luar negara terpaksa menanggung kos penghantaran semula kertas undi pos yang tinggi. Kos ini ditanggung sepenuhnya oleh pengundi kerana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hanya menyediakan perkhidmatan penghantaran kertas undi ke negara pengundi pos, manakala kos penghantaran balik ke Malaysia tidak dibiayai oleh SPR. Keadaan ini membebankan pengundi pos luar negara, terutamanya, pelajar, yang mungkin tidak mampu membayar kos perkhidmatan kurier yang tinggi. Kos penghantaran berganda terutamanya apabila kertas undi diterima lewat dan memerlukan penghantaran segera.

- **Tempoh masa yang singkat**
  Tempoh pendaftaran pengundi pos luar negara dan tempoh kempen pilihan raya yang singkat merupakan satu isu utama dalam kalangan pengundi pos luar negara kerana ianya memberi kesan terhadap proses penghantaran semula kertas undi ke Malaysia. Tidak dinafikan bahawa pengundi pos luar negara mendapati hak mengundi mereka dinafikan kerana tempoh pendaftaran sebagai pengundi pos luar negara adalah terlalu singkat. Sebagai contoh, pengundi kategori 1B dalam PRU ke-15 hanya diberi masa 14 hari untuk mendaftar, berbanding 75 hari dalam PRU ke-14. Selain itu, tempoh kempen pilihan raya yang singkat juga menyukarkan pengundi untuk menerima dan menghantar semula kertas undi mereka tepat pada masanya, menafikan hak mengundi mereka.

- **Kebolehcapaian kertas undi**
  Pengundi pos luar negara turut menghadapi kesukaran dalam menerima kertas undi tepat pada masanya. Kelewatan menerima kertas undi menyukarkan pengundi luar negara untuk menghantarnya semula ke Malaysia sebelum tarikh pengundian, menyebabkan hak mereka untuk mengundi dinafikan.

- **Kebolehcapaian laman sesawang SPR**
  Laman sesawang SPR, yang menjadi sumber maklumat utama bagi pengundi luar negara, sering tidak dikemaskini dan sukar diakses. Pengundi pos juga menghadapi kesukaran dalam proses permohonan undi pos, yang didapati mengelirukan, terutamanya bagi mereka yang memerlukan maklumat dalam dwibahasa.

- **Isu kertas undi rosak**
  Sebilangan pengundi pos luar negara melaporkan menerima kertas undi yang rosak atau dengan butiran yang salah, seperti nombor siri yang tidak tepat atau nama yang tidak betul. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa menghubungi pihak lain untuk membetulkan kesalahan tersebut, yang akhirnya menjejaskan proses pengundian.

- **Kesukaran untuk mendapat saksi Malaysia**
  Bagi pengundi pos luar negara yang menetap di kawasan pedalaman, kesukaran untuk mendapat saksi warganegara Malaysia juga menjadi cabaran besar. Kebanyakan komuniti diaspora Malaysia tertumpu di kawasan bandar, menyebabkan mereka yang berada di kawasan terpencil sukar untuk memenuhi keperluan mendapatkan saksi warganegara Malaysia.

- **Kekurangan kesedaran**
  Kekurangan kesedaran tentang tarikh dan prosedur undi pos luar negara sering menjadi satu kebimbangan dalam kalangan pengundi pos luar negara.

6.2 Perjumpaan bersama Global Bersih

Pada 21 Jun 2023, SUHAKAM mengeluarkan kenyataan media berhubung kebimbangan terhadap isu undi pos luar negara. Sejurus itu, Global Bersih menghubungi SUHAKAM untuk merakamkan penghargaan atas usaha tersebut dan menyatakan sokongan terhadap laporan SUHAKAM berhubung isu undi pos luar negara yang dikeluarkan pada 28 Jun 2023.

Susulan itu, satu mesyuarat dalam talian telah diadakan di antara Global Bersih dan SUHAKAM pada 18 Julai 2023, membincangkan beberapa isu penting seperti:

i. Kebimbangan ketiadaan status tetap sebagai pengundi pos luar negara secara automatik bagi Kategori 1B, iaitu warganegara Malaysia yang menetap di luar negara. Golongan ini terpaksa menunggu pengumuman tarikh permohonan pendaftaran sebagai pengundi pos luar negara bagi setiap pilihan raya;

ii. Tempoh kempen pilihan raya yang singkat menyukarkan proses penerimaan dan penghantaran semula kertas undi ke Malaysia serta kos penghantaran yang tinggi;

iii. Kekurangan kesedaran mengenai hak mengundi dan keyakinan terhadap sistem pilihan raya Malaysia terutamanya dalam kalangan pelajar yang menuntut pelajaran di luar negara;

iv. Ketiadaan sistem *Fixed-term Election* di Malaysia seperti yang diamalkan oleh United Kingdom mengikut Akta Parlimen UK iaitu Akta Parlimen Penggal Tetap 2011.

6.3 Webinar Sistem Undi Pos Luar Negara

Pada 23 November 2023, SUHAKAM mengadakan webinar untuk membincangkan isu-isu berkaitan undi pos luar negara. Webinar ini melibatkan panel dari SPR, Kementerian Luar Negara (KLN), Global Bersih, Penyelidik dari NETGRIT Indonesia dan Bekas Pengarah Pilihan Raya New Zealand.

Ahli panel webinar terdiri daripada Puan Zoe Randhawa, Ahli SPR, YBhg. Dato' Mohammad Ali Selamat, Setiausaha Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri, Puan Daphne Yong-d'Herve, Presiden Global Bersih, Encik Partono Samino, penyelidik dari NETGRIT, Indonesia dan Encik Robert Peden, Bekas Pegarah Suruhanjaya Pilihanraya New Zealand dan dimudahcara oleh Pesuruhjaya Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal

Beberapa isu yang dibangkitkan termasuk:

i. Kesukaran Menukar Status Pengundi

Kebanyakan pengundi gagal untuk menukar status pengundi daripada kategori pengundi tidak hadir (PTH) kepada pengundi kategori biasa apabila kembali ke Malaysia. Malah, webinar ini juga menekankan kepentingan untuk mengemaskini maklumat penting seperti alamat, nombor telefon terkini dan status pengundi dalam akaun MySPR untuk mengelakkan kelewatan dalam penerimaan kertas undi oleh pengundi. Selain itu, adalah juga ditekankan kepentingan untuk memudahkan dan memperkemas proses ini untuk menjadikannya lebih mudah diakses dan mesra kepada pengundi luar negara.
Webinar ini mengesyorkan agar semua pengundi pos luar negara untuk mengaktifkan dan mengemaskini maklumat dalam akaun MySPR sebelum pembubaran Parlimen bagi tujuan PRU. Malah, adalah disyorkan untuk menambah baik saluran komunikasi di antara SPR dan pengundi luar negara bagi memudahkan pengemaskinian pengundi dan kemasukan mereka dalam proses pilihan raya.

ii. Ketiadaan maklumat penjejakan nombor pesanan (*ballot paper tracking number*)

Peserta menyatakan kesukaran dalam penerimaan kertas undi oleh kerana tidak mempunyai maklumat penjejakan nombor pesanan daripada SPR.

Adalah dimaklumkan bahawa penjejakan nombor pesanan adalah bergantung kepada perkhidmatan kurier yang digunakan oleh SPR. Bagaimanapun, SPR mempunyai pusat panggilan 24 jam yang dikhaskan untuk pengundi pos luar negara bagi tujuan untuk memberikan maklumat dan bimbingan sepanjang tempoh pilihan raya. Adalah disyorkan agar SPR mewujudkan mekanisma penjejakan yang lebih efisyen bagi membantu pengundi luar negara serta meningkatkan ketelusan dan akuntabiliti dalam proses pilihan raya.

iii. Kekurangan pendekatan mobilisasi bagi pengundi PTH

Kekurangan program mobilisasi bagi pengundi kategori PTH

menjadi satu masalah bagi pengundi pos luar negara. Peserta menekankan bahawa usaha Global Bersih dalam mobilisasi tertumpu semata-mata kepada pengundi kategori 1B di luar negara, di samping kekurangan untuk pengundi kategori PTH.

Sehubungan dengan ini, SPR memberi penjelasan bahawa pihaknya hanya menggalakkan individu untuk mendaftar sebagai pengundi kategori 1B berbanding pengundi PTH. Hal ini disebabkan oleh pendaftaran sebagai kategori 1B dilihat sebagai pilihan yang selamat dan tepat, terutamanya bagi mereka yang merancang untuk menetap di luar negara menjelang tarikh pilihan raya. Selain itu, SPR juga menjelaskan bahawa pendekatan ini membantu mereka terutamanya dalam situasi apabila pengundi merancang untuk kembali ke Malaysia sebelum pilihan raya, yang mungkin status PTH mereka tidak diperlukan. Pendekatan praktikal yang diambil oleh SPR memfokuskan kepada penekanan pendaftaran kategori 1B bagi memastikan kertas undi sampai kepada pengundi dan lokasi yang tepat.

iv. Kesukaran untuk mendapatkan saksi warganegara Malaysia

Kesukaran untuk mendapat saksi warganegara Malaysia sering menjadi cabaran terutamanya bagi pengundi yang menetap di kawasan pedalaman. Oleh itu, SPR menjelaskan bahawa tanpa saksi warganegara Malaysia, keadaan ini mungkin mempersulitkan proses agensi penguatkuasaan seperti prosiding mahkamah. Maka SPR masih perlu mengekalkan keperluan saksi warganegara Malaysia atas sebab-sebab ini.

v. Penyebaran maklumat yang kurang jelas

Peserta membangkitkan bahawa mereka menghadapi cabaran untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan tepat berkenaan dengan pilihan raya dan prosesnya terutamanya berkaitan dengan UNDI18. Hal ini menyebabkan kebanyakan mereka bergantung kepada platform seperti Global Bersih untuk mendapatkan maklumat berkenaan pilihan raya. SPR menjelaskan bahawa semua maklumat berkenaan pilihan raya terdapat dalam laman sesawang SPR. Pada masa yang sama, KLN turut menjelaskan peranan mereka dalam menyebarkan maklumat tepat khususnya dalam memberi sesi penerangan

kepada belia yang tergolong dalam kategori UNDI18 sebelum ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Tambahan pula, KLN telah meminta SPR menyediakan kit promosi yang mengandungi semua maklumat berkaitan pilihan raya untuk dikongsikan dalam kalangan pengundi pos luar negara.

vi. Pelaksanaan sistem pengundian elektronik

Peserta mencadangkan SPR menggunakan sistem pengundian elektronik seperti yang digunakan di New Zealand untuk mengurangkan masa dan kos penghantaran kertas undi. Sehubungan itu, SPR menjelaskan pihaknya masih bimbang dengan integriti dan keselamatan sistem pengundian kerana kaedah ini boleh mengancam langkah keselamatan dalam sistem sedia ada. Tambahan pula, proses pelaksanaan sistem ini akan mengambil masa yang lama terutamanya untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan pengundi.

vii. Kesilapan teknikal dalam penghantaran kertas undi

Isu ini berkaitan dengan kesilapan teknikal dalam pengurusan undi pos luar negara oleh SPR yang mengakibatkan pelbagai masalah berbangkit. Antaranya adalah penghantaran kertas undi ke alamat yang tidak tepat, penerimaan kertas undi yang salah dan ketiadaan sampul yang diperlukan untuk memasukkan kertas undi. Oleh itu, SPR mengesa pengundi pos luar negara untuk segera melaporkan sebarang kesilapan teknikal kepada SPR agar dapat mengenal pasti dan mengatasi masalah tersebut dalam pilihan raya akan datang.

Syor Peserta

Para peserta telah mencadangkan beberapa syor seperti berikut:

i. Meningkatkan penyebaran maklumat berkenaan pilihan raya yang sah dan tepat pada masanya kepada pengundi di luar negara bagi menangani isu berkaitan aksesibiliti maklumat;
ii. Pembukaan awal pendaftaran bagi pengundi pos luar negara dan melanjutkan tempoh kempen pilihan raya;
iii. Membenarkan individu bukan warganegara Malaysia untuk menjadi saksi dalam proses pengundian;
iv. Meneroka pelaksanaan kaedah pengundian yang lebih mudah seperti pengundian digital secara elektronik; dan

v. Meningkatkan keselamatan dan kecekapan proses pengundian untuk mengurangkan kesilapan teknikal dalam penghantaran kertas undi.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM komited untuk terus memperkukuhkan peranannya dalam menasihati Kerajaan dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia. SUHAKAM akan terus memberi fokus kepada isu-isu kritikal seperti tanpa kewarganegaraan, buruh paksa, hak warga emas, gig ekonomi dan hak Orang Asal/Asli. SUHAKAM akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam memastikan hak asasi manusia sentiasa diberi keutamaan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan dasar Kerajaan.

BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TRITI ANTARABANGSA

GAMBARAN KESELURUHAN

SUHAKAM melalui Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD) komited menjalankan mandatnya di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] untuk menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan dan tatacara pentadbiran serta mengesyorkan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa berkenaan hak asasi manusia.

LITD turut memantau pelaksanaan triti antarabangsa dalam negara di bawah Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women*/ CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (*Convention on the Rights of Persons with Disabilities*/CRPD). SUHAKAM mengulangi gesaan kepada Kerajaan untuk mempercepatkan penyerahan Laporan Kerajaan kepada badan triti yang berkaitan dan mengkaji reservasi di dalam 3 triti yang telah ditandatangani oleh Malaysia iaitu CEDAW, CRPD dan Konvesyen mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Children*/CRC).

SUHAKAM terus dirujuk dan dijemput sebagai ahli jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji, menggubal, menyemak dan memberi syor untuk pembaharuan undang-undang termasuk berkenaan hak orang kurang upaya, kebebasan maklumat, pembelaan awam, gangguan seksual, kesaksamaan gender dan pemansuhan hukuman mati mandatori. Kerjasama aktif bersama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan akan diteruskan dalam merangka perundangan berasaskan hak asasi manusia yang efektif.

Pada 2023 ini, SUHAKAM turut menganjurkan Kolokium Kehakiman dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dengan tema *Breaking Barriers: Empowering Women and Girls through Human Rights and SDG's*. Kolokium kali ini memberi tumpuan kepada pengalaman serta cabaran sebenar yang dihadapi oleh wanita pada masa kini di samping memahami instrumen antarabangsa hak asasi manusia berkenaan hak wanita. Kolokium ini juga adalah

platform kepada badan kehakiman untuk bertukar pandangan, pengetahuan dalam advokasi serta perlindungan hak wanita secara keseluruhannya.

1. SEMAKAN UNDANG-UNDANG

1.1 Pindaan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]

Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] bertujuan untuk mengukuhkan SUHAKAM sebagai sebuah NHRI di Malaysia. Sesi libat urus bersama kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan telah diadakan pada 11-12 Julai 2023 untuk berkongsi pandangan, merumuskan dan menyeragamkan pindaan kepada Akta 597. Sesi libat urus ini turut diadakan bersama Ahli Parlimen di Parlimen Malaysia pada 27 November 2023 untuk memberi penerangan keperluan pindaan Akta 597. Antara yang dicadangkan termasuk lantikan Pesuruhjaya dari komuniti orang kurang upaya (OKU), lantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak, lawatan ke tempat tahanan, serta perkara berkaitan siasatan aduan perlanggaran hak asasi manusia.

Bacaan kali pertama RUU Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 [Akta 1714] dibentangkan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) pada 27 November 2023 dan disusuli dengan bacaan kali kedua dan ketiga pada 29 November 2023 di Dewan Rakyat. SUHAKAM masih menunggu bacaan RUU ini di Dewan Rakyat dan dimaklumkan bahawa tarikh bacaan terkini adalah pada sidang Mesyuarat Pertama Dewan Negara pada tahun 2024.

1.2 Cadangan pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]

SUHAKAM telah terlibat di dalam pasukan projek khas pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] yang ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Namun SUHAKAM terbatas untuk berkongsi maklumat perbincangan kerana terikat dengan terma dan rujukan yang telah dipersetujui.

SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk meminda Akta 685 termasuk pemerkasaan kepada Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta 685 dan menekankan akses

kepada perkhidmatan kewangan, insurans, teknologi sukan dan proses pilihanraya. Selain itu, Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) perlu diperkukuhkan untuk membantu MKBOKU dalam melaksanakan fungsinya dengan lebih efektif. SUHAKAM turut mencadangkan pegawai perubatan mengambil tindakan proaktif untuk memaklumkan pendaftaran OKU untuk kanak-kanak yang dilahirkan kurang upaya demi kelansungan hidup mereka.

2. KERJASAMA DENGAN BADAN KEHAKIMAN

2.1 Kolokium Kehakiman

Badan kehakiman adalah salah satu cabang penting dalam pentadbiran negara yang memainkan peranan dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia melalui proses kehakiman dengan melaksanakan prinsip yang dinyatakan di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (*Universal Declaration of Human Rights/UDHR*).

Dalam mendukung prinsip ini, SUHAKAM dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menganjurkan Kolokium Kehakiman dengan tema *Breaking Barriers: Empowering Women and Girls through Human Rights and SDG's*. Kolokium kali ini memberi tumpuan kepada pengalaman serta cabaran sebenar yang dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak pada masa kini di samping memahami instrumen antarabangsa hak asasi manusia berkenaan hak wanita. Kolokium ini adalah platform kepada Badan Kehakiman untuk bertukar pandangan, pengetahuan dalam advokasi serta perlindungan hak wanita secara keseluruhannya.

Kolokium ini dihadiri oleh 128 hakim dan Pegawai Kehakiman di Malaysia. Tiga sesi telah diadakan iaitu:

a) Pengalaman dan perjuangan yang dihadapi oleh wanita dari sudut perundangan Malaysia.
b) Kemajuan dan pelaksanaan Konvensyen mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita (CEDAW) dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) di Malaysia.
c) Perkongsian amalan terbaik berkenaan perlindungan serta hak wanita di dalam sistem perundangan di Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Melalui sesi yang diadakan, ia telah dirumuskan berkenaan keperluan Mahkamah untuk memahami prinsip kesaksamaan gender serta komitmen untuk mengukuhkan pengetahuan berkenaan CEDAW untuk pelaksanaan undang-undang negara.

YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara menyampaikan ucapan pembukaan di Kolokium Kehakiman.

Sesi perbincangan bersama panel jemputan (dari kiri) Melissa Md. Akhir, Suriani Kempe, Shanti Randhava dan Pua Lay Peng.

YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara (kanan) bersama Prof. Dato Dr. Rahmat Mohamad, Pengerusi SUHAKAM (tengah), Prof. Dr. Enny Nurbaningsih, Hakim Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia serta barisan Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pegawai Kehakiman.

3. ARAHAN MEMERHATI (*WATCHING BRIEF)* DAN AMICUS CURIAE DI MAHKAMAH SIVIL

SUHAKAM dalam melaksanakan mandat di bawah sub seksyen 4(2) Akta 597 telah menjadi pemerhati di mahkamah dalam kes yang melibatkan isu hak asasi manusia. Pada 2023, SUHAKAM telah menjalankan *watching brief* di Mahkamah Persekutuan bagi prosiding semakan hukuman mati, susulan kepada pemansuhan hukuman mati madatori selaras dengan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [Akta 846]. Antara kes semakan hukuman mati di Mahkamah Persekutuan yang dihadiri oleh SUHAKAM sebagai *watching brief* adalah bagi kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] yang melibatkan 3 orang pesalah seperti berikut:

a) Sivakumar A/L Thenarasu v Pendakwa Raya;
b) Kamal Bin Abdul Ghani v Pendakwa Raya; dan
c) Razali Bin Ahmad v Pendakwa Raya.

Prosiding ini telah diputuskan oleh panel 5 Hakim yang diketuai oleh YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara yang bersidang bersama YA Tan Sri Dato' Mohamad Zabidin Mohd Diah, Hakim Besar Malaya, YA Dato' Sri Hasnah Dato' Mohammed Hashim, YA Dato' Nordin Hassan, dan YA Dato' Abu Bakar Jais.

Pada 16 November 2023, Mahkamah Persekutuan telah menggantikan hukuman mati mandatori bagi pesalah Sivakumar A/L Thenarasu dan Razali Bin Ahmad, masing-masing kepada pemenjaraan bagi tempoh selama 30 tahun dari tarikh ditangkap dan 12 sebatan. Bagi kes Kamal Bin Abdul Ghani, perbicaraan ditunda dan ditetapkan pada 17 Januari 2024.

SUHAKAM menyambut baik langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam pemansuhan hukuman mati dan semakan hukuman yang dilakukan oleh mahkamah selaras dengan cadangan SUHAKAM yang menyeru Kerajaan meminda undang-undang hukuman mati mandatori.

Barisan peguam panel bersama Pesuruhjaya dan Hakim Mahkamah Persekutuan. Dari kiri duduk (Pesuruhjaya SUHAKAM): YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid, Puan Nazira Abdul Rahim, Dato' Noor Aziah Mohd Awal, Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad, YA Dato' Mary Lim Thuam Suan, Datuk Mariati Robert dan Dr. Chew Chee Meng.

4. MAJLIS JAMUAN MAKAN TENGAH HARI BERSAMA PEGUAM PANEL SUHAKAM

SUHAKAM telah menganjurkan majlis makan tengah hari bersama barisan peguam panel SUHAKAM pada 11 Januari 2023 bertempat di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. Seramai 40 orang peguam telah hadir ke majlis tersebut. YA Dato' Mary Lim Thuam Suan, Hakim Mahkamah Persekutuan turut dijemput dan menyampaikan syarahan ringkas berkenaan akses kepada bantuan guaman di Malaysia.

Majlis ini diadakan sebagai tanda terima kasih SUHAKAM kepada jasa yang dicurahkan oleh peguam sebagai pemerhati bagi pihak SUHAKAM dan pada masa yang sama memperkenalkan barisan Pesuruhjaya terkini. SUHAKAM berharap kerjasama berterusan bersama pengamal undang-undang berterusan dalam pembangunan hak asasi manusia di Malaysia.

5. PELANTIKAN PEGUAM PANEL MEWAKILI SUHAKAM

Dalam melaksanakan mandat di bawah seksyen 4(2) Akta 597, SUHAKAM telah melantik peguam panel untuk mewakili SUHAKAM di mahkamah bagi kes yang melibatkan perlanggaran hak asasi. SUHAKAM mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua peguam yang komited membantu SUHAKAM di mahkamah. Semoga kerjasama ini berterusan dan maju di masa hadapan.

6. PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG UNTUK MELINDUNGI HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

6.1 Akses Kepada Pilihanraya Kepada OKU

SUHAKAM telah mengambil inisiatif dengan melakukan tinjauan dan mengumpul data berkenaan akses OKU di dalam proses pilihanraya melalui media sosial SUHAKAM. Ia adalah susulan dari penglibatan SUHAKAM di dialog awam berkenaan berkenaan pembaharuan pilihanraya yang inklusif pada 2022 anjuran Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia dan BERSIH.

Melalui maklumbalas yang diperolehi, SUHAKAM mendapati komuniti OKU perlu dilibatkan secara langsung di dalam proses demokrasi dan membuka ruang kepada kumpulan ini menyuarakan pendapat dalam penambahbaikkan proses pilihanraya. Perkara yang perlu ditambah baik adalah seperti berikut:

a) Material perlu dihasilkan dalam bentuk yang mudah diakses oleh OKU pembelajaran, pendengaran dan penglihatan.
b) Penggunaan jurubahasa semasa ceramah politik dijalankan.
c) Latihan pengukuhan kepada petugas pilihanraya berkenaan keperluan OKU untuk memudahkan proses pengundian dilakukan.
d) Menyediakan kemudahan yang munasabah kepada OKU mengikut statistik ketidakupayaan di setiap daerah.

6.2 Akses Pengangkutan Awam Kepada OKU

Pada 4 Ogos 2023, SUHAKAM telah bermesyuarat bersama Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Pembangunan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Kerajaan Tempatan untuk meneliti cadangan penambahbaikkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] untuk menambahbaik akses kepada pengangkutan awam OKU.

Hasil perbincangan ini SUHAKAM berharap kementerian yang terlibat terus bekerjasama dengan MKBOKU untuk meningkatkan aksesibiliti/ keterjangkauan pengangkutan awam. Peranan kementerian terlibat perlu dimainkan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan projek yang dirancang mengikuti reka bentuk sejagat atau *universal design*.

SUHAKAM telah meneliti Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN) yang telah mengenalpasti kekurangan perkhidmatan pengangkutan awam darat. DPN menekankan kemudahan awam perlu disediakan kepada golongan rentan dan meningkatkan aksesibiliti kepada golongan OKU di terminal pengangkutan. SUHAKAM berharap dasar ini dapat menyasarkan perubahan menyeluruh kepada pengangkutan awam yang dapat membantu golongan OKU menikmati pengangkutan awam dengan efisien.

Mesyuarat bersama Kementerian dan agensi berkaitan akses kepada pengangkutan awam.

6.3 Ke Arah Perbandaran Yang Mesra OKU

Pada 20 - 21 September 2023, SUHAKAM telah menyertai Persidangan Nasional Undang-undang Kerajaan Tempatan 2023 bertajuk Mengemudi Cabaran, Memampan Masa Hadapan anjuran CLJ Malaysia Sdn. Bhd.

SUHAKAM berharap Kerajaan Tempatan dapat menumpukan keperluan Rancangan Struktur dan Rancangan Bandar dalam golongan OKU. Penglibatan OKU, masyarakat tempatan dan badan bukan kerajaan dalam merangka kedua-dua rancangan ini, penting dalam memastikan fasiliti yang disediakan mesra OKU dan masyarakat secara keseluruhan, selaras keperluan memajukan kawasan bandaraya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

7. PENCAPAIAN SUHAKAM DALAM MELAKSANAKAN PELAN INDUK PENGUPAYAAN ASEAN (*ASEAN ENABLING MASTERPLAN 2025*)

SUHAKAM telah diundang oleh *ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights* (AICHR) ke Konsultasi Serantau AICHR tentang pelaksanaan Pelan Induk pengupayaan ASEAN (Pelan Induk) yang merangkumi politik, ekonomi dan sosial. Pelan ini selari dengan Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030, Strategi Incheon 'Menjadikan Hak Nyata' untuk Orang Kurang Upaya (OKU) di Asia dan Pasifik, Kerangka Kerja Mengurangkan Risiko Bencana Sendai dan juga Perisytiharan Bali mengenai Mengukuhan Peranan dan Penglibatan OKU dalam Komuniti ASEAN.

SUHAKAM berpendapat Pelan Induk ini dapat dijayakan dengan komitmen menyeluruh ASEAN dengan merangka aktiviti jangka masa panjang meliputi advokasi kepada kerajaan dan pihak berkepentingan. Hasil perundingan pelan ini SUHAKAM sebagai NHRI perlu berperanan dalam memastikan Malaysia mencapai objektif Pelan Induk dengan strategi berfokus dan mampu dilaksanakan. SUHAKAM berharap kerjasama dari Kerajaan dan badan bukan kerajaan dikukuhkan untuk memastikan matlamat pelan tercapai mengikut piawaian yang ditetapkan oleh PBB.

8. SESI PERKONGSIAN BERSAMA PENULIS BUKU 'GELAP MATA DAN MASHARAKAT CHANTEK'

SUHAKAM berbesar hati menerima kunjungan En. Rosli Ibrahim, penulis buku Gelap Mata dan Masharakat Chantek pada 15 Disember 2023 untuk berkongsi cerita berkenaan hak OKU dari sudut warga OKU sendiri.

Antara topik yang dibincangkan di dalam buku tersebut adalah perjuangan badan bukan kerajaan dari kumpulan OKU, penglibatan dalam penggubalan Akta 685, penggunaan terma yang sesuai untuk kumpulan OKU serta pendekatan yang perlu diambil oleh semua pihak dalam memahami keperluan OKU dari sudut agama dan hak asasi manusia.

Duduk dari kiri, Altaf Deviyati, Setiausaha SUHAKAM bersama Rosli Ibrahim, penulis buku Gelap Mata dan Masharakat Chantek bersama warga SUHAKAM.

9. TANGGUNGJAWAB SUHAKAM UNTUK SEBAGAI BADAN PEMANTAU BEBAS

Malaysia sebagai negara ahli kepada Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) mempunyai kewajipan untuk menubuhkan mekanisme bebas untuk memajukan, melindungi dan memantau pelaksanaan tanggungjawab di bawah CRPD. SUHAKAM yang ditubuhkan di bawah Akta 597 memainkan peranan sebagai sebuah badan bebas untuk memerhati pelaksaan tanggungjawab tersebut.

Dalam mencapai pelaksanaan CRPD, SUHAKAM berpendapat kerjasama lebih erat bersama Majlis Peguam Malaysia adalah perlu untuk meningkatkan kesedaran Akta 685 kepada peguam. SUHAKAM turut mencadangkan agar satu modul latihan dibangunkan bersama peguam, hebahan di media sosial berkenaan hak OKU serta melibatkan SUHAKAM dalam pindaan undang-undang serta perbincangan dasar dan polisi hak OKU.

SUHAKAM berpendapat aktiviti pemantauan lain seperti menggalakkan penyertaan majikan dan penyedia perkhidmatan ke dalam Latihan Latihan Kesaksamaan Ketidakupayaan atau *Disability Equality Training* (DET), perkongsian data berkenaan OKU dari masa ke semasa serta dialog awam bersama komuniti OKU untuk melibatkan mereka secara aktif di dalam pindaan undang-undang, dasar dan polisi berkaitan OKU dan pembangunan negara.

SUHAKAM berharap cadangan di atas dapat dilaksanakan oleh semua pihak bersama SUHAKAM sebagai badan pemantau bebas dalam mencapai tanggungjawab yang dinyatakan di dalam CRPD.

10. HAK ASASI MANUSIA DAN KESELAMATAN NEGARA

10.1 Dialog Strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bersama SUHAKAM

Pada 7 Disember 2023, SUHAKAM telah menganjurkan Dialog strategik bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membincangkan isu hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang di dalam perubahan sosio-ekonomi negara. SUHAKAM mengulangi pendirian bahawa penyertaan Malaysia ke dalam triti antarabangsa tidak menggugat kedaulatan undang-undang negara kerana Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi negara, pada masa yang sama hal ini dapat membantu negara menyelaraskan peruntukan sedia ada dan mengangkat martabat Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang menghormati hak asasi manusia.

Dialog ini merumuskan perkara berikut:

a) Kesimbangan antara undang-undang dan hak asasi manusia perlu dicapai dan peranan ini perlu dimainkan oleh semua pihak, bukan sahaja pihak polis.

b) SUHAKAM menjalankan mandatnya menasihati Kerajaan dalam pindaan undang-undang pencegahan dan menyokong usaha

Barisan hadapan, tiga dari kiri: Dr. Mukhriz Mat Ruz, Dr. Haezreena Begum Abdul Hamid, Ragunath Kesavan (Pesuruhjaya SUHAKAM) bersama peserta dialog.

penambahbaikkan yang dilakukan oleh PDRM dalam pengurusan tahanan dan siasatan.

c) Peruntukan undang-undang perlu seimbang dan tidak menyekat hak individu dengan cara yang tidak sah yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Semakan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747], Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] adalah perlu dalam memastikan keseimbangan hak dan keperluan untuk menjaga kedaulatan negara.

SUHAKAM berharap dialog terbuka bersama PDRM dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai satu platform untuk bertukar pendapat di antara badan penguatkuasa undang-undang dan NHRI.

11. PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG UNTUK PELARIAN

11.1 Hak Pelarian Dan Akses Kepada Institusi Keluarga Yang Utuh

SUHAKAM telah mengadakan satu kunjungan hormat ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 11 September 2023 dengan objektif untuk meneruskan kerjasama di antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan SUHAKAM di dalam isu hak asasi manusia dan berbincang mengenai akses kepada keadilan di dalam undang-undang Islam termasuk pelarian.

Hasil perbincangan bersama, JKSM memaklumkan bahawa tiada halangan untuk pelarian untuk mendapatkan akses ke mahkamah syariah dan mereka hanya perlu membuktikan mereka bermastautin di negeri tersebut melalui pengesahan ketua kampung atau penghulu. Walau bagaimanapun, ia masih menjadi masalah kerana pelarian mempunyai kesukaran untuk mendaftar perkahwinan mereka kerana ketiadaan dokumen yang sah. SUHAKAM akan berbincang lanjut bersama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk alternatif yang boleh membantu komuniti pelarian.

SUHAKAM juga mengalu-alukan kerjasama JKSM untuk menganjurkan sesi syarahan bersama hakim dan pegawai syariah berkenaan hubung kait Islam dan hak asasi manusia terutamanya pelarian yang sukar mendapat perlindungan di bawah undang-undang Malaysia. Oleh itu,

Pesuruhjaya SUHAKAM Datuk Hj Mohamad Nordin Ibrahim, Puan Nazira Abdul Rahim (lima dari kiri) bersama pegawai Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sempena kunjungan hormat SUHAKAM ke JKSM.

pendedahan melalui sesi ini diharapkan dapat mencari langkah terbaik untuk membantu pelarian beragama Islam di Malaysia.

SUHAKAM beharap kerjasama yang dijalin bersama JKSM dapat diteruskan di dalam konteks hak asasi manusia dan Islam kerana ia seiring dalam pembangunan sosial negara.

11.2 Manual Perundangan Berkenaan Pelarian

SUHAKAM telah menghadiri Konsultasi Kebangsaan mengenai manual perundangan kepada pelarian Rohingya (*National Consultation for the Legal Awareness Manual for Rohingya Refugees in Malaysia*) anjuran *AmerBon Advocate* pada 5 Mei 2023 berkenaan perlindungan undang-undang kepada pelarian. Manual tersebut telah menyenaraikan indikator berkenaan buruh paksa, akses kepada kesihatan, perkahwinan bawah umur, risiko mengandung yang dihadapi oleh kanak-kanak serta tangkapan. SUHAKAM mencadangkan agar manual ini diperluaskan skopnya kepada semua komuniti pelarian kerana ia dapat membantu mereka meningkatkan pengetahuan berkenaan undang-undang yang dapat melindungi mereka.

11.3 Akses Kepada Kesihatan Reproduktif Untuk Pelarian Wanita

Pada 19 Mei 2023, SUHAKAM dengan kerjasama *Host International* dan *Qatar Fund For Development* (QFFD) telah mengadakan tinjauan berkenaan akses kepada kesihatan dan reproduktif pelarian. Dapatan dari tinjauan ini adalah seperti berikut:

a) 34% responden telah mendirikan rumahtangga pada usia kanak-kanak dan awal remaja dengan julat usia 16-20 tahun.
b) Kos perubatan yang ditanggung adalah tinggi (sekitar RM5,400).
c) Majoriti pelarian adalah pemegang kad UNHCR dan mendapat perkhidmatan kesihatan pada kos RM 100. Namun ia masih lagi menjadi beban kepada mereka kerana ada di antara mereka yang tidak bekerja dan surirumah serta bergantung kepada pendapatan suami.
d) Kesedaran terhadap risiko perkahwinan dan kehamilan kanak-kanak dalam kalangan pelarian adalah rendah.

SUHAKAM berpandangan pengurusan pelarian perlu ditambah baik dengan menekankan aspek pendaftaran perkahwinan, perkahwinan bawah umur, akses kepada kesihatan awam dan kesihatan reproduktif terutama untuk mengelakkan kanak-kanak perempuan berkahwin. SUHAKAM menyeru kerajaan untuk mempertingkatkan pengurusan komuniti ini dalam satu kerangka undang-undang yang efektif kerana Malaysia adalah sebuah negara yang menghormati prinsip hak asasi manusia di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

SUHAKAM memberi penerangan kepada komuniti pelarian berkenaan hak asasi manusia dan kesihatan reproduktif.

12. PENAMBAHBAIKAN UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA

12.1 *National Action Plan on Anti-Trafficking in Person 3.0 (2021-2025)*

SUHAKAM telah terlibat secara lansung dalam merangka *National Action Plan on Anti-Trafficking in Person 3.0 (2021-2025)* (NAPTIP) yang mana aktiviti dirangka akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian. SUHAKAM berharap agenda NAPTIP ini dicapai sepenuhnya dalam usaha memerangi pemerdangagan dan penyeludupan manusia.

12.2 Input kepada Parlimen Malaysia

SUHAKAM turut menyalurkan input kepada Parlimen Malaysia berkenaan pemerdangangan manusia sebagai persediaan kepada bengkel *Addressing Modern Slavery and Human Trafficking in Supply Chains Workshop*, di Nairobi, Kenya pada 14-16 November 2023. SUHAKAM berharap kerjasama bersama Parlimen Malaysia berterusan selaras dengan *Belgrade Principle* yang menggalakkan kerjasama efektif di antara NHRI dan parlimen seperti yang digariskan di bawah Prinsip Paris.

13. SESI DIALOG BERKAITAN *FEMALE GENITAL MUTILATION* (FGM) DI MALAYSIA

SUHAKAM telah diundang oleh *Asian-Pacific Resource and Research Centre for Women* (ARROW) pada 17 November 2023 untuk menyertai perbincangan berkenaan isu *female genital mutilation* (FGM) di Malaysia. FGM adalah amalan berkhitan atau sunat perempuan yang yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu. Dialog ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi untuk menghentikan amalan FGM dan amalan terbaik dari Singapura, Indonesia dan Filipina yang telah melarang amalan ini.

Antara faktor yang dibincangkan adalah hukum agama, tradisi yang diamalkan dan faktor kebersihan. Pendekatan efektif perlu diambil untuk menangani isu FGM di Malaysia, antaranya seperti berikut:

a) Mengumpul data dan penyelidikan berkaitan amalam FGM di Malaysia.
b) Advokasi melalui media sosial untuk menghentikan amalan FGM.
c) Bekerjasama kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan yang lain untuk meningkatkan kesedaran dan implikasi negatif amalan FGM.
d) Integrasi ke dalam modul dan amalan perubatan berkenaan amalan FGM.
e) Pelaporan ke kepada jawatankuasa Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) berkenaan situasi FGM di Malaysia.

14. HAK ASASI MANUSIA DAN ALAM SEKITAR

14.1 Program Jelajah Asia Tenggara Kapal *Rainbow Warrior* ke Malaysia 2023 Anjuran *Greenpeace* Malaysia

Pada 18 Mac 2023, SUHAKAM dengan kerjasama *CERAH Anti-Haze Action Coalition telah menganjurkan forum* 'Hak Udara Bersih: Menangani Pencemaran Udara di Malaysia' di Terminal Penumpang Southport, Jeti Pulau Ketam, Pelabuhan Klang sempena Program jelajah Asia Tenggara kapal *Rainbow Warrior* ke Malaysia 2023 anjuran *Greenpeace Malaysia*. Kapai ini telah bersauh di perairan pada 16-31 Mac 2023, merupakan sebuah kapal terkenal *milik Greenpeace* yang membawa pelbagai isu seperti kelestarian alam sekitar dan kestabilan krisis iklim global.

Forum ini telah mengetengahkan isu berkaitan hak kepada udara yang bersih dan usaha untuk menangani pencemaran udara di Malaysia. Forum ini turut membincangkan pindaan kepada Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan untuk melindungi alam sekitar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kanan) mencemar duli berangkat tiba ke kapal Rainbow Warrior diiringi oleh Pesuruhjaya SUHAKAM, YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid (kiri) serta anak kapal.

SUHAKAM berbesar hati di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli ke forum serta melawat kapal Rainbow Warrior. Turut mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang ialah Pesuruhjaya YM Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid.

SUHAKAM berharap isu pencemaran dan perubahan iklim di Malaysia dapat dibincangkan dan diangkat ke peringkat yang lebih tinggi sebagai usaha melestarikan alam sekitar dan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

15. PENGUKUHAN PERSEKITARAN, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) DI DALAM SEKTOR PERNIAGAAN

15.1 Perbincangan Meja Bulat: *Laying The Foundation For A Just Energy Transition: Enabling Frameworks For A Just Transition* oleh Petronas

Pada 21 Mac 2023, SUHAKAM telah menerima jemputan dari Petronas dan *PrincewaterhouseCoopers Malaysia (PwC)* ke perbincangan meja bulat *Laying the Foundation for a Just Energy Transition: Enabling Frameworks for a Just Transition* yang membincangkan aspek sosial berkenaan peralihan adil, kerangka dan standard yang boleh digunapakai dan pihak berkepentingan yang terlibat.

SUHAKAM berpendapat adalah penting untuk merealisasikan kerjasama dengan semua pihak untuk memastikan tiada individu atau kumpulan yang tertinggal di dalam proses peralihan tenaga lestari kerana persoalan utama yang perlu ditangani adalah bagaimana keseimbangan boleh dicapai dalam proses mengekalkan ekonomi hijau (*green economy*). Perbincangan telah merumuskan bahawa 4 pihak berkepentingan perlu memainkan peranan secara kolektif iaitu – Kerajaan, perniagaan, institusi kewangan dan badan bukan kerajaan yang perlu memikul tanggunjawab untuk memastikan tiada pihak ketingggalan dalam fasa perubahan teknologi tenaga.

15.2 Keselamatan Dan Hak Asasi Manusia Di Asia Pasifik: Isu dan Cabaran Semasa Anjuran *International Petroleum Industry Environmental Conservation Association* (IPIECA)

Pada 11 Oktober 2023, SUHAKAM telah menerima jemputan sebagai panel kepada program anjuran IPIECA berkenaan hak keselamatan kepada pekerja di dalam industri minyak dan gas. SUHAKAM diwakili oleh Altaf Deviyati, Setiausaha SUHAKAM. SUHAKAM menekankan prinsip hak asasi manusia melalui hak kepada persekitaran yang sihat dan selamat untuk setiap pekerja berdasarkan *UN Guiding Principles on Business Human Rights* (UNGP) oleh PBB yang meletakkan tanggungjawab kepada syarikat untuk memastikan pematuhan standard hak asasi manusia dan keselamatan pekerja.

16. HAK ASASI DIGITAL

SUHAKAM pada 20 September 2023 telah menerima jemputan oleh pihak AXIATA ke program *Business and Human Rights In Technology:* Digital *Advocacy* sebagai penceramah. SUHAKAM diwakili oleh Pesuruhjaya, Tuan Ragunath Kesavan dan fokus adalah seperti berikut:

a) Peningkatan e-dagang telah mendedahkan data peribadi pelanggan kepada pihak tidak bertanggunjawab dan ini adalah perlanggaran hak. Sektor perniagaan perlu menghormati hak kepada privasi dan memastikan maklumat yang diterima disimpan dengan baik.
b) Sektor perniagaan perlu memberikan komitmen penuh kepada Pelan Tindakan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) yang menekankan pentingnya menjaga data peribadi pelanggan.
c) Keperluan sistem semak dan imbang daripada badan kehakiman untuk memastikan akses kepada maklumat yang tepat dinikmati oleh semua dan hak untuk menyuarakan pendapat secara demokratik tidak disekat dengan menggunakan undang-undang yang bersifat *draconian*.

SUHAKAM ingin menegaskan tanggungjawab pihak perniagaan untuk menghormati hak asasi manusia berpandukan NHRAP dan UNGP serta mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mencegah, mengurangkan dan menangani pelanggaran hak kepada privasi.

HARAPAN MASA HADAPAN

SUHAKAM melalui LITD kekal komited menjalankan mandatnya di bawah Akta 597 untuk memastikan prinsip hak asasi manusia dihormati dan diselaraskan di dalam perundangan Malaysia. SUHAKAM berharap perbincangan terbuka bersama Kerajaan diteruskan untuk membantu membina kerangka undang-undang berasaskan kebebasan asasi di bawah Perkara II Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya menggalakkan kepada penyertaan Kerajaan kepada penyertaan dalam triti dan surat cara antarabangsa berkenaan hak asasi manusia.

SUHAKAM akan terus mengadakan rundingan bersama semua pihak berkepentingan untuk mengukuhkan kesedaran hak asasi manusia di Malaysia dan menangani pelanggaran hak.

BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

GAMBARAN KESELURUHAN

Selepas pandemik COVID-19, dunia terus menyaksikan situasi hak asasi manusia dan kemanusiaan antarabangsa yang semakin meruncing yang disebabkan oleh peningkatan konflik bersenjata, rampasan kuasa, perubahan iklim dan bencana alam. Kemelesetan ekonomi, krisis bekalan makanan dan sumber asli, dan penghijrahan paksa secara dalaman atau merentas sempadan telah secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap banyak negara termasuk Malaysia.

Sehubungan itu, adalah penting untuk SUHAKAM terus melibatkan diri dalam mekanisme dan organisasi hak asasi manusia di peringkat serantau dan antarabangsa dengan matlamat untuk menempatkan SUHAKAM sebagai sebuah entiti hak asasi manusia yang bebas dan berwibawa serta menjadi sumber rujukan dalam pelbagai isu hak asasi manusia.

Seperti yang telah dirancang bagi tahun 2023, SUHAKAM melalui Bahagian Koordinasi Antarabangsa (ICD) terus melibatkan diri secara aktif menerusi keanggotaannya dalam jaringan institusi hak asasi manusia kebangsaan (NHRI) dan mekanisme hak asasi manusia PBB. SUHAKAM sentiasa mencari ruang dan peluang untuk memperkukuh jalinan kerjasama sedia ada antaranya melalui memorandum persefahaman bersama NHRI yang lain dan pelbagai jaringan NHRI antarabangsa. SUHAKAM juga bertanggungjawab untuk memberikan maklum balas terhadap isu hak asasi manusia dan kemanusiaan samada di Malaysia, atau di peringkat serantau dan antarabangsa.

SUHAKAM juga berjaya memperkukuh jalinan kerjasama bersama Kementerian Luar Negeri (KLN) dan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri terutamanya melalui proses Penilaian Berkala Sejagat (UPR) dan beberapa isu hak asasi manusia yang menjadi keutamaan bersama.

Bagi memperkukuhkan kapasiti SUHAKAM sebagai sebuah NHRI dan menyumbang kepada peningkatan kepada penglibatan pihak berkepentingan dalam mekanisme hak asasi manusia PBB, SUHAKAM dengan sokongan Delegasi Kesatuan Eropah

(EU) di Malaysia telah menganjurkan bengkel mengenai peranan NHRI dan organisasi masyarakat sivil (CSO) dalam proses UPR dan badan triti hak asasi manusia antarabangsa.

SUHAKAM juga meneruskan usaha untuk mengembangkan peranannya dalam perbincangan mengenai isu hak asasi manusia melalui platform yang pelbagai antaranya menerusi penglibatannya dalam Sesi Perbahasan Tematik Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC).

Maklumat lanjut berhubung keterlibatan antarabangsa SUHAKAM bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

1. PENILAIAN BERKALA SEJAGAT (UPR)

Pusingan bagi UPR ketiga Malaysia telah tamat pada tahun 2022 menandakan bermulanya usaha bagi menghadapi Pusingan UPR keempat Malaysia yang dijadualkan semasa Sesi ke-45 Kumpulan Kerja UPR yang akan berlangsung pada 25 Januari 2024 di Geneva, Switzerland.

SUHAKAM menghargai komitmen yang telah ditunjukkan oleh KLN sebagai peneraju utama UPR dan kementerian serta agensi Kerajaan yang lain selaku pelaksana terhadap saranan UPR yang telah diterima oleh Malaysia. Walau bagaimanapun, SUHAKAM mendapati bahawa sebahagian besar tempoh masa yang diperuntukkan dalam Pusingan UPR ketiga Malaysia ditumpukan kepada usaha untuk membincangkan mengenai indikator pelaksanaan saranan UPR yang bertujuan untuk membangunkan Pangkalan Data Pengesanan Syor Nasional (NRTD). SUHAKAM mengesyorkan supaya lebih banyak usaha dan tumpuan diberikan dalam melaksanakan saranan, terutamanya saranan yang telah diterima oleh Malaysia sepanjang proses UPR. Selain itu, SUHAKAM juga menggesa supaya lebih banyak sesi libat urus dan kajian dasar dapat dilaksanakan terhadap saranan yang diambil maklum sahaja oleh Malaysia.

Berikut adalah penglibatan SUHAKAM dalam aktiviti berkaitan UPR bagi tahun 2023:

1.1 Libat Urus UPR Di Peringkat Negeri Sabah dan Sarawak

Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan (HRHD), KLN dengan kerjasama SUHAKAM telah menganjurkan sesi libat urus di peringkat Negeri Sabah dan Sarawak bagi Penyelarasan Matriks UPR masing-masing pada 14 dan 15 Jun 2023 bertempat di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.

Tujuan sesi libat urus tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mengenai kepentingan proses UPR serta peranan Kerajaan Negeri sebagai salah satu pelaksana kepada saranan yang telah dikemukakan kepada Malaysia semasa UPR. Ini kerana, SUHAKAM beranggapan bahawa penglibatan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan saranan UPR adalah sangat penting kerana terdapat beberapa saranan yang dikemukakan kepada Malaysia memerlukan tindakan daripada Kerajaan Negeri. Selain itu, sesi ini juga dapat memberikan pendedahan dan pengenalan mengenai UPR kepada Agensi di bawah seliaan Kerajaan Negeri dan dapat menghubungkan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan seperti matriks pemantauan UPR kepada Kerajaan Negeri.

Sesi libat urus tersebut dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi bersama agensi Kerajaan Negeri dan sesi petang bersama NGO dan organisasi masyarakat sivil (CSO). Selain menerangkan mengenai proses UPR dan peranan CSO dalam proses UPR, sesi bersama CSO juga memberi peluang kepada CSO yang berpangkalan di Sabah dan Sarawak untuk berdialog bersama wakil agensi kerajaan persekutuan yang turut sama menyertai sesi konsultasi tersebut antaranya seperti wakil daripada KPWKM, KDN dan KKDW.

Sesi libat urus UPR di Peringkat Negeri Sabah pada 14 Jun 2023

Sesi libat urus UPR di peringkat Negeri Sarawak pada 15 Jun 2023

1.2 Sesi Libat Urus oleh HRHD, KLN Berhubung Sesi UPR Keempat Malaysia

SUHAKAM telah menghadiri Sesi Libat Urus bagi Membincangkan Matriks Pemantauan Perkembangan Saranan UPR Ketiga Malaysia Siri 1/2023 dan Sesi Libat Urus bagi Membincangkan Draf Laporan Negara bagi UPR Keempat Malaysia yang dianjurkan oleh KLN pada 31 Mac 2023 dan 24 Ogos 2023.

Semasa kedua-dua sesi libat urus tersebut, SUHAKAM dan beberapa wakil CSO membangkitkan mengenai status pelaksanaan aplikasi NRTD untuk Malaysia. SUHAKAM dimaklumkan bahawa Sistem NRTD 2.0 yang dibangunkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR) akan membolehkan Malaysia memantau tindakan dan pelaksanaan bagi saranan yang telah diterima oleh Malaysia semasa proses UPR, badan-badan triti dan Pelapor Khas PBB. Selain itu, pangkalan data bagi aplikasi tersebut sedang dimuatnaik oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap kementerian atau agensi pelaksana bagi saranan yang telah diterima oleh Malaysia semasa UPR. KLN memaklumkan bahawa NRTD akan dilancarkan secara rasmi dan boleh diakses untuk rujukan pihak berkepentingan seperti SUHAKAM, CSO dan orang awam.

NRTD merupakan salah satu komitmen dan ikrar yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Malaysia semasa pencalonan Malaysia sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM) bagi sesi 2022-2024 dan oleh yang demikian, SUHAKAM berharap agar NRTD tersebut akan dilancarkan dengan seberapa segera bagi memastikan supaya semua

pihak berkepentingan akan dapat membuat semakan berhubung status pelaksanaan saranan yang telah diterima oleh Malaysia semasa proses UPR.

1.3 Bengkel Pengukuhan Peranan NHRI dan CSO Dalam Pemantauan Hak Asasi Manusia dan Pelaporan Bagi UPR Malaysia

Sebagai sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang dalam Projek Geran Ketiga Kesatuan Eropah (EU), SUHAKAM dengan kerjasama UPR Info dan sokongan Delegasi EU di Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Peranan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) dan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dalam Pemantauan Hak Asasi Manusia dan Pelaporan Bagi UPR Malaysia pada 10 hingga 11 Mei 2023 secara hibrid di Kuala Lumpur dan dalam talian.

Objektif bengkel tersebut adalah seperti berikut:

- Menggalakkan penyertaan CSO dalam penyerahan laporan pihak berkepentingan bagi pusingan UPR yang akan datang.
- Menekankan kepentingan proses pemantauan dan pelaporan UPR.
- Mengenal pasti peranan advokasi kritikal NHRI dan CSO dalam menggalakkan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri) untuk melaksanakan saranan UPR dan meningkatkan kesedaran tentang UPR.

Bengkel ini juga dianjurkan sebagai persediaan awal kepada SUHAKAM dan CSO dalam menyediakan laporan bebas bagi UPR keempat Malaysia yang perlu diserahkan kepada OHCHR sebelum atau pada 18 Julai 2023. Seramai kira-kira 70 orang peserta telah menghadiri bengkel tersebut secara bersemuka dan dalam talian. Ini termasuk 10 orang pegawai daripada SUHAKAM dan 60 orang pihak berkepentingan yang terdiri daripada pelbagai organisasi masyarakat sivil.

Antara topik yang menjadi perbincangan semasa bengkel tersebut adalah kepentingan proses UPR bermula dari fasa persediaan, penilaian dan pelaksanaan saranan, peranan NHRI dan CSO dalam proses UPR, perkongsian amalan terbaik, pelaporan UPR oleh pihak berkepentingan dan juga sokongan yang diberikan oleh UPR Info dan OHCHR seperti pangkalan data mengenai saranan yang telah diterima oleh negara semasa proses UPR.

SUHAKAM berharap agar penganjuran bengkel ini akan dapat meningkatkan kesedaran berhubung proses UPR dan kepentingannya dalam memacu perkembangan hak asasi manusia di Malaysia dan seterusnya menggalakkan lebih banyak penglibatan pihak berkepentingan dengan proses UPR.

1.4 Laporan Bebas SUHAKAM Bagi UPR keempat Malaysia

Laporan Bebas SUHAKAM bagi UPR keempat Malaysia telah diserahkan kepada OHCHR pada 18 Julai 2023. Laporan tersebut mengandungi pelbagai pemerhatian dan saranan yang diperoleh berdasarkan aktiviti dan program SUHAKAM serta maklumat yang diterima oleh SUHAKAM semasa proses libat urus bersama pihak berkepentingan antaranya agensi kerajaan, CSO, ahli akademik, pelaporan media dan orang awam. Walau bagaimanapun, disebabkan laporan tersebut perlu dihadkan kepada hanya 2,815 patah perkataan, SUHAKAM tidak dapat melaporkan kesemua isu hak asasi manusia di Malaysia secara terperinci.

Laporan tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian utama seperti tanggungjawab antarabangsa; hak sivil dan politik; hak ekonomi, sosial dan kebudayaan; kumpulan rentan; pemerkasaan SUHAKAM; perpaduan negara dan kesepaduan sosial; pendidikan dan latihan hak asasi manusia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Ringkasan laporan SUHAKAM tersebut boleh diakses di laman sesawang OHCHR dan akan menjadi rujukan negara anggota PBB semasa proses UPR Keempat Malaysia.

Sesi libat urus bersama wakil-wakil Kementerian dan Agensi bagi membincangkan laporan bebas SUHAKAM bagi UPR keempat dianjurkan oleh KLN pada 9 Ogos 2023. Semasa sesi libat urus tersebut, SUHAKAM telah membentangkan laporan bebas SUHAKAM bagi UPR keempat antaranya termasuk isu dan saranan kepada Kerajaan.

2. PENYERTAAN/MESYUARAT ANTARABANGSA

Penglibatan SUHAKAM dalam program di peringkat serantau dan antarabangsa adalah terbatas disebabkan jumlah peruntukan yang terhad dan kos perjalanan yang semakin meningkat. Sehubungan itu, sebagai penyelesaian sementara, SUHAKAM menumpukan kepada program yang berimpak tinggi, program yang ditanggung oleh pihak penganjur atau

penyertaan secara dalam talian. Senarai penuh penyertaan SUHAKAM dalam program antarabangsa dilampirkan sebagai Lampiran IV - Senarai Ceramah, Mesyuarat, Bengkel dan Persidangan Antarabangsa.

Berikut adalah sebahagian daripada penyertaan SUHAKAM dalam program dan mesyuarat antarabangsa:

2.1 Persidangan Antarabangsa Berkenaan Perubahan Iklim dan Hak Asasi Manusia

SUHAKAM telah menghadiri Persidangan Antarabangsa berkenaan Perubahan Iklim dan Hak Asasi Manusia yang diadakan di Doha, Qatar pada 21 hingga 22 Februari 2023. Persidangan tersebut merupakan anjuran Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Kebangsaan Qatar (NHRI Qatar) dengan kerjasama daripada Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia (OHCHR), Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) dan Liga Arab.

Semasa persidangan tersebut, SUHAKAM yang dijemput sebagai ahli panel telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Peranan SUHAKAM sebagai NHRI dalam Mendukung Ekuiti, Solidariti dan Kerjasama untuk Tindakan Iklim Berteraskan Manusia (*Upholding Equity, Solidarity and Cooperation for People-Centred Climate Action*)'. SUHAKAM antaranya berkongsi mengenai usaha yang telah dijalankan berhubung isu alam sekitar dan perubahan iklim seperti usaha promosi dan kesedaran, kenyataan media, penganjuran program dan siasatan aduan yang berkaitan.

SUHAKAM juga berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Zamshari Shaharan, Duta Besar Malaysia ke Qatar pada 23 Februari 2023. Semasa perjumpaan singkat tersebut, SUHAKAM telah menyatakan beberapa isu hak asasi manusia seperti persepsi salah terhadap SUHAKAM, reformasi undang-undang dan keselamatan makanan.

Pada 23 Februari 2023 juga, SUHAKAM berpeluang mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Al Jazeera, iaitu salah satu agensi penyiaran berita yang terkemuka. Semasa lawatan tersebut, SUHAKAM telah mengadakan perbincangan bersama En. Sami Al-Haj, Pengarah Kebebasan Awam dan Hak Asasi Manusia Al Jazeera (PLHR), Dr. Hassan Saeed Emogummer, Ketua Usahasama PLHR dan Penyelidikan, dan En. Ihtisham Hibatullah, Pengurus Bahagian Hubungan Antarabangsa

PLHR. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan kebebasan media dan hak asasi manusia, isu konflik yang berlaku di Palestin, dan kerjasama masa hadapan antara SUHAKAM dan Al Jazeera, termasuk cadangan untuk mengadakan program latihan kepada SUHAKAM dan pihak berkepentingan di Malaysia.

Delegasi SUHAKAM bersama wakil Al Jazeera pada 23 Februari 2023

2.2 Seminar Serantau Mengenai Pemansuhan Hukuman Mati di Asia

Seminar Serantau mengenai Pemansuhan Hukuman Mati di Asia telah diadakan pada 26 hingga 27 Mei 2023 di Taipei, Taiwan. Penganjur seminar tersebut adalah sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Bersama Menentang Hukuman Mati (*Ensemble Contre la Peine de Mort*, ECPM). ECPM merupakan salah satu pertubuhan yang bergiat aktif dalam usaha untuk memansuhkan hukuman mati di seluruh dunia.

SUHAKAM telah dijemput untuk menghadiri seminar tersebut dan menjadi ahli panel dalam sesi perbincangan mengenai Kerjasama antara pihak berkepentingan dan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan ke arah Pemansuhan Hukuman Mati. SUHAKAM telah berkongsi mengenai pengalaman SUHAKAM sebagai sebuah NHRI dalam melaksanakan kempen memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia termasuk melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan dan CSO. SUHAKAM turut berkongsi mengenai perkembangan terkini mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori di Malaysia.

2.3 Sesi Perbahasan Tematik Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) Kali Ke-22

SUHAKAM telah menghadiri Mesyuarat Terbuka semasa Sidang Tetap Suruhanjaya Bebas Tetap Hak Asasi Manusia (IPHRC) kali ke-22 yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 26 hingga 30 November 2023. Semasa tempoh tersebut, SUHAKAM telah menghadiri Sidang Tetap Perbahasan Tematik IPHRC Kali ke-22 yang bertema Menghapuskan Diskriminasi Kaum: Perspektif Islam dan Hak Asasi Manusia pada 26 November 2023 dan Bengkel mengenai Kesan Kecerdasan Buatan kepada Hak Asasi Manusia: Peluang, Cabaran dan Langkah ke Hadapan pada 30 November 2023.

Semasa sesi tersebut, SUHAKAM telah diberikan peluang untuk menyampaikan kenyataan lisan yang menyatakan bahawa perkauman dan diskriminasi kaum mempunyai impak kepada kehidupan seseorang antaranya termasuklah akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan, penjagaan kesihatan, perumahan, dan keadilan. Sebagai NHRI, SUHAKAM akan terus memperjuangkan supaya hak asasi setiap orang di Malaysia akan dilindungi tanpa sebarang diskriminasi. SUHAKAM juga mengambil peluang tersebut dengan menyeru semua negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk terus memainkan peranannya bagi menggesa gencatan senjata dalam konflik Israel-Palestin dan menggerakkan usaha untuk mencapai penyelesaian jangka panjang di Palestin.

2.4 Dialog Hak Asasi Manusia ASEAN Kali Kelima

SUHAKAM telah menghadiri Dialog Hak Asasi Manusia ASEAN Kali Kelima pada 6 November 2023 di Ibu Pejabat ASEAN yang bertempat di Jakarta, Indonesia. Ini adalah kali kelima Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) menganjurkan sesi dialog seumpama ini dan ianya telah diadakan sebelum ini pada tahun 2013, 2014, 2021 dan 2022. Objektif dialog ini adalah seperti berikut:

- Menyediakan platform bagi dialog antara Negara Anggota ASEAN (NAA) dan AICHR untuk membincangkan amalan terbaik bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan cara untuk menangani cabaran bagi memastikan hak asasi manusia dapat dinikmati; dan

- Berkongsi pengalaman NAA berhubung ratifikasi, reservasi dan pelaksanaan instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia dan keutamaan terhadap kemungkinan meratifikasi triti hak asasi manusia.

Sesi dialog ini akan diadakan secara tertutup dan dihadiri oleh wakil NAA, AICHR, NHRI dan CSO yang mempunyai hubungan konsultatif bersama AICHR. Selaku NHRI, SUHAKAM diberikan masa 3 minit untuk menyampaikan ucapan lisan semasa dialog tersebut. Dalam ucapan tersebut, SUHAKAM telah mengemukakan empat saranan kepada AICHR seperti berikut:

- **Mewujudkan mekanisme rasmi bagi menerima dan menyiasat aduan**
  AICHR seharusnya diberikan kuasa dan sumber untuk menerima aduan, menjalankan siasatan serta memberikan maklum balas yang sewajarnya dan menjalankan tindakan susulan terhadap sesuatu aduan tersebut, sepertimana mekanisme hak asasi manusia serantau di Afrika, benua Amerika dan Eropah.

- **Menggalakkan pembentukan NHRI yang baru**
  AICHR seharusnya mempromosi dan membantu NAA dalam menubuhkan NHRI masing-masing dan memberikan sokongan kepada NAA yang telah mempunyai NHRI dalam memperkasa mandatnya seperti mana yang termaktub dalam Prinsip Paris. NAA juga disarankan untuk menggunakan proses UPR untuk menggalakkan penubuhan NHRI di Vietnam, Brunei, Kemboja, Laos dan Singapura.

- **Meningkatkan keterlibatan dengan CSO**
  AICHR perlu menyokong perkembangan ruang sivik dan demokratik di setiap negara dengan meningkatkan jumlah CSO yang mempunyai status konsultatif bersama AICHR. Pada masa ini terdapat 30 CSO yang mempunyai status konsultatif dan peningkatan jumlah ini akan memperluas skop hak asasi manusia dan menunjukkan komitmen dan keterangkuman AICHR dengan melibatkan wakil daripada komuniti yang pelbagai dalam menangani isu hak asasi manusia yang khusus.

- **Memupuk budaya hak asasi manusia di rantau Asia Tenggara**
  AICHR berada pada kedudukan yang baik untuk memainkan

peranan bagi menerapkan serta membudayakan standard hak asasi manusia antarabangsa di rantau Asia Tenggara.

SUHAKAM berharap supaya saranan yang telah dikemukakan semasa sesi dialog ini akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. SUHAKAM juga memohon supaya wakil Malaysia ke AICHR dan Kementerian Luar Negeri (KLN) akan membawa saranan tersebut untuk dibincangkan di peringkat AICHR dan ASEAN.

3. KEAHLIAN SUHAKAM DALAM JARINGAN NHRI

SUHAKAM merupakan anggota aktif dalam empat jaringan NHRI di peringkat serantau dan antarabangsa. Sebagai anggota yang aktif, SUHAKAM sering terlibat dalam aktiviti yang telah dianjurkan oleh rangkaian NHRI atau menjadi tempat rujukan, selain turut menjadi penganjur bagi sesuatu program.

3.1 Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF)

Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) ialah rangkaian sub-serantau yang terdiri daripada enam anggota NHRI iaitu Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), SUHAKAM, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar (MNHRC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand (NHRCT) dan Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Republik Demokratik Timor-Leste (PDHJ).

Berdasarkan Peraturan Prosedur (RoP) SEANF, jawatan Pengerusi SEANF dipilih secara bergilir antara setiap anggotanya setiap tahun mengikut turutan abjad. Sehubungan itu, Pengerusi SEANF bagi tahun 2023 adalah NHRCT.

Sorotan utama SEANF pada sepanjang tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

a. Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG)

Mesyuarat TWG merupakan platform kepada anggota SEANF di peringkat sekretariat untuk mengadakan perbincangan awal mengenai hal ehwal SEANF antaranya termasuklah penubuhan Sekretariat Tetap SEANF, pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Strategik SEANF 2022 hingga 2026, serta berkongsi

pengalaman dan amalan terbaik sesama anggota mengenai isu hak asasi manusia yang menjadi perhatian bersama di rantau Asia Tenggara.

Mesyuarat TWG Bil. 1/2023 telah diadakan pada 29 hingga 30 Mac 2023 secara hibrid di Bangkok, Thailand dan dalam talian manakala Mesyuarat TWG Bil. 2/3023 telah diadakan pada 19 hingga 21 Julai 2023 juga secara hibrid di Bangkok, Thailand dan dalam talian.

Wakil SUHAKAM bersama wakil anggota SEANF di Mesyuarat TWG Bil. 1/2023 di Bangkok, Thailand pada 29 hingga 30 Mac 2023

b. Kumpulan Kerja Semakan Teknikal (TRWG) SEANF

Sesi libat urus Kumpulam Kerja Semakan Teknikal (TRWG) SEANF telah diadakan semasa Mesyuarat TWG Bil. 2/2023 pada 20 Julai 2023. Semasa sesi libat urus tersebut, SUHAKAM telah membentangkan perbandingan antara RoP SEANF, Perlembagaan APF dan Statut GANHRI serta membincangkan beberapa saranan bagi tujuan penambahbaikan SEANF. Laporan awal bagi sesi konsultasi tersebut telah dibentangkan semasa Mesyuarat Tahunan SEANF kali ke-20 pada 22 hingga 24 November 2023 dan telah diambil maklum oleh anggota SEANF.

Antara isu yang dibincangkan oleh TRWG SEANF adalah pembaharuan dalam proses membuat keputusan oleh anggota SEANF daripada persetujuan bersama (*consensus*) kepada sistem berdasarkan majoriti, tempoh pengerusi SEANF, dan penggiliran jawatan pengerusi SEANF kepada anggota berstatus A berdasarkan akreditasi semula oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) GANHRI.

Wakil SUHAKAM bersama wakil anggota SEANF di Mesyuarat TWG Bil. 2/2023 di Bangkok, Thailand pada 19 hingga 21 Julai 2023

c. Mesyuarat antara SEANF dengan Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)

Mesyuarat antara AICHR dan SEANF telah diadakan pada 24 Mei 2023 secara dalam talian. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh AICHR Indonesia sebagai Pengerusi AICHR bagi tahun 2023. Semasa mesyuarat tersebut, SUHAKAM menyatakan bahawa isu alam sekitar, perubahan iklim dan hak asasi manusia merupakan antara isu yang menjadi keutamaan bersama bagi kedua-dua AICHR dan SEANF sepertimana yang boleh dilihat dalam Rancangan Kerja Lima Tahun AICHR 2021-2025 dan Pelan Strategik SEANF 2022-2026.

d. Persidangan Tahunan SEANF kali ke-20

SUHAKAM menghadiri Persidangan Tahunan SEANF Kali ke-20 pada 22 hingga 24 November 2023 yang diadakan secara hibrid di Bangkok, Thailand dan dalam talian. Antara isu yang dibincangkan semasa persidangan tersebut adalah status terkini pelaksanaan Pelan Strategik SEANF 2022-2026, saranan untuk mewujudkan indeks hak asasi manusia di rantau Asia Tenggara, serta cadangan berhubung mekanisme siasatan antara-NHRI (INIM).

Pada 24 November 2023, NHRCT telah menganjurkan acara sampingan mengenai Konsultasi Serantau berhubung Komen Umum mengenai Impak Polisi Dadah terhadap Hak Asasi Manusia.

Persidangan tersebut juga menyaksikan upacara penyerahan jawatan pengerusi SEANF daripada NHRCT kepada PDHJ yang akan mempengerusikan SEANF pada tahun 2024. Kesemua anggota SEANF menzahirkan penghargaan kepada NHRCT di atas sumbangan dan usaha dalam memacu SEANF pada tahun 2023 dan bersedia memberikan sokongan kepada PDHJ sebagai pengerusi SEANF yang seterusnya.

Anggota Suruhanjaya dan Pegawai SUHAKAM di Persidangan Tahunan SEANF kali ke-20 di Bangkok, Thailand pada 22 hingga 24 November 2023

3.2 Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF)

Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) merupakan rangkaian NHRI serantau yang pada masa ini dianggotai oleh 25 NHRI. Matlamat utama APF adalah untuk mempromosikan penubuhan NHRI yang bebas di rantau Asia Pasifik dan memberikan sokongan kepada anggotanya supaya dapat melaksanakan fungsi dan mandat secara berkesan.

Terdapat dua mesyuarat utama APF pada tahun 2023 iaitu Mesyuarat Jaringan Serantau APF; dan Mesyuarat Agung Tahunan APF ke-28 dan Persidangan Dwitahunan 2023.

a. Mesyuarat Jaringan Serantau APF

SUHAKAM telah menghadiri Mesyuarat Jaringan Serantau APF telah diadakan pada 14 Mac 2023 bersempena dengan Mesyuarat Tahunan Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) 2023 di Geneva, Switzerland.

Mesyuarat tersebut memberi ruang kepada Ahli Majlis Forum APF yang terdiri daripada Pengerusi NHRI yang menjadi anggota APF untuk berbincang dan mempertimbangkan beberapa isu mengenai GANHRI seperti cadangan pindaan kepada Statut GANHRI, mendapatkan perkembangan terkini mengenai operasi pertengahan penggal APF serta membincangkan mengenai persediaan penganjuran Mesyuarat Agung Tahunan APF ke-28 dan Persidangan Dwitahunan 2023. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Doo-Hwan Song, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Korea selaku Pengerusi APF.

b. Mesyuarat Agung Tahunan APF ke-28 dan Persidangan Dwitahunan 2023

SUHAKAM telah menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-28 dan Persidangan Dwitahunan APF telah diadakan pada 20 hingga 21 September 2023 di New Delhi, India. Mesyuarat ini telah dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan India (NHRC) sebagai tuan rumah dan APF.

Upacara pembukaan mesyuarat ini diserikan dengan kehadiran dan ucaptama oleh Presiden India, Smt. Droupadi Murmu. Selain membincangkan hal ehwal APF antaranya seperti Laporan Prestasi APF, Laporan Kesaksamaan Gender dalam kalangan anggota APF, dan status terkini anggota APF selepas proses akreditasi oleh GANHRI; mesyuarat ini juga mengambil peluang untuk mengadakan dialog antara NHRI dan CSO untuk membincangkan perkembangan dan cabaran hak asasi manusia di rantau Asia Pasifik, berkongsi amalan terbaik dan mencari peluang untuk bekerjasama pada masa hadapan.

Persidangan Dwitahunan APF yang diadakan pada 21 September 2023 berlatar belakangkan sambutan ulang tahun ke-30 Prinsip Paris dan 75 tahun Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Persidangan ini antara lain membincangkan mengenai peranan NHRI dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia

di rantau Asia Pasifik; kepentingan UDHR dan matlamatnya untuk mencapai kebebasan, kesaksamaan dan keadilan untuk semua; dan peranan NHRI dalam bertindakbalas dan menangani perubahan iklim di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

Hasil daripada perbincangan selama dua hari tersebut, anggota APF telah menerima pakai Deklarasi Delhi yang menggariskan beberapa perkara seperti berikut:

i. Memperkukuh Ekosistem Hak Asasi Manusia melalui komitmen bersama NHRI di seluruh dunia melalui GANHRI dan empat jaringan NHRI serantau termasuk APF untuk melindungi dan mempromosi hak asasi manusia melalui penubuhan dan pemerkasaan NHRI yang bertepatan dengan Prinsip Paris.

ii. Memperkasa semula UDHR dengan NHRI memainkan peranan penting dalam mempromosi, melindungi dan memantau pelaksanaan standard hak asasi manusia antarabangsa dan menghimpunkan semua pihak berkepentingan di dalam negara untuk terus melaksanakan hak asasi manusia berteraskan prinsip yang telah digariskan oleh UDHR untuk membawa perubahan yang konkrit ke arah mencapai hak asasi untuk semua.

iii. Perubahan Iklim dan Hak Asasi Manusia: NHRI mengulangi komitmennya untuk menasihati kerajaan dan komuniti dalam menangani, mengadaptasi dan bertindakbalas terhadap kesan hak asasi manusia yang disebabkan oleh perubahan iklim.

Sila imbas Kod QR untuk ke laman sesawang rasmi APF

Maklumat lanjut berhubung Deklarasi Delhi boleh diakses di laman sesawang rasmi APF.

Selain mesyuarat tahunan, SUHAKAM juga terlibat secara aktif dalam aktiviti APF seperti sesi pembinaan kapasiti, dan pelbagai sesi dialog dan seminar mengenai isu hak asasi manusia.

3.3 Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CFNHRI)

Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (CFNHRI) merupakan satu rangkaian NHRI di peringkat antarabangsa yang bertujuan untuk memastikan supaya hak asasi manusia dihormati di segenap pelusuk Negara Anggota Komanwel. Keanggotaan CFNHRI adalah terdiri daripada NHRI, Ombudsman dan pembela hak asasi manusia yang beroperasi di lima benua di dunia.

Mesyuarat Tahunan CFNHRI 2023 telah diadakan pada 16 Mac 2023 di Geneva, Switzerland bersempena dengan Mesyuarat Tahunan GANHRI 2023. SUHAKAM telah menghadiri mesyuarat ini secara bersemuka.

Mesyuarat tersebut diadakan untuk membincangkan hal ehwal CFNHRI seperti Laporan Pengerusi CFNHRI, meluluskan kemasukkan anggota baru, memberikan maklumat terkini berhubung status Sekretariat Tetap CFNHRI, dan perjumpaan bersama Sekretariat Komanwel bagi mendapatkan maklumat berhubung bantuan teknikal yang boleh diberikan kepada NHRI.

Hasil daripada Mesyuarat tersebut, dua kumpulan kerja telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu CFNHRI dan Kumpulan Kerja CFNHRI mengenai Sukan dan Hak Asasi Manusia. SUHAKAM telah menyertai Jawatankuasa Pemandu CFNHRI sebagai pemerhati manakala telah menjadi ahli dalam Kumpulan Kerja CFNHRI mengenai Sukan dan Hak Asasi Manusia. Sebagai ahli kepada Kumpulan Kerja tersebut, SUHAKAM berhasrat untuk membawa isu sukan dan hak asasi manusia di Malaysia dan menjalinkan hubungan kerja bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut.

3.4 Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI)

Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) telah ditubuhkan pada 1993 dan merupakan rangkaian kerjasama Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang terbesar diseluruh dunia yang berpangkalan di Geneva, Switzerland. GANHRI diiktiraf sebagai rakan kongsi kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan mempunyai jalinan kerjasama rapat dengan

OHCHR, UNDP dan pelbagai agensi PBB, dan juga dengan organisasi antarabangsa dan serantau yang lain, CSO dan ahli akademik.

SUHAKAM telah menghadiri dua program utama GANHRI pada tahun 2023 iaitu Mesyuarat Tahunan GANHRI 2023 dan Persidangan Antarabangsa GANHRI bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) Kali ke-14.

a. Mesyuarat Tahunan GANHRI 2023

Mesyuarat Tahunan GANHRI 2023 telah diadakan pada 14 hingga 16 Mac 2023 di Geneva, Switzerland. Antara hal ehwal GANHRI yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah ratifikasi ahli biro GANHRI yang baru dan yang diperbaharui, pembentangan dan kelulusan laporan kewangan dan audit, pembentangan Pelan Kerja GANHRI bagi tahun 2023, makluman berhubung hal ehwal akreditasi oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (SCA) GANHRI dan juga sesi perkongsian mengenai Penyeksaan dan Layanan Buruk serta Peranan NHRI.

Perkara utama yang menjadi perhatian dalam mesyuarat pada kali ini adalah cadangan pindaan kepada Statut GANHRI untuk memperkasa proses akreditasi dengan memastikan semua NHRI yang telah diakreditasi (NHRI yang berstatus A dan B) boleh dirujuk kepada Penilaian Khas atau digantung status akreditasi mereka berdasarkan keadaan semasa yang boleh menjejaskan pematuhan mereka kepada Prinsip Paris; dan memberikan SCA kuasa untuk mencadangkan pemansuhan status akreditasi NHRI yang tidak lagi boleh beroperasi seperti yang dikehendaki oleh Prinsip Paris. SUHAKAM telah menyokong cadangan pindaan kepada Statut GANHRI tersebut.



Delegasi SUHAKAM menerima Sijil Akreditasi Status 'A' SUHAKAM

b. Persidangan Antarabangsa GANHRI bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) Kali ke-14

Persidangan Antarabangsa GANHRI bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) Kali ke-14 yang bertemakan 'Penyeksaan dan Perlakuan Buruk yang lain: Peranan Institusi Hak Asasi Manusia' telah diadakan pada 6 hingga 8 November 2023 di Copenhagen, Denmark. Persidangan ini telah diadakan dengan kerjasama daripada GANHRI, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR), *Ombudsman of Ukraine* (NHRI Ukraine) dan *Danish Institute for Human Rights* (DIHR/ NHRI Denmark).

Persidangan ini antaranya membincangkan mengenai peranan NHRI dalam mencegah penyeksaan dengan menggalakkan kerajaan masing-masing untuk meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Perlakuan atau Hukuman Lain yang Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Merendahkan Martabat (UNCAT) dan Protokol Opsyenal kepada UNCAT (OPCAT). Selain itu, persidangan ini juga cuba meneroka pelbagai cara yang praktikal dan berkesan di mana NHRI boleh melaksanakan mandatnya secara meluas untuk melindungi dan memperjuangkan hak setiap orang daripada penyeksaan dan layanan buruk yang lain.

Sila imbas Kod QR untuk ke laman sesawang rasmi GANHRI

Seramai 300 peserta telah menghadiri persidangan tersebut yang membincangkan peranan penting NHRI dalam menangani dan menghindari penyeksaan dan layanan buruk yang lain. Peserta persidangan juga telah sebulat suara menerimapakai sebuah dokumen hasil daripada tiga hari persidangan tersebut yang dinamakan sebagai Deklarasi Kyiv-Copenhagen. Deklarasi ini telah menetapkan beberapa langkah praktikal yang boleh dilaksanakan oleh NHRI sebagai sebahagian daripada peranan mereka untuk mempromosi, mencegah dan melindungi daripada penyeksaan dan layanan buruk yang lain.

Deklarasi Kyiv-Copenhagen ini boleh diakses di laman sesawang rasmi GANHRI.

4. KETERLIBATAN DAN PERKONGSIAN

4.1 Kerjasama bersama Kementerian Luar Negeri

- **Pengedaran terjemahan instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa**
  SUHAKAM memuji usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui KLN dalam menterjemah semua instrumen teras hak asasi manusia antarabangsa dan Statut Rom kepada Bahasa Melayu. SUHAKAM berharap supaya penterjemahan ini akan dapat membantu dalam meningkatkan lagi pemahaman dan kesedaran berhubung instrumen hak asasi manusia antarabangsa. SUHAKAM telah mengedarkan terjemahan tersebut kepada pihak berkepentingan dan akan berterusan melaksanakannya dari semasa ke semasa.

- **Sesi Kumpulan Kerja Terbuka Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penuaan ke-13 (OEWGA 13)**
  Pada 29 Mac 2023, SUHAKAM telah mengutus surat kepada KLN untuk memohon supaya Kerajaan melalui Perwakilan Tetap Malaysia ke PBB di New York menyokong draf keputusan yang telah disediakan oleh Kumpulan Teras untuk diterima pakai semasa sesi OEWGA 13 yang diadakan di Ibu Pejabat PBB yang berpangkalan di New York, Amerika Syarikat pada 3 hingga 6 April 2023.

  Draf keputusan tersebut mencadangkan untuk mengadakan libat urus atau perundingan tidak rasmi dalam tempoh daripada

OEWGA 13 pada tahun 2023 dan OEWGA 14 pada tahun 2024 seperti mana resolusi Perhimpunan Agung 64/182 yang meminta OEWGA untuk mempertimbangkan rangka kerja antarabangsa yang sedia ada bagi hak asasi manusia warga emas dan mengenal pasti kemungkinan jurang dan cara terbaik untuk menanganinya termasuk dengan mempertimbangkan, mengikut kesesuaian, kebolehlaksanaan instrumen dan langkah selanjutnya.

SUHAKAM beranggapan bahawa sokongan Kerajaan terhadap isu ini di peringkat antarabangsa akan dapat menunjukkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan pengiktirafan dan keperluan untuk berdialog dan melaksanakan tindakan konkrit ke arah mengukuhkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia dan maruah warga emas, terutamanya dalam situasi Malaysia yang akan menjadi negara menua dalam anggaran kurang daripada 20 tahun lagi.

- **Resolusi mengenai NHRI semasa Sesi Perhimpunan Agung PBB (UNGA)**

  Pada 15 November 2023, SUHAKAM melalui surat kepada KLN telah mengemukakan saranan kepada Malaysia supaya menjadi Penaja Bersama Resolusi mengenai NHRI di Perhimpunan Agung PBB (UNGA). Resolusi tersebut telah diketuai oleh Jerman selaku Penaja Utama.

  Resolusi NHRI pada 2023 memberi tumpuan kepada isu hak asasi manusia dalam konteks perubahan iklim dan menekankan mengenai kepentingan dalam menyokong NHRI termasuk kebebasan NHRI, perlindungan NHRI daripada serangan, penglibatan NHRI di peringkat PBB, kerjasama serantau NHRI serta sokongan daripada OHCHR dan rangkaian PBB yang lebih jitu kepada NHRI dan jaringan NHRI.

  SUHAKAM juga beranggapan bahawa resolusi ini adalah merupakan satu pernyataan politik yang sangat penting dalam menunjukkan sokongan terhadap NHRI bagi pihak negara anggota PBB di seluruh dunia.

  Resolusi (A/C.3/78/L.27) ini telah diterima pakai oleh UNGA pada 19 Disember 2023 tanpa undian. Penerimaan ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada sumbangan NHRI untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 2030, termasuk dengan

mengambil langkah yang proaktif untuk menangani perubahan iklim dan impaknya kepada hak asasi manusia.

4.2 Kunjungan dan Lawatan Daripada Delegasi Luar Negeri

Sepanjang tahun 2023, SUHAKAM telah menerima kunjungan daripada delegasi daripada luar negeri yang antaranya terdiri daripada kedutaan, NHRI, agensi PBB dan CSO. Tujuan kunjungan dan lawatan tersebut adalah pelbagai tetapi tidak terhad kepada perjumpaan kali pertama, bertukar pandangan mengenai amalan terbaik, membincangkan isu hak asasi manusia dan menjalinkan kerjasama. Antara kunjungan dan lawatan yang diterima oleh SUHAKAM adalah:

- **Wakil Kedutaan Amerika Syarikat**
  Pada 16 Oktober 2023, SUHAKAM telah menerima kunjungan daripada Encik Greg Bauer yang berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Demokrasi, Hak Asasi Manusia dan Tadbir Urus bagi Pejabat Keselamatan dan Dasar Serantau di Biro Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik (EAP/RSP), Amerika Syarikat dan Puan Bryn West, Setiausaha Kedua Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

  Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak membincangkan pelbagai isu hak asasi manusia di Malaysia dan serantau. Antara topik yang dibincangkan adalah berkaitan reformasi penjara, Laporan UPR Malaysia dan laporan badan triti, perbahasan Laporan Tahunan SUHAKAM dan pindaan Akta SUHAKAM 1999, perniagaan dan hak asasi manusia, buruh paksa, pemerdagangan manusia, isu hak asasi manusia di Myanmar, pembentukan NHRI baru di Asia Tenggara, dan topik berkaitan maklumat yang tidak tepat dan sahih.

- **Delegasi Jabatan Kehakiman & Peguam Negara Papua New Guinea**
  SUHAKAM telah menerima kunjungan delegasi daripada Jabatan Kehakiman dan Peguam Negara Papua New Guinea pada 20 November 2023. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk bertukar pandangan mengenai hasrat Papua New Guinea untuk menubuhkan NHRI yang bebas dan mempunyai mandat yang selaras dengan Prinsip Paris.

Wakil delegasi tersebut memaklumkan bahawa SUHAKAM dipilih untuk dijadikan contoh dan rujukan adalah disebabkan oleh status SUHAKAM sebagai salah sebuah NHRI yang berstatus 'A' di rantau Asia Pasifik selain mempunyai rekod dan prestasi yang baik dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia dan di peringkat serantau. SUHAKAM telah menyatakan kesiapsiagaan untuk membantu dan berkongsi pengalamannya bagi membantu merealisasikan hasrat Papua New Guinea untuk menubuhkan NHRI.

5. PERANAN SUHAKAM DAN MEKANISME HAK ASASI MANUSIA PBB

5.1 Keahlian Malaysia Sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia bagi Sesi 2022-2024

SUHAKAM sentiasa memantau tindakan dan prestasi Malaysia sebagai Ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM) bagi sesi 2022-2024. Antara inisiatif penting yang telah digerakkan oleh Malaysia adalah menjadi penaja utama bersama Azerbaijan, Ecuador, Georgia, Kenya, Thailand, dan Türkiye dalam satu resolusi yang telah diterima pakai semasa Sesi MHAM ke-52 pada 3 April 2023 iaitu mengenai 'Mempromosi Hak Asasi Manusia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui Penyampaian Perkhidmatan Awam yang Telus, Bertanggungjawab dan Cekap (A/HRC/RES/52/8)'.

Resolusi tersebut menggalakkan Negara untuk mempromosi, memupuk dan mengharmonikan prinsip hak asasi manusia dalam perkhidmatan awam. Resolusi tersebut juga menggalakkan pemerkasaan pembangunan kapasiti dan latihan dalam bidang hak asasi manusia, kesaksamaan gender, kedaulatan undang-undang dan tata kelola yang baik kepada penjawat awam.

Sebagai penaja utama terhadap resolusi tersebut, SUHAKAM berharap agar ianya dapat diterjemah dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam yang selari dengan prinsip hak asasi manusia.

SUHAKAM akan terus memantau perkembangan dan prestasi Malaysia sebagai Ahli MHAM bagi Sesi 2022-2024 dan berharap agar Kerajaan akan terus mengambil langkah yang proaktif dalam sebarang isu hak asasi manusia. SUHAKAM juga merancang untuk menghasilkan satu laporan berhubung prestasi Malaysia sebagai Ahli MHAM bagi Sesi 2022-2024 bagi tujuan rekod dan rujukan pada masa hadapan.

5.2 Jemputan Rasmi (Standing Invitation) Kepada Pelapor Khas PBB Oleh Kerajaan Malaysia

SUHAKAM memuji keputusan kerajaan yang telah memanjangkan jemputan rasmi kepada mekanisme Pelapor Khas PBB sejak 26 Februari 2019 lagi. Hal ini juga dinyatakan di dalam komitmen dan ikrar yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Malaysia semasa pencalonan Malaysia sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB (MHAM) bagi sesi 2022-2024.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM menggesa supaya Kerajaan dapat menerima dan memenuhi permohonan rasmi Pelapor Khas PBB untuk mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia.

Pada tahun 2023, berdasarkan maklumat yang terdapat pada laman sesawang rasmi OHCHR, Malaysia telah menerima dua permohonan lawatan rasmi iaitu daripada Kumpulan Kerja Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan Pelapor Khas PBB mengenai Pejuang Hak Asasi Manusia. Kumpulan Kerja Perniagaan dan Hak Asasi Manusia telah menghantar notis peringatan kepada Kerajaan manakala Kerajaan telah menolak secara rasmi permohonan daripada Pelapor Khas PBB mengenai Pejuang Hak Asasi Manusia.

5.3 Bengkel Mengenai Peranan NHRI dan CSO Dalam Pemantauan Badan Triti Antarabangsa Dan Pelaporan Di Malaysia

SUHAKAM dengan sokongan Delegasi Kesatuan Eropah (EU) di Malaysia telah menganjurkan satu Bengkel mengenai peranan NHRI dan CSO dalam Pemantauan Badan Triti Antarabangsa dan Pelaporan di Malaysia pada 4 hingga 6 Disember 2023 di Kuala Lumpur secara hibrid. Bengkel ini merupakan salah satu aktiviti yang telah dirancang dalam Geran Ketiga SUHAKAM bersama EU. Bengkel ini telah dikendalikan oleh pakar rujuk daripada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia (OHCHR) Pejabat Serantau Asia Tenggara.

Bengkel ini diadakan dengan objektif untuk melengkapkan SUHAKAM dan CSO dengan kemahiran dan strategi yang diperlukan dalam pemantauan dan pelaporan terhadap situasi hak asasi manusia semasa di Malaysia khususnya melibatkan tiga badan triti antarabangsa yang telah diterimapakai oleh Malaysia iaitu CEDAW, CRC dan CRPD, termasuk protokol opsyenal yang berkaitan.

Seramai 50 orang peserta dalam talian dan bersemuka mewakili pelbagai organisasi masyarakat sivil di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak telah hadir ke bengkel tersebut. Bagi memastikan penglibatan yang berkesan, SUHAKAM telah menyediakan perkhidmatan terjemahan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia dan perkhidmatan jurubahasa isyarat sepanjang bengkel tersebut berlangsung. Walau bagaimanapun, SUHAKAM juga telah diminta untuk mempertimbangkan penyediaan dokumen dalam bentuk cetakan braille bagi membantu meningkatkan lagi tahap keterlibatan.

Antara topik yang dibincangkan dalam bengkel tersebut adalah mekanisme pelaporan badan triti, pelaksanaan di peringkat nasional dan rangka kerja pemantauan serta perkongsian mengenai isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan CEDAW, CRC dan CRPD.

Bengkel mengenai peranan NHRI dan CSO dalam Pemantauan Badan Triti Antarabangsa dan Pelaporan di Malaysia pada 4 hingga 6 Disember 2023

6. KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

6.1 Memorandum Persefahaman (MoU) Bagi Mencari Penyelesaian Jangka Panjang terhadap Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah

SUHAKAM, Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) telah memperbaharui Memorandum Persefahaman (MoU) untuk Mencari Penyelesaian Jangka Panjang kepada Isu Tanpa Kewarganegaraan di

Sabah pada 7 September 2023 untuk tempoh selama lima tahun dari 2023 sehingga 2028. MoU yang sebelum ini dikenali sebagai MoU mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah telah ditandatangani antara SUHAKAM dan Komnas HAM pada April 2019 dan diperbaharui sebanyak dua kali pada Julai 2020 dan Mac 2022 dengan disertai oleh CHRP. Sesi menandatangani MoU ini telah diadakan di Semporna, Sabah.

Pembaharuan MoU bagi tempoh lima tahun ini menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bahagi oleh semua pihak untuk memperkukuh kerjasama sedia ada melalui usahasama dengan Kerajaan dan semua pihak berkepentingan dalam usaha untuk meneroka cara untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan di Sabah dan menambahbaik situasi hak asasi manusia orang tanpa kewarganegaraan di Sabah dan orang yang berisiko menjadi tanpa kewarganegaraan di Sabah terutamanya dalam isu akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan hak untuk mencari mata pencarian.

Berikutan penemuan sebelum ini, semua pihak dalam MoU ini juga sebulat suara bersetuju untuk memberi lebih tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam dan pihak berkepentingan terhadap isu orang tanpa kewarganegaraan di Sabah dan kesukaran yang dihadapi oleh mereka bagi mengelakkan berlakunya salah anggap terhadap komuniti ini.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Mengenai Mencari Penyelesaian Jangka Panjang Kepada Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah Antara SUHAKAM, Komnas HAM dan CHRP di Semporna, Sabah pada 7 September 2023

Pada 8 September 2023, SUHAKAM dengan bantuan daripada Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), Pejabat Daerah Semporna dan PDRM telah mengadakan lawatan ke Pulau Omadal dan Pulau Mabul di Semporna, Sabah. Lawatan ini turut disertai oleh wakil daripada Komnas HAM dan CHRP. Tujuan lawatan ini adalah untuk berjumpa dengan komuniti orang tanpa kewarganegaraan terutamanya komuniti Bajau Laut yang mendiami pulau tersebut serta untuk mengenalpasti isu yang dihadapi oleh mereka.

Semasa di Pulau Omadal, SUHAKAM telah berpeluang untuk melawat sebuah pusat pembelajaran alternatif (ALC) yang dikenali sebagai Iskul Sama di Laut Omadal (Iskul). SUHAKAM dimaklumkan bahawa Iskul merupakan sebuah projek komuniti yang telah diusahakan sejak tahun 2015 untuk menyediakan pembelajaran asas kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Pulau Omadal. Mereka beroperasi daripada hari Sabtu hingga Rabu setiap minggu dan mempunyai tiga orang tenaga pengajar sepenuh masa dan tiga lagi pembantu guru.

SUHAKAM dimaklumkan bahawa Iskul telah diarahkan untuk menghentikan operasi mereka di atas beberapa sebab termasuk dikehendaki untuk mendaftar sebagai sebuah institusi pendidikan swasta. Pada 28 Disember 2023, SUHAKAM telah mengeluarkan satu kenyataan media yang menegaskan komitmen SUHAKAM terhadap hak untuk mendapatkan pendidikan untuk semua kerana ianya merupakan asas kemanusiaan dan perkembangan setiap orang. SUHAKAM juga telah melihat sendiri kesan dan usaha Iskul untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan bersedia untuk meneroka sebarang usaha untuk memastikan supaya Iskul dapat meneruskan operasi mereka termasuk permohonan mereka untuk didaftarkan sebagai pusat bimbingan alternatif.

SUHAKAM berharap untuk menjadikan MoU ini sebagai sebuah platform untuk membincangkan isu yang sukar ini bersama pihak berkepentingan secara terbuka selaras dengan tujuan kerjasama ini iaitu untuk menambah baik situasi orang tanpa kewarganegaraan dan orang yang berisiko menjadi tiada kewarganegaraan di Sabah serta mencari penyelesaian jangka masa panjang kepada isu yang telah lama berlarutan ini.

Lawatan ke Iskul Sama di Laut Omadal (Iskul), pusat pembelajaran alternatif di Pulau Omadal, Semporna pada 8 September 2023

6.2 Kerjasama SUHAKAM Bersama Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR)

SUHAKAM telah bekerjasama dengan Wakil Malaysia ke Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR), *Enhanced Regional EU-ASEAN Dialogue Instrument* (E-READI) dan APF untuk mengadakan Libat Urus Serantau AICHR-EU dalam Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di ASEAN pada 29 hingga 30 Mei 2023 di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur dan secara dalam talian.

Program ini merupakan sebahagian daripada Projek yang dibiayai oleh EU iaitu Keterlibatan dengan Mekanisme Antara Kerajaan berhubung Hak kepada Persekitaran yang Sihat dan Perubahan Iklim. Libat urus ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha negara-negara anggota ASEAN bagi menguatkan pendekatannya dalam penggubalan dasar dan perlindungan alam sekitar, di samping, menegakkan prinsip hak asasi manusia. Selain itu, libat urus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berhubung pelaksanaan Prinsip Panduan

PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (UNGP) dan kepentingan untuk mencegah dan menangani kesan sampingan terhadap hak asasi manusia akibat daripada aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan termasuklah kesan kepada alam sekitar dan perubahan iklim.

Program ini telah dihadiri oleh wakil AICHR, NHRI, agensi kerajaan yang berkaitan, agensi PBB dan pihak CSO yang mempunyai status konsultasi bersama AICHR.

HARAPAN MASA HADAPAN

Tahun 2024 merupakan tahun yang sangat signifikan dalam usaha untuk memperkasa agenda hak asasi manusia di Malaysia melalui instrumen hak asasi manusia antarabangsa. Ini kerana Malaysia akan menghadapi Pusingan UPR keempat dan Pelaporan Negara semasa Sesi CEDAW ke-87 pada tahun 2024. Sementara itu, 2024 merupakan tahun terakhir keahlian Malaysia sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi penggal 2022-2024 dan SUHAKAM berharap supaya Kerajaan Malaysia dapat menggunakan tempoh tersebut untuk menjuarai pelbagai isu hak asasi manusia samada di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

BAB 3

ADUAN DAN PEMANTAUAN TERHADAP PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA

BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Pada tahun 2023, SUHAKAM telah menerima sebanyak 649 aduan. 450 daripada aduan tersebut telah dibuat di ibu pejabat di Kuala Lumpur, 96 aduan di Pejabat Sabah dan 102 aduan di Pejabat Sarawak. Aduan terbanyak mengikut organisasi adalah membabitkan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Swasta. Aduan-aduan yang diterima adalah dalam bentuk memorandum, emel, surat, panggilan telefon, sistem e-aduan dan penyerahan aduan semasa program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM).

1. SIASATAN ADUAN

Setelah diteliti secara keseluruhan 649 jumlah aduan, SUHAKAM telah memutuskan bahawa 523 aduan adalah berkenaan pelanggaran hak asasi manusia iaitu 371 di ibu pejabat Kuala Lumpur, 70 di Pejabat Sabah dan 82 di Pejabat Sarawak. Manakala 126 aduan adalah di luar bidang kuasa SUHAKAM. Pada tahun semasa, SUHAKAM telah menyelesaikan siasatan terhadap 279 daripada 523 aduan itu iaitu 53%. Bakinya masih dalam siasatan dan menunggu maklumbalas daripada agensi berkenaan.



Rajah 1: Aduan yang diterima oleh SUHAKAM dari tahun 2019 hingga 2023

Rajah 2: Bilangan Kes Selesai dan Masih Dalam Siasatan 2023

BIL.	PERKARA	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
1.	Maruah diri	1	0	0
2.	Diskriminasi / Hak Kesaksamaan (perkauman, agama, jantina, kurang upaya fahaman politik dan lain-lain)	8	4	1
3.	Hak untuk hidup	9	0	0
4.	Hak kebebasan dan keselamatan diri	15	0	3
5.	Pemerdagangan / Penyeludupan	4	0	3
6.	Tindakan seksaan/layanan atau hukuman zalim	27	2	1
7.	Tangkapan, tahanan dan pembuangan negeri	23	4	0
8.	Hak pembelaan/perbicaran adil dan terbuka	4	0	0
9.	Hak kepada privasi	2	1	1
10.	Kebebasan bergerak	0	0	0
11.	Hak untuk mendapatkan suaka dan status pelarian	14	0	0
12.	Hak kepada kewarganegaraan	4	23	31
13.	Hak kepada pemilikan harta	3	10	2
14.	Kebebasan berfikir, menentukan salah benar dan beragama	0	0	0

BIL.	PERKARA	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
15.	Hak berpendapat dan bersuara	1	0	0
16.	Kebebasan berhimpun secara aman	1	0	0
17.	Kebebasan berpersatuan	0	0	0
18.	Hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan/hak sebagai pengundi	0	0	0
19.	Hak kepada pekerjaan dan hak pekerja migran	13	4	5
20.	Hak untuk berehat dan menikmati masa lapang	0	0	0
21.	Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi makanan, pakaian, perumahan, penjagaan kesihatan)	36	6	11
22.	Hak kepada pendidikan	1	0	2
23.	Hak untuk menyertai kegiatan kebudayaan masyarakat	0	0	0
24.	Hak alam sekitar	3	1	5
25.	Hak tanah adat anak negeri	7	6	9
26.	Hak kanak-kanak	85	1	0
27.	Hak untuk hidup berkeluarga	0	0	0
28.	Hamba abdi	0	0	0
29.	Ucapan kebencian	0	0	0
30.	Buruh paksa	52	2	1
31.	Pejuang hak asasi manusia	1	0	0
32.	Hak mendapatkan maklumat	41	4	4
33.	Lain – lain	16	2	3
	JUMLAH	**371**	**70**	**82**

2. LAWATAN KE TEMPAT TAHANAN

Bagi menjalankan fungsi SUHAKAM, Kumpulan Aduan dan Pemantauan (CMG) telah membuat lawatan di tempat-tempat tahanan dan mengemukakan syor-syor berhubung isu hak asasi manusia untuk tujuan penambahbaikan. Lawatan SUHAKAM ke tempat tahanan dijalankan selaras dengan Seksyen

4(2)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) dan ia merangkumi dua kategori iaitu:

(i) lawatan berkala untuk melihat keadaan dan layanan di penjara;
(ii) lawatan siasatan kes bagi kes-kes yang diadukan ke Suruhanjaya berhubung pelanggaran hak asasi manusia di penjara.

Bersesuaian dengan slogan Suruhanjaya iaitu 'Hak Asasi Manusia Untuk Semua', fokus lawatan berkala ke tempat tahanan bukan sahaja memantau keadaan dan layanan kepada tahanan tetapi juga keadaan tempat kerja, kebajikan dan keselamatan kakitangan yang menjaga tahanan.

2.1 Polis Diraja Malaysia

Pada tahun 2023, SUHAKAM telah mengadakan lawatan berkala ke-12 lokap Polis Diraja Malaysia. Antara lokap polis yang telah dilawati adalah seperti berikut:-

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	LOKAP BALAI POLIS DIRAJA MALAYSIA
1.	**Bangunan IPD dan lokap balai polis yang uzur dan tidak selamat diduduki** Hasil pemantauan dan maklumat yang diperolehi mendapati kedua-dua lokap ini berada dalam keadaan terlalu uzur dan tidak selamat diduduki. SUHAKAM dimaklumkan pihak IPD dan Balai menggunakan segala sumber yang ada untuk menyelenggara dan memastikan pengoperasian dapat diteruskan. **Syor SUHAKAM** SUHAKAM berpandangan bahawa isu keselamatan anggota dan OKT adalah perkara asas yang tidak boleh dikompromi. Pihak PDRM dan Kerajaan perlu mencadangkan alternatif lain bagi penempatan anggota yang bertugas dan OKT yang ditahan di lokap Balai Polis Miri dan lokap Balai Polis Papar. Selain itu, SUHAKAM mengesyorkan supaya pihak PDRM dan Kerajaan perlu membuat semakan semula atas bangunan-bangunan lokap dan IPD di seluruh Malaysia. Mana-mana bangunan yang tidak selamat dan uzur tidak sepatutnya terus beroperasi.	• Lokap Balai Polis Miri • Lokap Balai Polis Papar

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	LOKAP BALAI POLIS DIRAJA MALAYSIA
2.	**Penyelenggaran Infrastruktur Bangunan IPD dan Lokap Balai Polis** Hasil pemantauan SUHAKAM mendapati terdapat beberapa infrastruktur bangunan dan lokap balai polis perlu diselenggara. Antara masalah yang dihadapi adalah tandas tersumbat dan tidak diselenggara, tiada kipas ekzos yang mencukupi atau rosak di lokap, fasiliti asas seperti lokar, pakaian OKT, penyediaan tuala wanita dan juga CCTV tidak mencukupi. Selain itu, SUHAKAM berpendapat keadaan kuarters anggota yang daif dan uzur juga perlu diberi perhatian segera oleh pihak Kerajaan. **Syor** Disyorkan supaya pihak Kerajaan mempertimbangkan peruntukan khas kepada PDRM bagi menambah baik infrastruktur bangunan dan lokap-lokap yang dinyatakan. Selain untuk mencegah daripada berlaku perkara yang tidak diingini, ia dapat menjamin kebajikan anggota yang bertugas dan OKT yang ditahan.	• Lokap Balai Polis Selayang • Lokap Balai Polis Kuching • Lokap Balai Polis Bintulu • Lokap Balai Polis Cameron • Lokap Balai Polis Cheras • Lokap IPD Maran
3.	**Kekurangan anggota bertugas** SUHAKAM mendapati IPD dan balai polis menghadapi kekangan dalam melaksanakan tugas dengan lebih efisien disebabkan masalah kekurangan perjawatan sama ada jawatan tidak diisi atau anggota IPD atau balai polis tersebut telah dipinjamkan ke balai-balai lain. Perkara ini memberi kesan kepada pengoperasian IPD atau balai secara langsung daripada segi kawalan keselamatan lokap, iring kawal keluar masuk OKT dan secara tidak langsung menyebabkan bebanan kerja yang tinggi kepada anggota sedia ada.	• Lokap IPD Seremban • Lokap Balai Polis Kuching • Lokap Balai Polis Cheras • Lokap Balai Polis Maran • Lokap Balai Polis Setiawangsa • Lokap Balai Polis Miri

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	LOKAP BALAI POLIS DIRAJA MALAYSIA
	Syor Disyorkan supaya pihak PDRM menyelaras pengisian jawatan di IPD dan balai polis yang terlibat dengan segera bagi memanfaatkan perjawatan sedia ada. Selain itu semakan dan kajian mengenai pertambahan perjawatan di sesebuah IPD dan balai polis perlu dilaksanakan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa seperti kepadatan penduduk di sesebuah daerah, bidang tugas, kapasiti lokap, dan lain-lain bagi memastikan kawalan keselamatan awam dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.	
4.	**Suntikan vaksin Influenza dan Hepatitis B kepada anggota PDRM** Memandangkan anggota polis terutamanya mereka yang bertugas di lokap (sentinel) berhubung secara terus dengan OKT di dalam lokap, mereka perlu diberi suntikan imunisasi tambahan seperti Influenza dan Hepatitis B. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan supaya peruntukan tambahan disalurkan kepada PDRM bagi pembelian vaksin untuk semua anggota PDRM. SUHAKAM berharap satu proses penyelarasan bersama KKM dan Pejabat Kesihatan Daerah dalam memberikan perkhidmatan suntikan kepada anggota polis dapat diwujudkan.	• Lokap Balai Polis Selayang • Lokap Balai Polis Setiawangsa • Lokap Balai Polis IPD Cameron • Lokap Balai Polis Cheras • Lokap Balai Polis Miri
5.	**Penyerahan rekod kesihatan bagi banduan tumpang di lokap balai polis** SUHAKAM mendapati keperluan untuk mewujudkan prosedur baharu bagi banduan atau tahanan yang ditumpangkan di lokap polis untuk proses perbicaraan atau sebagainya. Pihak berkuasa yang menggunakan lokap balai polis sebagai tempat tahanan sementara	• Lokap Balai Polis Selayang

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	LOKAP BALAI POLIS DIRAJA MALAYSIA
	perlu mengemukakan dokumen atau slip kesihatan seseorang banduan atau tahanan yang menerangkan latar belakang kesihatan banduan yang menumpang di lokap polis. **Syor** Disyorkan supaya prosedur ini dapat diwujudkan dan diselaraskan di semua lokap balai polis bersama agensi yang berkaitan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan anggota dan OKT yang berada di lokap polis. Tindakan pengasingan dan pemantauan bagi banduan atau tahanan yang mempunyai penyakit berjangkit atau penyakit berisiko boleh diselaraskan oleh pihak balai bagi mengelakkan insiden yang tidak diingini daripada berlaku.	
6.	**Penyediaan bekas air minuman di dalam lokap balai polis** SUHAKAM berpandangan bahawa akses kepada air minuman secara berterusan kepada OKT adalah penting. Amalan ini juga telah dilaksanakan di Jabatan Penjara Malaysia di mana banduan sentiasa mempunyai akses kepada air minuman yang terletak di luar blok sel. **Syor** Disyorkan supaya amalan ini dipraktikkan di semua lokap balai polis. Selain menjaga hak asasi OKT, ia juga dapat mencegah daripada masalah kesihatan yang lain kepada OKT. Sebuah bekas air berserta cawan boleh diletakkan diluar sel dan boleh diambil oleh OKT dari dalam sel pada bila-bila masa yang diperlukan.	• Lokap Balai Polis Selayang • Lokap Berpusat Jinjang • Lokap IPD Dang Wangi • Lokap IPD Maran • Lokap Balai Polis Setiawangsa • Lokap Balai Polis Cameron
7.	**Mewujudkan laluan pantas bagi rawatan kesihatan OKT di klinik dan hospital Kerajaan** SUHAKAM berpandangan bahawa kemudahan *fast lane* bagi OKT yang mendapatkan rawatan	• Lokap Balai Polis Selayang • Lokap IPD Dang Wangi • Lokap IPD Maran

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	LOKAP BALAI POLIS DIRAJA MALAYSIA
	kecemasan di klinik kesihatan atau hospital adalah penting. Perkara ini bagi mengelakkan risiko keselamatan kepada orang awam, anggota pengiring dan OKT. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan supaya pihak KKM dapat mempertimbangkan syor ini dengan mengambilkira faktor keselamatan orang awam, anggota pengiring dan juga isu-isu lain yang berbangkit seperti OKT melarikan diri, kekurangan anggota pengiring, dan risiko penyeludupan artikel larangan. Selain itu, ia dapat meminimumkan waktu OKT dan anggota pengiring berada di klinik atau hospital.	• Lokap Balai Polis Setiawangsa • Lokap Balai Polis Cheras
8.	**Penggunaan bilik siasatan dengan optimum** SUHAKAM mendapati di beberapa IPD dan Balai Polis yang mempunyai bilik siasatan tidak digunakan. SUHAKAM dimaklumkan bahawa Pegawai Siasatan lebih memilih menggunakan pejabat sendiri untuk menjalankan siasatan bersama OKT. SUHAKAM berpandangan bahawa perkara ini perlu diteliti dan arahan penggunaan bilik siasatan oleh Pegawai Siasatan perlulah dipatuhi. **Syor** Disyorkan supaya pihak PDRM memastikan semua Pegawai Penyiasat menggunakan bilik siasatan di setiap IPD atau balai polis sewaktu menjalankan siasatan bersama OKT. Selain itu, PDRM perlulah membuat penyelenggaraan berkala ke semua bilik siasatan sedia ada supaya bilik tersebut dapat digunakan secara optimum.	• Lokap IPD Seremban • Lokap IPD Maran • Lokap IPD Papar • Lokap Balai Polis Cheras

2.2 Jabatan Penjara Malaysia

Pada tahun 2023, SUHAKAM telah menjalankan 10 lawatan berkala dan 13 lawatan kes bagi menjalankan siasatan ke atas aduan di penjara seluruh Malaysia. Hasil lawatan tersebut, SUHAKAM mendapati banyak ruang penambahbaikan di penjara perlu diambil perhatian oleh Kerajaan. Penambahbaikan ini bukanlah tanggungjawab pihak Jabatan Penjara semata-mata, sebaliknya agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung juga perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan penjara mematuhi standard tempat tahanan yang minimum. Antara isu dan masalah yang perlu diberi perhatian hasil dari lawatan serta pemakluman kepada SUHAKAM adalah seperti berikut:

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA
1.	**Kekurangan Anggota Bertugas** SUHAKAM dimaklumkan beberapa institusi penjara mempunyai kekurangan anggota untuk bertugas menjaga kebajikan dan keselamatan tahanan. Kekurangan anggota ini adalah disebabkan pengisian perjawatan yang diluluskan untuk institusi tersebut tidak diisi sepenuhnya dan dibiarkan kosong untuk tempoh masa yang lama. Ini telah menyebabkan bebanan tugas anggota sedia ada meningkat serta risiko keselamatan ke atas anggota bertugas. Selain itu, pihak Penjara juga terpaksa meminjamkan perjawatan sedia ada untuk ditempatkan di institusi lain seperti pusat reintegrasi penghuni atau penjara satelit. Pemerhatian SUHAKAM mendapati hanya dua atau tiga sahaja anggota yang bertugas dalam satu syif untuk menjaga sesebuah blok tahanan di mana jumlah tahanan dianggarkan dari 800 hingga ke 1000 orang. Nisbah anggota untuk menjaga tahanan adalah tidak seimbang dan ianya berkemungkinan boleh menyebabkan tahanan tidak mendapat layanan sewajarnya terutama daripada segi kesihatan.	• Penjara Seremban • Penjara Penor • Penjara Pusat Miri • Pusat Koreksional Bintulu

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA
	Syor SUHAKAM mengesyorkan agar Jabatan Penjara Malaysia meneliti kekosongan perjawatan sedia ada serta mengkaji keperluan penambahan perjawatan bagi memastikan operasi penjara dapat dijalankan dengan lancar.	
2.	**Tarikh Perbicaraan Yang Lama** SUHAKAM dimaklumkan semasa lawatan berkala bahawa terdapat ramai tahanan reman yang masih belum menjalani proses perbicaraan dan terpaksa menunggu tarikh perbicaraan yang terlampau lama. Ada antara tahanan tidak mengetahui perkembangan kes walaupun telah ditahan di antara tempoh dua hingga tiga tahun. Tahanan hanya duduk di dalam penjara tanpa diberi sebarang maklumat. Perkara ini akhirnya menyebabkan tahanan reman memilih untuk mengaku bersalah kerana tidak sanggup untuk ditahan di penjara selama bertahun-tahun untuk dibicarakan. SUHAKAM berpandangan bahawa perkara ini tidak sewajarnya berlaku kerana ia merupakan satu bentuk penafian hak asasi bagi seseorang yang ditahan. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan agar pihak institusi penjara untuk mendapatkan maklum balas dari setiap IPD yang berkaitan mengenai status perbicaraan semua tahanan reman yang ditahan lama di situ. Pegawai Penyiasat Polis juga perlu memaklumkan tarikh perbicaraan seterusnya untuk tujuan rekod pihak institusi penjara.	• Penjara Seremban • Penjara Pokok Sena • Penjara Sungai Buloh

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA
3.	**Banduan Reman Yang Terlalu Ramai** SUHAKAM mendapati bahawa sebilangan besar penghuni di institusi penjara pada masa ini adalah tahanan reman. Kesesakan di blok tahanan reman telah menyebabkan tahanan terpaksa duduk dalam keadaan yang sempit dan terbatas. Perbicaraan mahkamah yang lama juga telah menyumbang kepada faktor kesesakan tahanan reman ini. Aktiviti yang kurang disediakan kepada tahanan reman telah menyebabkan tekanan yang tinggi kepada tahanan di mana mereka terpaksa duduk di dalam sel sahaja tanpa sebarang perkembangan kes. Selain itu, bilangan tahanan reman yang terlampau ramai telah menyebabkan masalah penyeludupan artikel larangan semakin berleluasa contohnya seperti telefon bimbit, dadah dan tembakau. Perkara ini berpunca daripada pergerakan keluar masuk banduan reman yang keluar ke Mahkamah dan pulang ke penjara. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan agar alternatif kepada penahanan reman dikaji dan dikuatkuasa dengan segera bagi mengatasi masalah kesesakan tahanan reman di penjara.	• Penjara Seremban • Penjara Sungai Buloh
4.	**Tiada Kad Pengenalan Sebagai Bukti Identiti Tahanan** SUHAKAM dimaklumkan bahawa terdapat tahanan yang mempunyai masalah dokumen diri kerana tidak mempunyai kad pengenalan. Menurut tahanan, kad pengenalan mereka telah diambil oleh pihak polis semasa ditahan tetapi tidak diberikan semasa perbicaraan di mahkamah atau semasa dihantar ke institusi penjara.	• Penjara Seremban • Penjara Sungai Buloh

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA
	Beberapa orang Pengarah Penjara atas inisiatif sendiri, telah berusaha untuk mendapatkan semula kad pengenalan tahanan dengan menghubungi pihak PDRM. Pengarah Penjara tersebut juga turut bekerjasama dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuat semula kad pengenalan tahanan yang telah hilang, namun, terdapat denda yang perlu dibayar bagi proses tersebut. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan bahawa pihak Polis Diraja Malaysia perlu memastikan penyerahan kad pengenalan tahanan semasa proses perbicaraan di mahkamah serta semasa proses penyerahan tahanan ke pihak penjara. Pihak mahkamah juga perlu memainkan peranan yang penting untuk memastikan kad pengenalan tahanan dikemukakan di mahkamah setiap kali perbicaraan bagi mengesahkan identiti tahanan sebelum pertuduhan dan perbicaraan berlangsung. Selain itu SUHAKAM mencadangkan agar institusi penjara diberi kuasa untuk tidak menerima tahanan yang tidak diserahkan kad pengenalannya semasa proses kemasukan bagi tujuan pengesahan identiti tahanan sebelum dimasukkan ke dalam penjara. Ini kerana Kerajaan berisiko untuk disaman sekiranya orang yang salah identiti ditahan dan dipenjarakan.	
5.	**Struktur Bangunan Yang Uzur Dan Daif** Pemerhatian SUHAKAM mendapati beberapa institusi penjara mengalami struktur bangunan yang telah uzur dan daif. Jubin atau lantai bangunan kelihatan pecah dan tidak dibaiki sehingga menyebabkan air bertakung dan berlumut. Kemudahan infrastruktur seperti pendawaian elektrik, CCTV serta sistem perpaipan dan pembentungan juga tidak diselenggara dengan baik.	• Penjara Seremban • Penjara Sungai Buloh • Pusat Pemulihan Akhlak Machang

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA
	Selain itu, terdapat enam institusi penjara di Malaysia yang tidak mempunyai tandas dan masih menggunakan sistem *bucket* sehingga kini. Dalam keadaan dunia yang mengejar kemodenan, tahanan masih ditempatkan di dalam bangunan yang menggunakan reka bentuk yang lama. Keuzuran penjara-penjara ini akan menyebabkan ianya tidak dapat berfungsi dengan sempurna dalam menepati aspek hak asasi manusia. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan agar Jabatan Penjara Malaysia dan KDN memberi perhatian sepenuhnya dan mengambil tindakan dengan segera bagi memastikan infrastruktur dan kemudahan bangunan dalam keadaan yang baik dan selamat untuk dididuki.	

2.3 Jabatan Imigresen Malaysia

Pada tahun 2023, SUHAKAM telah menjalankan lawatan berkala ke empat depot imigresen di bawah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), iaitu Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Depot Imigresen Bukit Jalil, Depot Imigresen Kemayan, dan Depot Imigresen Bekenu.

Berikut merupakan isu-isu utama yang dikenalpasti oleh SUHAKAM semasa lawatan berkala ke depot-depot imigresen pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA DEPOT-DEPOT IMIGRESEN
1.	**Alatan Kebersihan Diri Yang Terhad Dan Tidak Berterusan** SUHAKAM mendapati bahawa kebanyakan tahanan di depot imigresen tidak dibekalkan dengan peralatan kebersihan diri seperti	• Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA DEPOT-DEPOT IMIGRESEN
	sabun mandi, ubat gigi dan berus gigi, sabun mencuci pakaian secara berterusan. Kebanyakan tahanan hanya akan menerima alatan kebersihan diri ini sewaktu kemasukan jika stok bekalan mencukupi. Ini kerana pihak depot memaklumkan bahawa stok alatan kebersihan adalah terhad dan perlu membuat perolehan apabila stok telah habis. Proses menerima stok bekalan baharu juga mengambil masa yang lama. SUHAKAM juga mengambil maklum bahawa tahanan boleh membeli barangan tersebut dengan duit yang diberikan oleh keluarga sewaktu perjumpaan. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa bukan semua tahanan mempunyai keluarga yang dapat dihubungi atau menerima lawatan daripada ahli keluarga. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan agar Kementerian Dalam Negeri dapat menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan bekalan peralatan kebersihan sentiasa tersedia agar depot imigresen dapat membekalkan peralatan kebersihan diri dan sabun cuci pakaian secara berterusan kepada setiap tahanan. Pembekalan alatan kebersihan diri secara berterusan kepada tahanan dapat memastikan kesihatan dan kebersihan tahanan di tahap yang baik serta dapat mengurangkan risiko penyakit kulit seperti kudis buta atau *scabies*. Selain itu ia dapat melindungi tahanan dan anggota yang bertugas daripada penularan penyakit berjangkit.	
2.	**Alternatif Bagi Menempatkan Kanak-Kanak** SUHAKAM konsisten dengan pendirian bahawa tempat tahanan seharusnya merupakan	• Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) • Depot Imigresen Kemayan

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA DEPOT-DEPOT IMIGRESEN
	langkah terakhir bagi kanak-kanak manakala jika mereka ditempatkan di dalam tempat tahanan, tempoh tahanan seharusnya singkat. SUHAKAM mendapati depot imigresen tidak sesuai menempatkan kanak-kanak kerana ketiadaan akses kepada pendidikan dan memberi impak terhadap perkembangan diri kanak-kanak. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan agar pihak KDN mengenal pasti kaedah alternatif bagi menempatkan tahanan kanak-kanak.	
3.	**UNHCR Tidak Diberikan Akses Ke Depot Imigresen** SUHAKAM mendapati bahawa UNHCR tidak diberikan akses ke depot imigresen untuk menjalankan proses pengesahan bagi menentukan status pelarian seseorang tahanan. Antara sebab UNCHR tidak diberikan akses ke depot adalah isu pembebasan pelarian berstatus UNCHR yang disabitkan dengan jenayah, kad pelarian palsu dan peranan UNCHR dalam menguruskan pelarian di Malaysia. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan supaya UNHCR diberikan akses ke depot-depot imigresen bagi menjalankan proses pengesahan dan penentuan status pelarian dan pencari suaka yang sah. Perkara ini penting bagi memastikan tahanan yang berstatus pelarian dan merupakan pencari suaka tidak ditahan sewenangnya-wenangnya oleh pihak berkuasa. Selain itu, SUHAKAM mengambil maklum mengenai kebimbangan kerajaan mengenai isu-isu berbangkit mengenai pelarian dan	• Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA DEPOT-DEPOT IMIGRESEN
	pencari suaka di Malaysia. Justeru, SUHAKAM mengesyorkan kerjasama berterusan antara UNHCR dan KDN bagi melihat kes khusus seperti ini untuk proses seterusnya. Dengan pendekatan secara holistik yang diambil oleh Kerajaan, ia dapat mengelakkan hak pelarian yang dinafikan, dapat mengurangkan kesesakan di dalam depot imigresen, mengurangkan risiko masalah kesihatan antara tahanan, dan mengelakkan penahanan pelarian dan pencari suaka secara salah.	
4	**Tiada Bekalan Air Minuman Yang Bersih dan Mencukupi** SUHAKAM menerusi pemantauan mendapati bahawa kebanyakan depot imigresen tidak dapat membekalkan bekalan air minuman yang bersih kepada tahanan. Berdasarkan temubual bersama tahanan, air minuman yang bersih hanya diberi semasa waktu makan sahaja. Jika tahanan memerlukan air minuman di luar waktu makan, mereka perlu meminta daripada anggota sentri yang bertugas dan ada kalanya tahanan terpaksa minum air dari paip di dalam blok. **Syor** SUHAKAM mencadangkan agar sebuah tong air minuman yang bersih berserta cawan disediakan di luar pintu sel atau blok dalam jarak yang boleh diambil oleh tahanan pada bila-bila masa. Penyediaan tong air minuman bersih ini boleh dipohon kepada pembekal makanan sebagai perkara tambahan dalam proses perolehan makanan tahanan di depot. SUHAKAM ingin menekankan keperluan air minuman bersih pada setiap masa kepada setiap tahanan. Air paip yang tidak ditapis adalah tidak selamat dan boleh memudaratkan kesihatan tahanan. Air minuman yang bersih	• Depot Imigresen Bukit Jalil • Depot Imigresen Kemayan • Depot Imigresen Bekenu

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA DEPOT-DEPOT IMIGRESEN
	merupakan keperluan asas yang perlu diberi perhatian pihak kerajaan bagi mengelakkan kepada masalah-masalah lain terhadap depot imigresen.	
5.	**Suntikan vaksin Influenza dan Hepatitis B kepada anggota imigresen** SUHAKAM mendapati keperluan yang penting dan utama setiap anggota imigresen terutamanya anggota yang bertugas di depot imigresen perlu mempunyai suntikan imunisasi tambahan seperti Influenza dan Hepatitis B. Ini kerana anggota ini berhubung terus dengan tahanan di dalam depot. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan supaya peruntukan tambahan disalurkan kepada Jabatan Imigresen bagi pembelian vaksin untuk semua anggota imigresen di depot. SUHAKAM berharap satu proses penyelarasan bersama KKM dan Pejabat Kesihatan Daerah dalam memberikan perkhidmatan suntikan kepada anggota imigresen.	• Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) • Depot Imigresen Bukit Jalil • Depot Imigresen Bekenu
6.	**Kekurangan Jawatan Kritikal di Depot Imigresen** Berdasarkan pemantauan SUHAKAM, terdapat beberapa perjawatan yang kritikal dan perlu pengisian bagi melancarkan pengurusan tahanan di depot. Pertama; terdapat keperluan sekurang-kurangnya 2 perjawatan Penolong Pegawai Perubatan di depot. Walau bagaimanapun, SUHAKAM menekankan keperluan utama untuk menempatkan Pegawai Perubatan sepenuh masa bagi memberikan perkhidmatan dan rawatan kesihatan yang lebih berkesan kepada tahanan di depot. Kedua, keperluan untuk menambah bilangan anggota sentri bagi menjaga dan mengawal keselamatan di depot imigresen. Bilangan sentri dengan jumlah tahanan di depot adalah	• Depot Imigresen Bukit Jalil • Depot Imigresen Bekenu

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	INSTITUSI PENJARA DEPOT-DEPOT IMIGRESEN
	tidak seimbang dan akan menjejaskan pengurusan penjagaan tahanan dan mengawal keselamatan. **Syor** SUHAKAM ingin mengesyorkan supaya pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan perjawatan-perjawatan kritikal seperti yang dinyatakan bagi memastikan pengurusan tahanan dan keselamatan di depot dapat berjalan dengan baik.	
7.	**Pemasangan dan Penyelenggaraan Televisyen Litar Tertutup (CCTV) Di Depot Bagi Kawalan Keselamatan** SUHAKAM mendapati terdapat keperluan untuk pemasangan CCTV di depot imigresen. Walaupun sebilangan depot sudah mempunyai CCTV, namun mengalami kurang peruntukan bagi proses penyelenggaraan berkala. Kesannya, CCTV tersebut tidak dapat digunakan. SUHAKAM berpandangan bahawa CCTV adalah penting bagi membantu pihak depot menjaga dan mengawal keselamatan di depot. Selain itu, rakaman CCTV ini penting bagi mendapatkan bukti dan maklumat jika berlaku sebarang insiden yang tidak diingini serta menangkis tohmahan dan persepsi mengenai tindakan kekerasan terhadap tahanan. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan supaya kerajaan dapat mempertimbangkan untuk menyalurkan peruntukan yang sewajarnya kepada Jabatan Imigresen bagi pemasangan dan proses penyelenggaraan CCTV di depot di seluruh Malaysia.	• Depot Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) • Depot Imigresen Bukit Jalil • Depot Imigresen Kemayan

2.4 Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP)

SUHAKAM telah mengadakan lawatan ke 3 buah PPDP yang telah didaftarkan di bawah AADK. Antara hasil dapatan yang diperolehi adalah seperti berikut:

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	PPDP
1.	**Pemasangan dan Penyelenggaraan CCTV Di PPDP Bagi Kawalan Keselamatan** SUHAKAM mendapati terdapat keperluan untuk pemasangan CCTV di PPDP yang beroperasi agar dapat mengelakkan sebarang insiden kekerasan terhadap penghuni serta memantapkan proses pemantauan penghuni dan kakitangan di pusat pemulihan. **Syor** SUHAKAM mengesyorkan supaya AADK menetapkan salah satu pra-syarat permohonan untuk penubuhan dan pengoperasian PPDP adalah premis perlu dilengkapi dengan CCTV. Pengurus PPDP perlu memastikan bahawa tahap keselamatan kakitangan dan penghuni perlu berada di tahap yang baik.	• Rumah Teduhan Kasih, Bukit Beruntung • Pusat Pemulihan Dadah Kenosis, Miri • *Renewal Life Center*, Kota Kinabalu
2.	**Penghuni PPDP yang disahkan mempunyai masalah mental** SUHAKAM mendapati bahawa PPDP yang beroperasi turut menempatkan penghuni yang mempunyai masalah mental. SUHAKAM berpandangan bahawa perkara ini adalah bercanggah dengan peruntukan Seksyen 26 hingga 31 Akta Kesihatan Mental 2001 yang memperuntukkan bahawa pesakit mental perlu ditempatkan di rumah pemulihan yang diiktiraf sebagai pusat pemulihan mental atau hospital psikiatri di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, kakitangan yang menjaga dan bertugas di PPDP tidak mempunyai sebarang kepakaran dalam menjaga dan menyediakan program pemulihan khas bagi golongan yang mempunyai masalah mental.	

BIL.	ISU DAN SYOR SUHAKAM	PPDP
	Syor SUHAKAM mengesyorkan supaya penghuni yang mempunyai masalah penyakit mental ditempatkan di pusat pemulihan berdaftar dan menjalani proses pemulihan oleh kakitangan yang mempunyai kepakaran khusus untuk penjagaan dan pemulihan pesakit mental sahaja.	

2.5 Siasatan Mengenai Rumah Pemulihan Akhlak Insani Bukit Beruntung

SUHAKAM telah menjalankan siasatan aduan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia terhadap sebuah pusat pemulihan yang dikendalikan oleh NGO iaitu Rumah Pemulihan Akhlak Insani (Rumah Insani) di Bukit Beruntung, Selangor. Siasatan ini telah bermula sejak Mac sehingga Jun 2023 yang melibatkan lawatan pemantauan ke Rumah Insani, rakaman percakapan seramai 33 orang saksi terdiri daripada pelatih dan kakitangan pusat pemulihan, sebanyak 49 ekshibit telah dikumpulkan dan perbincangan serta mendapatkan maklum balas daripada agensi kerajaan yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Selangor.

Siasatan SUHAKAM telah membawa kepada beberapa penemuan berkaitan ketidakpatuhan dan pelanggaran undang-undang dalam pengurusan dan pentadbiran pusat pemulihan tersebut seperti yang berikut:

a) Rumah Insani tidak mempunyai kelulusan atau diwartakan sebagai institusi yang dibenarkan menjalankan program pemulihan kepada penghuni yang mempunyai masalah dadah dan penghuni yang mempunyai sakit mental. Perkara ini bercanggah dengan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283] dan Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615];
b) Rumah Insani tidak mempunyai kelulusan atau diwartakan sebagai institusi yang dibenarkan untuk menjalankan program pemulihan terhadap kanak-kanak mengikut kehendak Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];

c) Rumah Insani telah beroperasi secara tidak sah kerana pendaftaran salah satu premis yang dimiliki oleh Rumah Insani telah tamat tempoh dan ini melanggar Seksyen 4 Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506];
d) Pelatih yang berumur di bawah 18 tahun tidak bersekolah dan ini melanggar Seksyen 29A (2) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
e) Rumah Insani telah melanggar pelbagai peraturan yang ditetapkan oleh JKM di dalam Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 dalam menjalankan program pemulihan dan penjagaan pelatih;
f) Pelbagai pencabulan hak asasi manusia seperti layanan kekerasan dan penganiayaan terhadap pelatih daripada segi fizikal dan mental oleh kakitangan dan warden Rumah Insani melalui kaedah hukuman takzir, dinafikan hak rawatan kesihatan dan waktu rehat, makanan dan minuman tidak berkualiti dan sering diarahkan untuk berpuasa tanpa rela yang bertentangan dengan Artikel 5 dan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan serta Artikel 3 hingga Artikel 7 UDHR; dan
g) Siasatan oleh PDRM mendapati beberapa pelatih yang ditempatkan di Rumah Insani tersenarai dalam senarai orang yang dikehendaki (*wanted list*) bagi siasatan PDRM.

Syor

i. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengkaji semula pendaftaran dan pengoperasian Rumah Insani dengan mengambil kira hasil dapatan SUHAKAM dan pendakwaan yang telah dibuat oleh PDRM terhadap kakitangan Rumah Insani.
ii. JKM, MAIS dan AADK meneliti setiap permohonan pendaftaran dan menjalankan pemantauan ke pusat-pusat pemulihan yang menjalankan program pemulihan dan penjagaan berdaftar serta memastikan peraturan-peraturan dipatuhi dan hak kebajikan penghuni sentiasa dilindungi.
iii. Menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), JKM, AADK dan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri untuk meneliti isu rumah atau pusat jagaan dan pemulihan swasta samada ianya berdaftar ataupun tidak berdaftar bagi memantau serta mengelakkan berlakunya kejadian pelanggaran hak asasi manusia.

3. MENAMBAHBAIK KEADAAN TEMPAT TAHANAN

SUHAKAM mendapati bahawa usaha mewujudkan Unit Kesihatan Tahanan (UKT) atau *Custodial Health Unit* (CHU) adalah salah satu usaha PDRM yang perlu diberi penghargaan di mana rawatan dan saringan kesihatan OKT dapat dilaksanakan oleh PDRM di lokap berpusat polis. Walau bagaimanapun, hasil lawatan pemantauan SUHAKAM ke lokap berpusat polis di Jinjang pada 10 April 2023, UKT tidak digunakan secara optimum memandangkan lokap tersebut hanya menerima OKT yang ditahan oleh IPD Sentul sahaja. SUHAKAM berpandangan dengan kapasiti yang besar, lokap berpusat Jinjang boleh menempatkan OKT dari lokap-lokap IPD sekitar daerah Kuala Lumpur. Selaras dengan itu, lokap Jinjang juga perlu dibaikpulih kerana keadaan sel dan kemudahan yang agak daif.

Selain itu, SUHAKAM akan terus mengesyorkan supaya pihak PDRM mempertimbangkan perluasan UKT ke lokap-lokap daerah lain yang berkapasiti besar seperti Lokap IPD Dang Wangi (kapasiti: 349), Lokap Balai Polis Pengkalan Chepa (kapasiti: 180), Lokap Balai Polis Seremban 2 (kapasiti: 330), Lokap Balai Polis Sikamat (kapasiti: 105), Lokap Balai Polis Sungai Merah (kapasiti: 119) dan Lokap IPD Johor Baharu Selatan (kapasiti: 206).

4. JAWATANKUASA KHAS MENANGANI MASALAH SKABIES DI TEMPAT TAHANAN

SUHAKAM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Menangani Skabies di Tempat Tahanan (Jawatankuasa Khas) sejak tahun 2021 bersama beberapa agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan serta pihak berkepentingan untuk mengkaji dan merancang perlaksanaan syor-syor mengikut kepakaran bidang masing-masing dalam memastikan masalah skabies di tempat tahanan dapat dikurangkan dan seterusnya dicegah dalam jangka masa panjang.

Antara pendekatan semasa yang digunakan oleh KKM melalui garis panduan *Guideline For Management of Scabies in Adult and Children* seperti menggunakan ubat sapu *benzyl benzoate topical* dan *permethrin* sebagai rawatan lapisan pertama, pengasingan tahanan yang dijangkiti, menyediakan alatan kebersihan kepada tahanan dan memastikan tempat tahanan sentiasa dalam keadaan bersih. Walau bagaimanapun, jangkitan ini masih berlaku dan berulang dalam kalangan tahanan sehingga merebak kepada anggota bertugas disebabkan faktor sentuhan badan tidak boleh dikawal diantara tahanan dan faktor kesesakan di tempat tahanan.

SUHAKAM mendapati bahawa dalam Garis Panduan KKM turut menerangkan penggunaan ubat *oral ivermectin* sebagai salah satu alternatif untuk mengekang masalah skabies ini daripada berterusan. Walau bagaimanapun, penggunaan ubat *oral ivermectin* di Malaysia masih belum diiktiraf penggunaannya kepada manusia sebaliknya hanya digunakan untuk rawatan ke atas haiwan.

SUHAKAM mendapati amalan terbaik di peringkat antarabangsa sebagaimana yang dinyatakan di dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh *International Committee of the Red Cross (ICRC)* iaitu *Managing Scabies Outbreaks in Prison Setting*, beberapa negara telah menggunakan oral ivermectin dan ia telah dibuktikan selamat serta berkesan dalam merawat skabies di tempat tahanan. Kajian ilmiah dari *Santa Casa School of Medicine of Sao Paulo, Brazil* turut menyatakan penggunaan ubat *oral ivermectin* juga adalah alternatif bagi menggantikan ubat *benzyl benzoate topical* yang didapati tidak lagi berkesan untuk digunakan dalam menangani skabies.

Sehubungan itu, SUHAKAM telah mengesyorkan agar KKM menjalankan kajian rintis bagi penggunaan ubat *oral ivermectin*. Lanjutan syor SUHAKAM, pihak KKM telah menganjurkan Mesyuarat Khas Kajian Rintis Berhubung Rawatan Berkesan Ke Atas Kes Skabies di Tempat Tahanan yang telah diadakan pada 2 Februari 2023 melibatkan pakar-pakar daripada KKM, Jabatan Penjara Malaysia dan AADK. Hasil daripada mesyuarat tersebut bersetuju untuk menjalankan projek rintis di Penjara Pokok Sena, Kedah dengan menggunakan *oral ivermectin* sebagai alternatif rawatan skabies.

Satu Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) telah ditubuhkan dan ia akan diselaras oleh KKM bagi membangunkan kertas kerja berhubung projek rintis ini. Kini kertas kerja tersebut telah diangkat ke *National Medical Research Register* (NMRR) untuk penelitian dan kelulusan bagi penggunaan ubat *oral ivermectin* di Malaysia.

5. BENGKEL DALAM MENANGANI KESESAKAN DI PENJARA: PENDEKATAN PRAKTIKAL DAN DASAR

Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama berterusan SUHAKAM, komited untuk melaksanakan reformasi bagi keseluruhan sistem pengurusan penjara (*Prison Reform*) di Malaysia sejak tahun 2018. Kerjasama ini diwujudkan bagi mereformasi keseluruhan sistem pengurusan penjara dan memastikan penjara di Malaysia mematuhi standard piawaian minimum antarabangsa mengenai layanan kepada tahanan seperti Peraturan Nelson Mandela.

Namun, SUHAKAM dan Jabatan Penjara Malaysia mendapati antara cabaran utama untuk menjalankan reformasi penjara adalah untuk menangani masalah kesesakan tahanan yang melebihi daripada kapasiti yang ditetapkan. Kesesakan ini berpunca daripada limpahan tahanan reman dan tahanan yang terlibat dengan kesalahan penyalahgunaan dadah. Kesan daripada kesesakan tahanan ini telah menjejaskan sistem yang dibentuk oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan penting seperti penjagaan kesihatan dan aktiviti pemulihan yang berkesan.

SUHAKAM dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia telah mengadakan bengkel untuk mengkaji semula sistem keadilan jenayah bagi membolehkan mekanisme alternatif agar tidak semua tahanan ditempatkan di penjara terutamanya bagi tahanan reman dan tahanan yang terlibat dengan kesalahan dadah. Pembaharuan sedemikian boleh mengurangkan kesan kesesakan terhadap kesejahteraan tahanan dan kakitangan penjara serta meningkatkan akses tahanan kepada perkhidmatan penting. Bengkel tersebut telah diadakan pada 20 hingga 22 November 2023 di Melaka.

Objektif bengkel yang akan diadakan adalah:

a) Untuk memahami masalah kesesakan di penjara dan inisiatif yang diambil untuk menangani masalah tersebut;
b) untuk mengenal pasti cara untuk mengurangkan kesan kesesakan dan menambah baik akses tahanan kepada perkhidmatan;
c) untuk meneliti sistem keadilan jenayah di Malaysia dan mengenal pasti undang-undang/dasar/garis panduan untuk membolehkan pelaksanaan alternatif kepada penahanan untuk menangani isu kesesakan; dan
d) mencadangkan pindaan kepada perundangan/dasar/garis panduan ke arah pelaksanaan alternatif kepada penahanan.

Seramai 60 peserta termasuk Pesuruhjaya SUHAKAM dan pegawai-pegawai kanan dari pelbagai agensi Kerajaan termasuk KDN, Jabatan Peguam Negara, Badan Kehakiman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, BHEUU, PDRM dan lain-lain serta wakil daripada badan-badan bukan Kerajaan hadir bagi menjayakan bengkel tersebut. Antara aktiviti yang dilakukan adalah lawatan ke Penjara Sungai Udang, Melaka yang bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai keadaan sebenar tahanan di dalam penjara serta masalah kesesakan yang dihadapi oleh Jabatan Penjara Malaysia. Seterusnya perbincangan berkumpulan diadakan bagi mendapatkan input dan pandangan oleh wakil-wakil daripada pelbagai agensi untuk penambahbaikan bagi mengatasi masalah limpahan tahanan reman dan tahanan.

Hasil daripada bengkel tersebut, SUHAKAM berpendapat bahawa cadangan alternatif penahanan ini perlu diberi perhatian dan diambil tindakan bagi

memastikan pelaksanaannya. Sehubungan itu, beberapa tindakan susulan akan dilakukan iaitu:

a) Memurnikan cadangan alternatif penahanan reman dan pesalah dadah mengikut cadangan dan pandangan yang diberikan oleh peserta bengkel;
b) Membentangkan cadangan alternatif penahanan reman dan pesalah dadah yang telah dimurnikan kepada Jabatan Penjara Malaysia dan menjadikannya sebagai agenda utama bagi kedua-dua jabatan;
c) Membentangkan cadangan alternatif penahanan reman dan pesalah dadah kepada pihak Kerajaan termasuk Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, badan kehakiman dan agensi berkepentingan yang lain;
d) Menjadikan cadangan alternatif penahanan ini sebagai satu kertas putih untuk diangkat ke peringkat Kabinet bagi perbincangan lanjut.

6. PROGRAM REINTEGRASI BANDUAN KE DALAM MASYARAKAT

SUHAKAM telah menganjurkan program *YouTurn Day: Welcoming Prisoners Back to the Society* dengan kerjasama *Malaysian CARE* pada 9 Februari 2023. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran kepentingan reintegrasi banduan dalam masyarakat.

Sejumlah 143 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan terlibat secara langsung telah menghadiri program ini seperti Jabatan Kebajikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, PERKESO, *Discharged Prisoner Aid Society* (DPAS), *Selangor Youth Committee* dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia.

Program *YouTurn Day* merupakan platform bagi pembentangan daripada Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti, perkongsian pengalaman oleh bekas banduan, perkongsian daripada syarikat *Panasonic Appliances Air Conditioning Malaysia Sdn. Bhd.* yang merupakan syarikat yang terlibat dalam program *Corporate Smart Internship (CSI)* Jabatan Penjara Malaysia serta perkongsian daripada pengasas Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

SUHAKAM bersama-sama Jabatan Penjara Malaysia komited dalam memastikan bekas banduan dapat diintegrasi semula ke dalam masyarakat dan diberikan peluang kedua untuk menjalani kehidupan. Berdasarkan

maklumat yang diperolehi daripada program *YouTurn Day* tersebut, antara perkara yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

a) Proses integrasi semula banduan ke dalam masyarakat adalah sangat penting bagi mengelakkan pengulangan jenayah dan mengawal kadar residivism dalam negara.
b) Bekas banduan memerlukan lebih banyak peluang pekerjaan bagi membina semula kehidupan setelah dibebaskan daripada penjara. Kesukaran untuk mengintegrasi semula ke dalam masyarakat memberikan risiko yang besar kepada banduan untuk membuat jenayah semula akibat daripada kesempitan hidup kerana dipulaukan oleh masyarakat.
c) Majikan yang telah bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam program CSI mendapati bahawa program CSI bukan sahaja memberikan banyak manfaat kepada banduan, tapi juga kepada syarikat dengan peluang pekerjaan serta insentif yang ditawarkan oleh kerajaan
d) Lebih ramai NGO digalakkan untuk bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia bagi membantu usaha kerajaan mengintegrasi semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Dalam hal ini, Kerajaan diharapkan dapat memberikan bantuan dan sokongan dari segi dana kepada NGO-NGO yang terlibat.
f) Mewujudkan lebih banyak Rumah Perantaraan terutamanya untuk golongan wanita yang berfungsi sebagai transit bagi menempatkan ODP (Orang Yang Diparol) dan OBB (Orang Bebas Berlesen) sebelum mereka dibebaskan sepenuhnya. Ia juga dapat membantu banduan yang dalam proses pencarian pekerjaan sebelum kembali semula kepada masyarakat.
g) Meningkatkan lagi jumlah program-program kesedaran untuk memberi kefahaman kepada masyakarat mengenai integrasi semula banduan ke dalam masyakarat yang bertujuan untuk menangkis persepsi dan stigma terhadap bekas banduan serta peluang untuk mereka memulakan kehidupan yang baru.

7. ISU BURUH PAKSA DI MALAYSIA

SUHAKAM telah mula menyiasat aduan berkenaan isu buruh paksa sejak tahun 2020. Pada tahun 2023, SUHAKAM telah menerima sebanyak 53 aduan membabitkan isu buruh paksa. Berdasarkan 53 aduan ini, 21 aduan telah diselesaikan. Aduan-aduan ini merangkumi 8 kes buruh paksa yang berlaku di industri perladangan, manakala 34 aduan berkenaan kes buruh paksa yang berlaku di industri perkilangan. Terdapat 11 lagi aduan yang

dikategorikan sebagai lain-lain seperti kes buruh paksa di kedai makan, kes penghambaan pembantu rumah dan layanan kekerasan oleh majikan.

Antara bentuk buruh paksa berdasarkan aduan yang diterima oleh SUHAKAM adalah berkenaan penahanan dokumen pengenalan diri (*retention of identity documents*), perhambaan hutang (*debt bondage*) melalui ejen-ejen pekerjaan. Selain itu SUHAKAM juga turut mendapati isu-isu sampingan yang melanggar hak asasi manusia seperti ketiadaan kontrak kerja yang sah, kurang pendedahan daripada majikan kepada pekerja mengenai hak cuti rehat dan ketiadaan saluran aduan (*grievance mechanism*) kepada pekerja-pekerja migran jika ingin mengemukakan sebarang isu atau aduan kepada majikan.

SUHAKAM juga telah mendapati bahawa terdapat segelintir majikan yang masih menggunakan kaedah membayar gaji pekerja-pekerja migran secara tunai. Terdapat juga aduan dimana majikan masih belum mengamalkan Perintah Gaji Minimum RM1500. SUHAKAM mendapati bahawa ramai majikan masih kurang cakna berkenaan isu buruh paksa dan tidak mematuhi peraturan seperti yang dinyatakan di dalam Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa seperti 11 indikator yang digariskan oleh ILO mengenai buruh paksa.

Antara tindakan yang diambil oleh SUHAKAM adalah mengadakan lawatan pemantauan ke ladang dan syarikat yang telah diadukan, menemubual bersama pekerja-pekerja dan mengemukakan hasil laporan siasatan kepada agensi yang berkaitan seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Majlis Antipemerdagangan Manusia dan Penyeludupan Migran (MAPO), KDN. SUHAKAM juga turut menjalinkan kerjasama bersama pihak-pihak kedutaan, institusi hak asasi di negara lain dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjalankan siasatan dan penyelesaian aduan buruh paksa di Malaysia.

Selain itu, SUHAKAM memainkan peranan untuk menerangkan kepada pihak pemain industri yang terlibat mengenai kepentingan melindungi hak pekerja migran dan mengesyorkan supaya tiada elemen buruh paksa di dalam rantaian bekalan dan pengambilan pekerja.

SUHAKAM ingin membawa perhatian kepada penambahbaikan yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Paspot perlu disimpan oleh pekerja sendiri dan bukannya majikan.
b) Pihak syarikat harus memberikan slip gaji setiap bulan kepada semua pekerja secara wajib.

c) Gaji semua pekerja migran harus dibayar terus ke akaun bank dan bukan secara tunai.
d) Pihak majikan harus memastikan bahawa setiap pekerja mendapat cuti rehat selama satu hari dalam setiap minggu.
e) Sesalinan kontrak pekerjaan harus diberikan kepada semua pekerja migran dan kontrak tersebut harus disediakan/diterjemahkan dalam bahasa ibunda pekerja tersebut.
f) Majikan perlu lebih peka terhadap dasar Kerajaan mengenai *zero recruitment fee* dengan menambah baik proses pengambilan pekerja bagi mengelakkan isu *debt bondage*.
g) Majikan harus menyediakan saluran atau platform kepada pekerja untuk mengutarakan sebarang aduan. Pekerja harus dijelaskan juga berkenaan saluran aduan tersebut dan tindakan yang diambil kepada setiap aduan seharusnya telus dan sulit supaya pekerja yakin terhadap saluran aduan berkenaan.

8. ISU PEMERDAGANGAN MANUSIA

SUHAKAM telah menerima lima aduan mengenai aduan pemerdagangan manusia pada tahun 2023. SUHAKAM merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan terutamanya MAPO yang berusaha dan komited untuk memastikan Malaysia berjaya dinaiktaraf ke Tahap 2 Pemerhatian (*Tier 2*) menerusi laporan terbaharu Jabatan Negara Amerika Syarikat. SUHAKAM juga mengesyorkan supaya pihak Kerajaan terus memperkasakan sinergi dan kerjasama erat dengan NGO, CSO, pertubuhan antarabangsa, perwakilan diplomatik asing, ahli akademik dan pihak majikan dalam memastikan isu pemerdagangan manusia ditangani secara holistik tanpa kompromi demi keselamatan dan kedaulatan negara.

9. ORANG PELARIAN DAN PENCARI SUAKA

Berdasarkan statistik UNHCR, setakat bulan November 2023 terdapat seramai 185,050 orang pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai 162,040 orang berasal dari Myanmar seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Pecahan jumlah orang Myanmar dalam statistik UNHCR setakat November 2023

Baki daripada jumlah tersebut, iaitu seramai 23,010 orang pelarian dan pencari suaka adalah dari 50 negara berbeza termasuk 6,470 daripada Pakistan, 3,200 daripada Yaman, 2,740 daripada Somalia, 2,950 daripada Afganistan, 1,270 daripada Sri Lanka, 670 daripada Iraq, 600 daripada Palestin dan lain-lain orang yang melarikan diri kerana konflik dan penganiyaan. Terdapat lebih kurang 51,450 kanak-kanak dibawah umur 18 tahun.



Rajah 4: Pecahan jumlah pelarian dan pencari suaka mengikut jantina

Salah satu isu utama yang melibatkan orang pelarian dan pencari suaka pada tahun ini adalah penahanan tanpa satu tempoh yang munasabah terutamanya melibatkan tahanan yang meloloskan diri dari Depot Imigresen Sementara Sungai Bakap. Dalam kes lain, kebanyakan orang pelarian dan pencari suaka berada di dalam depot-depot imigresen untuk tempoh yang lama kerana UNHCR tidak diberikan akses ke depot-depot imigresen untuk menjalankan proses pengesahan status pelarian tahanan-tahanan berkenaan.

SUHAKAM telah menerima sebanyak 14 aduan melibatkan orang pelarian dan pencari suaka. Antara perkara yang dibawa ke perhatian SUHAKAM adalah seperti penahanan dan tangkapan yang dibuat terhadap pemegang kad pelarian dan penahanan yang berpanjangan di dalam depot tahanan imigresen. SUHAKAM turut menerima aduan yang berunsur *xenofobia* dimana, pelarian dan pencari suaka tidak dibenarkan untuk menyewa di kawasan perumahan dan diusir secara paksa daripada kawasan perumahan berkenaan. Walau bagaimanapun terdapat aduan-aduan yang dibawa adalah diluar bidang kuasa SUHAKAM seperti mendapatkan bantuan kewangan bagi menjelaskan tunggakan bil rawatan di hospital kerajaan, pendaftaran bagi mendapatkan kad UNHCR dan juga memohon mempercepatkan penempatan ke negara ketiga.

Penahanan Tanpa Tempoh Yang Munasabah

SUHAKAM telah menerima sebilangan besar aduan melibatkan penahanan orang pelarian di depot imigresen tanpa satu tempoh yang munasabah. Terdapat tahanan yang lebih daripada lima tahun yang masih berada di depot imigresen. Kebanyakan tahanan ini adalah pencari suaka yang tidak dapat diusir ke negara asal kerana nyawa mereka akan terancam sekiranya dihantar pulang. Pihak UNHCR seharusnya diberikan akses untuk menjalankan proses temuduga bagi menentukan status pelarian tahanan tersebut. Sekiranya tahanan tersebut disahkan sebagai orang pelarian, pihak Kerajaan seharusnya membebaskan tahanan tersebut kepada UNHCR bagi proses mengintegrasikan semula tahanan tersebut ke dalam komuniti. Manakala, sekiranya tahanan berkenaan tidak dapat disahkan sebagai orang pelarian dan tidak berhadapan dengan sebarang ancaman, maka pihak Jabatan Imigresen Malaysia boleh mengusir tahanan tersebut ke negara asal dengan kadar yang segera.

Pengusiran Dari Kawasan Perumahan

Pada hujung tahun 2023, SUHAKAM turut menerima beberapa aduan berkenaan isu dimana orang pelarian tidak dibenarkan untuk menyewa di beberapa kawasan perumahan di Pulau Pinang dan mereka telah diusir dari tempat kediaman tersebut. Pihak SUHAKAM telah melawat wakil komuniti di Seberang Perai bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara ini. SUHAKAM masih menjalankan siasatan berhubung kes ini dan pelbagai usaha untuk mengadakan mesyuarat bersama semua pihak berkepentingan dalam kes ini sedang diusahakan supaya isu ini dapat ditangani dengan lebih efisien dan menyeluruh.

Sesi Perjumpaan Bersama Wakil Ketua Komuniti Orang Pelarian

SUHAKAM telah mengadakan sesi pertemuan bersama ketua wakil komuniti pelarian di Malaysia khususnya yang berada di kawasan Lembah Klang pada 15 Mei 2023. Sesi pertemuan tersebut adalah bertujuan untuk memberikan gambaran dan fahaman yang lebih jelas terhadap kuasa dan fungsi SUHUKAM terutamanya dalam perkara-perkara melibatkan orang pelarian dan pada masa yang sama untuk turut mendapatkan maklumat berhubung kesulitan yang berlaku di kalangan orang pelarian yang melibatkan hak asasi manusia dalam kehidupan seharian. Sesi pertemuan ini telah diaturkan oleh UNHCR dan 6 orang wakil daripada UNHCR telah turut sertai sewaktu sesi pertemuan ini. Seramai 25 orang wakil daripada pelbagai komuniti orang pelarian di Malaysia telah hadir ke sesi ini.

Menerusi sesi ini SUHAKAM turut dapat memaklumkan kepada wakil ketua komuniti berkenaan jenis-jenis aduan yang jatuh di dalam dan di luar bidang kuasa SUHAKAM kerana ini akan memudahkan supaya komuniti pelarian di Malaysia dapat menyalurkan aduan mereka ke saluran aduan yang sepatutnya.

Berdasarkan kesemua aktiviti dan perkara di atas, SUHAKAM mengesyorkan agar:

a) pihak Kerajaan mengambil langkah ke arah meratifikasi Konvensyen Pelarian 1952 memandangkan sejumlah pelarian dan pecari suaka telah pun berada di Malaysia dan Kerajaan dapat menguruskan isu dengan secara lebih sistematik. Komitmen Kerajaan ini juga dapat mengurangkan isu xenofobia dalam kalangan masyarakat awam;
b) dibentuk satu rangka kerja polisi dalam menguruskan orang pelarian di Malaysia. Ini adalah perlu dalam menguruskan dan mendidik orang

pelarian yang telah berada di Malaysia sejak berpuluh tahun. Rangka kerja polisi ini seharusnya merangkumi beberapa aspek utama seperti pendaftaran, pendidikan, kesihatan dan pekerjaan orang-orang pelarian di Malaysia;

c) diwujudkan kerjasama berterusan dengan agensi seperti UNHCR dan badan-badan lain yang berkepentingan bagi tujuan mewujudkan rangka kerja polisi ini supaya polisi-polisi yang dicadangkan bersifat holistik; dan

d) UNHCR diberikan akses ke depot-depot imigresen dengan segera bagi menjalankan proses pengesahan dan penentuan status pelarian dan pencari suaka yang sah. Perkara ini penting bagi memastikan tahanan yang berstatus pelarian dan merupakan pencari suaka tidak ditahan sewenangnya-wenangnya sehingga satu tempoh yang panjang oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

10. HAK ORANG ASAL

SUHAKAM telah mengadakan tiga siri lawatan pemantauan ke perkampungan Orang Asli sepanjang tahun 2023 yang melibatkan tiga negeri iaitu Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Hasil lawatan tersebut, majoriti isu yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli adalah berkaitan hak tanah adat. Berikut adalah ringkasan isu yang dihadapi oleh Orang Asli menerusi lawatan berkenaan:

BIL.	LOKASI	ISU YANG DIHADAPI
1.	Kampung Orang Asli Sungai Mahang, Nilai, Negeri Sembilan	Projek pembalakan yang dilakukan di dalam wilayah tanah adat Orang Asli di jajaran Bukit Galla, Negeri Sembilan telah menyebabkan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia seperti pencemaran alam sekitar iaitu sungai dan udara, kawasan rayau Orang Asli diceroboh, sumber pendapatan termasuk sumber makanan dan hasil hutan terjejas, dan isu keselamatan penduduk akibat ancaman binatang buas yang masuk ke kawasan kampung. Kampung-kampung yang terkesan akibat pembalakan ini adalah: i. Kampung Orang Asli Sungai Mahang, Nilai; ii. Kampung Orang Asli Belihoi, Seremban; iii. Kampung Orang Asli Tekir, Labu; iv. Kampung Orang Asli Kedat, Mantin; v. Kampung Orang Asli Bukit Galla, Seremban; dan vi. Kampung Orang Asli Gebok, Mantin.

BIL.	LOKASI	ISU YANG DIHADAPI
2.	Kampung Orang Asli Batu 12, Gombak, Selangor	Isu pengambilan tanah kediaman penduduk bagi tujuan pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Penduduk yang terjejas telah membuat aduan berkenaan pembayaran wang pampasan atau ganti rugi serta kawasan penempatan baru untuk penduduk orang asli yang kehilangan tempat tinggal.
3.	Kampung Orang Asli Sungai Kabuk, Ringlet, Cameron Highlands, Pahang	Antara isu yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di kampung ini adalah: i. Gangguan bekalan air bersih. ii. Tanah adat Orang Asli diceroboh oleh orang luar yang menjalankan penanamam sayur secara besar-besaran. iii. Perkhidmatan bas sekolah tidak mencukupi untuk membawa kanak-kanak orang asli ke sekolah.

11. LAPORAN SIASATAN SUHAKAM BERKENAAN TAHANAN UNTUK TEMPOH MASA YANG LAMA MEMBABITKAN TAHANAN DI BAWAH AKTA SOSMA

Pada 27 Julai 2023, SUHAKAM menerima satu memorandum aduan daripada sebuah NGO berkenaan tindakan mogok lapar yang akan diadakan oleh keluarga dan tahanan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang ditahan di Penjara Sungai Buloh dan Penjara Alor Setar.

Hasil siasatan dan pemantauan SUHAKAM mengenai isu ini, didapati bahawa mogok lapar ini berlangsung selama 3 hari bermula 30 Julai hingga 1 Ogos 2023 di Penjara Sungai Buloh dan Penjara Alor Setar. Seramai 67 orang tahanan terlibat dalam mogok lapar ini, iaitu 34 orang tahanan dari Penjara Sungai Buloh dan 33 orang tahanan dari Penjara Alor Setar. Selain itu, ahli keluarga tahanan turut terlibat mengadakan tindakan mogok lapar namun jumlah keluarga tahanan yang terlibat tidak dapat dipastikan. Antara tujuan mogok lapar ini diadakan adalah:

a) Menggesa kerajaan memansuhkan Akta SOSMA sepertimana yang dijanjikan oleh kerajaan semasa kempen PRU-15;
b) Mempercepatkan proses perbicaraan mahkamah yang terlalu panjang dan sering ditunda sejak tahun 2019; dan

c) Menggesa kerajaan agar tahanan SOSMA dibebaskan dengan jaminan sementara menunggu perbicaraan mahkamah selesai.

SUHAKAM mendapati isu utama yang mendorong kepada insiden tersebut adalah tempoh penahanan yang terlalu lama tanpa perbicaraan dan hukuman yang telah menimbulkan pelbagai impak negatif terhadap sosio-ekonomi tahanan dan keluarga, iaitu:

a) Tahanan mengalami masalah kesihatan dan tekanan emosi kesan daripada penahanan terlalu lama kerana tahanan merupakan pencari nafkah (*breadwinner)* yang bertanggungjawab menyara ahli keluarga;
b) Ahli keluarga mengalami tekanan emosi dan mental seperti kemurungan dan cubaan bunuh diri disebabkan hilang punca pendapatan;
c) Institusi keluarga musnah disebabkan oleh pasangan yang mengemukakan permohonan cerai, perkahwinan dibatalkan, dibuang keluarga, anak dibesarkan tanpa bapa, serta ibu bapa yang uzur tiada penjaga;
d) Masalah pendaftaran anak kerana ketiadaan bapa yang merupakan seorang tahanan; dan
e) Stigma buruk masyarakat terhadap ahli keluarga tahanan sehingga menyebabkan mereka dicaci, dibuli dan dipulaukan oleh masyarakat. Anak tahanan SOSMA juga dicaci di sekolah oleh rakan-rakan.

12. LAWATAN KE FILIPINA UNTUK MELIHAT AMALAN TERBAIK PENGENDALIAN TEMPAT TAHANAN

SUHAKAM telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Manila, Filipina dari 15 Oktober hingga 20 Oktober 2023. Tujuan lawatan termasuklah:

1. Mempelajari amalan terbaik dalam meningkatkan keadaan, kesihatan, dan kesejahteraan tahanan dan kakitangan di tempat-tempat tahanan;
2. Mencadangkan langkah-langkah untuk menangani masalah-masalah di tempat tahanan seperti kesesakan dan kematian dalam tahanan kepada KDN;
3. Mencadangkan pindaan undang-undang ke arah pelaksanaan alternatif kepada penahanan; dan
4. Mendidik masyarakat dan agensi dalam menyokong integrasi semula banduan ke dalam masyarakat.

SUHAKAM telah melawat lima tempat tahanan iaitu *Manila City Jail, National Bilibid Prison, Mandaluy ong City Jail, Bureau of Immigration Detention Center (BIDC), Correctional Institute for Women* (CIW), dan *Manila Anti-Drug Rehabilitation Centre*. Antara amalan terbaik yang dipelajari oleh SUHAKAM adalah seperti berikut:

a) Mewujudkan sistem kelakuan yang baik di mana setiap tahanan akan diberikan mata ganjaran sekiranya berkelakuan baik di dalam tempat tahanan. Setiap satu mata ganjaran bersamaan dengan satu hari penahanan. Mata ganjaran yang dikumpul boleh mengurangkan jumlah hari penahanan di lokap setelah mendapat kelulusan Mahkamah;
b) Membebaskan tahanan sekiranya tempoh penahanannya di lokap mencapai tempoh minimum hukuman bagi kesalahan yang dituduh. Pihak tempat tahanan akan mengangkat perkara ini kepada kehakiman untuk kelulusan pembebasan;
c) Membebaskan tahanan sekiranya mendapat jaminan daripada Datuk Bandar di kawasan tersebut. Datuk Bandar bertanggungjawab ke atas tahanan tersebut setelah dibebaskan dan memastikan tahanan itu menghadiri perbicaraan di mahkamah sehingga selesai;
d) Menyediakan ruang permainan kanak-kanak yang dilengkapi dengan pelbagai alat permainan, bahan bacaan dan sebagainya untuk kanak-kanak sementara menunggu ibu/bapa atau keluarga melawat tahanan;
e) Menyediakan perkhidmatan bantuan dan perkhidmatan hak asasi manusia di Penjara untuk membantu tahanan berhubung isu penahanannya;
f) Menyediakan kipas di sel bagi menambah baik pengudaraan;
g) Pegawai di tempat tahanan melawat rumah keluarga tahanan (terutamanya bagi mereka yang tinggal dalam jarak melebihi 30 km) dan akan menyediakan kemudahan panggilan video bersama tahanan sekiranya keluarga kurang berkemampuan bagi memberikan sokongan moral kepada tahanan dan keluarga;
h) Mengamalkan sistem interkom untuk memanggil tahanan sekiranya terdapat lawatan keluarga atau diperlukan hadir di bahagian pengurusan. Ini boleh mengelakkan warden menyalahguna kuasanya untuk tidak membenarkan tahanan keluar dari sel serta mengurangkan kontak fizikal antara tahanan dan warden;
i) Menyediakan kawasan riadah untuk tahanan reman dengan pelbagai jenis permainan bagi memberi peluang tahanan beriadah disamping menggunakan muzik serta seni sebagai terapi pemulihan;
j) Pemakluman kepada keluarga sekiranya tahanan dimasukkan dalam wad. Perkara ini mengurangkan konflik pihak keluarga terhadap pihak tempat tahanan sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini

kepada tahanan yang dimasukkan ke hospital. Ini juga merupakan prosedur pihak hospital untuk memaklumkan kepada keluarga tahanan mengenai kemasukan tahanan di dalam wad;

k) Tahanan akan diberikan kebebasan untuk keluar dari sel bermula jam 5.30 pagi sehingga 6.30 petang. Tahanan bebas melakukan aktiviti masing-masing atau mengikuti program pemulihan yang ditetapkan. Konsep kebebasan ini memberi impak positif terhadap tahanan serta pengurusan tempat tahanan sendiri. Antara impak positif kepada kedua-dua pihak adalah seperti berikut:
   i. Tidak terkurung di dalam sel yang sesak setiap masa;
   ii. Tidak memberi tekanan yang boleh mengakibatkan masalah kesihatan mental, contohnya tahanan wanita yang terlibat dalam aktiviti tarian, menyanyi dan bersolek mampu mengurangkan tekanan berada di tempat tahanan;
   iii. Bebas melakukan aktiviti riadah seperti bersukan, bermain permainan dalaman dan luaran sepanjang tempoh tersebut;
   iv. Mempunyai kesihatan fizikal yang baik kerana mendapat pencahayaan yang mencukupi serta menjalankan aktiviti riadah;
   v. Dapat mempraktik dan meningkatkan kemahiran yang dimiliki dengan mengajar tahanan yang lain;
   vi. Mengurangkan bilangan tahanan yang mempunyai masalah kesihatan mental yang serius;
   vii. Mengelakkan risiko masalah kesihatan seperti skabies atau penyakit kulit yang lain;
   viii. Mengisi aktiviti harian tahanan, sekaligus membantu mengawal pergerakan.

Berdasarkan lawatan ini, SUHAKAM berpandangan bahawa Kerajaan dan Jabatan Penjara Malaysia boleh mempertimbangkan langkah masa hadapan dalam menambahbaik program dan proses penyeliaan banduan di penjara antaranya:

a) Jabatan Penjara Malaysia boleh menjalinkan kerjasama dengan Penjara Filipina untuk membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan proses pemindahan banduan Filipina dari Malaysia dan sebaliknya;

b) 'Penyembunyian' rekod jenayah tahanan bekas penagih dadah setelah dibebaskan daripada penjara dan selesai menjalani program pemulihan yang ditetapkan dapat memberi manfaat kepada penagih dadah yang berhasrat untuk mencari pekerjaan bagi memulakan semula kehidupan yang baru. Hal ini adalah antara amalan terbaik yang boleh dicontohi di Malaysia agar peluang kedua dapat diberikan kepada pengguna dadah yang berhasrat untuk berubah.

c) Pihak penjara dapat mencontohi hubungan baik antara pihak *Manila Department of Social Welfare* (DOSW) dengan *Manila City Jail* yang memastikan kesinambungan rawatan kepada pengguna dadah yang telah menamatkan hukuman pemenjaraan. SUHAKAM difahamkan bahawa AADK di Malaysia menghadapi masalah di mana majoriti besar bekas banduan yang telah selesai menjalani tempoh pemenjaraan di penjara, gagal melaporkan diri di pejabat AADK bagi menjalani program pemulihan yang telah ditetapkan oleh AADK. SUHAKAM mengesyorkan agar pihak AADK dan pihak penjara dapat merangka gerak kerja agar masalah ini dapat ditangani.

d) Seperti mana yang diamalkan oleh Kerajaan Filipina, PBT di Malaysia boleh mengadakan hubungan kerjasama dengan pihak AADK untuk memberikan rawatan pemulihan dadah yang lebih dekat dengan komuniti.

HARAPAN MASA HADAPAN

CMD berharap akan dapat mengadakan perbincangan susulan secara berkala bersama agensi dan pihak-pihak berkepentingan dalam menyelesaikan aduan. Ini adalah penting agar penyelesaian aduan menjadi lebih bermakna dan kadar penyelesaian dapat ditingkatkan. Selain itu, cadangan SUHAKAM supaya satu jawatankuasa yang merangkumi agensi penguatkuasa, Jabatan Penjara Malaysia, KKM dan badan-badan lain diwujudkan bagi membincangkan dan merangka pelan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan di tempat tahanan.

BAB 4

PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK

GAMBARAN KESELURUHAN

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) telah menerima Pesuruhjaya Kanak-kanak baharu iaitu, Dr. Farah Nini Hj. Dusuki (CC) berkuatkuasa pada 8 Mac 2023[1], dimana beliau diberi mandat untuk menerajui proses penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak Malaysia.[2] Oleh itu, dari Mac hingga September 2023, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) telah melaksanakan kerja-kerja berkaitan usaha tersebut termasuk menyediakan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia. OCC turut terlibat dalam advokasi menyatakan pandangan Suruhanjaya berhubung cadangan pindaan ke atas beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkenaan hal-hal kewarganegaraan.

Berhubung perancangan kerja tahunan 2023, OCC telah melaksanakan 18 daripada 25 program yang dirancang dengan peratusan kejayaan pelaksanaan aktiviti ialah 72%. Walau bagaimanapun, jika ditambah jumlah program ad-hoc sebanyak 19, peratusan pelaksanaan program ialah 148%. Justeru, berikut ialah program yang telah dilaksanakan oleh OCC berdasarkan 3 portfolio utama iaitu pendidikan dan promosi; aduan dan pemantauan; serta dasar dan perundangan.

1. PENDIDIKAN DAN PROMOSI

1.1 Edaran Laporan Kajian SUHAKAM *'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia'* Kepada Semua Pihak Berkepentingan

Rentetan daripada Majlis Pelancaran Laporan Kajian SUHAKAM *'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia'* yang diadakan dengan kerjasama Bahagian Dasar (PD) pada 13 Mac 2023 di Kuala Lumpur,

---

[1] https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1074917/dr-farah-nini-dilantik-pesuruhjaya-kanak-kanak-suhakam

[2] Rujuk Kenyataan Media oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang & Reformasi Institusi) pada 19 Januari 2023.

OCC telah mengedarkan Laporan Kajian SUHAKAM *'Human Rights and Statelessness in Peninsular Malaysia'* kepada pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan hak kanak-kanak di Malaysia.

1.2 Pemetaan Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Ahli Akademik Bagi Perkhidmatan yang Disediakan untuk Kanak-kanak

Antara salah satu aspirasi CC sejurus selepas pelantikan beliau ialah menjalankan proses pemetaan (*mapping*) terhadap agensi kerajaan, NGO dan ahli akademik bagi mengenalpasti perkhidmatan yang telah disediakan untuk kanak-kanak selain menangani jurang yang wujud dalam pengendalian isu kanak-kanak.

OCC telah berjaya mengumpulkan sebanyak 46 NGO dari seluruh Malaysia dan 5 orang ahli akademik sepanjang proses pemetaan tersebut. OCC sedang dalam proses untuk memetakan agensi kerajaan dalam usaha untuk membantu kerajaan menyusun langkah yang lebih berkesan bagi perlindungan dan promosi hak kanak-kanak di Malaysia. OCC menjangkakan proses ini akan selesai pada pertengahan tahun 2024.

1.3 Majlis Konsultasi Kanak-Kanak (CCC)

Majlis Konsultasi Kanak-kanak (CCC) ditubuhkan bagi merealisasikan salah satu daripada 4 prinsip utama Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (CRC) iaitu Artikel 12 untuk kanak-kanak menyatakan pandangan mereka, dan pandangan itu benar-benar diambil perhatian dan tindakan oleh orang dewasa. Keahlian CCC sesi 2023/2025 adalah terdiri daripada 18 orang kanak-kanak pelbagai latar belakang dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Penganjuran Hari Majlis Konsultasi Kanak-Kanak 2023 (Hari CCC 2023) pada 1 dan 2 Mac 2023 bertujuan untuk membina kapasiti CCC mengenali antara satu sama lain dan memberi pendidikan mengenai OCC dan Suruhanjaya itu sendiri. Pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan, antaranya slot perkongsian pakar mengenai topik Pengenalan Hak Kanak-Kanak; dan Apa Itu Hak Kanak-Kanak kepada Penyertaan selain sesi lawatan sekitar Kuala Lumpur.

OCC turut membentangkan perancangan strategik 5 tahun dan pelan kerja tahunan OCC kepada ahli CCC untuk memperoleh maklum balas dan input daripada mereka. Perbincangan turut diadakan mengenai 3 isu tematik yang ingin diketengahkan CCC pada tahun 2023 dan 2024 iaitu:

a) Meningkatkan penyertaan kanak-kanak;
b) Perkembangan kanak-kanak di sekolah; dan
c) Isu perkahwinan kanak-kanak.

Secara umumnya, OCC telah menerima maklum balas yang sangat positif daripada ahli CCC dan ibu bapa berhubung perancangan program yang teratur dan layanan yang baik terhadap kanak-kanak.

Hari CCC 2023 pada 1 dan 2 Mac 2023 di Hotel Premiera dan Pejabat SUHAKAM KL

Susulan daripada penganjuran Hari CCC 2023 tersebut, mesyuarat lanjut bersama ahli CCC telah diadakan secara dalam talian sebanyak 4 kali iaitu pada 26 Mac, 8 April, 15 April dan 19 Julai 2023 bagi membincangkan secara terperinci berkenaan isu tematik yang dinyatakan di atas, perlembagaan dan terma rujukan ahli CCC serta aktiviti yang ingin dilaksanakan ahli CCC sepanjang tempoh pelantikan mereka.

Walau bagaimanapun, berikutan ketiadaan pegawai fokal untuk menyelaras aktiviti yang dirancang, ahli CCC hanya berjaya dilibatkan dalam sesi libat urus bersama pihak berkepentingan mengenai ketetapan dasar dan parameter bagi RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia pada 27 Jun 2023, serta sesi gimik pelancaran Ringkasan Dasar Merealisasikan Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia pada 7 Disember 2023.

Bagi penyelesian jangka masa pendek mengenai isu ketiadaan pegawai fokal tersebut, OCC bercadang untuk melaksanakan program secara berskala kecil seperti mengadakan rundingan dengan ahli CCC secara berkala bagi setiap aktiviti yang dirancang oleh OCC. Hal ini kerana, yang lebih mustahak ialah memastikan pandangan ahli CCC yang mewakili kanak-kanak di Malaysia dapat diterjemahkan dalam program yang dianjurkan oleh OCC.

Selain itu, dengan aspirasi supaya penubuhan dan penyertaan ahli CCC menjadi lebih bermakna, usahasama yang strategik akan diadakan bersama institusi perwakilan kanak-kanak yang lain seperti Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) dan Majlis Kanak-kanak Petaling Jaya (PJCC).[3] Hal ini bagi memastikan ahli CCC turut terlibat dalam memberi pengesyoran di peringkat tertinggi pembuatan keputusan. Perbincangan telah berlangsung pada 20 Disember 2023 bersama Cawangan Perlindungan Kanak-Kanak, Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK).

1.4 Perbincangan Meja Bulat Isu Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan

Selaras dengan hasrat OCC untuk merealisasikan pendidikan untuk semua, OCC dengan kerjasama Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), *Asia Displacement Solutions Platform* (ADSP), *The International Rescue Committee* (IRC) dan *European Union Civil Protection and Humanitarian Aid* (ECHO) telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat (PMB) Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan dengan tema

[3] Rujuk laman web rasmi Majlis Kanak-kanak Petaling Jaya untuk maklumat lanjut berhubung organisasi mereka di https://pjchildcouncil.wordpress.com/about/

'Wibawa Pendidikan untuk Menebus Semula Kehilangan Kehidupan dan Masa Hadapan', pada 10 Mei 2023 di Putrajaya dengan kehadiran para pegawai daripada kementerian dan agensi kerajaan termasuk Sabah dan Sarawak yang mempunyai mandat membuat dasar berhubung pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan.

YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Sarawak turut dijemput untuk berkongsi amalan terbaik tentang langkah kerajaan Sarawak dalam menambahbaik hak pendidikan kanak-kanak tanpa dokumen atau kewarganegaraan. Pihak UNHCR juga menyampaikan pembentangan mengenai amalan terbaik antarabangsa dari Thailand, Indonesia dan Pakistan yang memberi akses pendidikan kepada semua kanak-kanak di negara masing-masing tanpa mengira status.

PMB merumuskan bahawa terdapat 7 cabaran utama yang dihadapi oleh golongan kanak-kanak ini untuk mengakses pendidikan formal di Malaysia iaitu:

a) Kekangan bahasa;
b) Kekangan kewangan;
c) Dana yang terhad;
d) Ketiadaan dokumentasi;
e) Infrastruktur yang tidak mencukupi;
f) Halangan undang-undang; dan
g) Kurangnya penglibatan ibu bapa.

Antara cadangan untuk mengatasi isu yang dinyatakan ialah:

a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) hendaklah mengkaji semula, meminda perundangan serta polisi kementerian yang mengekang kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan daripada mengakses pendidikan formal;
b) Kerajaan haruslah memupuk sistem pendidikan kebangsaan yang lebih inklusif; dan
c) Kerajaan wajar menyediakan bantuan serta-merta kepada inisiatif pendidikan sedia ada di Malaysia, antara lain menyediakan sokongan material dalam bentuk buku serta pakaian seragam kepada kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan.

RTD Isu Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan pada 10 Mei 2023 di Hotel Le Meridien, Putrajaya

1.5 Majlis Pelancaran Ringkasan Dasar Merealisasikan Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia

Hasil perbincangan yang diperolehi daripada PMB Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan telah dirangkumkan dalam satu Ringkasan Dasar bertajuk 'Merealisasikan Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia'. OCC sekali lagi dengan kerjasama ADSP, UNHCR dan IRC telah menganjurkan majlis pelancaran Ringkasan Dasar tersebut pada 7 Disember 2023 di, Kuala Lumpur.

Tujuan majlis pelancaran diadakan adalah untuk membentangkan hasil perbincangan yang diperolehi daripada PMB kepada pihak berkepentingan daripada agensi kerajaan yang dijemput. Hal ini mustahak supaya pihak berkepentingan dapat memahami isu dengan lebih mendalam daripada perspektif hak kanak-kanak sekaligus membuka ruang kerjasama untuk menangani isu dengan lebih terbuka demi keselamatan, kestabilan dan kebajikan negara Malaysia itu sendiri.

Majlis pelancaran turut diserikan dengan ucaptama oleh YB Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan melalui satu rakaman video yang mana beliau menggariskan perkara berikut:

a) Menegaskan komitmen kerajaan melalui KPM dalam memastikan supaya semua kanak-kanak menerima akses kepada pendidikan tanpa mengira status dan latar belakang;
b) Penubuhan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Chow Kit, Kuala Lumpur yang memberikan pendidikan kepada lebih kurang 50% kanak-kanak tanpa dokumen yang mana salah seorang daripada ibu bapa mereka atau kedua-dua ibu bapa mereka adalah warganegara Malaysia; dan
c) Keterbukaan KPM untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuklah Suruhanjaya dalam usaha untuk memberikan akses pendidikan kepada semua kanak-kanak di Malaysia.

Selain daripada itu, majlis pelancaran turut menampilkan sesi perkongsian pengalaman oleh dua individu yang merupakan kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Mereka berkongsi pengalaman serta pendapat mereka berkenaan kepentingan akses pendidikan kepada kanak-kanak tanpa mengira latar belakang.

Secara keseluruhannya, majlis berkenaan merumuskan bahawa pendidikan berfungsi sebagai perlindungan yang boleh diakses oleh kanak-kanak bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa situasi yang tidak diingini seperti buruh kanak-kanak dan perkahwinan kanak-kanak. Pendidikan juga membantu menurunkan kadar kemiskinan, kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak dan mengurangkan tekanan kepada penyelia perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Hal ini sekaligus dapat menjadi penyelesaian yang mapan untuk meningkatkan eksosistem yang memperkasakan hak kanak-kanak di Malaysia.

OCC dan rakan kolaborasi bersedia membantu dan menasihati kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan suasana inklusif serta berdaya maju agar semua kanak-kanak dapat menerima pendidikan yang berkualiti tinggi. Meskipun mempunyai fungsi demokrasi tersendiri, namun ciri saling melengkapi antara pihak berkepentingan awam dan swasta memerlukan usahasama yang membolehkan semua pihak mengambil tindakan segera bagi memelihara piawaian penjagaan semua kanak-kanak di Malaysia.

Sesi gimik Pelancaran Ringkasan Dasar 'Merealisasikan Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia' yang turut disertai ahli CCC pada 7 Disember 2023 di Cornerstone IPC, Kuala Lumpur

1.6 Kunjungan Hormat kepada Ketua Pengarah KPM untuk Isu Pendidikan Kanak-Kanak di Malaysia

Satu sesi kunjung hormat telah berjaya dilaksanakan pada 18 Mei 2023. Terdapat 4 isu utama dibentangkan oleh CC iaitu hak pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan; hasil PMB Hak Pendidikan Kanak-Kanak Pelarian dan Tanpa Kewarganegaraan yang diadakan pada 10 Mei 2023; isu buli dan hukuman rotan di sekolah; serta isu pendidikan di institusi yang menempatkan kanak-kanak termasuklah Rumah Kanak-Kanak, Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti, Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney dan Pusat Koreksional.

Kesimpulan daripada perbincangan:

a) Komunikasi hendaklah lebih berkesan di antara KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah dan sekolah. Hal ini supaya apa sahaja dasar diputuskan di mana-mana peringkat, maklumatnya sampai sehingga ke akar umbi;

b) OCC mengambil maklum mengenai penyediaan buku panduan pengendalian kes buli yang sedang disediakan oleh KPM dan akan akan membuat susulan lanjut (follow-up) dengan KPM bagi status buku tersebut; dan

c) OCC berbesar hati untuk menyemak Deraf Peraturan-peraturan Pendidikan di Sekolah berkaitan rotan yang telah selesai dan sedang dalam semakan Penasihat Undang-undang KPM.

Impak daripada kunjung hormat juga memperlihatkan KPM telah melibatkan OCC dan Suruhanjaya dalam pembangunan 2 garis panduan pengurusan iaitu isu salah laku berkaitan buli dan gangguan seksual di sekolah.

YB Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan juga telah mengiktiraf hak pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan dengan menggalakkan golongan kanak-kanak ini menerima pendidikan di Pusat Bimbingan Alternatif dan Pusat Pembelajaran Komuniti. Hal ini jelas diungkapkan beliau dalam ucaptama ketika majlis pelancaran Ringkasan Dasar berkenaan.

1.7 Program Kesedaran mengenai Isu Perkahwinan Kanak-kanak kepada Komuniti Orang Asli di Jeli, Kelantan

OCC dengan kerjasama Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD), di bawah tajaan geran Kesatuan Eropah (EU) telah menjalankan program kesedaran mengenai isu perkahwinan kanak-kanak kepada komuniti orang asli pada 18 Oktober 2023 di Dewan Serbaguna Kampung Manok, Jeli, Kelantan. Seramai 300 orang penduduk dari tiga buah kampung hadir dalam program yang dijalankan.

CC menyampaikan ceramah dan penerangan mengenai isu perkahwinan kanak-kanak yang mana beliau menyentuh beberapa perkara seperti berikut:

a) Definisi kanak-kanak dan kewajipan ibu bapa serta penjaga dalam menjaga, melindungi, memberikan pendidikan yang bersesuaian dengan usia mereka dan tentang kanak-kanak tidak sepatutnya berkahwin;
b) Maksud perkahwinan kanak-kanak dan contoh yang berkaitan dengan kanak-kanak;
c) Punca yang menyebabkan berlakunya perkahwinan kanak-kanak; dan
d) Kesan perkahwinan kanak-kanak terutamanya terhadap kanak-kanak perempuan.

Secara keseluruhannya, program telah menerima sambutan yang

baik daripada komuniti orang asli di Pos Sungai Rual walaupun pada awalnya mendapat tentangan daripada salah seorang penghulu di situ. OCC juga telah memuat naik maklumat berhubung dengan program di media sosial OCC iaitu Facebook untuk hebahan am kepada masyarakat.

Sila imbas Kod QR untuk melawat laman Facebook OCC

Program Kesedaran mengenai Isu Perkahwinan Kanak-kanak kepada komuniti orang asli di Jeli, Kelantan pada 18 Oktober 2023

1.8 Input Pendidikan atau Pandangan mengenai Hak Kanak-Kanak

Jumlah penglibatan CC dalam memberikan input pendidikan atau pandangan mengenai hak kanak-kanak sama ada melalui ceramah, latihan, sebagai ahli panel forum, temuramah media, secara dalam talian atau fizikal, di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, adalah sebanyak 31.

Antara input pendidikan ataupun pandangan yang telah diberikan CC ialah berkaitan isu perundangan dalam pengendalian kanak-kanak yang harus diketahui para ibu bapa, keluarga dan masyarakat; memperkasa hak kanak-kanak dalam konteks perubatan; kesedaran mengenai pemerdagangan wanita dan kanak-kanak; isu perkahwinan kanak-kanak; hak kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang; serta menangani penderaan dan eksploitasi seksual kanak-kanak.

1.9 Kunjungan Hormat ke atas YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara

CC berpandangan bahawa latihan berhubung literasi perundangan kanak-kanak kepada agensi berkaitan seperti PDRM dan mahkamah hendaklah bersifat jangka panjang. Justeru, pada 15 November 2023, OCC telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara dan mengutarakan cadangan berhubung penginstitusian latihan kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret berhubung CRC dan perundangan yang berkaitan kanak-kanak.

CC turut menawarkan peluang untuk bekerjasama dengan Badan Kehakiman bagi menyemak semula modul latihan dan bahan latihan untuk Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret. YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat menyambut baik cadangan SUHAKAM untuk mengadakan latihan ke arah penerapan dan meningkatkan kesedaran mengenai prinsip CRC dan perundangan berkaitan kanak-kanak dalam kalangan majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen.

YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat turut memaklumkan bahawa latihan kepada anggota Badan Kehakiman adalah terbahagi kepada dua kategori yang merangkumi latihan kepada Hakim Mahkamah Atasan serta latihan bagi Pegawai Kehakiman, Pada masa ini, latihan bagi Hakim Mahkamah Atasan adalah di bawah Akademi Kehakiman yang diuruskan secara pentadbiran oleh pihak Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Sementara itu, latihan bagi Pegawai Kehakiman yang merangkumi Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret adalah diuruskan oleh pihak Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) atau PKPMP sendiri. Bagi maksud kerjasama dengan pihak SUHAKAM, YAA Ketua Hakim Negara mencadangkan agar latihan dimulakan dengan Pegawai Kehakiman. Sehubungan dengan itu, OCC akan membuat susulan dengan pihak PKPMP bagi merangka modul dan latihan yang bersesuaian kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret.

CC turut memaklumkan kepada YAA Ketua Hakim Negara berhubung dengan cadangan untuk memperluaskan skop Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (e-DKK)[4] bagi membolehkan apa-apa rekod pesalah bagi kesalahan jenayah lain terhadap kanak-

[4] Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (e-DKK) adalah sebahagian daripada maklumat dalam Daftar Kanak-Kanak yang boleh diberikan kepada orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di bawah Seksyen 120 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].

Kunjungan CC ke atas YAA Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Ketua Hakim Negara pada 15 November 2023 di Istana Kehakiman, Putrajaya

kanak direkodkan dalam e-DKK. Perluasan rekod pesalah bagi pelbagai kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak dalam e-DKK dijangka mampu mengekang pesalah tersebut daripada terlibat dalam pekerjaan yang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak. Tertakluk kepada perbincangan dan implikasi kewangan berbangkit terhadap perluasan skop tersebut, YAA Ketua Hakim Negara berpandangan bahawa cadangan ini boleh dipertimbangkan. Sehubungan dengan itu, OCC akan mengadakan sesi perbincangan bersama pihak PKPMP bagi membincangkan hala tuju cadangan ini.

2. ADUAN DAN PEMANTAUAN

2.1 Siasatan Aduan

Pada tahun 2023, OCC menerima 92 aduan berkenaan isu hak kanak-kanak dari seluruh Malaysia. OCC telah menyelesaikan sebanyak 55 aduan dengan 7 aduan adalah di luar bidang kuasa kerana melibatkan kes perebutan ibu bapa terhadap hak penjagaan anak. Oleh itu, jumlah aduan yang masih dalam siasatan ialah 30. Klasifikasi aduan adalah seperti berikut:

Jadual 4: Klasifikasi Aduan

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Hak kepada penjagaan	17
2.	Hak kepada pendidikan	6
3.	Hak untuk dilindungi daripada penderaan	4
4.	Hak kepada dokumen/ kewarganegaraan	44
5.	Isu buruh kanak-kanak	10
6.	Hak kanak-kanak pelarian	4
7.	Hak kanak-kanak dalam tahanan	4
8.	Hak kanak-kanak di rumah perlindungan	3
9.	Perkahwinan Kanak-kanak	0
	JUMLAH	**92**

Purata aduan kes diterima oleh OCC dari 2020 hingga 2022 ialah sekitar 49 kes sahaja. Peningkatan aduan kes pada 2023 datang daripada aduan melibatkan isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang banyak diterima oleh OCC semasa sesi dialog bersama NGO *Stateless Malaysians Citizenship Movement* (SMCM) pada 15 Julai 2023.

2.2 Aduan Isu Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan

Pada 15 Julai 2023, OCC telah mengadakan sesi perbincangan bersama NGO SMCM untuk mendengar aduan mengenai isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. OCC mendapati antara punca kanak-kanak yang terlibat tidak mempunyai kewarganegaraan adalah kerana mereka ditinggalkan oleh ibu bapa kandung tanpa sebarang dokumen. Oleh itu, walaupun kanak-kanak telah diambil sebagai anak angkat oleh pasangan warganegara Malaysia, pemberian kewarganegaraan secara automatik tidak berlaku terhadap kanak-kanak tersebut.

Selain itu, terdapat kanak-kanak yang bapa kandung mereka ialah warganegara Malaysia tetapi tidak berkahwin secara sah dengan pasangan bukan warganegara, menyebabkan kanak-kanak dikategorikan sebagai 'anak tidak sah taraf'. Berdasarkan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, anak tidak sah taraf adalah mewarisi kewarganegaraan ibu kandung. Walau bagaimanapun, kebanyakan aduan yang diterima mendedahkan ibu kandung telah melarikan diri dan tidak dapat dikesan. Oleh itu,

anak ini dijaga oleh bapa kandung dengan status tidak mempunyai kewarganegaraan.

OCC telah meneliti semua aduan dan mengumpulkan senarai pemohon kanak-kanak yang mempunyai salinan sijil kelahiran, kad pengenalan ibu atau bapa dan pasangan mereka yang bukan warganegara dengan pemilikan pasport. OCC telah memanjangkan senarai 50 pemohon kanak-kanak kepada KDN pada 11 Disember 2023 dan difahamkan bahawa setakat 31 Disember 2023, 4 pemohon kanak-kanak telah memperoleh kelulusan permohonan, dan mereka ialah daripada kategori kanak-kanak yang lahir di luar perkahwinan berdaftar oleh bapa kandung warganegara Malaysia dan ibu kandung bukan warganegara.

2.3 Siasatan Khas Berhubung Isu Pelanggaran Hak Kanak-kanak di Taska

Pada 27 Mac 2023, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memaklumkan di Dewan Rakyat bahawa sebanyak 336 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan berlaku di rumah pengasuh dan pusat asuhan dalam tempoh 2021 hingga 2022.[5] Semua kes yang dilaporkan ini membabitkan pelbagai kategori termasuk rumah pengasuh, pusat asuhan, taska berdaftar dan tidak berdaftar dan sebagainya.

OCC juga turut menerima 4 aduan berkenaan penderaan atau kecuaian pengasuh di taska yang difahamkan berdaftar di bawah JKM. 1 daripada 4 aduan tersebut melibatkan kematian seorang bayi berusia 3 bulan. Bertindak atas aduan, OCC telah memohon satu mesyuarat diadakan bersama JKM untuk penjelasan lanjut berhubung aduan.

Pada 29 Mei 2023, OCC telah bermesyuarat dengan Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan, JKM berhubung isu yang berbangkit. OCC dimaklumkan oleh JKM bahawa satu langkah proaktif telah diambil bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dibuat lebih pantas iaitu dengan mewujudkan Garis Panduan Khas Tindakan Lak dan Perintah Penutupan ke atas taska serta pusat jagaan dalam siasatan polis yang berkuatkuasa pada 10 April 2023.

---

[5] https://www.kosmo.com.my/2023/03/27/dewan-rakyat-336-kes-penderaan-dilaporkan-dalam-tempoh-dua-tahun-lalu/

Selain itu, JKM juga memaklumkan bahawa Pasukan Petugas Khas atau *Task Force (TF)* Pemutihan Pusat Jagaan Tidak Berdaftar yang bermula Mei 2022 akan berakhir pada Jun 2023 dan disusuli dengan Task Force Pemutihan Taman Asuhan Kanak-kanak Tidak Berdaftar. OCC memuji usaha dan langkah penambahbaikan yang diambil oleh JKM dalam menangani kes penderaan di taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

Di samping itu, langkah proaktif JKM untuk mengadakan perbincangan dengan KDN dan PDRM bagi memperketatkan saringan tapisan keselamatan terhadap pengasuh dan taska merupakan satu langkah yang baik.

Walau bagaimanapun, OCC mendapati prosedur siasatan ke atas pengasuh dan pemilik taska yang menyebabkan kematian kanak-kanak di taska tidak mempunyai tatacara pengendalian piawai yang jelas. Kebanyakan kes memperlihatkan pertuduhan hanya dibuat ke atas pengasuh tetapi pemilik taska bebas daripada sebarang pertuduhan sedangkan pemilik taska perlu turut dipertanggungjawabkan selaras prinsip undang-undang vicarious liability.[6] Selain itu, aduan turut menyatakan bahawa pengadu tidak dimaklumkan mengenai hasil siasatan kes dan sama ada kes telah dipertuduh di mahkamah atau sebaliknya.

Justeru, pada 15 Disember 2023, OCC telah mengadakan mesyuarat tertutup bersama Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-kanak (D11), Bukit Aman dan bertanyakan mengenai isu di atas. D11 memaklumkan bahawa tindakan saman ke atas pemilik taska kebiasaannya dilakukan oleh ibu bapa mangsa kanak-kanak sendiri dan PDRM akan hanya memberi fokus terhadap tangkapan dan siasatan kepada pengasuh yang terlibat secara langsung melakukan penderaan atau kecuaian.

Sementara itu, bagi prosedur siasatan kes melibatkan kanak-kanak, PDRM akan merujuk kepada carta alir berikut:

a) Rakaman percakapan;
b) Pemeriksaan doktor;

---

[6] Satu konsep undang-undang yang mana seseorang individu itu turut bersalah atas kesalahan yang dilakukan individu yang di bawah tanggungan atau tanggungjawabnya. Dalam hal ini, majikan hendaklah turut bertanggungjawab terhadap kesalahan pekerjanya sementelah kesalahan dilakukan ketika pekerja sedang melaksanakan kerjanya dan dalam pemantauan majikan.

c) Mengumpulkan keterangan atau merekod keterangan;
d) Soal siasat suspek; dan
e) Mengemukakan kertas siasatan

Walau bagaimanapun, D11 menyatakan bahawa aturan carta alir prosedur tersebut tidak statik dan boleh berubah mengikut situasi. Sementara itu, D11 menjelaskan bahawa PDRM sememangnya memaklumkan status perkembangan siasatan tetapi cuma kepada pengadu. Selain pengadu kes, maklumat berhubung perkembangan siasatan tidak akan didedahkan. D11 memaklumkan terdapat 4 tempoh tahap pemakluman PDRM kepada pengadu berkenaan status siasatan kes selepas laporan polis dibuat:

a) Pertama, dalam tempoh 24 jam selepas kertas siasatan (IP) dibuka;
b) Kedua, 2 minggu selepas siasatan dijalankan;
c) Ketiga, apabila tuduhan telah dibuat terhadap suspek; dan
d) Keempat, apabila sabitan telah diputuskan mahkamah terhadap suspek.

Secara keseluruhannya, OCC berpuas hati dengan SOP dalam pengurusan kes kanak-kanak di balai polis dan Ibu Pejabat Daerah (IPD). Walau bagaimanapun, OCC mengesyorkan pemantauan dibuat oleh PDRM terhadap anggota polis di lapangan supaya pelaksanaan tatacara ini benar-benar dipatuhi.

CC bersama Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) JSJ Bukit Aman, ACP Siti Kamsiah Hassan selepas mesyuarat OCC bersama D11 pada 15 Disember 2023

2.4 Pemantauan Pusat Tahanan/Kebajikan Kanak- Kanak

Sepanjang tahun 2023, beberapa lawatan pemantauan berkala telah dijalankan ke beberapa institusi kebajikan, pusat perlindungan dan pusat tahanan. Lokasi tempat lawatan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
12 Jan. 2023	Pusat Temuduga Kanak-kanak (*Child Interview Center – CIC*) Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Kuala Lumpur.	(a) Terdapat keperluan untuk menambahbaik infrastruktur dan fasiliti CIC. (b) Isu perjawatan dan laluan kerjaya yang terhad bagi pegawai D11 turut dibangkitkan oleh anggota.
19 Jan. 2023	Pusat Temuduga Kanak-kanak (*Child Interview Center – CIC*) Bukit Aman, Kuala Lumpur.	(c) Silibus dan pelaksanaan kursus sijil CIC hendaklah disemak semula bagi melahirkan pegawai yang benar-benar kompeten untuk mengambil keterangan mangsa atau saksi kanak-kanak. (d) Semua isu berbangkit di atas telah dipanjangkan dalam kunjungan hormat kepada Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani, Ketua Polis Negara dan YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri KDN masing-masing pada 25 Januari dan 27 Mac 2023. Kedua-duanya memaklumkan bahawa mereka akan melihat isu yang dibangkitkan sewajarnya.
31 Jan. 2023	Penjara Wanita Kota Kinabalu, Sabah.	(a) Isu tiada tempat bagi penempatan transit anak-anak kakitangan penjara apabila kakitangan bekerja: i. Permohonan pernah dimajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Am Negeri Sabah pada 11 Februari 2020, namun permohonan tidak diluluskan kerana perimeter bangunan bagi taska sedia ada tidak mampu menampung jumlah kanak-kanak

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		dan syarat transit lainnya yang masih tidak dapat dipenuhi; iii. Terdapat juga anak-anak yang dihantar pulang ke kampung kerana tiada penjaga semasa kakitangan bekerja, lalu menyebabkan kanak--kanak tersebut tidak bersekolah. **Syor: Mewujudkan tempat transit kanak-kanak bagi anak-anak kakitangan.** (b) Isu berjauhan dengan keluarga atau suami. Terdapat dalam kalangan kakitangan yang mempunyai masalah tekanan emosi akibat perkahwinan jarak jauh selain perlu mengurus anak seorang diri. Permohonan bertukar telah lama dibuat tetapi masih tiada jawapan. **Syor: Pihak penjara perlu menimbang permohonan kakitangan yang mengalami duka lara akibat isu perhubungan jarak jauh (PJJ) mengambil kira emosi dan tekanan dihadapi kakitangan yang akan turut menjejaskan kebajikan anak-anak kakitangan.** (c) Isu fasiliti di penjara tidak inklusif dan tidak mesra tahanan warga emas dan OKU. **Syor: Penjara disyor untuk lebih inklusif iaitu menyediakan fasiliti yang mesra tahanan warga emas dan OKU.**

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
31 Jan. 2023	Pusat Temuduga Kanak-kanak (Child Interview Center - CIC) Kota Kinabalu, Sabah.	(a) Terdapat isu kelewatan pihak hospital menyerahkan laporan perubatan: i. PDRM memaklumkan bahawa setakat ini tiada masalah dengan proses temubual di CIC melainkan kelewatan pihak hospital menyerahkan laporan perubatan menyebabkan kes lewat untuk dibawa ke pertuduhan dan perbicaraan; ii. Laporan forensik dan kimia tiada masalah kelewatan; dan iii. Adakalanya doktor yang menjalankan pemeriksaan kesihatan berpindah-pindah hospital, dan apabila ada keperluan mendapatkan laporan perubatan sesuatu kes, laporan tidak berjaya ditemui. **Syor: PDRM disyor untuk mengadakan libat urus bersama pihak hospital bagi membincangkan isu kelewatan pihak hospital dalam menyediakan laporan agar siasatan kes dapat berlangsung dengan efisien.** (b) Terdapat keperluan untuk penambahbaikan infrastuktur CIC Kota Kinabalu demi memastikan keselamatan kanak-kanak. Disyorkan juga agar taman permainan dibina di luar bangunan CIC agar ia membantu kanak-kanak untuk lebih tenang dan bersedia memberi keterangan: i. Alatan merakam didapati masih berfungsi dengan baik walaupun telah lama digunakan. Hal ini antara faktor rakaman percakapan oleh CIC Kota Kinabalu sangat berkualiti.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		Pada 2022 sahaja, 255 rakaman telah dibuat dan daripada jumlah itu, 253 didapati boleh dibawa masuk ke Mahkamah sebagai bahan bukti; dan ii. Terdapat cadangan oleh PDRM untuk menambah 2 lagi CIC di Sabah iaitu di daerah Lahad Datu dan Sandakan. KDN turut disyor menyediakan bangunan kepada PDRM tanpa sewaan. OCC sangat mengalu-alukan cadangan tersebut. (c) Terdapat isu sukar untuk PDRM menjalankan siasatan bagi kes yang melibatkan mangsa, saksi dan pelaku daripada golongan tanpa dokumen: i. Apabila PDRM ingin mencari mereka untuk mengambil keterangan, mereka gagal ditemui kerana hidup berpindah-randah; dan ii. Kebanyakan isu keganasan rumah tangga turut melibatkan golongan ini, yang mana didapati perkahwinan tidak teratur dan waris tidak ditemui. Oleh itu, pendakwaan kes melibatkan golongan ini sangat rendah. Suruhanjaya telah memanjangkan semua isu berbangkit dalam pertemuan Suruhanjaya bersama Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail masing- masing pada 25 Januari dan 27 Mac 2023.
2 Feb. 2023	Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya (TDKKU), Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.	(a) Kanak-kanak OKU di institusi yang tidak boleh ke sekolah hanya memperoleh pendidikan daripada kalangan kakitangan. Tiada guru daripada KPM disediakan. Silibus pelajaran juga bukan silibus KPM.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		(b) Terdapat keperluan perjawatan tambahan di dapur kerana hanya ada seorang tukang masak di dapur yang perlu memastikan penyediaan makanan sebanyak 5 kali sehari kepada penghuni. Tukang masak sukar mengambil cuti dan terbeban dengan tugas penjagaan jika ada kakitangan bercuti. **Syor: Institusi disyor untuk memohon kepada KPM supaya menyediakan guru KPM di institusi dan memohon kepada JPA untuk menambah perjawatan tukang masak.**
21 Feb. 2023	Taman Sinar Harapan (TSH) Jitra, Kedah.	(a) Terdapat kekurangan kakitangan bagi 6 perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK). Waran perjawatan di TSH Jitra ialah 56 orang. Terdapat 28 orang PPK yang bertugas di institusi namun jumlah tersebut masih tidak dapat menampung keperluan petugas bagi menjaga OKU terlantar terutamanya ketika hujung minggu dan shift malam. **Syor: JKM perlu mempertimbangkan untuk melantik kader bagi jawatan jururawat di TSH Jitra untuk merawat kanak-kanak OKU terlantar yang memerlukan lebih perhatian berbanding kanak-kanak normal.** (b) Pengoperasian TSH Jitra tidak menepati Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Bermula pada 2009, perjawatan di TSH Jitra tidak mengikut keperluan OKU terlantar. Hanya terdapat seorang jururawat terlatih untuk menjaga penghuni kanak-kanak kategori OKU terlantar.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		Syor: Menguatkuasakan penggunaan Akta Pusat Jagaan 1993. Syor ini adalah berlandaskan fungsi institusi sebagai tempat selamat untuk perlindungan khususnya kepada kanak-kanak OKU yang berumur di antara 0 hingga 14 tahun bagi kategori terlantar dan tidak terlatih. Penguatkuasaan akta ini dalam mengendalikan institusi akan dapat menjamin hak perlindungan kanak-kanak serta menambahbaik sistem pengurusan institusi. (c) Tiada kepakaran mengurus kanak-kanak OKU tantrum dan agresif. Terdapat seorang penghuni berumur 11 tahun yang berkelakuan agresif seperti suka menggigit orang, makan najis sendiri dan mencederakan orang lain. Pihak institusi telah mengambil inisiatif untuk mengikat tangan kanak-kanak bagi menghalang beliau bertindak agresif demi keselamatan diri. Kekurangan kakitangan dan kepakaran juga menjadi faktor utama kesukaran untuk mengurus kanak-kanak kategori ini. **Syor: Kanak-kanak yang cenderung bersikap agresif dan mempunyai masalah mental hendaklah dirujuk kepada doktor psikiatri dan ditempatkan di Hospital Permai bagi membolehkan mereka mendapat rawatan berterusan.**

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
21 Feb. 2023	Rumah Anak-anak Yatim Pusat Jagaan Baitul Ahmad, Alor Setar, Kedah.	(a) OCC mendapati bahawa Baitul Ahmad adalah premis yang berdaftar dengan JKM dan menerima bantuan kewangan dari Baitulmal Negeri Kedah. (b) Pengurus Baitul Ahmad dengan inisiatifnya sendiri mencari anak yatim yang memerlukan penjagaan dan pendidikan serta mendapatkan kebenaran daripada penjaga mereka untuk meletakkan mereka di bawah jagaannya. (c) OCC akan merekodkan Baitul Ahmad dan rumah anak yatim lain mengikut zon di Malaysia sebagai rujukan untuk aktivitinya pada masa hadapan.
24 Feb. 2023	Asrama Akhlak Paya Terubong (AAPT), Ayer Hitam, Pulau Pinang.	**Syor:** (a) Mewujudkan SOP bagi pengurusan kanak-kanak tahanan reman di Asrama Akhlak atau Sekolah Tunas Bakti. Syor supaya JKM mengadakan perbincangan bersama PDRM bagi membangkitkan isu berkenaan SOP pengurusan tahanan reman. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah hak dan keselamatan kanak-kanak dalam tahanan reman, kesihatan serta pendidikan mereka semasa ditempatkan di Asrama Akhlak. OCC berpandangan bahawa SOP dalaman sahaja tidak mencukupi kerana SOP yang lebih bersepadu perlu dipanjangkan kepada agensi lain yang terlibat. (b) Memperhalusi sistem keselamatan di AAPT. Syor supaya pihak JKM dan pengurusan AAPT memperhalusi sistem keselamatan di AAPT seperti jadual rondaan oleh warden dan jadual aktiviti pelatih.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		(c) OCC mengesyorkan supaya pihak KPWKM dapat mempertimbangkan untuk menambah jumlah kakitangan bagi perjawatan kaunselor. (d) Disyorkan kepada AAPT supaya menekankan asas pendidikan Islam terhadap pelatih. Selain itu, libat urus wajar diadakan bersama pihak JAKIM untuk kajian semula silibus Pendidikan Islam supaya pelatih terutamanya di Asrama Akhlak dapat menghayati roh pendidikan ini.
24 Jul. 2023	Asrama Akhlak (L) Kempas (AA Kempas), Johor Bharu, Johor	**Syor:** (a) Menggabungkan AA Kempas dengan Asrama Akhlak lain, misalnya Asrama Akhlak Marang yang memiliki bilangan pelatih yang ramai namun fasiliti yang kurang memuaskan berbanding AA Kempas. (b) Menyeimbangkan bilangan guru dengan keperluan institusi. Cadangan supaya memindahkan guru vokasional dari Rumah Kanak-kanak (RKK) Pokok Sena ke AA Kempas kerana RKK Pokok Sena kekurangan kelas vokasional tetapi berlebihan guru. (c) OCC berpandangan terdapat keperluan untuk pengelasan dan pemetaan (mapping) semula Asrama Akhlak di seluruh Malaysia mengikut fokus dan pengkhususan. (d) Disyorkan supaya diuar-uarkan kepada masyarakat tentang pelbagai aktiviti yang menarik di AA Kempas dan kerja keras kakitangan dalam mengurus pelatih.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		(e) Selain itu, terdapat keperluan untuk menguar-uarkan kewujudan Asrama Akhlak kepada masyarakat terutama kepada golongan yang memerlukan bantuan menangani anak-anak luar kawalan. (f) Sewajarnya Asrama Akhlak lebih diperkasakan kerana Asrama Akhlak dilihat boleh menjadi konsep intervensi sebelum kanak-kanak terlibat dengan jenayah. Hal ini berdasarkan pemerhatian yang dibuat yang mana penghuni di STB lebih ramai berbanding di Asrama Akhlak, bermaksud ramai kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan dan masalah sosial yang menyebabkan mereka dihukum sedangkan mereka berpotensi untuk diselamatkan sebelum terjebak dengan gejala yang tidak sihat.
25 Jul. 2023	Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas, Johor Bahru, Johor.	(a) Ketika lawatan, hanya terdapat seorang kanak-kanak berumur 6 bulan berada di institusi. (b) Kanak-kanak dilahirkan ibunya yang berwarganegara Myanmar dan beragama Islam. Maklumat diberikan oleh komandan depoh bahawa suami wanita tersebut yang telah menghubungi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menangkap isterinya supaya isteri dapat bersalin secara caesarean dengan kos ditanggung oleh JIM. (c) Menurut komandan juga, berdasarkan pengalaman beliau, ramai dalam kalangan golongan tanpa dokumen ini cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan rawatan kesihatan

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		dan bersalin dengan melapor diri sendiri kepada JIM untuk ditangkap. (d) Secara umumnya, OCC berpuas hati dengan usaha dan inisiatif pihak depoh dalam memastikan kebajikan kanak-kanak yang ditahan bersama ibu terpelihara.
25 Jul. 2023	Pusat Temuduga Kanak-kanak (Child Interview Center - CIC) Johor Bharu, Johor.	(a) Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang digunakan sudah terlalu lama iaitu sejak 2006 yang merupakan awal penubuhan CIC. **Syor: Terdapat keperluan untuk penambahbaikan sistem peralatan ICT CIC Johor Bahru demi memastikan proses rakaman percakapan mangsa dan saksi kanak-kanak berjalan lancar serta keperluan untuk memastikan keselesaan kanak-kanak sepanjang proses berlangsung.**
26 Jul. 2023	Rumah Kasih Tun Abdul Aziz (RKTAA), Durian Daun, Melaka.	(a) Waran perjawatan di RKTAA ialah 42 orang. Bagi perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) untuk jawatan U14 adalah seorang dan U11 adalah 6 orang. (b) Perjawatan PPK sedia ada tidak dapat menampung keperluan menguruskan 63 orang penghuni daripada pelbagai peringkat umur terutamanya jika ada penghuni ditahan di wad. (c) Penjagaan 24 jam diperlukan di wad bagi memantau kanak-kanak, dan hal ini menyebabkan PPK terpaksa bekerja 24 jam atau tidak dapat bertukar giliran kerja kerana kekurangan kakitangan.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		Syor: JKM perlu mempertimbangkan bagi melantik kader Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi perjawatan PPK untuk menguruskan kanak-kanak terutamanya kategori bayi dan bawah 12 tahun. (d) Kekurangan perjawatan atau tenaga pengajar untuk vokasional. **Syor: JKM disyor untuk memanfaatkan penggunaan fasiliti dan ruangan di institusi dengan menyediakan tenaga pengajar dalam bidang kepakaran masing-masing.** **RKTAA memiliki fasiliti yang lengkap seperti bilik salon menggunting rambut, kelas muzik dan kelas memasak, namun fasiliti tersebut tidak digunakan sepenuhnya kerana tiada tenaga pengajar.** (e) Terdapat keperluan untuk menangani isu kekurangan kakitangan yang pakar untuk mengurus kanak-kanak yang mempunyai masalah kesihatan mental. **Syor: JKM disyor untuk menyediakan kursus berkaitan kesihatan mental dan bantuan awal psikologi terhadap kanak-kanak kepada para petugas di Rumah Kanak-kanak.** **Selain itu, kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan mental yang mempunyai rekod ingin membunuh diri dan tidak terkawal perlu dirujuk kepada doktor psikiatri, atau dimasukkan ke hospital psikiatri**

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		untuk rawatan dan perlindungan. Golongan kanak-kanak sebegini tidak wajar ditempatkan di Rumah Kanak-kanak kerana para petugas tiada kapasiti dan kepakaran untuk mengurus mereka.
27 Jul. 2023	Depot Tahanan Imigresen Machap Umboo, Alor Gajah, Melaka.	(a) Pihak depot begitu prihatin dalam memastikan kanak-kanak diberikan penjagaan sewajarnya meskipun kanak-kanak terpaksa berada di depot atas faktor kesalahan imigresen ibu bapa kanak-kanak. (b) Pihak depot didapati telah mengambil pelbagai langkah yang positif dalam memastikan tahanan kanak-kanak diasingkan daripada tahanan dewasa; tahanan kanak-kanak kecil ditempatkan bersama ibu bapa/ penjaga; dan tahanan kanak-kanak kecil memperoleh pendidikan asas 3M yang diberikan oleh kakitangan depoh.
27 Jul. 2023	Taman Sinar Harapan (TSH) Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, Negeri Sembilan.	(a) Terdapat isu kekurangan kakitangan bagi 7 perjawatan PPK. (b) Menurut Pengetua TSH, jururawat KKM yang dilantik sebagai PPK di TSH merupakan kakitangan baharu dan masih muda. Kebanyakan mereka mengalami kejutan budaya dengan cara kerja dan bebanan tugas di institusi. Hal ini menyebabkan mereka tidak mampu bertahan lama seterusnya meletak jawatan dalam tempoh yang singkat. (c) Situasi ini memberi impak buruk kepada pengurusan institusi daripada sudut pembahagian kerja shif dan pengurusan kanak-kanak.

TARIKH	PUSAT TAHANAN/ KEBAJIKAN	ISU BERBANGKIT & SYOR SURUHANJAYA
		(d) Selain itu, terdapat isu van sekolah yang tidak mencukupi. Setakat Julai 2023, seramai 25 orang penghuni bersekolah di sekolah pendidikan khas yang berbeza. Peruntukan 2 buah van dan 2 orang pemandu sedia ada tidak mampu menampung keperluan penggunaan van sekolah di institusi.
1 Ogos 2023	Sekolah Henry Gurney (SHG) Telok Mas, Melaka.	**Syor:** (a) Jabatan Penjara disyor untuk melaksanakan sistem penjagaan kemudian wajib (mandatory aftercare scheme) yang menyediakan sokongan komuniti, kaunseling dan pengurusan kes yang dipertingkatkan, bagi menyokong proses penyepaduan semula para penghuni secara beransur-ansur ke dalam masyarakat. (b) Para penghuni harus dirujuk sebagai 'pelajar', kerana status quo mereka di SHG Telok Mas ialah pelajar dan tidak wajar dilabel dengan nama lain. Perlu ada penyeragaman nama para penghuni oleh pegawai penjara, warden dan kakitangan yang bertugas supaya budaya saling menghormati, positif dan berkeyakinan dapat dipupuk dalam kalangan pelajar. (c) Perlu ada kekerapan panggilan telefon yang seragam merentasi semua jantina. Disarankan agar para penghuni lelaki turut diberi kekerapan dan masa yang sama untuk membuat panggilan telefon seperti penghuni wanita.

CC melihat kanak-kanak membuat kraftangan ketika lawatan OCC ke Taman Sinar Harapan (TSH) Tuanku Ampuan Najihah, Seremban, Negeri Sembilan pada 27 Julai 2023

3. DASAR DAN PERUNDANGAN

3.1 Kunjung Hormat Kepada Menteri Berkaitan Dasar dan Perundangan Kanak-kanak

Kunjung hormat pertama ialah kepada YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang & Reformasi Institusi), pada 23 Mac 2023. Antara isu diutarakan ialah mengenai status penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak Malaysia. Kunjungan hormat berkenaan telah membuahkan hasil apabila satu Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) mengenai cadangan penggubalan RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia telah dibangunkan dan dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 September 2023. Walaupun Jemaah Menteri tidak bersetuju dengan cadangan penggubalan RUU tersebut dan menganjurkan kajian lebih lanjut dibuat, cadangan YB Dato' Sri Azalina Othman Said agar OCC diperkasakan di SUHAKAM telah diluluskan.

Kunjung hormat kedua ialah ke atas YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 17 Mei 2023. CC telah mengutarakan beberapa isu kepada KPWKM seperti berikut:

a) Status perkembangan Akta Pekerja Sosial Profesional;
b) Program Pengalihan (*Diversion*);[7]
c) Isu kanak-kanak pelarian dan tanpa kewarganegaraan yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen[8], yang mana OCC ingin mendapatkan maklum balas KPWKM berkenaan kapasiti JKM untuk menyediakan tempat perlindungan bagi golongan kanak-kanak ini;
d) Maklum balas JKM bagi aduan yang telah dipanjangkan oleh OCC; dan
e) Isu penderaan kanak-kanak di pusat asuhan/jagaan.

KPWKM memaklumkan bahawa KPWKM sedang dalam perbincangan bersama Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi memuktamadkan Akta Pekerja Sosial Profesional tersebut. Berhubung program Diversion, satu mesyuarat akan diadakan pada 26 Mei 2023 bersama AGC, PDRM dan beberapa agensi lain untuk KPWKM membentangkan kejayaan daripada projek rintis Diversion ini kepada semua agensi yang hadir. Berkenaan isu kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen, KPWKM masih menunggu maklum balas daripada KDN untuk mengadakan mesyuarat dalaman bagi memperhalusi beberapa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Alternatif kepada Penahanan (ATD).

Sementara itu, sekiranya ada aduan oleh OCC yang JKM belum memberikan maklum balas, OCC diminta untuk mengajukan yang sama kepada JPKK, JKM. Bagi isu peningkatan kes penderaan kanak-kanak di pusat jagaan/asuhan, JKM memaklumkan bahawa e-DKK tidak dikemaskini sewajarnya oleh pihak mahkamah menyebabkan JKM menghadapi masalah untuk membantu pengusaha pusat asuhan/jagaan dalam menyaring individu yang ingin bekerja dengan di pusat-pusat. OCC akan mengadakan libat urus bersama pihak mahkamah bagi mengetengahkan isu yang dibangkitkan JKM.

---

[7] Usaha untuk merealisasikan program ini telah pun dijalankan sejak tahun 2012, manakala projek rintisnya telah dimulakan selama 2 tahun walaupun terdapat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 pada tahun 2020 hingga 2022. CC sebagai salah seorang penyelidik dalam projek ini berpandangan bahawa program telah dijalankan dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai kekangan dan kelemahan. CC berharap supaya program ini dapat diperluas ke kawasan yang berdekatan dengan projek rintis secara beransur-ansur.

[8] Dalam perjumpaan OCC dengan YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri di Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Parlimen, beliau memaklumkan bahawa KDN tidak mempunyai sebarang masalah untuk membebaskan kanak-kanak yang berada di dalam tahanan di Depot Tahanan Imigresen, namun KDN memerlukan agensi yang sudi menyediakan petempatan kepada golongan kanak- kanak ini.

Kunjungan hormat ketiga ialah kepada YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri pada 4 Julai 2023, bertujuan untuk menyatakan pandangan CC berhubung keperluan untuk membuat kajian atau libat urus lanjut terhadap beberapa cadangan pindaan di Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan hal-hal kewarganegaraan. Hal ini kerana beberapa pindaan jika diteruskan, boleh menatijahkan risiko peningkatan jumlah kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Malaysia. OCC percaya objektif kunjung hormat berhasil apabila KDN telah meraikan pandangan Suruhanjaya berkenaan isu pindaan tersebut dengan menggugurkan pindaan berkaitan bayi terdampar (*foundlings*) dan kanak-kanak diabaikan (*abandoned children*).

3.2 Arahan Memerhati (*Watching Brief*) Kes *Foreign Spouses Support Group* (FSSG) dan Kes Lain

Antara impak aktiviti ini ialah kerajaan telah bersetuju meminda peruntukan berkaitan[9] untuk memberi hak sama rata kepada ibu warganegara yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara mewariskan kewarganegaraan kepada anak mereka yang lahir di luar negara supaya saksama dengan bapa warganegara yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara yang melahirkan anak di luar negara. Bagi pemantauan kes tersebut di peringkat Mahkamah Persekutuan, telah dipersetujui bahawa Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa (LITD) akan mengambil alih untuk bertindak sebagai amicus curiae (rakan mahkamah).

Terdapat 9 kes lain yang mana OCC turut melaksanakan pemantauan pada 2023, antara lain berkaitan hak kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang; kepentingan terbaik kanak-kanak; hak kanak-kanak untuk dilindungi daripada keganasan, penderaan dan pengabaian; dan hak kanak-kanak kurang upaya.

[9] perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan (PP)

3.3 Penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia

(a) Deraf RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia

2 sesi libat urus untuk perbincangan RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia telah diadakan masing-masing pada 13 dan 27 Jun 2023

Kajian penandaarasan (*benchmarking*) turut dilaksanakan oleh OCC bagi melihat struktur, fungsi dan kuasa Suruhanjaya Kanak-Kanak di negara lain.

Sesi Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan Mengenai Ketetapan Dasar dan Parameter Bagi RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia pada 27 Jun 2023 di Pusat Timbang Antarabangsa Asia, Kuala Lumpur

(b) Lawatan Kerja ke New Zealand dan Australia

Tujuan: Menambahkan lagi pengetahuan OCC bagi penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia

Lawatan kerja turut disertai Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, (JKPK) Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat Parlimen Ke-15 serta BHEUU dan Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang & Reformasi Institusi)

Antara agensi yang dilawati di Wellington, New Zealand ialah Suruhanjaya Kanak-kanak dan Orang Muda (Mana Mokopuna); dan di Sydney, Australia ialah Pesuruhanjaya Kanak-Kanak Australia; Pengarah Hak Kanak-kanak dan Pesuruhjaya Keadilan Sosial Orang Asli & Pulau Selat Torres

(c) Pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak di bawah Akta 579

YB Dato' Sri Azalina Othman Said telah mengesyorkan supaya OCC diperkasakan di bawah Akta 597 yang sedang dipinda dan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada November 2023

OCC telah bersetuju dan mengemukakan beberapa permohonan minimum seperti berikut:

1. Pelantikan tambahan CC iaitu sekurang-kurangnya 3 CC sepenuh masa, dengan seorang ditempatkan di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur, seorang di pejabat SUHAKAM Sabah, dan seorang di Pejabat SUHAKAM Sarawak

2. Pelantikan tambahan kakitangan iaitu sekurang-kurangnya 20 kakitangan tambahan untuk menangani isu 9.13 juta kanak-kanak di Malaysia

3. Pembiayaan yang mencukupi iaitu belanjawan yang dicadangkan sebanyak RM3.2 juta sebagai permulaan kerana kini peruntukan belanjawan untuk beroperasi adalah sebanyak RM687,857.00 setahun

4. Memperkasa hak kanak-kanak dengan mewujudkan peruntukan khusus di dalam Akta 597 mengenai hak kanak-kanak kepada penyertaan dan hak kanak-kanak untuk berkomunikasi secara langsung dengan CC

Pada 2 Oktober 2023, CC telah membentangkan permohonan peruntukan pada mesyuarat libat urus bersama kementerian dan agensi berkaitan yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said

Pada 27 November 2023, CC telah memberi taklimat kepada para Ahli Parlimen berkenaan pindaan Akta 597 tersebut selain menjawab isu-isu berbangkit. Pembentangan dan taklimat oleh CC telah menerima respon yang positif dalam kalangan pihak yang hadir

Pada 30 November 2023, OCC menempuh hari yang bersejarah apabila telah diperka-sakan melalui pindaan Akta 597. Pindaan telah diluluskan selepas sesi bacaan kedua dan ketiga RUU SUHAKAM (pindaan) 2023 di Dewan Rakyat. OCC sangat berterima kasih kepada semua pihak yang sudi menyokong pemerkasaan mandat OCC dalam melindungi dan memelihara hak kanak-kanak di Malaysia melalui Akta 597

Sebilangan Pesuruhjaya, serta kakitangan OCC dan SUHAKAM bergambar di luar dewan Sidang Parlimen selepas Pindaan Rang Undang-undang SUHAKAM 2023 diluluskan pada 30 November 2023

3.4 Advokasi OCC dalam Isu Cadangan Pindaan Perlembagaan Hal-hal Kewarganegaraan

Melalui kenyataan media yang dikeluarkan CC pada 28 Jun 2023 dan pertemuan bersama YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri pada 4 Julai 2023 berhubung isu tersebut, OCC telah menyediakan satu Memorandum Sembah Maklum kepada beberapa anggota Majlis Raja-Raja masing-masing pada 1 Disember 2023 untuk menyatakan pandangan Suruhanjaya mengenai isu.

Memorandum tersebut telah menjelaskan pendirian Suruhanjaya yang membantah keras pindaan kelapan iaitu pindaan Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua[10] bagi mana-mana bayi yang baharu lahir, dijumpai atau ditinggalkan tanpa perlindungan dan Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(e) Bahagian II, Jadual Kedua[10] iaitu anak lahir di Persekutuan dan semasa lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negara, diberikan kewarganegaraan melalui kaedah pendaftaran, bukan lagi secara kuat kuasa undang-undang (automatik). Pemansuhan Seksyen 2(3) Bahagian II Jadual Kedua[12] turut dibantah keras oleh Suruhanjaya dalam cadangan pindaan tersebut.

---

[10] Seksyen 19B. Bagi maksud Bahagian I dan II Jadual ini, mana-mana kanak-kanak baharu lahir yang dijumpai ditinggalkan tanpa perlindungan di mana-mana tempat hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah lahir di tempat itu dan ibunya bermastautin secara tetap di tempat itu; dan jika kanak-kanak itu dikira menurut kuasa seksyen ini telah lahir sedemikian, maka tarikh dia dijumpai hendaklah dikira sebagai tarikh lahirnya.

[11] Seksyen 1(e). Tiap-tiap orang yang lahir di Persekutuan dan pada masa dia lahir tidak menjadi warganegara mana-mana negara selain menurut kuasa perenggan ini.

[12] Seksyen 2(3). Bagi maksud perenggan (e) seksyen 1, seseorang akan dikira sebagai mempunyai, pada masa dia lahir, apa-apa kewarganegaraan yang diperolehnya dalam masa satu tahun kemudiannya menurut kuasa mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan perenggan (c) seksyen itu atau selainnya.

Suruhanjaya berpandangan bahawa cadangan pindaan Seksyen 19B dan Seksyen 1(e) serta pemansuhan Seksyen 2(3) akan hanya membawa kepada penghapusan dan bukannya perlindungan kepada hak kewarganegaraan golongan kanak-kanak yang terkesan. Pindaan tersebut jika diteruskan akan mengekalkan kitaran tanpa kewarganegaraan bagi golongan kanak-kanak berkaitan.

Advokasi OCC melalui sembah maklum tersebut dilihat amat berjaya apabila pandangan Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan isu berbangkit berkaitan cadangan pindaan tersebut telah dibawa ke dalam agenda mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-265.

3.5 Kenyataan Media

OCC telah mengeluarkan 16 kenyataan media, antara lain mengenai kekesalan CC terhadap keputusan kerajaan mengecualikan nikotin daripada Akta Racun 1952; gesaan usaha kolektif semua pihak untuk meningkatkan perkhidmatan perlindungan untuk kanak-kanak di Malaysia dan seruan supaya tindakan tegas diambil terhadap ibu bapa dan penjaga yang cuai terhadap keselamatan kanak-kanak. OCC akan terus memantau isu hak kanak-kanak dan menyatakan pandangan sewajarnya apabila perlu.

3.6 Kolaborasi Bersama Agensi Antarabangsa

Tahun 2023 memperlihatkan penglibatan OCC yang lebih meluas bersama pelbagai agensi antarabangsa seperti Kedutaan Amerika Syarikat, Finland, Palestin, Suruhanjaya Tinggi Australia (STA) dan Suruhanjaya Tinggi New Zealand. Kunjungan hormat oleh Kedutaan Amerika Syarikat ke atas CC berlaku sebanyak 2 kali iaitu pada 10 April dan 3 Ogos 2023 yang mana pihak kedutaan telah menyatakan sokongan mereka kepada sebarang usaha OCC untuk memperkukuhkan perlindungan kanak-kanak yang terkesan dengan isu pemerdangan manusia.

Kunjungan hormat oleh Kedutaan Finland yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Sami Leino, Duta Besar Finland ke Malaysia pada 3 Oktober 2023 ialah berkisar perkongsian kepakaran dalam perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Kunjungan OCC ke Kedutaan Palestin pada 6 November 2023 ialah berkenaan perbincangan bagi menangani isu keciciran pendidikan kanak-kanak pelarian Palestin di Malaysia akibat

peperangan yang berlaku di Gaza sejak 7 Oktober 2023.

Sementara itu, STA telah menaja satu Program Lawatan Khas STA yang mana CC telah dibawa mengunjungi pelbagai agensi di 3 buah bandar utama di Australia iaitu Sydney, Canberra, dan Melbourne. Lawatan bukan sahaja berhasil membina hubungan bersama agensi yang relevan di Australia berhubung hak kanak-kanak tetapi turut membuka langkah untuk pertukaran maklumat dan buah fikiran bermakna mengenai pelbagai perkara melibatkan kanak-kanak.

OCC juga mempunyai hubungan yang baik dengan Suruhanjaya Tinggi New Zealand Kuala Lumpur apabila telah mengunjungi Sharmilla Bernau, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia, dan Hakim Ida Malosi, *Acting Principal District Court Judge of Wellington, New Zealand* masing-masing pada 15 Mei dan 12 Jun 2023. Kedua-dua perjumpaan membincangkan idea kolaborasi yang boleh dijayakan pada masa hadapan untuk mempromosi dan melindungi hak kanak-kanak.

CC juga berasa amat berbesar hati kerana telah dijemput ke *Women's Leadership Breakfast with Her Excellency the Right Honorable Dame Cindy Kiro, the Governor General of New Zealand* pada 10 Oktober 2023. Dame Cindy Kiro, *Gabenor Jeneral New Zealand* diketahui umum mempunyai minat yang mendalam terhadap isu kanak-kanak sementelahan beliau sendiri merupakan mantan Pesuruhjaya Kanak-kanak di New Zealand. Oleh itu, pertemuan antara CC dan Dame Cindy Kiro telah mengukuhkan lagi hubungan dua hala pihak-pihak untuk membangunkan negara berpaksikan hak kanak-kanak.

HARAPAN MASA HADAPAN

Untuk tahun 2024, satu perubahan besar telah dibuat iaitu merangka semula isu tematik OCC, yakni daripada pelbagai topik yang terlalu spesifik kepada umum, dan daripada 15 isu tematik kepada 2 sahaja. Tujuan perubahan ini dibuat adalah supaya pendekatan program menjadi lebih berfokus dan memberi impak yang nyata dan bukan bersifat *'touch and go'* sahaja tanpa memberi kesan yang nyata. 2 isu tematik tersebut ialah perlindungan kanak-kanak dan keselamatan kanak-kanak. Walaupun isu tematik terlihat menatijahkan objektif yang sama, sebenarnya ia berbeza kerana isu tematik pertama bersifat reaktif sementara isu tematik kedua bersifat proaktif. Reaktif bermaksud tindakan atau respon pantas kepada sesuatu isu yang telah berlaku. Sementara itu, proaktif ialah peranan yang

diambil untuk memastikan sebarang kemudaratan terhadap keselamatan kanak-kanak tidak berlaku atau berulang.

Di bawah isu tematik pertama, terdapat 2 program yang dirancang iaitu menambahbaik pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak; serta penghapusan norma dan amalan yang membawa kepada kemudaratan kanak-kanak. Program yang pertama mempunyai 4 aktiviti, sementara program kedua mempunyai 6 aktiviti.

Di bawah isu tematik kedua, terdapat 3 program iaitu, mewujudkan persekitaran yang selamat bagi kanak-kanak; meningkatkan respon dan perkhidmatan sokongan untuk kanak-kanak; serta mempromosi pendidikan dan kemahiran berkaitan hak kanak-kanak. Program pertama, kedua dan ketiga masing-masing mempunyai 5,7 dan 3 aktiviti.

Menyedari pelbagai isu berbangkit antaranya kekurangan belanjawan dan kakitangan untuk melaksanakan program, OCC merancang untuk menangani permasalahan tersebut bagi jangka masa pendek iaitu dengan mengadakan kolaborasi bersama bahagian/pejabat di SUHAKAM secara optimum, serta bekerjasama dengan pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa yang sudi untuk menyumbang dana bagi penganjuran program OCC. OCC optimis bahawa dengan mandat dan kuasa yang telah diperuntukkan kepada OCC melalui pindaan Akta 597 pada 30 November 2023, OCC mampu memantau secara lebih meluas pelaksanaan hak kanak-kanak termasuk di Sabah dan Sarawak.

BAB 5

PEJABAT SUHAKAM SABAH

PEJABAT SUHAKAM SABAH

LATAR BELAKANG

Pejabat SUHAKAM Sabah (Pejabat Sabah) meneruskan usahanya untuk mempromosikan serta menyiasat aduan-aduan berkaitan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia di negeri ini. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan yang jelas daripada segi jumlah aduan yang diterima pada tahun 2023 berbanding 300 aduan pada tahun 2022. Pada tahun 2023, Pejabat Sabah telah menerima sebanyak 96 aduan di mana 70 aduan berada dalam bidang kuasa manakala 26 lagi di luar bidang kuasa. Daripada 70 aduan dalam bidang kuasa tersebut, sebanyak 23 aduan atau 32.86 peratus berjaya diselesaikan manakala 47 aduan lagi atau bersamaan dengan 67.14 peratus masih dalam siasatan.

Pada tahun 2023 juga Pejabat Sabah banyak menumpukan kepada usaha menyiasat aduan-aduan yang telah diterima, melaksanakan usaha-usaha berbentuk pendidikan, promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Sabah, serta mempertingkatkan hubungan dengan pihak berkepentingan di Sabah termasuklah daripada NGO, CSO dan agensi-agensi kerajaan persekutuan mahupun negeri. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti ceramah, mesyuarat, lawatan kerja dan jerayawara, dan menjalankan siasatan terhadap aduan-aduan pencabulan hak asasi di negeri ini.

1. ADUAN DAN PEMANTAUAN

Pejabat Sabah telah menerima sebanyak 70 aduan dan pertanyaan tentang hak asasi manusia daripada orang awam yang mana sejumlah 23 aduan berjaya diselesaikan manakala 47 aduan masih dalam siasatan dan telah dimajukan kepada pihak yang berkaitan.

Jadual 5: Aduan yang telah diterima oleh Pejabat Sabah pada tahun 2023

BIL.	KATEGORI	JUMLAH KES
1.	Hak kewarganegaraan	23
2.	Hak memiliki harta	10
3.	Hak tanah adat	6
4.	Hak taraf hidup dan sosial	6
5.	Tangkapan/tahanan/buang negeri	4
6.	Hak pekerjaan	4
7.	Diskriminasi/kesamarataan	4
8.	Hak mendapatkan maklumat	4
9.	Tindakan seksaan/layanan atau hukuman zalim	2
10.	Buruh paksa	2
11.	Hak kanak-kanak	1
12.	Hak alam sekitar	1
13.	Gangguan privasi	1
14.	Lain-lain	2
	Jumlah	**70**

1.1 Isu Kewarganegaraan

Isu kewarganegaraan bukanlah satu isu asing di Pejabat Sabah khususnya dan negeri Sabah amnya. Malah isu ini bukan sahaja dihadapi oleh masyarakat di bandar tetapi juga masyarakat luar bandar yang menghadapi pelbagai kekangan dalam proses pendaftaran kewarganegaraan. Isu kewarganegaraan dan dokumen pengenalan diri telah menjadi isu utama dalam aduan yang diterima oleh Pejabat Sabah pada tahun 2023 khususnya kategori isu berkenaan taraf kewarganegaraan dan dokumentasi dalam kalangan individu yang tidak berdaftar dan tinggal di Sabah tanpa memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada aduan kewarganegaraan yang diterima oleh Pejabat Sabah ialah isu daftar perkahwinan terutamanya apabila perkahwinan tersebut melibatkan salah seorang pasangan yang berstatus bukan warganegara.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mementingkan institusi perkahwinan. Setiap perkahwinan mestilah didaftarkan di agensi yang berkaitan mengikut proses yang telah ditetapkan. Isu kewarganegaraan timbul apabila perkahwinan ibu bapa tidak melalui proses pendaftaran yang sepatutnya disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kekangan daripada segi jarak dan kewangan serta pemilikan dokumen pengenalan ketika proses pendaftaran perkahwinan. Bukan itu sahaja, terdapat juga perkahwinan yang hanya didaftarkan secara adat dan bukan sivil. Perkara ini menimbulkan isu terutamanya apabila pasangan tersebut beragama Islam dan ingin mendaftarkan kelahiran anak tetapi hanya memiliki sijil perakuan perkahwinan tetapi tidak memiliki sijil nikah yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

1.2 Hak Memiliki Harta/Hak Tanah Adat

Saban tahun, isu berkaitan hak tanah menjadi antara isu yang menjadi tumpuan Pejabat Sabah disebabkan oleh jumlah aduan yang diterima. Aduan berkaitan tanah yang diterima juga tidak hanya berkaitan dengan pemilikan tanah semata-mata, tetapi juga melibatkan isu (*native customary rights* /NCR) atau pun hak tanah adat.

Isu NCR adalah perkara yang tidak asing di Sabah sekiranya melihat kepada populasi Orang Asal (OA) tersebut itu sendiri di negeri ini. Kebergantungan OA terhadap tanah dan hutan semula jadi menjadikan tanah sebagai faktor penting dalam kelangsungan kehidupan OA. Namun demikian, isu NCR wujud apabila berlaku konflik pertikaian tanah antara OA dengan agensi atau syarikat. Aduan yang diterima oleh Pejabat Sabah berkaitan dengan konflik pertikaian tanah adat adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah daripada sudut pelaksanaan kaedah *Free, Prior, Informed Consent* (FPIC) ketika berurusan dengan OA yang melibatkan isu tanah adat.

Selain itu, aduan tanah yang diterima oleh Pejabat Sabah juga tidak hanya berfokus kepada isu NCR semata-mata, tetapi juga turut melibatkan isu permohonan tanah yang melibatkan prosedur permohonan tanah serta pemakluman yang adakalanya tidak sampai kepada pemohon.

1.3 Hak Taraf Hidup dan Sosial

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah telah menerima enam aduan yang berkaitan dengan hak taraf hidup dan sosial. Setelah dikenalpasti, hak individu terhadap taraf hidup dan sosial adalah berpunca daripada pemilikan dokumen pengenalan.

Isu kewarganegaraan seorang individu bukan sahaja akan mempengaruhi pendokumentasian individu dalam sistem maklumat diri kerajaan tetapi juga turut mempengaruhi taraf hidup sosial seorang individu secara keseluruhan seperti hak kepada akses kesihatan, pendidikan dan pekerjaan.

Pejabat Sabah juga memberikan perhatian kepada lawatan dan penyelesaian kes. Pada tahun 2023, Pejabat Sabah memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan jumlah aduan yang diterima serta proses penyelesaian kes. Pejabat Sabah akan terus mempromosi serta meningkatkan kesedaran awam tentang sistem aduan atas talian Suruhanjaya dan menilai semula prosedur penyiasatan agar lebih efisien dan teratur.

2. LAWATAN KE PUSAT TAHANAN

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah telah mengadakan beberapa siri lawatan ke pusat-pusat tahanan untuk meninjau keadaan dan memastikan pusat-pusat tahanan tersebut menepati piawaian minimum hak asasi manusia.

Jadual 6: Lawatan ke Pusat Tahanan pada Tahun 2023

BIL.	TARIKH	PERKARA	LOKASI
1.	31 Jan. 2023	Lawatan Berkala ke Penjara Wanita	Kota Kinabalu
2.	31 Jan. 2023	Lawatan ke Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC)	Kota Kinabalu
3.	8 Mei 2023	Lawatan Berkala ke IPD Beaufort	Beaufort
4.	15 Mei 2023	Lawatan Berkala ke Pusat Koreksional Labuan	W.P Labuan
5.	16 Mei 2023	Lawatan Berkala ke IPD dan Lokap Labuan	W.P Labuan
6.	25 Mei 2023	Lawatan ke Pusat Pengasingan Pengemis Bukan Warganegara	Kota Kinabalu

BIL.	TARIKH	PERKARA	LOKASI
7.	8 Ogos 2023	Lawatan ke IPD Sandakan	Sandakan
8.	9 Ogos 2023	Lawatan ke Penjara Sandakan	Sandakan
9.	1 Nov. 2023	Lawatan ke Rumah Perantaraan Jabatan Penjara Kota Kinabalu	Kota Kinabalu
10.	2 Nov. 2023	Lawatan Berkala ke IPD Papar	Papar

3. LAWATAN KE LAPANGAN UNTUK TUJUAN SIASATAN KES

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah juga telah mengadakan beberapa siri lawatan ke lapangan untuk tujuan siasatan kes. Lawatan ini antara lainnya adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat kes, berjumpa dengan pengadu serta pihak-pihak berkepentingan yang mempunyai kaitan dengan kes yang sedang disiasat.

Jadual 7: Lawatan ke Lapangan untuk Tujuan Siasatan Kes, 2023

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	22 Feb. 2023	Lawatan Kes ke Daerah Semporna dan Tawau
2.	8 Mac 2023	Lawatan Kes ke Daerah Keningau
3.	8 Mei 2023	Lawatan Kes ke Daerah Beaufort
4.	2 Ogos 2023	Lawatan Kes ke Sekolah Kebangsaan Simpangan, Paitan
5.	17 Okt. 2023	Lawatan Kes ke Kampung Koporingan, Ranau
6.	19 Okt. 2023	Lawatan Kes ke Kampung Payangou Binakaan, Keningau
7.	26 Okt. 2023	Lawatan Kes ke Kampung Gersik/Saguking W.P Labuan

4. PENDIDIKAN DAN PROMOSI HAK ASASI MANUSIA

Pejabat Sabah giat meningkatkan aktiviti untuk mempromosi, melindungi serta mengawasi hak asasi manusia di Sabah, selaras dengan fungsi serta kuasa yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Pejabat Sabah percaya bahawa kesedaran terhadap hak asasi manusia dalam kalangan orang awam adalah sangat penting bagi menyemai konsep hak asasi di Sabah. Pada tahun 2023, Pejabat Sabah secara aktif telah mengedarkan dokumen-dokumen panduan tentang prinsip hak asasi manusia dan cabarannya kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, Pejabat Sabah juga turut giat mengadakan kerjasama dengan pelbagai

pihak dalam usaha untuk mempromosi dan melindungi hak asas manusia di Sabah seperti yang dijelaskan dalam Jadual 8 di bawah. Pejabat Sabah akan meneruskan usaha ini kepada kumpulan sasaran dan masyarakat umum di Sabah.

Mengambil kira isu kekangan geografi dan literasi komputer di Sabah, Pejabat Sabah turut mengambil inisiatif baru dalam prosedur pengurusan aduan dengan memperkenalkan penerimaan aduan melalui aplikasi WhatsApp. Pejabat Sabah juga terus berusaha lebih peka terhadap keperluan masyarakat di Sabah dalam mengemukakan aduan agar lebih bersifat mesra pengguna sesuai dengan situasi tempatan.

5. PENGLIBATAN DENGAN MASYARAKAT AKAR UMBI

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah telah meneruskan program yang melibatkan masyarakat akar umbi di negeri ini.

Objektif program adalah seperti yang berikut:

i) Membina hubungan yang produktif dengan masyarakat akar umbi.
ii) Menyediakan ruang kepada masyarakat akar umbi untuk mengutarakan pendapat mereka dan memberikan respon kepada isu-isu yang relevan.
iii) Sebagai strategi untuk mempromosikan Pejabat Sabah agar lebih dikenali oleh masyarakat akar umbi di Sabah.

Jadual 8: Program Pejabat Sabah Tahun 2023

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	LOKASI
1.	1 Feb. 2023	Perjumpaan bersama NGO *Justice for Sisters*	Kota Kinabalu
2.	1 Feb. 2023	Mesyuarat Pakatan pusat pembelajaran alternatif (ALC)	Kota Kinabalu
3.	2 Feb. 2023	Perjumpaan bersama NGO Kanak-kanak Sabah	Kota Kinabalu
4.	2 Feb. 2023	Lawatan ke Taman Didikan Orang Kurang Upaya (TDKKU) Sembulan	Kota Kinabalu
5.	3 Feb. 2023	Persidangan AMOS	Keningau
6.	9 Mac 2023	Program Kaunter Bergerak Anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS)	Keningau

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	LOKASI
7.	9 Mei 2023	Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM)	Kuala Penyu
8.	10 Jun 2023	Ceramah Kursus Kepimpinan di Jabatan Hal Ehwal Wanita	Kota Kinabalu
9.	14 Jun 2023	Penyelarasan Matriks *Universal Periodic Review* (UPR) Sabah	Kota Kinabalu
10.	22 Jun 2023	Ceramah Hak Kanak-Kanak sempena Program Kesedaran Hak Kanak-Kanak anjuran Kelab Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di SK. Kindu, Tuaran.	Tuaran
11.	3 Jul. 2023	Ceramah Kursus Kepimpinan Wanita anjuran Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) Sabah	Keningau
12.	5 Ogos 2023	Program Bengkel Pengenalan Standard MSPO (MS2530:2022) & Aspek Sosial Dalam Perniagaan anjuran MPOC dengan kerjasama SUHAKAM	Tawau
13.	7 Ogos 2023	Lawatan ke *ALC Cahaya Society*	Sandakan
14.	9 Ogos 2023	Ceramah Hak Asasi Manusia sempena Kursus Pemantapan Tugas Ketua Polis Balai Siri 1/2023 di Mess Pegawai Kanan IPK Sabah	Kota Kinabalu
15.	10 Ogos 2023	Sesi Konsultasi Bersama Pihak Berkepentingan di Sabah Berkenaan Isu Buruh Paksa dan Buruh Kanak-kanak	Kota Kinabalu
16.	7 Sep. 2023	Majlis Penandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) untuk Mencari Penyelesaian Terbaik bagi Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah; antara SUHAKAM, KOMNAS HAM dan CHRP	Semporna
17.	8 Sep. 2023	Lawatan ke Kawasan Penempatan Komuniti Palauh di Pulau Omadal dan Pulau Mabul	Semporna
18.	30 Okt. 2023	Lawatan ke *Renewal Life Centre* (Pusat Pemulihan Dadah Persendirian)	Menggatal

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	LOKASI
19.	31 Okt. 2023	Lawatan ke Kompleks Mawao Sawit Kinabalu dan CLC24 Ladang Mawao, Membakut	Membakut
20.	1 Nov. 2023	Lawatan ke ALC Madrasah Al-Hikmah	Likas
21.	2 Nov. 2023	Lawatan ke Rumah Kanak-kanak Kota Kinabalu (Jabatan Kebajikan Masyarakat)	Papar

6. MESYUARAT

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah juga telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak-pihak berkepentingan iaitu:

Jadual 9: Mesyuarat Bersama Pelbagai Agensi, 2023

BIL.	TARIKH	PERKARA	LOKASI
1.	3 Feb. 2023	Mesyurat bersama *Office of the High Commissioner for Human Rights* (OHCHR)	Dalam Talian (Aplikasi Zoom)
2.	8 Feb. 2023	Mesyuarat bersama Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS)	Kota Kinabalu
3.	24 Feb. 2023	Mesyuarat bersama Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan (PHENDP)	Kota Kinabalu
4.	24 Feb. 2023	Mesyuarat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah	Kota Kinabalu
5.	2 Mac 2023	Mesyuarat bersama *Malaysia International Humanitarian Organisation* (MHO)	Kota Kinabalu
6.	7 Mac 2023	Mesyuarat bersama PPHT dan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah	Kota Kinabalu
7.	8 Mac 2023	Mesyuarat bersama Perbendaharaan Malaysia Sabah	Kota Kinabalu
8.	9 Mac 2023	Mesyuarat bersama Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) Keningau	Keningau
9.	22 Mac	Mesyuarat bersama Delegasi Kesatuan Eropah (EU)	Kota Kinabalu

BIL.	TARIKH	PERKARA	LOKASI
10.	22 Mac 2023	Mesyuarat bersama *My Voice*	Kota Kinabalu
11.	27 Mac 2023	Mesyuarat bersama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	Kota Kinabalu
12.	17 Apr. 2023	Mesyuarat bersama Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah	Kota Kinabalu
13.	20 Apr. 2023	Mesyuarat bersama Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia	Kota Kinabalu
14.	2 Mei 2023	Mesyuarat bersama *Marist Brothers Organisations*	Kota Kinabalu
15.	12 Jun 2023	Mesyuarat bersama Konsulat Jenderal Republik Indonesia	Kota Kinabalu
16.	14 Jul. 2023	Mesyuarat bersama *Elshaddai Centre Berhad*	Kota Kinabalu
17.	17 Jul. 2023	Mesyuarat bersama *Sabah Land Development Board* (SLDB)	Kota Kinabalu
18.	3 Ogos 2023	Mesyuarat bersama IPD Beluran	Beluran
19.	3 Ogos 2023	Mesyuarat bersama Jabatan Kebajikan Beluran	Beluran
20.	11 Ogos 2023	Mesyuarat bersama Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah	Kota Kinabalu
21.	25 Ogos 2023	Mesyuarat bersama Pegawai Daerah dan ESSCOM	Semporan
22.	6 Okt. 2023	Mesyuarat bersama *Society for Equality, Respect and Trust for All* (SERATA)	Kota Kinabalu
23.	16 Okt. 2023	Mesyuarat bersama PROFOREST	Kota Kinabalu
24.	18 Okt. 2023	Mesyuarat bersama PPHT Ranau	Ranau
25.	20 Okt. 2023	Mesyuarat bersama PPHT Keningau	Keningau
26.	9 Nov. 2023	Perjumpaan bersama Syarikat *Knight Frank*	Kota Kinabalu
27.	16 Nov. 2023	Mesyuarat bersama wakil Kedutaan Jerman	Kota Kinabalu

BIL.	TARIKH	PERKARA	LOKASI
28.	20 Nov. 2023	Mesyuarat bersama Perbadanan Labuan	Kota Kinabalu
29.	1 Dis. 2023	Mesyuarat bersama Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	Kota Kinabalu
30.	5 Dis. 2023	Mesyuarat bersama UN *Resident Coordinator*	Kota Kinabalu
31.	11 Dis. 2023	Mesyuarat bersama Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)	Kota Kinabalu
32.	22 Dis. 2023	Mesyuarat bersama Persatuan Majikan Malaysia (MEF) Sabah	Kota Kinabalu

7. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN KOMNAS HAM DAN CHRP

Pada tahun 2023, Pejabat Sabah telah menandatangani MoU dengan KOMNAS HAM dan CHRP untuk berkerjasama dalam menangani isu berkaitan penduduk tidak bernegara di Sabah. Menerusi memorandum ini, ketiga-tiga pihak dijangka mengadakan pelbagai program yang melibatkan pelbagai pihak dan lapisan masyarakat.

HARAPAN MASA HADAPAN

Di sebalik cabaran-cabaran yang dihadapi, Pejabat Sabah berjaya menjalankan hampir kesemua aktiviti yang telah dirancang dan diluluskan didalam bajet sepanjang tahun 2023. Untuk tahun 2024, Pejabat Sabah akan terus mengekalkan komitmen sepenuhnya dengan memfokuskan pada aspek-aspek seperti yang berikut:

Kerjasama yang Lebih Erat:
Pejabat Sabah akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan agensi kerajaan, NGO, dan masyarakat akar umbi untuk meningkatkan impak dan pencapaiannya di negeri ini;

Kajian terhadap Isu Hak Asasi Manusia di Sabah:
Keinginan untuk melihat peningkatan didalam penyelidikan yang lebih mendalam terhadap isu-isu hak asasi manusia yang signifikan di Sabah, dengan tujuan memberikan gambaran yang lebih lengkap dan tepat;

Pendidikan dan Kesedaran Hak Asasi Manusia yang Lebih Luas:
Pejabat Sabah juga akan terus memperluaskan program pendidikan dan kesedaran hak asasi manusianya agar dapat meningkatkan pemahaman masyarakat tentang hak asasi manusia dan peranannya didalam menjaga keadilan sosial;

Respon yang Cepat terhadap Isu-isu Kritikal:
Pejabat Sabah juga akan terus memberikan perhatian dan bertindak dengan cepat dan efisien terhadap isu-isu hak asasi manusia kritikal yang muncul secara mendadak;

Ketelusan dan Keterbukaan:
Pejabat Sabah akan terus komited untuk meningkatkan ketelusan dan keterbukaan didalam melaksanakan tugasnya, termasuklah penyaluran maklumat secara terbuka dan jelas kepada masyarakat;

Peningkatan Keterlibatan Masyarakat:
Pejabat Sabah akan terus komited untuk memperkukuhkan keterlibatan masyarakat dalam proses pemantauan dan perlindungan hak asasi manusia serta mencipta hubungan yang lebih baik antara Pejabat Sabah dengan komuniti;

Pemeliharaan Nilai-nilai Keadilan dan Kesaksamaan:
Pejabat Sabah akan terus komited untuk memelihara dan meningkatkan nilai-nilai keadilan, kesaksamaan dan hak asasi manusia sebagai dasar utama dalam setiap tindakan dan keputusan yang akan diambil;

Peningkatan Prestasi:
Pejabat Sabah akan terus komited untuk meningkatkan prestasinya dalam memberikan pendidikan berkaitan hak asasi manusia serta melindungi hak asasi manusia di Sabah.

BAB 6

PEJABAT SUHAKAM SARAWAK

PEJABAT SUHAKAM SARAWAK

GAMBARAN KESELURUHAN

Secara keseluruhan, Pejabat SUHAKAM Sarawak (Pejabat Sarawak) berjaya melaksanakan kerja-kerja hakiki dan sampingan, termasuk meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia, menerima aduan berkaitan hak asasi manusia serta menjalankan siasatan dan penyelesaian berkaitan aduan tersebut. Hampir semua aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Kerja 2023 berjaya dilaksanakan, namun beberapa aktiviti telah digugurkan disebabkan kekangan masa atau perkara yang tidak dapat dielakkan.

Pejabat Sarawak telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia, termasuk mengadakan bengkel dan ceramah untuk pegawai AADK, pelajar, dan orang awam. Pejabat Sarawak juga terlibat dalam 4 pameran di beberapa lokasi dan 2 program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM) di Sebauh, Bintulu dan Batu Lintang Undop, Sri Aman.

Berkaitan urusan penerimaan aduan, Pejabat Sarawak telah menerima 102 aduan mengenai pelanggaran hak asasi manusia, dengan 81 aduan berada di bawah bidang kuasa SUHAKAM. Kategori aduan terbanyak adalah mengenai hak kepada kewarganegaraan (31 aduan), diikuti oleh hak taraf hidup dan sosial (11 aduan) serta hak tanah adat (9 aduan). Pejabat Sarawak juga telah melaksanakan 6 lawatan pemantauan ke tempat-tempat tahanan dan 4 buah institusi tempat perlindungan, serta menjalankan beberapa lawatan lapangan siasatan ke bahagian di Sarawak untuk menyiasat aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia.

Selain itu, Pejabat Sarawak telah mengambil inisiatif dalam aspek dasar dan perundangan berkaitan hak warga emas, penyelarasan pemantauan penilaian berkala sejagat (UPR), dan pindaan perlembagaan berkaitan kewarganegaraan.

Aktiviti-aktiviti Pejabat Sarawak terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu i) Pendidikan dan Promosi, ii) Aduan dan Pemantauan, dan iii) Dasar dan Perundangan.

1. PENDIDIKAN DAN PROMOSI

Pejabat Sarawak telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dalam kalangan pegawai kerajaan dan masyarakat. Antaranya melalui penganjuran bengkel, undangan menyampaikan ceramah, penyertaan reruai dan program SBM.

1.1 Bengkel Hak Asasi Manusia Kepada Pegawai Penguatkuasaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk Zon Sabah dan Sarawak

Pejabat Sarawak telah menganjurkan Bengkel Hak Asasi Manusia kepada Pegawai Penguatkuasaan AADK untuk Zon Sabah dan Sarawak bersama Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan (EOD) pada 13-15 Jun 2023. Program ini dihadiri oleh 40 orang peserta terdiri daripada pegawai pelbagai bahagian AADK di Sarawak. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pegawai AADK tentang hak asasi manusia serta membincangkan cabaran yang mereka hadapi dalam kerja mereka.

1.2 Undangan untuk menyampaikan ceramah kesedaran tentang hak asasi manusia

Pada tahun 2023, Pejabat Sarawak telah menerima undangan daripada agensi kerajaan dan organisasi untuk menyampaikan ceramah kesedaran berkenaan topik hak asasi manusia sebagaimana yang berikut:

Jadual 10: Ceramah kesedaran hak asasi manusia

BIL.	TARIKH	TOPIK	PENCERAMAH	LOKASI	PENGANJUR
1.	8 Mac 2023	Hak Asasi Sebagai Wanita Malaysia	Encik Sophian Osman	MSU College Sarawak	MSU College Sarawak
2.	16 Jun 2023	Isu hak asasi dan kemiskinan di Negeri Sarawak	Dr. Chew Chee Ming	Hotel Waterfront, Kuching	PUSTAKA Sarawak

1.3 Pameran hak asasi manusia

Pejabat Sarawak telah menyertai empat pameran untuk meningkatkan kesedaran terhadap hak asasi manusia dan turut membuka kaunter aduan bagi menerima aduan daripada orang awam berkenaan pelanggaran hak asasi manusia. Berikut adalah pameran yang disertai oleh Pejabat Sarawak:

Jadual 11: Pameran hak Asasi Manusia

BIL.	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR	BUTIRAN
1.	18-19 Mac 2023	Coco Cabana Miri	*Junior Chamber International* (JCI) Miri	Diadakan bersempena dengan sambutan *Borneo Sustainable Development Goals Summit 2023*
2.	28-30 Jul. 2023	Masjid Jamek, Negeri Sarawak	Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Jamek, Kuching.	Diadakan bersempena dengan sambutan Maal Hijrah, iaitu Info Kiosk Festival Maal Hijrah 1445/2023
3.	29 Sep. -1 Okt. 2023	Waterfront, Sri Aman	*Sri Aman Development Agency* (SADA)	Diadakan bersempena dengan sambutan Pesta Benak
4.	9-10 Dis.2023	La Promenade, Kuching	RENCANA (NGO)	Diadakan bersempena dengan sambutan *Human Rights Day Festival* (HRFS 2023)

1.4 Program SUHAKAM Bersama Masyarakat (SBM)

Pejabat Sarawak telah mengadakan dua program SBM iaitu di Sebauh, Bintulu dan Batu Lintang Undop, Sri Aman. Antara aktiviti-aktiviti semasa SBM adalah ceramah, sesi soal jawab bersama masyarakat berhubung dengan fungsi dan kuasa SUHAKAM dan isu-isu perlanggaran hak asasi manusia yang dihadapi oleh masyarakat, serta penerimaan aduan dan pertanyaan mengenai perlanggaran hak asasi manusia.

1.4.1 Sebauh, Bintulu Sarawak

Pada 16 Mei 2023, Pejabat Sarawak telah mengadakan program SBM di Sebauh, Bintulu Sarawak yang bertempat di Dewan Masyarakat Kampung Hilir Sebauh, Bintulu. Program SBM dihadiri oleh 35 orang peserta terdiri daripada kakitangan kerajaan dari Pejabat Daerah Sebauh, ketua-ketua masyarakat dan penduduk-penduduk kampung dari pelbagai kampung dan rumah panjang di sekitar daerah Sebauh, Bintulu.

Antara isu yang dibangkitkan semasa SBM di Sebauh, Bintulu ialah:

- pencemaran air sungai,
- isu kewarganegaraan,
- hak mendapatkan rawatan di klinik kesihatan yang berdekatan,
- hak pendidikan untuk kanak-kanak yang tanpa kewarganegaraan,
- syarat untuk memohon penduduk tetap adalah terlalu panjang,
- dakwaan terdapat sesetengah Ketua Masyarakat enggan mengesahkan borang-borang rasmi permohonan
- peranan SUHAKAM dalam membela hak asasi penduduk terutamanya di luar bandar.

1.4.2 Batu Lintang, Sri Aman Sarawak

Pada 5 Disember 2023, Pejabat Sarawak telah mengadakan program SBM di Batu Lintang, Sri Aman Sarawak yang bertempat di Rumah Nanta Batu Lintang Undop, Sri Aman. Program SBM ini dihadiri oleh 130 orang peserta terdiri daripada kakitangan kerajaan dari Pejabat Daerah Sri Aman, ketua-ketua masyarakat dan penduduk-penduduk kampung dari 39 buah rumah panjang di sekitar Undop Batu Lintang, Sri Aman.

Antara isu yang dibangkitkan semasa SBM di Batu Lintang Undop, Sri Aman ialah isu:

- tanpa kewarganegaraan yang melibatkan kanak-kanak yang berlaku atas perkahwinan dengan pasangan (ibu bapa) yang bukan warganegara,

- P turn yang melibatkan jalan masuk ke simpang Batu Lintang,
- bil air yang melambung tinggi akibat ketiadaan bacaan meter oleh agensi Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak secara berkala,
- ketiadaan papan tanda menunjukkan jalan masuk ke kampung tertentu,
- kemudahan infrastruktur yang melibatkan jalan-jalan ke kampung yang perlu diberikan penambahbaikan.

Bengkel Hak Asasi Manusia Kepada Pegawai Penguatkuasaan AADK untuk Zon Sabah dan Sarawak pada 13-15 Jun 2023.

Pameran Pesta Benak Sri Aman pada 29 September – 2 Oktober 2023.

Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Dr. Farah Nini Dusuki dan Setiausaha SUHAKAM ditemubual oleh media tempatan di Pameran sempena *Human Rights Day Festival Sarawak* pada 9 Disember 2023.

SBM di Rumah Panjang TR Nanta, Purai Undop Batu Lintang, Sri Aman pada 5 Disember 2023.

SBM di Rumah Panjang TR Nanta, Purai Undop Batu Lintang, Sri Aman pada 5 Disember 2023.

2. ADUAN DAN PEMANTAUAN

Pejabat Sarawak telah menerima 102 aduan mengenai perlanggaran hak asasi manusia melalui beberapa saluran, termasuk SBM, surat, e-mel, telefon, pameran, dan kehadiran ke Pejabat Sarawak.

Selain itu, Pejabat Sarawak telah melaksanakan 6 lawatan pemantauan ke tempat-tempat tahanan dan 4 institusi tempat perlindungan. Pejabat Sarawak juga telah melaksanakan lawatan lapangan siasatan ke 5 bahagian di Sarawak untuk menyiasat aduan mengenai perlanggaran hak asasi manusia.

2.1 Aduan Diterima

Pada tahun 2023, Pejabat Sarawak telah menerima 102 aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia daripada orang awam. Daripada 102 aduan tersebut, 81 adalah aduan di bawah bidang kuasa SUHAKAM manakala 21 aduan adalah di luar bidang kuasa.

Jadual 12: Jumlah aduan yang diterima tahun 2023

BIL	BUTIRAN	BILANGAN ADUAN
1.	Dalam Bidang Kuasa	81
2.	Luar Bidang Kuasa	21
	JUMLAH BESAR	**102**

Hak kepada kewarganegaraan telah mencatatkan jumlah kategori aduan tertinggi iaitu sebanyak 31 aduan, manakala hak taraf hidup dan sosial telah mencatatkan jumlah kategori aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 11 aduan.

Jadual 13: Aduan yang diterima mengikut kategori tahun 2023

BIL	KATEGORI	BILANGAN KES
1.	Hak kepada kewarganegaraan	31
2.	Hak tanah adat	9
3.	Hak alam sekitar	5
4.	Hak mendapatkan maklumat	4
5.	Buruh paksa	1
6.	Hak taraf hidup dan sosial	11
7.	Hak kepada pekerjaan	5
8.	Diskriminasi/ kesamarataan	1
9.	Pemerdagangan/ penyeludupan manusia	3
10.	Hak pendidikan	2
12.	Tindakan seksaan/ layanan atau hukuman zalim	1
13.	Hak memiliki harta	2
14.	Hak kebebasan dan keselamatan	3
15.	Gangguan privasi	1
16.	Lain-lain	2
	Jumlah	**81**

2.2 Isu-Isu Berbangkit

Pejabat Sarawak telah menerima dan meneliti isu yang berbangkit berkenaan hak kepada kewarganegaraan, hak taraf hidup sosial, hak tanah adat, hak mendapatkan maklumat dan hak alam sekitar. Isu ini adalah hasil daripada aduan yang telah diterima oleh Pejabat Sarawak pada tahun 2023.

2.2.1 Hak kepada kewarganegaraan

Aduan mengenai hak kepada kewarganegaraan telah diterima oleh Pejabat Sarawak disebabkan pendaftaraan perkahwinan dengan Jabatan Pendaftaran Negara di antara warganegara Malaysia dan bukan warganegara tidak didaftarkan. Upacara perkahwinan mengikut adat tanpa mendaftar perkahwinan secara rasmi dan menganggap upacara perkahwinan mengikut adat sudah memadai.

Status tanpa kewarganegaraan yang tidak berdaftar sering diwarisi dari generasi ke generasi. Hal ini disebabkan oleh isu kewangan dan logistik yang memainkan peranan penting dalam proses pendaftaran pengenalan diri. Bagi pemohon yang tinggal di kawasan pedalaman dan jauh dari kawasan bandar, perjalanan untuk mendaftar pengenalan diri boleh memakan masa sehingga satu atau dua hari yang akan melibatkan kos pengangkutan, penginapan, dan makan minum. Kos yang terlalu tinggi ini menyebabkan ramai pemohon mengambil sikap sambil lewa terhadap pendaftaran pengenalan diri sehingga mengakibatkan mereka menghadapi isu berkaitan taraf kewarganegaraan.

Begitu juga, kelahiran di kawasan pedalaman yang sering tidak didokumentasikan dengan baik. Masalah timbul apabila pemohon diminta oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuktikan maklumat kelahiran namun ianya tidak dapat dibuktikan apabila bidan yang menyambut kelahiran tersebut telah meninggal dunia. Selain itu, pengesahan dari ketua kampung sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan status kewarganegaraan yang menyebabkan pemohon menghadapi masalah status taraf kewarganegaraan.

2.2.2 Hak taraf hidup dan sosial

Hak taraf hidup dan sosial bermaksud setiap orang adalah berhak kepada satu taraf hidup yang mencukupi bagi kesihatan dan kesejahteraan dirinya termasuk makanan, pakaian, perumahan, perubatan serta perkhidmatan sosial jika perlu.

Isu tanpa kewarganegaraan telah menyebabkan individu terpinggir dan tercicir daripada sistem pendidikan formal. Keciciran mendapatkan pendidikan membatasi peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, seterusnya mempengaruhi taraf hidup dan sosial.

Pendidikan yang rendah akan meningkatkan risiko kemiskinan, ketidakstabilan sosial dan pengasingan. Oleh itu, adalah penting untuk menangani isu ini agar semua individu, tanpa mengira status kewarganegaraan, dapat memperolehi pendidikan yang berkualiti dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Ketua masyarakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup dan sosial penduduk di kawasannya. Namun, terdapat sesetengah ketua masyarakat yang kurang mempunyai pengetahuan tentang prosedur memohon bekalan air, elektrik, dan jalan raya mengakibatkan penduduk tidak menerima bekalan air terawat, kemudahan elektrik dan jalan perhubungan.

Pejabat Sarawak juga menerima maklum balas daripada penduduk kampung mengenai kurangnya pendedahan dan pemantauan oleh pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan sosial mereka. SUHAKAM mencadangkan agar kerajaan meningkatkan saluran komunikasi melalui sesi penerangan dan media sosial, melaksanakan sistem pemantauan berterusan untuk menilai keberkesanan program, serta melibatkan penduduk dalam perancangan inisiatif. Selain itu, penyediaan program latihan dan pendidikan juga disyorkan, bersama kerjasama dengan agensi seperti KKDW dan NGO untuk memastikan bantuan dapat dimanfaatkan secara berkesan.

Kedudukan penempatan yang jauh dari bandar dan ketiadaan infrastruktur telekomunikasi yang mencukupi mengakibatkan penduduk luar bandar kurang pendedahan kepada program dan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan, seterusnya menyebabkan mereka ketinggalan dalam meningkatkan taraf hidup dan sosial. SUHAKAM mencadangkan agar kerajaan meningkatkan pembangunan infrastruktur telekomunikasi, memperkenalkan pelbagai saluran maklumat seperti radio

komuniti, mengadakan program pendidikan dan kesedaran, serta melibatkan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program. Kerjasama dengan agensi berkaitan seperti KKDW, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan NGO juga penting untuk memastikan inisiatif ini berkesan dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar.

2.2.3 Hak tanah adat

Setiap tahun Pejabat Sarawak banyak menerima aduan berkenaan hak tanah adat dan ianya bukanlah perkara baharu yang disuarakan oleh Orang Asal. Aduan ini telah diterima daripada penduduk di bahagian Miri, Bintulu, Mukah dan Kota Samarahan. Orang Asal mendakwa bahawa syarikat perladangan kelapa sawit menceroboh tanah adat tanpa memaklumkan kepada pemilik tanah adat. Syarikat perladangan kelapa sawit hanya berkomunikasi dengan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak tanpa pengetahuan pemilik tanah. Apabila pemilik tanah adat ingin menguruskan tanah mereka bagi tujuan pertanian maka akan timbul konflik di antara orang asal, kerajaan dan syarikat perladangan kelapa sawit. Orang Asal mendakwa bahawa biasanya hanya memiliki bukti lisan dan tiada dokumen rasmi, sedangkan syarikat perladangan kelapa sawit memiliki kelulusan kerajaan secara dokumentasi. Akibatnya, pemilik tanah adat berisiko kehilangan hak tanah adat ke atas tanah mereka.

2.2.4 Hak mendapatkan maklumat

Pejabat Sarawak telah menerima aduan berkaitan hak mendapatkan maklumat dari penduduk di Bintulu, Miri, dan Sri Aman, di mana mereka mengalami kesulitan dalam mendapatkan maklum balas daripada agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), KDN, dan Pejabat Residen. Selain itu, isu ini juga dipengaruhi oleh ketiadaan kemudahan jaringan telekomunikasi, yang menyukarkan pengadu, terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman, untuk mendapatkan maklumat.

SUHAKAM mengesyorkan beberapa cadangan seperti meningkatkan infrastruktur telekomunikasi dengan mempercepatkan pembangunan menara pemancar di

kawasan pedalaman. Selain itu, program pendidikan teknologi maklumat harus diadakan untuk melatih penduduk tentang penggunaan aplikasi digital, termasuk e-mel, agar mereka dapat memperolehi maklumat dengan lebih mudah.

Saluran maklumat alternatif seperti khidmat pesanan ringkas (SMS) perlu disediakan untuk mereka yang tidak dapat menggunakan teknologi. JPN dan KDN juga harus mengukuhkan sistem respons mereka dengan menetapkan garis masa untuk maklum balas terhadap permohonan dengan mewujudkan pusat khidmat pelanggan di kawasan pedalaman akan membantu penduduk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Agensi yang terlibat dalam menyelesaikan isu ini termasuk JPN, KDN, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta pihak berkuasa tempatan. Kerjasama antara semua pihak adalah penting untuk memperbaiki hak mendapatkan maklumat di Sarawak dan memastikan semua penduduk, termasuk yang berada di kawasan pedalaman, dapat memperolehi maklumat yang mereka perlukan.

2.2.5 Hak alam sekitar

Pejabat Sarawak telah menerima aduan hak alam sekitar dari bahagian Kuching, Kota Samarahan, Miri dan Bintulu. Pembangunan kawasan melalui pertanian, perladangan, dan infrastruktur sering menyebabkan pencemaran alam sekitar, seperti pencemaran air dan udara. Terdapat kilang perladangan kelapa sawit yang dibina berhampiran sungai untuk memproses hasil pertanian dan mengalirkan sisa pemprosesan ke dalam sungai sehingga membahayakan kehidupan akuatik.

Selain itu, pembangunan berskala besar di kawasan perkampungan mengancam sumber air penduduk yang bergantung kepada bukit dan sungai untuk mendapatkan air bersih. Ini menyebabkan pencemaran air dan mengganggu sumber pendapatan mereka sekali gus mempengaruhi ekonomi setempat.

SUHAKAM mengesyorkan untuk semua projek pembangunan skala besar perlu menjalani Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang melibatkan input masyarakat. Pembangunan harus mengutamakan amalan pertanian lestari. Selain itu, pendidikan dan kesedaran masyarakat perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam pemeliharaan alam.

Agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak haruslah memperkuatkan pemantauan dan bertindak tegas terhadap pelanggaran hak alam sekitar. Pihak Berkuasa Tempatan juga perlu mengawal selia pembangunan bagi mengelakkan kesan negatif kepada alam sekitar.

2.3 Lawatan Ke Tempat Tahanan Dan Lawatan Lapangan Siasatan

Pejabat Sarawak telah mengadakan lawatan berkala dan pemantauan ke tempat-tempat tahanan serta 4 institusi tempat perlindungan di bahagian Sarawak, selain melaksanakan lawatan lapangan siasatan ke beberapa bahagian di Sarawak, termasuk Bintulu, Miri, Sri Aman, Kuching, dan Kota Samarahan.

2.3.1 Lawatan pemantauan

Pejabat Sarawak telah mengadakan 6 lawatan berkala dan pemantauan ke tempat-tempat tahanan dan 4 institusi tempat perlindungan di bahagian Sarawak. Lawatan pemantauan ini bertujuan untuk melawat tempat tahanan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubung dengan tempat tahanan dan untuk membuat syor yang perlu.

Jadual 14: Lawatan berkala dan pemantauan

BIL.	TARIKH	BUTIRAN	LOKASI
1.	1 Feb. 2023	Lawatan ke Taman Seri Puteri Kuching	Kuching
2.	17 Mei 2023	Lawatan berkala ke Pusat Koreksional Bintulu	Bintulu
3.	18 Mei 2023	Lawatan berkala ke Lokap Balai Polis Sentral Bintulu	Bintulu

BIL.	TARIKH	BUTIRAN	LOKASI
4.	14 Ogos 2023	Lawatan ke Pusat Jagaan Warga Tua di Eden on The Park	Kuching
5.	14 Ogos 2023	Lawatan ke Rumah Seri Kenangan Kuching	Kuching
6.	20 Sep. 2023	Lawatan berkala ke Depot Imigresen Bekenu	Miri
7.	21 Sep. 2023	Lawatan berkala ke Pusat Penjara Miri	Miri
8.	21 Sep. 2023	Lawatan berkala ke Balai Polis Sentral dan Balai Polis Trafik (Wanita dan Juvana) Miri	Miri
9.	22 Sep. 2023	Lawatan ke KENOSIS Home Miri (Lelaki dan Wanita)	Miri
10.	4 Dis. 2023	Lawatan berkala ke Penjara Pusat Sri Aman	Sri Aman

2.3.2 Lawatan lapangan siasatan

Pejabat Sarawak telah melaksanakan lawatan lapangan siasatan ke beberapa bahagian di Sarawak, termasuk Bintulu, Miri, Sri Aman, Kuching dan Kota Samarahan. Tujuan lawatan ini adalah untuk menyiasat aduan yang diterima mengenai pelanggaran hak asasi manusia.

Jadual 15: Lawatan Lapangan Siasatan

BIL.	TARIKH	BUTIRAN
1.	22-25 Jun 2023	Lawatan lapangan siasatan ke Bintulu (Tubau, Simpang Bakun, Sebauh, Kampung Yoh, Kampung Labang, Kampung Jepak dan sekitar bandar Bintulu)
2.	19 Sep. 2023	Lawatan lapangan siasatan ke Miri (Kampung Usaha Jaya Tukau Lambir)
3.	17-19 Nov. 2023	Lawatan lapangan siasatan ke Sri Aman (Simanggang, Lubok Antu, Batang Ai dan Batu Lintang, Undop)
4.	12 Dis. 2023	Lawatan lapangan siasatan ke rumah penjagaan warga emas persendirian (Kuching)
5.	14 Dis. 2023	Lawatan lapangan siasatan ke Kota Samarahan (Kampung Plaie)

Lawatan berkala ke Depot Imigresen Bekenu, Miri pada 20 September 2023.

Lawatan ke Rumah Robert Pengabang, Sebauh, Bintulu pada 16 Mei 2023

Lawatan ke KENOSIS Home Miri (Lelaki dan Wanita) pada 22 September 2023

3. DASAR DAN PERUNDANGAN

Pejabat Sarawak telah melaksanakan inisiatif penting untuk memperjuangkan hak warga emas dan hak asasi manusia. Ini termasuk penganjuran Forum Hak Warga Emas untuk membincangkan isu-isu berkaitan hak ekonomi, sosial, dan kebudayaan warga emas, serta persediaan untuk negeri Sarawak mencapai negeri menua menjelang 2028. Pejabat Sarawak juga terlibat dalam sesi libat urus untuk Penyelarasan Matriks Pemantauan Penilaian Berkala Sejagat (UPR) pada 15 Jun 2023 dan sesi taklimat mengenai Pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung perkara kewarganegaraan bersama NGO pada 13 Disember 2023, yang menekankan kesan pindaan tersebut terhadap isu kewarganegaraan.

3.1 Forum Hak Warga Emas kepada hak ekonomi, sosial dan kebudayaan

Pejabat Sarawak bekerjasama dengan Bahagian Dasar, untuk menganjurkan sebuah Forum Hak Warga Emas kepada hak ekonomi, sosial dan kebudayaan pada 16 Ogos 2023. Forum ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan warga emas serta persediaan bagi negeri Sarawak dalam mencapai negeri menua menjelang 2028. Selain itu, Pejabat Sarawak dan Bahagian Dasar juga melaksanakan sesi Perbincangan meja bulat mengenai hak warga emas bersama agensi Kerajaan Negeri Sarawak dan membuat lawatan ke dua buah pusat penjagaan warga emas, iaitu *Eden on the Park* (pusat penjagaan swasta), dan Rumah Seri Kenangan Kuching (pusat penjagaan kerajaan).

3.2 Sesi libat urus Peringkat Negeri Sarawak bagi Penyelarasan Matriks Pemantauan Penilaian Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review – UPR*)

Pejabat Sarawak telah terlibat dalam sesi libat urus Peringkat Negeri Sarawak bagi Penyelarasan Matriks Pemantauan Penilaian Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review – UPR*) pada 15 Jun 2023, yang bertujuan memberi pendedahan terhadap perkembangan terkini proses dan pelaksanaan syor yang telah diterima oleh Malaysia semasa UPR Ketiga Malaysia yang telah diadakan pada tahun 2018.

3.3 Sesi taklimat mengenai Pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung perkara kewarganegaraan bersama NGO Sarawak

Pada 13 Disember 2023, Pejabat Sarawak telah menganjurkan satu Sesi Taklimat mengenai Pindaan Perlembagaan Persekutuan bersama beberapa NGO Sarawak. Sesi taklimat ini membincangkan kesan yang akan berlaku apabila pindaan tersebut diluluskan pada tahun 2024, terutamanya melibatkan isu mengenai tanpa kewarganegaraan yang dijangka akan menjadi semakin teruk. Sesi taklimat ini dihadiri oleh 13 orang peserta secara fizikal dan melalui aplikasi zoom. NGO yang terlibat semasa sesi taklimat ini terdiri daripada *Lawyer Kamek, CSO Platform for Reform* (Sarawak), *PurpleLily Social Association Kuching, Sarawak OKU Skills Development Association (SOSDA),* dan *Penan Empowerment Networking Association* (PENA).

Sesi taklimat mengenai Pindaan Perlembagaan Persekutuan berkenaan Kewarganegaraan bersama NGO Sarawak pada 13 Disember 2023.

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan berdasarkan Pelan Kerja 2023 di Lampiran II, Pejabat Sarawak juga telah menghadiri 10 acara-acara peringkat negeri yang telah dianjurkan di Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak, atau NGO.

BIL.	TARIKH & LOKASI	BUTIRAN	ANJURAN
1.	16 Mac 2023 Kuching, Sarawak	Majlis Penyerahan Dokumen Sementara Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak (DSITKS) Dokumen Sementara Individu Tanpa Kewarganegaraan di Sarawak	Kerajaan Negeri Sarawak
2.	25 Mei 2023 Kuching, Sarawak	Sesi Taklimat *Baleh Hydroelectric Project Hydropower Sustainability Standard Assessment*	*Sarawak Energy Berhad*
3.	14 Jun 2023 Kuching, Sarawak	Mesyuarat Penyelarasan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan Di Sarawak Bilangan 1 Tahun 2023	Jabatan Perdana Menteri
4.	20-21 Jun 2023 Kuching, Sarawak	Bengkel Penyediaan Input Semakan Akta OKU 2008: *Voices of Sarawak Special Needs*	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak
5.	26 Jul. 2023 Dalam Talian	Sesi Taklimat dalam talian kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Sarawak dan SUHAKAM Sarawak mengenai Isu Kewarganegaraan oleh penceramah, Maalini Ramalo, *Development of Human Resources in Rural Area* (DHRRA)	*Lawyer Kamek*
6.	27 Jul. 2023 Kuching, Sarawak	Bengkel *National Guidelines of Human Trafficking Indicators (NGHTI)*	*International Justice Mission* (IJM) dan TENAGANITA
7.	7-8 Sep. 2023 Kuching, Sarawak	Bengkel *Unity in Diversity: Strategic Pluralism*	*Lawyer Kamek*

BIL.	TARIKH & LOKASI	BUTIRAN	ANJURAN
8.	9 Sep. 2023 Kuching, Sarawak	Sarawak *Health Summit 2023*	*Sarawak SDG-CSO Alliance and Galen Centre for Health and Social Policy*
9.	22 Sep. 2023 Kuching, Sarawak	Perbincangan Meja Bulat Perjanjian Malaysia 1963: Apakah hala tuju Malaysia hari ini?	Pusat KOMAS dan *Lawyer Kamek*
10.	2-3 Okt. 2023 Kuching, Sarawak	*Malaysia Sustainable Development Goals (SDG) Summit 2023* (Wilayah Sarawak)	Lembaga Pembangun Koridor Wilayah (RECODA) dan PUSTAKA

Kunjungan hormat kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Sarawak pada 23 Mac 2023.

Sesi perbincangan Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) pada 5 April 2023.

Kunjungan hormat kepada Konsulat Jenderal Indonesia di Kuching pada 10 November 2023.

HARAPAN MASA HADAPAN

Pejabat Sarawak sentiasa komited dalam mempertahankan hak asasi manusia dan akan membantu dan menyokong Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha-usaha pembangunan terutamanya misi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (*Post COVID-19 Development Strategy* 2030), di mana strategi tersebut mensasarkan Sarawak sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi dan memberi tumpuan kepada kelestarian alam sekitar dan keterangkuman sosial.

Selain itu, Pejabat Sarawak akan terus mengukuhkan hubungannya dengan NGO dan orang awam dalam meningkatkan kesedaran tentang hak asasi manusia menerusi program jerayawara, perbincangan, serta jangkauan ke kawasan-kawasan di mana berlakunya pelanggaran hak asasi.

BAB 7

BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN

BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Bahagian Pengurusan dan Kewangan (MFD) bertanggungjawab atas hal ehwal pentadbiran, kewangan dan pengurusan sumber manusia. Bahagian ini berperanan memberi sokongan kepada semua bahagian/pejabat dalam melaksanakan mandat dan fungsi utama SUHAKAM seperti yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] dengan cekap dan berkesan.

1. PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan mengurus tahun 2023 yang diluluskan oleh Kerajaan untuk SUHAKAM adalah berjumlah RM14.39 juta manakala permohonan asal yang dikemukakan adalah berjumlah RM15.6 juta.

Peruntukan mengurus ini meliputi perbelanjaan operasi yang merangkumi peruntukan untuk elaun tetap Pesuruhjaya, emolumen pegawai, sewaan pejabat serta pelaksanaan program dan aktiviti tahunan SUHAKAM. Geran tersebut disalurkan pada setiap suku tahun, seperti jadual di bawah:

Jadual 16: Geran Mengurus Tahun 2023

BIL.	AGIHAN GERAN PERUNTUKAN	JUMLAH DITERIMA (RM)
1	Suku Tahun Pertama (Jan – Mac)	3,562,500.00
2	Suku Tahun Kedua (Apr – Jun)	3,562,500.00
3	Suku Tahun Ketiga (Jul – Sep)	3,562,500.00
4	Suku Tahun Keempat (Okt – Dis)	3,562,500.00
5	Geran Peruntukan *One-Off* Kenderaan JPM	140,000.00
	JUMLAH GERAN DITERIMA	**14,390,000.00**

Peruntukan mengurus yang diterima oleh SUHAKAM ini juga adalah termasuk perbelanjaan untuk operasi Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC).

SUHAKAM percaya bahawa geran tahunan yang diberikan setiap tahun perlu ditambah seiring dengan peningkatan harapan dan permintaan terhadap SUHAKAM dari pihak Kerajaan, masyarakat awam dan orang ramai secara keseluruhan. Di samping itu, Prinsip berkaitan Status Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (Prinsip Paris) menyatakan bahawa SUHAKAM, sebagai sebuah NHRI, harus diberikan peruntukan yang mencukupi untuk membolehkan SUHAKAM melantik pegawai dan mempunyai premis pejabat sendiri. Di samping itu, SUHAKAM perlu bebas dan tidak tertakluk pada kawalan kewangan oleh Kerajaan yang boleh menjejaskan kebebasan NHRI.

Walau bagaimanapun, SUHAKAM ingin merekodkan bahawa walaupun jumlah yang diluluskan adalah kurang daripada jumlah asal permohonan iaitu RM15.6 juta, jumlah peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2023 merupakan jumlah yang tertinggi setakat ini yang pernah diterima oleh SUHAKAM.

Rajah 3: Jumlah peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan kepada SUHAKAM oleh kerajaan dari tahun 2019 hingga 2023



Peruntukan mengurus SUHAKAM adalah bergantung sepenuhnya kepada geran Kerajaan seperti yang termaktub dalam Seksyen 19 Akta 597. Sungguhpun Akta 597 membenarkan penerimaan dana asing selain dari Kerajaan bagi tujuan memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia, SUHAKAM amat berhati-hati dalam menerima dana tersebut agar bebas melaksanakan mandat dan fungsinya tanpa terikat dengan apa-apa terma dan syarat.

2. KEDUDUKAN DAN PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan SUHAKAM diterima daripada Peruntukan Geran Mengurus yang disalurkan setiap tahun oleh kerajaan kepada SUHAKAM dan hibah dari bank (termasuk yang diterima daripada simpanan tetap). Manakala, perbelanjaan tahunan SUHAKAM meliputi emolumen, perolehan bekalan dan perkhidmatan serta perolehan aset. Perbelanjaan emolumen termasuklah pembayaran gaji dan upah serta elaun tetap, caruman berkanun untuk pekerja, elaun lebih masa dan faedah kewangan lain untuk 95 jawatan yang diisi bagi tahun 2023. Keperluan perbelanjaan SUHAKAM adalah sejajar dengan tuntutan masyarakat agar SUHAKAM sebagai sebuah NHRI menangani lebih banyak isu hak asasi manusia di Malaysia.

Perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan pula meliputi perbelanjaan perjalanan, komunikasi dan utiliti, sewaan, bekalan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan profesional dan hospitaliti. Perbelanjaan ini juga termasuk kos untuk menjalankan pelbagai program hak asasi manusia seperti kajian lapangan dan penyiasatan, program meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia, lawatan ke tempat tahanan dan sebagainya. Bagi tahun 2023, perbelanjaan mengurus SUHAKAM adalah berjumlah RM15,576,308.

Rajah 4: Jumlah perbelanjaan SUHAKAM dari tahun 2019 hingga 2023



Perbelanjaan SUHAKAM bagi tahun 2023, tanpa mengambil kira susut nilai aset dan hapus kira adalah seperti yang berikut:

Jadual 17: Perbelanjaan SUHAKAM, 2023

PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN
Emolumen	6,798,662	43.65%
Perkhidmatan dan Bekalan	8,213,061	52.73%
Aset	549,445	3.53%
Ganjaran dan Pembayaran Tetap	12,627	0.08%
Lain-lain Perbelanjaan	2,513	0.01%
JUMLAH KESELURUHAN	**15,576,308**	**100%**

Rajah 5: Jumlah Peruntukan Geran Mengurus yang diterima dan perbelanjaan sebenar dari tahun 2019 hingga 2023.



3. PEMBANGUNAN KAPASITI SUHAKAM

Unit Pengurusan Sumber Manusia terus menyediakan pelbagai latihan dan kursus bagi meningkatkan kemahiran termasuk kemahiran teknikal dan pengetahuan berkenaan hak asasi manusia pegawai dan kakitangan SUHAKAM. Bagi tujuan ini, SUHAKAM secara konsisten menekankan kepentingan peningkatan pengetahuan berterusan dan pembangunan kemahiran dalam aspek hak asasi manusia, bagi membolehkan dan menyokong pembangunan kerjaya dan kemajuan pegawai. Bahagian ini turut menyelia pelaksanaan dan peruntukan faedah kebajikan untuk pegawai seperti perlindungan insurans berkelompok dan rawatan pesakit luar.

Kebanyakan kursus dan latihan pasca pandemik COVID-19 dianjurkan sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Berdasarkan keperluan pegawai dan kakitangan, Unit Pengurusan Sumber Manusia juga mengambil inisiatif menganjurkan latihan dalaman untuk pegawai dan kakitangan SUHAKAM.

Jadual 18: Latihan Dalaman

BIL.	KURSUS/LATIHAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Latihan Dalaman: *Effective Report Writing and Editing Training* oleh Dr. Paul Harold Kratoska	5 Jan. 2023	Bilik Inkuiri, SUHAKAM KL
2.	Latihan Dalaman: '*Training on Digital Rights For* SUHAKAM'	2 dan 3 Feb. 2023	Bilik Inkuiri, SUHAKAM KL
3.	Bengkel: Myportfolio Siri 1 (Kumpulan Khidmat Korporat)	20 hingga 22 Mac 2023	Hotel Tamu, Kg Baru, KL
4.	Ceramah: Ramadhan Barakah-Sejauh Mana Kita Menghayati	14 Apr. 2023	Bilik Inkuiri, SUHAKAM KL
5.	Bengkel: Memahami Ketidakupayaan Asas Perundangan Inklusif (DET) dan Kursus Intensif Pengenalan kepada Bahasa Isyarat	23 dan 24 Ogos 2023	Hotel IDEAS, KL
6.	Taklimat: Kesedaran Perancangan Persaraan Bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	27 Okt. 2023	Bilik Inkuiri, SUHAKAM KL
7.	Taklimat: Isu Pencabulan Hak Asasi Manusia di Palestin	2 Nov. 2023	Bilik Inkuiri, SUHAKAM KL

Antara peserta dan fasilitator Kursus Induksi 2023 untuk pegawai dan kakitangan baharu SUHAKAM

Di samping itu, Unit Pengurusan Sumber Manusia juga mengambil inisiatif mengatur latihan dan kursus lain yang relevan oleh pihak ketiga atau penyedia perkhidmatan latihan seperti institusi latihan kerajaan dan swasta. Pegawai juga diberi peluang untuk menyertai pelbagai latihan dan kursus hak asasi manusia yang dianjurkan oleh pihak berkepentingan dan rakan strategik.

Jadual 19: Latihan anjuran institusi kerajaan

BIL.	PENGANJUR	BIL. KURSUS
1.	Institut Tadbir Awam Negara (INTAN)	5
2.	E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)	4
3.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	1
4.	Universiti Malaya (UM)	2

4. PENYATA KEWANGAN SUHAKAM, 2019-2023

Penyata kewangan SUHAKAM yang mengandungi Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Kedudukan Kewangan dari 2019 hingga 2023, adalah seperti yang berikut:

Jadual 20: Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun 2019-2023

PENYATA PRESTASI KEWANGAN	2019	2020	2021	2022	2023
Hasil Pendapatan Urusniaga Bukan Pertukaran					
Geran Kerajaan	12,950,500	12,950,000	12,950,000	12,450,000	14,390,000
Pendapatan Lain	623,750	854,777	554,282	390,285	106,419
Pendapatan Urusniaga Bukan Pertukaran	**13,574,250**	**13,804,777**	**13,504,282**	**12,840,285**	**14,496,419**
Pendapatan Urusniaga Pertukaran	43,289	21,627	48,895	47,365	36,696
Jumlah Hasil	**13,617,539**	**13,826,404**	**13,553,177**	**12,887,650**	**14,533,115**
Jumlah Belanja	(13,106,715)	(12,724,567)	(12,106,794)	(13,624,274)	(15,313,216)
Cukai	-	-	(11,735)	(1,344)	8,189
LEBIHAN/ (KEKURANGAN) TAHUN SEMASA	**510,824**	**1,101,837**	**1,434,648**	**(737,968)**	**(771,912)**

Jadual 21: Penyata kedudukan kewangan bagi tahun 2019 hingga 2023

PENYATA PRESTASI KEWANGAN	2019	2020	2021	2022	2023
ASET					
Aset Semasa					
Akaun Belum Terima	659,566	658,989	691,632	682,193	675,961
Simpanan Tetap	1,000,000	-	3,000,000	1,000,000	1,000,000
Baki Tunai dan Bank	966,405	3,810,319	1,191,453	2,836,505	1,770,532
Bayaran Terdahulu	-	6,450	129,924	216,941	139,786
Jumlah Aset Semasa	**2,625,971**	**4,475,758**	**5,013,009**	**4,735,639**	**3,586,279**
Aset Bukan Semasa					
Loji dan Peralatan	274,015	294,858	686,975	856,211	1,116,043
Jumlah Aset Bukan Semasa	**274,015**	**294,858**	**686,975**	**856,211**	**1,116,403**
Jumlah Aset	**2,899,986**	**4,770,616**	**5,699,984**	**5,591,850**	**4,702,322**
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Akaun Belum Bayar	441,966	58,697	25,719	32,486	39,326
Cukai Belum Bayar	-	-	11,735	11,367	1,589
Pendapatan Tertunda	-	1,067,370	529,734	1,160,219	1,053,800
Jumlah Liabiliti Semasa	441,966	1,126,067	567,188	1,204,072	1,094,715
Liabiliti Bukan Semasa					
Peruntukan Manfaat Kakitangan	**255,303**	**339,995**	**393,594**	**386,544**	**378,285**
Jumlah Liabiliti	697,269	1,466,062	960,782	1,590,616	1,473,000
Aset Bersih	**2,202,717**	**3,304,554**	**4,739,202**	**4,001,234**	**3,229,332**
Liabiliti Bukan Semasa					
Peruntukan Manfaat Kakitangan	255,303	339,995	393,594	386,544	378,285
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa	**255,303**	**339,995**	**393,594**	**386,544**	**378,285**
Jumlah Liabiliti	**697,269**	**1,466,062**	**960,782**	**1,590,616**	**1,473,000**
Aset Bersih	**2,202,717**	**3,304,554**	**4,739,202**	**4,001,234**	**3,229,332**
ASET BERSIH					
Kumpulan Wang Suruhanjaya	2,202,717	3,304,554	4,739,202	4,001,234	3,229,332
Jumlah Aset Bersih	**2,202,717**	**3,304,554**	**4,739,202**	**4,001,234**	**3,229,332**

Jadual 22: Nisbah Kewangan

NISBAH KEWANGAN	2019	2020	2021	2022	2023
Nisbah Semasa	5.94	3.97	8.84	3.93	3.28
Nisbah Hutang	0.24	0.31	0.17	0.28	0.31
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	0.32	0.44	0.20	0.40	0.46
Nisbah Pulangan ke atas Ekuiti	0.23	0.33	0.30	-0.18	-0.24

HARAPAN MASA HADAPAN

Peningkatan permintaan oleh kerajaan dan masyarakat, akibat daripada pertambahan penduduk dan peningkatan kesedaran mengenai hak asasi manusia memerlukan SUHAKAM menunjukkan prestasi yang lebih baik setiap tahun. SUHAKAM akan terus mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia di samping memenuhi mandat dan fungsinya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta SUHAKAM.

SUHAKAM berhasrat agar kerajaan melihat kepentingan hak asasi manusia dalam memberi nilai tambah kepada dasar-dasar kerajaan dan seterusnya memperuntukkan geran tahunan yang mencukupi kepada SUHAKAM untuk tahun akan datang. Ini bagi membolehkan SUHAKAM terus menjalankan mandatnya secara lebih meluas dan cekap seterusnya memenuhi permintaan dan jangkaan yang makin meningkat daripada semua pihak terutama masyarakat awam secara keseluruhan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN I
KENYATAAN MEDIA

BIL.	TAJUK	TARIKH
1.	SUHAKAM Syor Jurulatih atau Guru Sukan Wajib Ikuti Kursus Hak Asasi Manusia dan Kanak-kanak	18 Jan.
2.	SUHAKAM Sambut Baik Komitmen Kerajaan untuk Menubuhkan Suruhanjaya Kanak-kanak	19 Jan.
3.	SUHAKAM Bimbang akan Keadaan Tahanan Kanak-kanak di Depot Imigresen Lenggeng	3 Feb.
4.	Kerjasama SUHAKAM dan Jabatan Penjara ke arah Reformasi Penjara	9 Feb.
5.	SUHAKAM Sambut Baik Tindakan KDN Mengenai Tahanan Kanak-kanak di Depot Imigresen	17 Feb.
6.	SUHAKAM Sambut Baik Keputusan Kerajaan Beri Kerakyatan kepada Anak Lahir di Luar Negara	19 Feb.
7.	SUHAKAM Komited Bantu Kerajaan Laksana Reformasi Hak Asasi Manusia Dalam Tempoh Terdekat	10 Mac
8.	Pelancaran Laporan Penyelidikan SUHAKAM: Hak Asasi Manusia dan Tiada Kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia	14 Mac
9.	Seruan Untuk Tindakan: Kanak-Kanak Tanpa Warganegara Tidak Mendapat Hak Kepada Pendidikan	21 Mac
10.	SUHAKAM Menyambut Baik Keputusan Lembaga Pengampunan Johor Atas Pembebasan Banduan Akhir	24 Mac
11.	SUHAKAM Sambut Baik Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori bagi 11 Kesalahan	4 Apr.
12.	Pesuruhjaya Kanak-kanak Kesal Keputusan Kerajaan Mengecualikan Nikotin daripada Akta Racun 1952	4 Apr.
13.	Pesuruhjaya Kanak-kanak Menggesa Usaha Kolektif bagi Meningkatkan Perkhidmatan Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia	12 Apr.
14.	Seruan untuk Memastikan Keselamatan Kanak-Kanak di Pusat Jagaan Kanak-Kanak	18 Mei
15.	Laporan Tahunan SUHAKAM 2020 Membangkitkan Isu Hak Asasi Manusia yang Meruncing di Malaysia	25 Mei
16.	SUHAKAM Memperakui Komitmen Kerajaan Terhadap Isu Hak Asasi Manusia di Malaysia	15 Jun
17.	Penarikan Balik Saman Fitnah Untuk Membantu Siasatan Bebas Terhadap Dakwaan	16 Jun
18.	Kedudukan Malaysia dalam Laporan Pemerdagangan Orang AS Menunjukkan Kemajuan dalam Memerangi Pemerdagangan Manusia.	19 Jun

BIL.	TAJUK	TARIKH
19.	Pernyataan Media Bersama: OCC dan ECDN Menyeru Kerajaan Malaysia untuk Membebaskan Kanak-kanak daripada Tahanan Imigresen dan Melaksanakan Alternatif kepada Penahanan	20 Jun
20.	SUHAKAM Zahir Kebimbangan Mengenai Undi Pos Luar Negara- Isu-Isu Sebelum Pilihan Raya Negeri	21 Jun
21.	Dakwaan Terhadap Pengerusi serta Kebimbangan NGO mengenai Aktiviti Dalaman SUHAKAM	24 Jun
22.	Pesuruhjaya Kanak-Kanak Zahir Kebimbangan Isu Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Kesannya Terhadap Kanak-Kanak	26 Jun
23.	Hapuskan Diskriminasi dan Kekangan Kanak-Kanak untuk Menjadi Warganegara	28 Jun
24.	SUHAKAM Gesa Usaha Bersepadu Semua Pihak Demi Akhiri Buruh Paksa	7 Jul.
25.	Tindakan Tegas Terhadap Ibu Bapa dan Penjaga Cuai Terhadap Keselamatan Kanak-kanak	11 Jul.
26.	Penegasan Pendirian Berhubung Penyahsenaraian Nikotin Dari Akta Racun 1952	12 Jul.
27.	SUHAKAM Mengecam Perbuatan Jelik Matty Healy	24 Jul.
28.	Menyokong Inisiatif Kerajaan Untuk Melindungi Keselamatan Sosial Pekerja Gig	26 Jul.
29.	SUHAKAM Gesa Kerajaan Mansuh SOSMA	4 Ogos
30.	Peletakan Jawatan Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad sebagai Pengerusi SUHAKAM	29 Ogos
31.	SUHAKAM Sokong Langkah Kerajaan Membangunkan Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak	2 Sep.
32.	Pembaharuan MoU Mengenai Isu Tanpa Kewarganegaraan di Sabah	7 Sep.
33.	Perkembangan Siasatan Rumah Insani	12 Sep.
34.	Hadiah Untuk Kanak-kanak Sempena Hari Malaysia	15 Sep.
35.	Insiden Seorang Pelajar Cedera di Mata Akibat Dirotan	22 Sep.
36.	Pernyataan Media Bersama: Lexis Nexis dan WJP - Mesyuarat Asia Pasifik Bersama Pakar Berkenaan Maklumat Tidak Benar Dan Kebebasan Maklumat	30 Sep.
37.	SUHAKAM Mengutuk Keganasan dan Gesa Bantuan Kemanusiaan Konflik Israel-Palestin	10 Okt.
38.	SUHAKAM Menyokong Belanjawan 2024 Yang Berteraskan Hak Asasi Manusia	14 Okt.
39.	SUHAKAM Seru Tingkat Perlindungan dengan Penggunaan Kerusi Keselamatan Kanak-kanak	20 Okt.
40.	SUHAKAM Kutuk Serangan Israel, Gesa Tindakan Segera Tangani Krisis Kemanusiaan di Gaza	20 Okt.

BIL.	TAJUK	TARIKH
42.	SUHAKAM Puji Usaha Kerajaan dalam Laporan Pengurusan Pekerja Asing, Gesa Pelaksanaan Segera Saranan	25 Okt.
43.	Kesan Perang Palestin-Israel, SUHAKAM Seru Bangunkan Rangka Kerja Komprehensif untuk Menangani Isu Pelarian di Malaysia	8 Nov.
44.	Kematian Kanak-kanak dalam Kereta: Pesuruhjaya Kanak-kanak Gesa Tindakan Segera untuk Kesedaran dan Penguatkuasaan	14 Nov.
45.	Hukuman Mati: SUHAKAM Puji Komitmen Kerajaan Terhadap Keadilan Restoratif, Juga Gesa Pembaharuan untuk Keadilan Prosedur	16 Nov.
46.	Sedekad Selepas Inkuiri Nasional: Melangkah ke Arah Menghormati dan Pengiktirafan Hak Orang Asal & Orang Asli	17 Nov.
47.	RUU SUHAKAM 2023, Tanda Aras Pencapaian Dalam Memperkasakan Hak Asasi Manusia di Malaysia	29 Nov.
48.	SUHAKAM Seru Memerangi Diskriminasi Kaum dalam Sesi Mesyuarat IPHRC-OIC Ke-22	30 Nov.
49.	Pernyataan Media Bersama: SUHAKAM dan ADSP Bersedia Menyokong Inisiatif Kerajaan untuk Pendidikan Inklusif Kanak-kanak di Malaysia	9 Dis.
50.	Pernyataan Media Bersama: KLN, BHEUU dan UNRC-Malaysia Memperingati Hari Hak Asasi Manusia	12 Dis.
51.	SUHAKAM Zahir Kebimbangan Terhadap Usul Pindaan Kewarganegaraan di Malaysia	18 Dis.
52.	SUHAKAM Seru Kerjasama Kukuh Tangani Isu Hak Pendidikan Kanak-kanak di Pulau Omadal	28 Dis.
53.	SUHAKAM Desak Segera Tangani Isu Pekerja Asing di Malaysia	29 Dis.

LAMPIRAN II

SENARAI AKTIVITI

EOD – Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan
MPD – Bahagian Media dan Promosi
PIMD – Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat
PD – Bahagian Dasar
LITD – Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa
ICD – Bahagian Koordinasi Antarabangsa
CMD – Bahagian Aduan dan Pemantauan
OCC – Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak
SABAH – Pejabat Sabah
SARAWAK – Pejabat Sarawak
MFD – Bahagian Pengurusan dan Kewangan

BIL.	TARIKH / LOKASI / PLATFORM	AKTIVITI	BAHAGIAN/ PEJABAT
1.	8 Jan. Kuala Lumpur	Mesyuarat Pertama OCC bersama Ahli Majlis Konsultasi Kanak-kanak	OCC
2.	10 Jan. Kuala Lumpur	Perbincangan bersama pakar dalam bidang OKU, Dr. Ikmal Hisham Md. Tah (Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi MARA)	PD
3.	12 Jan. Kuala Lumpur	Lawatan ke Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur	OCC
4.	13 Jan. Kampung Tompios, Ranau	Program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (MCS)	Sabah
5.	14 Jan. Dalam talian	Mesyuarat Membincangkan Maklumat Terkini dan Pelaksanaan berkenaan Aktiviti-Aktiviti Pelan Tindakan bagi Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan Isu Tiada Kewarganegaraan Di Sabah	ICD
6.	14 Jan. Kampung Tibabar, Ranau	Program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (MCS)	Sabah
7.	16 Jan. Kuching, Sarawak	Sesi perjumpaan bersama pengadu dan Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti mengenai isu permohonan kewarganegaraan	Sarawak
8.	19 Jan. Kuching, Sarawak	Sesi perjumpaan bersama pengadu dan pegawai Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak mengenai isu ketiadaan dokumen pengenalan diri bagi pendaftaran perkahwinan (isu Kewarganegaraan)	Sarawak
9.	19 Jan. Dalam talian	Temubual oleh Pelajar UITM Berkenaan Tajuk "Hak Pendidikan kepada Golongan Pelarian"	OCC

BIL.	TARIKH / LOKASI / PLATFORM	AKTIVITI	BAHAGIAN/ PEJABAT
10.	19 Jan. Kuala Lumpur	Lawatan ke Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Bukit Aman, Kuala Lumpur	OCC
11.	19 Jan. Kuala Lumpur	Lawatan ke Persatuan *Sindrom Down* Malaysia	OCC
12.	31 Jan. Kuala Lumpur	Mesyuarat: Mesyuarat bersama Puan Vera Karanika, Pegawai Pendidikan dan Program di *Institute on Statelessness and Inclusion* (ISI)	PD
13.	31 Jan. Kota Kinabalu, Sabah	Lawatan ke Penjara Wanita di Kota Kinabalu, Sabah	OCC Sabah
14.	31 Jan. Kota Kinabalu, Sabah	Lawatan ke Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) di Kota Kinabalu, Sabah	OCC Sabah
15.	1 Feb. Kuching, Sarawak	Lawatan ke Taman Seri Puteri, Kuching	Sarawak
16.	2 Feb. Kuching, Sarawak	Kunjungan hormat kepada ACP Ahsmon Bajah, Ketua Polis Daerah Kuching	Sarawak
17.	2 Feb. Kota Kinabalu, Sabah	Lawatan Pemantauan ke Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya (TDKKU) di Sembulan	OCC Sabah
18.	9 Feb. Kuala Lumpur	Lawatan Kerja dan Sesi Perbincangan mengenai Kerjasama Strategik Antara UPSI dan OCC dalam Menangani Isu Penderaan Kanak-kanak	OCC
19.	17 Feb. Kampung Alutok, Tenom	Program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (MCS)	Sabah
20.	20 – 23 Feb. Kedah, Pulau Pinang	Lawatan Pemantauan ke Zon Utara melibatkan Rumah Perlindungan Kanak-kanak, Asrama Akhlak dan Lokap Polis di Kedah dan Pulau Pinang	OCC
21.	23 Feb.	Program Seharian Menjadi VIP – Dari Akta kepada Pelaksanaan	LITD
22.	27 - 28 Feb. Kuala Lumpur	Raptai Hari Majlis Konsultasi Kanak-kanak 2023	OCC
23.	28 Feb. Kuching, Sarawak	Lawatan oleh delegasi *European Union of Malaysia* ke Pejabat Sarawak	Sarawak
24.	1 Mac Kuala Lumpur	Dialog: Sesi Dialog bersama Pekerja dan Persatuan Pekerja Ekonomi Gig melibatkan E-panggilan dan P-panggilan: Isu dan Cabaran Semasa	PD
25.	1 – 2 Mac Kuala Lumpur	Program Hari Majlis Konsultasi Kanak-kanak 2023	OCC

BIL.	TARIKH / LOKASI / PLATFORM	AKTIVITI	BAHAGIAN/ PEJABAT
26.	6 Mac Melaka	Lawatan Siasatan dan Perbincangan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Melaka dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka	OCC
27.	7 - 10 Mac Pahang	Bengkel *Training of Trainers* (TOT) Modul Hak Asasi Manusia Untuk Polis Diraja Malaysia	EOD
28.	8 Mac Kuching, Sarawak	Ceramah mengenai Hak Asasi Wanita di Malaysia anjuran *MSU College Sarawak* sempena Hari Wanita	Sarawak
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA

Saya, Siti Altaf Deviyati Binti Ismail , bernombor kad pengenalan 770503-71-5050, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak–kehendak Akta Akuan Berkanun , 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
Oleh penama di atas,)
Siti Altaf Deviyati Binti Ismail)
Di Kuala Lumpur pada 22 MAR 2024)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W985
MUHAMAD NAZRI
BIN MAMAT @ AB RAHMAN
01/12/2022 - 31/12/2024
MALAYSIA

PUSAT PERKHIDMATAN SETEMPAT
JHEV ATM
TINGKAT BAWAH,
MENARA TH PERDANA, 1001 JALAN
SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA OLEH NAIB PENGERUSI DAN SALAH SEORANG AHLI SURUHANJAYA

Kami, RAGUNATH A/L KESAVAN dan PROF. DATO' NOOR AZIAH BINTI MOHD AWAL yang merupakan Naib Pengerusi dan Pesuruhjaya SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Suruhanjaya, Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan, adalah disediakan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

RAGUNATH A/L KESAVAN

Naib Pengerusi

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 MAR 2024

Bagi pihak Suruhanjaya,

PROF.DATO' NOOR AZIAH BINTI MOHD AWAL

Pesuruhjaya

Kuala Lumpur

Tarikh: 22 MAR 2024

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ASET			
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	3	675,961	682,193
Simpanan Tetap	4	1,000,000	1,000,000
Baki Tunai dan Bank	5	1,770,532	2,836,505
Bayaran Terdahulu		139,786	216,941
Jumlah Aset Semasa		**3,586,279**	**4,735,639**
Aset Bukan Semasa			
Loji dan Peralatan	6	1,116,043	856,211
Jumlah Aset Bukan Semasa		**1,116,043**	**856,211**
Jumlah Aset		**4,702,322**	**5,591,850**
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	7	39,326	32,486
Cukai Belum Bayar		1,589	11,367
Pendapatan Tertunda	8	1,053,800	1,160,219
Jumlah Liabiliti Semasa		**1,094,715**	**1,204,072**
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	9	378,285	386,544
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**378,285**	**386,544**
Jumlah Liabiliti		**1,473,000**	**1,590,616**
Aset Bersih		**3,229,322**	**4,001,234**
ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Suruhanjaya	10	3,229,322	4,001,234
Jumlah Aset Bersih		**3,229,322**	**4,001,234**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

		2023 RM	2022 RM
Hasil			
Pendapatan Urusniaga Bukan Pertukaran	11	14,496,419	12,840,285
Pendapatan Urusniaga Pertukaran	12	36,696	47,365
Jumlah Hasil		14,533,115	12,887,650
Belanja			
Emolumen		6,798,662	6,220,163
Perjalanan dan Sara Hidup		1,567,886	1,091,820
Perhubungan dan Utiliti		232,873	203,273
Sewaan		2,468,765	2,463,354
Bekalan Bahan Mentah		93,159	67,531
Bekalan dan Bahan-bahan Lain		321,700	248,672
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		633,406	695,458
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		2,895,272	2,396,303
Susutnilai		286,448	213,107
Ganjaran		12,627	22,035
(Keuntungan) / Kerugian Pelupusan Harta Tetap		(95)	136
Lain-lain Perbelanjaan		2,513	2,422
Jumlah Belanja	13	15,313,216	13,624,274
Cukai	14	8,189	(1,344)
Kurangan Pada Tahun Semasa		**(771,912)**	**(737,968)**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Kumpulan Wang Suruhanjaya
	RM
Pada 1 Januari 2022	4,739,202
Kurangan bagi tahun	(737,968)
Pada 31 Disember 2022/1 Januari 2023	4,001,234
Kurangan bagi tahun	(771,912)
Pada 31 Disember 2023	3,229,322

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Kurangan sebelum cukai	(771,912)	(736,624)
Pelarasan perkara-perkara yang tidak melibatkan aliran tunai:		
(Keuntungan) / Kerugian pelupusan harta tetap	(95)	136
Susut nilai loji dan peralatan	286,448	213,107
Pelunasan pendapatan tertunda	(106,419)	(284,860)
Kurangan sebelum perubahan modal kerja	(591,978)	(808,241)
Kurangan / (Peningkatan) belum terima	78,458	(77,578)
Peningkatan belum bayar	6,840	6,767
Kurangan dalam peruntukan manfaat pekerja	(8,259)	(7,050)
Pendapatan tertunda	-	915,345
Aliran tunai dijana daripada operasi	(514,939)	29,243
Cukai dibayar	(1,589)	(1,712)
Aliran tunai bersih digunakan dijana daripada aktiviti operasi	(516,528)	27,531
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian loji dan peralatan	(549,445)	(382,479)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(549,445)	(382,479)
Kurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(1,065,973)	(354,948)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	3,836,505	4,191,453
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	2,770,532	3,836,505
Tunai dan kesetaraan tunai		
Simpanan tetap	1,000,000	1,000,000
Baki tunai dan bank	1,770,532	2,836,505
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	2,770,532	3,836,505

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	JUMLAH DILULUSKAN	BAJET PINDAAN	JUMLAH SEBENAR	*VARIAN	BAJET	NOTA
PENERIMAAN	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**	**1%**	
Pendapatan Urusniaga Bukan pertukaran	14,250,000	14,390,000	14,496,419	106,419	%	
Pendapatan Urusniaga Pertukaran			36,696	36,696	TB	a
JUMLAH PENERIMAAN	14,250,000	14,390,000	14,533,115	**143,115**	**1%**	
PEMBAYARAN						
Emolumen	6,826,500	6,826,500	6,798,662	27,838	0.4%	
Perkhidmatan dan Bekalan	6,601,500	7,351,500	8,213,061	(861,561)	(11.7%)	b
Aset	-	140,000	549,445	(409,445)	(292.5%)	c
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	70,000	70,000	12,627	57,373	82%	d
Perbelanjaan Lain	2,000	2,000	2,513	(513)	(25%)	e
JUMLAH PEMBAYARAN	**13,500,000**	**14,390,000**	**15,576,308**	**(1,186,308)**	**(8.2%)**	
PENERIMAAN BERSIH	**750,000**	**-**	**(1,043,193)**	**(1,043,193)**		

*Merujuk kepada varian di antara Bajet Pindaan dan Jumlah Sebenar

TB - Tidak Berkenaan

Penjelasan material yang melebihi 20% di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar adalah seperti berikut:

a. Termasuk dalam pendapatan urusniaga pertukaran yang diterima Suruhanjaya adalah faedah dari simpanan tetap, hibah dan mudharabah bank, dan pendapatan lain-lain yang tidak diperuntukkan.
b. Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan Suruhanjaya adalah berdasarkan peruntukan program dan aktiviti pengoperasian Kumpulan Kerja Khidmat Korporat, Pendidikan dan Promosi, Perundangan dan Triti, Aduan dan Pemantauan, Pejabat Cawangan, Geran Projek yang telah diluluskan, dan Emolumen Pesuruhjaya.
c. Pembelian aset Suruhanjaya adalah pembelian kenderaan bagi kenderaan Pengerusi Suruhanjaya dan kenderaan-kenderaan pejabat Suruhanjaya, peralatan komputer, dan peralatan dan kelengkapan yang tidak diperuntukkan.
d. Termasuk dalam perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran lain adalah pelarasan kepada peruntukan manfaat kakitangan.
e. Termasuk dalam perbelanjaan lain adalah caj bank dan kerugian kadar tukaran wang asing.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1.0 LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

1.1 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597 dengan objektif untuk melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia. Akta ini diwartakan pada 9 September 1999.

1.2 Fungsi utama Suruhanjaya adalah untuk:

1.2.1 memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;

1.2.2 menasihati dan membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan arahan dan tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil;

1.2.3 mengesyorkan kepada Kerajaan berkenaan dengan penandatangan atau penyertaan dalam perjanjian triti dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia; dan

1.2.4 menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

1.3 Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 telah diluluskan oleh Suruhanjaya pada 22 Mac 2024 .

1.4 Pejabat berdaftar Suruhanjaya dan tempat utama pengoperasiannya terletak di Tingkat 11 Menara TH Perdana Jalan Sultan Ismail.

1.5 Suruhanjaya menerima pakai piawaian perakaunan berdasarkan surat edaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan berkenaan Pemakaian Piawaian Perakaunan Bagi Rangka Kerja Pelaporan Penyata Kewangan Oleh Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2016 Dan Tahun-tahun Berikutnya bertarikh 9 Disember 2016, dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 9 Tahun 2017.

Pemakaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) di Suruhanjaya telah bermula tahun 2020.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Suruhanjaya ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi nilai saksama.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia.

Pihak pengurusan perlu menggunakan pertimbangan, anggapan dan anggaran untuk menilai dan melaporkan jumlah aset dan liabiliti pada akhir tahun semasa serta melaporkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan pada tahun semasa.

Pertimbangan dan anggapan digunakan di dalam penilaian dan mungkin akan menyebabkan keputusan sebenar tidak selari dengan jumlah yang dilaporkan.

2.2 Tempoh Laporan Entiti

Penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya adalah tertakluk Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], dan tahun kewangan Suruhanjaya ialah tahun kalendar.

2.3 Pengiktirafan Hasil dan Perbelanjaan

2.3.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Geran Peruntukan Kerajaan

Geran Mengurus yang diterima daripada Kerajaan untuk pembiayaan belanja operasi diakaunkan dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun ia dimaksudkan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Suruhanjaya akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran Kerajaan berkaitan dengan pembelian loji dan peralatan dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada Penyata Prestasi Kewangan pada harga belian loji dan peralatan tersebut.

2.3.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Faedah Simpanan Tetap

Faedah Simpanan Tetap diiktiraf menurut konsep akruan atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaun jangka aliran penerimaan tunai masa hadapan hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset.

Bagi pelaburan daripada Simpanan Tetap, pendapatan diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.3 Pengiktirafan Hasil dan Perbelanjaan (Sambungan)

2.3.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran (Sambungan)

Faedah Simpanan Tetap (Sambungan)

Pendapatan Hibah dan Mudharabah Insuran diiktiraf berdasarkan asas tunai.`

Pendapatan lain adalah dana yang diterima Suruhanjaya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia yang diluluskan Suruhanjaya.

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

Perbelanjaan Ubahsuai bagi bangunan yang disewa diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Instrumen Kewangan

2.4.1 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Aset kewangan terdiri daripada tunai dan kesetaraan tunai, pendahuluan kakitangan dan deposit. Aset Kewangan diukur berdasarkan nilai dan kos yang dilunaskan.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.4.2 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Liabiliti kewangan terdiri daripada akaun belum bayar, dan liabiliti lain.

Liabiliti kewangan diukur berdasarkan nilai dan kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktirafkan dari pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.4 Instrumen Kewangan (Sambungan)

2.4.3 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai merangkumi wang tunai di tangan, di bank, dan simpanan. Kesetaraan tunai merangkumi pelaburan mudah tunai yang boleh ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak signifikan. Suruhanjaya telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai.

2.5 Peruntukan

Peruntukan dibuat apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi sah atau konstruktif pada masa kini berikutan peristiwa lepas, di mana kemungkinan aliran keluar sumber akan diiktirafkan untuk menjelaskan obligasi, dan bila anggaran yang boleh diyakini boleh dibuat bagi amaun tersebut.

Suruhanjaya menggunakan anggaran terbaik sebagai dasar penilaian peruntukan. Pihak pengurusan menilai berdasarkan pengalaman, isu semasa dan isu akan datang dengan kemungkinan munasabah yang berlaku.

2.6 Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan yang jangka pendek.

2.7 Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar.

2.8 Risiko Mudah Tunai

Pihak Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

2.9 Manfaat Pekerja

Termasuk di dalam Manfaat Pekerja Jangka Pendek adalah upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, Bantuan Khas Kewangan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.9 Manfaat Pekerja (Sambungan)

Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Suruhanjaya mengiktiraf liabiliti dan belanja Bantuan Khas Kewangan, berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan selepas pembentangan bajet Kerajaan Persekutuan

jika terdapat peruntukan bagi Bantuan Khas Kewangan. Suruhanjaya mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

Suruhanjaya membayar caruman tetap kepada sebuah entiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangannya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan seperti yang ditanggung. Apabila caruman telah dibayar, Suruhanjaya tiada obligasi bayaran lagi.

Gantian Cuti Rehat

Peruntukan manfaat pekerja jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila anggota bersara wajib atau bersara pilihan sendiri ataupun bersara atas kepentingan perkhidmatan ataupun apabila mereka meninggal dunia berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya akan dibayar Award Gantian Wang Tunai.

Suruhanjaya mengambilkira peruntukan gantian cuti rehat bagi kesemua kakitangannya yang layak dalam tempoh Kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 Gaji akhir diterima x jumlah hari cuti rehat yang di kumpulkan (tertakluk kepada had maksimum 180 hari)

Manfaat Pekerja Lain-lain

Kemudahan kakitangan lain-lain yang disediakan meliputi Skim Perlindungan Insuran berkelompok bagi kemasukan ke hospital dan surgeri, perlindungan kemalangan, perlindungan nyawa kepada semua kakitangan tetap dan kakitangan kontrak berdasarkan ketentuan yang ditetapkan Suruhanjaya.

Suruhanjaya juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% - 15% (caruman KWSP majikan) x gaji pokok terakhir x jumlah bulan perkhidmatan] (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.10 Maklumat Bajet

Bajet Tahunan disediakan menurut kepada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus. Jumlah bajet tahunan Suruhanjaya telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

2.11 Loji dan Peralatan serta Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM 1,000.00 setiap satu. Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian nilai kemerosotan terkumpul.

Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapus kira kos setiap aset sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah 20%.

Loji dan peralatan disusutnilai dengan memperuntukkan jumlah susut nilai komponen atau item penting kepada lebihan baki hayat berguna. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, nilai sisa, jangka hayat guna dan kaedah susut nilai bagi loji dan peralatan disemak semula untuk kewajaran. Sebarang perubahan dalam anggaran aset dilaraskan secara prospektif kepada jangka hayat yang tinggal, bermula dalam tempoh semasa.

2.12 Pendedahan Pihak Berkaitan

Suruhanjaya menganggap pihak berkaitan sebagai orang entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau melaksanakan pengaruh penting ke atas Suruhanjaya atau sebaliknya. Pihak berkaitan Suruhanjaya adalah barisan Pesuruhjaya SUHAKAM.

2.13 Pertimbangan Perakaunan Penting dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran.

Suruhanjaya tidak mempunyai pertimbangan dan anggapan yang menyebabkan penyediaan penyata kewangan tidak munasabah.

Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Perkara yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran penting adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; dan (b) susut nilai hartanah, loji dan peralatan.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

2.0 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

2.14 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

3.0 AKAUN BELUM TERIMA

	2023 RM	2022 RM
Akaun belum terima daripada pendahuluan	13,653	12,982
Faedah terakru	263	876
Deposit	650,798	650,348
Penghutang lain-lain	11,247	17,987
Jumlah pada kos	675,961	682,193

4.0 SIMPANAN TETAP

Simpanan tetap dengan bank berlesen tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan. Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank berlesen pada 3.20% (2022: 1.65% hingga 3.20%) setahun. Tempoh matang ialah antara 28 hari hingga 33 hari (2022 : 28 hari hingga 35 hari).

5.0 BAKI TUNAI DAN BANK

	2023 RM	2022 RM
Tunai Di Tangan	5,000	5,000
Tunai Di Bank	1,765,532	2,831,505
Jumlah	1,770,532	2,836,505

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

6.0 LOJI DAN PERALATAN

2023	Buku, Peralatan dan Kelengkapan RM	Komputer RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian RM	Jumlah RM
Kos					
Pada 1 Januari	806,383	1,507,707	2,128,852	989,800	5,432,742
Tambahan	64,429	153,671	331,345	-	549,445
Pelupusan	-	(6,780)	-	-	(6,780)
Pada 31 Disember	870,812	1,654,598	2,460,197	989,800	5,975,407
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari	686,945	1,110,483	1,789,504	989,599	4,576,531
Caj untuk tahun	43,837	127,990	114,621	-	286,448
Pelupusan	-	(3,615)	-	-	(3,615)
Pada 31 Disember	730,782	1,234,858	1,904,125	989,599	4,859,364
Nilai Buku Bersih					
Pada 1 Januari	119,438	397,224	339,348	201	856,211
Pada 31 Disember	140,030	419,740	556,072	201	1,116,043

2022	Buku, Peralatan dan Kelengkapan RM	Komputer RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian RM	Jumlah RM
Kos					
Pada 1 Januari	936,807	1,308,967	2,000,812	989,800	5,236,386
Tambahan	46,789	207,650	128,040	-	382,479
Pelupusan	(177,213)	(8,910)	-	-	(186,123)
Pada 31 Disember	806,383	1,507,707	2,128,852	989,800	5,432,742
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari	829,248	1,018,059	1,712,505	989,599	4,549,411
Caj untuk tahun	34,777	101,331	76,999	-	213,107
Pelupusan	(177,080)	(8,907)	-	-	(185,987)
Pada 31 Disember	686,945	1,110,483	1,789,504	989,599	4,576,531
Nilai Buku Bersih					
Pada 1 Januari	107,559	290,908	288,307	201	686,975
Pada 31 Disember	119,438	397,224	339,348	201	856,211

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

7.0 AKAUN BELUM BAYAR

	2023 RM	2022 RM
Pemiutang Operasi	1,271	-
Pemiutang Kakitangan	216	-
Akruan	37,839	32,486
Jumlah	39,326	32,486

8.0 PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda Suruhanjaya adalah termasuk obligasi Geran Kontrak kerjasama European Union bagi projek *'Promoting the Accession of Remaining International HR Treaties in Malaysia'* dan projek '*Responding to Covid19 by Meeting the Human Rights Needs of Vulnerable Communities in Malaysia.*

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Januari	1,160,219	529,734
Tambah:		
Penerimaan tahun semasa	-	915,345
Tolak:		
Pelunasan tahun semasa (rujuk nota 11 (B))	(106,419)	(284,860)
Baki pada 31 Disember	1,053,800	1,160,219

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

9.0 PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

Suruhanjaya melalui Terma dan Syarat Perkhidmatan SUHAKAM Fasal 3.18 memperuntukkan pembayaran Wang Tunai Sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR), iaitu bagi cuti rehat terkumpul yang tidak dihabiskan mengikut syarat-syarat pengumpulan sehingga maksimum 180 hari disebabkan kepentingan perkhidmatan. Anugerah wang tunai dibayar pada hari terakhir bekerja selepas bersara dan ia dikira berdasarkan gaji kakitangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Kriteria-kriteria penetapan pengiraan Peruntukan Tahunan SUHAKAM, tertakluk kepada jumlah cuti rehat yang terkumpul sehingga jumlah maksimum 15 hari setahun mengikut tahun semasa, seperti peraturan tersebut.

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Januari	386,544	393,594
Peruntukan tahun semasa	40,165	58,317
Pelarasan ganjaran tahun semasa	(48,424)	(65,367)
Baki pada 31 Disember	378,285	386,544

10.0 KUMPULAN WANG SURUHANJAYA

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Januari	4,001,234	4,739,202
Kurangan bagi tahun semasa	(771,912)	(737,968)
Baki pada 31 Disember	3,229,322	4,001,234

11.0 PENDAPATAN URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2023 RM	2022 RM
Geran Kerajaan	14,390,000	12,450,000
Pendapatan lain	106,419	390,285
Jumlah	14,496,419	12,840,285

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

11.0 PENDAPATAN URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN (SAMBUNGAN)

(A) GERAN KERAJAAN

Peruntukan Disalurkan	2023 RM
Suku Tahun Pertama	3,562,500
Suku Tahun Kedua	3,562,500
Suku Tahun Ketiga	3,562,500
Suku Tahun Keempat	3,562,500
Geran Peruntukan One-Off Kenderaan JPM	140,000
Jumlah	14,390,000

Peruntukan Disalurkan	2022 RM
Suku Tahun Pertama	3,112,500
Suku Tahun Kedua	3,112,500
Suku Tahun Ketiga	3,112,500
Suku Tahun Keempat	3,112,500
Jumlah	12,450,000

(B) PENDAPATAN LAIN

Pendapatan lain adalah dana yang diterima Suruhanjaya bagi maksud memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia yang diluluskan Suruhanjaya.

Pendapatan Lain	2023 RM
Penerimaan sumbangan	
European Union (rujuk nota 8.0)	106,419
Jumlah	106,419

Pendapatan Lain	2022 RM
Penerimaan sumbangan	
United Nations Childrens's Fund	14,096
Greenpeace Southeast Asia Berhad	20,484
United Nations Development Programme	70,845
European Union (rujuk nota 8.0)	284,860
Jumlah	390,285

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

12.0 PENDAPATAN URUSNIAGA PERTUKARAN

	2023 RM	2022 RM
Hibah bank	4,607	3,058
Faedah simpanan tetap	32,088	44,307
Jumlah	36,695	47,365

13.0 PERBELANJAAN PENGURUSAN

Perbelanjaan Pengurusan adalah bagi membolehkan Suruhanjaya menjalankan fungsinya.

	2023 RM	2022 RM
Emolumen	6,798,662	6,220,163
Perjalanan dan sara hidup	1,567,886	1,091,820
Perhubungan dan utiliti	232,873	203,273
Sewaan	2,468,765	2,463,354
Bekalan bahan mentah	93,159	67,531
Bekalan dan bahan-bahan lain	321,700	248,672
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil	633,406	695,458
Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti	2,895,272	2,396,303
Susutnilai	286,448	213,107
Ganjaran	12,627	22,035
(Keuntungan)/ Kerugian pelupusan harta	(95)	136
Lain-lain perbelanjaan	2,513	2,422
Jumlah Perbelanjaan Pengurusan	15,313,216	13,624,274

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

13.0 PERBELANJAAN PENGURUSAN (SAMBUNGAN)

Pembayaran emolumen bagi Pegawai dan Kakitangan lantikan Suruhanjaya adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Gaji	4,217,505	3,932,594
Imbuhan Khidmat Awam	169,190	161,524
Elaun Perumahan	418,699	412,319
Elaun Keraian	148,332	144,893
Lain-lain elaun	537,840	476,587
Sumbangan Badan Berkanun	895,723	835,080
Faedah Kewangan Lain	411,373	257,166
Jumlah	6,798,662	6,220,163

14.0 PERUNTUKAN CUKAI

Peruntukan cukai Suruhanjaya hanya tertakluk kepada pendapatan urusniaga pertukaran.

CUKAI	2023 RM	2022 RM
Cukai Korporat		
Pendapatan urusniaga pertukaran	36,695	47,365
Cukai pada kadar semasa	1,589	11,367
Cukai pendapatan perlu dibayar	1,589	11,367
Lebihan peruntukan cukai tahun lepas	(9,778)	(10,023)
Cukai pada tahun semasa	(8,189)	1,344

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

15.0 PENDEDAHAN KEPADA PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya dianggotai oleh 10 orang Pesuruhjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan terdiri daripada seorang Pengerusi dan 9 orang Pesuruhjaya. Pesuruhjaya bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Suruhanjaya secara terus atau sebaliknya. Pembayaran emolumen Pesuruhjaya dikelaskan di dalam perbelanjaan Perkhidmatan Ikhtisas. Jumlah manfaat Pesuruhjaya sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Elaun Tetap Pesuruhjaya	978,049	713,639
Sumbangan Badan Berkanun	154,071	122,827
Jumlah	1,132,120	836,466

16.0 MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Suruhanjaya pada akhir tahun adalah 98 (2022: 90).

17.0 PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Suruhanjaya telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023. Jumlah bajet ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 1/2023 bertarikh 10 Januari 2023.

Bajet dan Penyata Kewangan Suruhanjaya disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan dengan asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan dengan asas tunai. Jumlah sebenar di dalam Penyata Kewangan ini telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana Mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet Mengurus Suruhanjaya sahaja.

	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembiayaan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	15,026,863	549,445	-	15,576,308
Perbezaan	(16,092,836)	(549,445)	-	(16,642,281)
Jumlah Sebenar Di Dalam Penyata Aliran Tunai	**(1,065,973)**	**-**	**-**	**(1,065,973)**

18.0 KOMITMEN MODAL

	2023 RM	2022 RM
Komitmen perbelanjaan modal		
Diluluskan tapi tidak diperuntukkan:		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan-kenderaan	-	-

Komitmen pajakan operasi:

Pembayaran minimum pajak di bawah pajakan operasi Suruhanjaya yang tidak dapat dibatalkan untuk penyewaan premis pejabat, dengan jangka masa sewa rata-rata 2 tahun, adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Dalam masa setahun	2,043,212	2,219,925
Lebih dari setahun tapi kurang 2 tahun	1,425,456	2,043,212
	3,468,668	4,263,137

SENARAI SINGKATAN

A	
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ACT4CAT	Kempen penyertaan Malaysia kepada UNCAT
ADPAN	Jaringan Asia bagi Anti Hukuman Mati
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AGC	Jabatan Peguam Negara
AICHR	Suruhanjaya antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia
ALC	Pusat Pembelajaran Alternatif
Akta 1954	Akta Orang Asli 1954
Akta 436	Akta Bidan 1966
Akta 550	Akta Pendidikan 1996
Akta 597	Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999
APF	Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan
APPGM	Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
APPJ	Asrama Akhlak (Perempuan) Jitra, Kedah
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ATD	Alternatif kepada penahanan kanak-kanak
ATHAM	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
ATM	Mesin juruwang automatik
B	
B40	Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40% Terendah
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-undang
BSN	Bank Simpanan Nasional
C	
CAP 68	Ordinan Tanah Sabah 68
CC	Pesuruhjaya Kanak-kanak
CCC	Majlis Konsultasi Kanak-kanak
CCTV	Kamera litar tertutup
CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita
CENTHRA	Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia
CHOGM	Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel
CHRP	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina
CHU	Unit Kesihatan Tahanan

CMD	Bahagian Aduan dan Pemantauan, SUHAKAM
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019
CPC	Kanun Tatacara Jenayah
CRC	Konvensyen Mengenai Hak Asasi Kanak-kanak
CRPD	Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya
CSO	Organisasi masyarakat sivil
D	
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DIC	Komuniti Intervensi Dadah (KOMITED Malaysia)
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
E	
EDICT	Kumpulan Menghapuskan Kematian dan Penderaan Dalam Tahanan
EHRC	Suruhanjaya Kesaksamaan dan Hak Asasi Manusia
EIA	Penilaian Impak Alam Sekitar
ESCAP	Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik
ESCRD	Bahagian Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, SUHAKAM
EOD	Bahagian Pendidikan dan Kemasyarakatan, SUHAKAM
EU	Kesatuan Eropah
F	
Family Frontiers	Persatuan Sokongan Keluarga dan Kebajikan Selangor & Kuala Lumpur
FAQ	Soalan-soalan Lazim
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus
FOMCA	Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia
FPIC	Prinsip izin berasaskan makluman awal, bebas dan telus
FSIG	Kumpulan Sokongan Pasangan Asing
G	
G2G	Perkhidmatan Kerajaan kepada Kerajaan
GANHRI	Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan
GCRAC	Jawatankuasa Tindakan Hak Komuniti Gerenai
Gerenai FMU	Unit Pengurusan Hutan Gerenai
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional
GITA	Elaun Cukai Pelaburan Hijau
GITE	Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau

H

HIA	Penilaian Impak Warisan
HRC	Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
HRE	Pendidikan hak asasi manusia

I

IC	Kad pengenalan
ICCPR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik
ICD	Bahagian Koordinasi Antarabangsa, SUHAKAM
ICERD	Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum
ICESCR	Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan
ICJ	Suruhanjaya Juri Antarabangsa
ICMW	Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Hak-Hak Seluruh Pekerja Migran dan Anggota Keluarganya
ICPPED	Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan Yang Dipaksa
ICRC	Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah Malaysia
IDE	Institut Darul Ehsan
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
INFRA	Institut Kemajuan Desa
INSPIM	Institut Pengurusan Melaka dan Integriti Melaka
INSTUN	Institut Tanah dan Ukur Negara
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPHRC	Suruhanjaya Tetap Bebas Hak Asasi Manusia
IRI	Institut Republikan Antarabangsa
ISIS	Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa

J

JAIJ	Jabatan Agama Islam Negeri Johor
JAIS	Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JBG	Jabatan Bantuan Guaman
JKJAV	Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19
JKKHTOA	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKOAK	Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

JKSS	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
K	
KASA	Kementerian Alam Sekitar dan Air
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KITA	Institut Kajian Etnik
KKIP	Taman Perindustrian Kota Kinabalu
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KLN	Kementerian Luar Negeri
KOMAS	Pusat Komunikasi Masyarakat
Komnas HAM	Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia
KPKT	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
L	
LITD	Bahagian Perundangan dan Triti Antarabangsa, SUHAKAM
M	
MA	Pembantu Perubatan
MBM	Majlis Belia Malaysia
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MCCBCHST	Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia
MFD	Bahagian Pengurusan dan Kewangan, SUHAKAM
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MNHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar
MoU	Memorandum Persefahaman
MPD	Bahagian Media dan Promosi, SUHAKAM
MPPKOA	Majlis Penasihat Pembangunan Kebangsaan Orang Asli
MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Muallaf	Perkahwinan adat antara mualaf dan bukan muslim
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah

N

NAPBHR	Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan
NAPFL	Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Buruh Paksa
NASCA	Agensi Keselamatan Siber Nasional
NCR	Hak Tanah Adat Anak Negeri
NGO	Badan bukan kerajaan
NHRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nepal
NHRCT	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand
NHRI	Institut Hak Asasi Manusia Kebangsaan
NI	Inkuiri Nasional
NLC	Kod Tanah Nasional
NRTD	Pangkalan Data Penjejakan Cadangan Nasional

O

OCC	Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
OKU	Orang Kurang Upaya

P

PAC	Jawatankuasa Penasihat Projek
PCR	Ujian pengesahan jangkitan virus COVID-19
PD	Bahagian Dasar, SUHAKAM
PIMD	Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Maklumat, SUHAKAM
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PI	Inkuiri Awam
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PLHIV	Seseorang yang menghidap HIV
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPE	Peralatan Perlindungan Peribadi
PPM	Persatuan Persuratan Melayu
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPR	Program Perumahan Rakyat
PSKKB	Penjara Satelit Kuala Kubu Bharu
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik

Q

Q&A	Soalan dan Jawapan

R

RCI	Suruhanjaya Siasatan Diraja
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RKKA	Rumah Kanak-kanak (Perempuan) Arau, Perlis
RP2	Rumah Perlindungan (2), Bukit Senyum, Johor
RSD	Penentuan Status Pelarian
RTD	Perbincangan Meja Bulat
RWI	Institut Raoul Wallenberg

S

SADIA	Persatuan Dayak Iban Sarawak
SAFODA	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah
SAG	Peguam Besar Negeri Sarawak
Samling	Kumpulan syarikat Samling
SBM	SUHAKAM Bersama Masyarakat
SCA	Jawatankuasa Kecil Akreditasi
SCYPC	Majlis Kanak-kanak dan Orang Muda Scotland
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari
SEANF	Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara
SERATA	Society for Equality, Respect and Trust for All
SIA	Penilaian Impak Sosial
SLAPP	Litigasi strategik terhadap penyertaan awam
SME Corp	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia
SO5	Objektif Strategik 5
SOGIESC	Orientasi Seksual, Gender Identiti, dan Ekspresi serta Ciri-ciri Seks
SOM	Mesyuarat Pegawai Tinggi
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
STBJ	Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang
STBSL	Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka
STBT	Sekolah Tunas Bakti Taiping, Perak
STBTAT	Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Pulau Pinang
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SUKE	Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang

T

TNB	Tenaga Nasional Berhad
Tok Batin	Ketua kampung orang asli

TOR	Garis panduan dan tatacara
TRPS	Kajian Perancangan Wilayah Tongod
TSP	Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak
TWG	Kumpulan Kerja Teknikal
U	
UDHR	Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UNCAT	Konvenysen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Penyeksaan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan, atau Menjatuhkan Maruah
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNDRIP	Perisytiharan Mengenai Hak Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu
UNGP	Prinsip-Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNHCR	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu
UPR	Penilaian Berkala Sejagat
UTHM	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
UTS	Universiti Teknologi Sarawak
UUM	Universiti Utara Malaysia
W	
WMP	Pelan Pengurusan Hidupan Liar
WPFD	Hari Kebebasan Media Sedunia
Y	
YA	Penasihat Muda
YKS	Yayasan Kasih Sayang